

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

Bil. 39

Selasa

31 Oktober 2017

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 8)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 33)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2018 (Halaman 35)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 34)

Anggaran Pembangunan 2018 (Halaman 35)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**  
**Selasa, 31 Oktober 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang Di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah status pelaksanaan berkenaan cadangan kerajaan untuk meminda Akta Profesional Undang-undang 1976 dan apakah antara pindaan-pindaan yang sedang dipertimbangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Mac 2017, telah mengambil maklum mengenai penubuhan Jawatankuasa Perundingan Khas bagi menyediakan rangka tindakan *blueprint* yang holistik bagi profesion undang-undang di Malaysia dan menyediakan cadangan pindaan yang komprehensif kepada Akta Profesional Undang-undang 1976. Jawatankuasa Perundingan Khas ini dipengerusikan oleh saya sendiri dan dianggotai oleh pihak-pihak berkepentingan dan pakar dalam bidang khususnya *subject matter expert* dalam bidang perundangan.

Keahliannya meliputi wakil-wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri, Majlis Peguam, mahkamah, Persatuan Undang-undang Sabah, Persatuan Peguam Bela Sarawak, Persatuan Peguam Syarie, Pengamal Undang-undang dan Dekan-dekan Fakulti Undang-undang daripada institut pendidikan tinggi tempatan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perundingan Khas telah diadakan pada 11 Julai 2017 bertempat di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA). Mesyuarat ini telah membincangkan hala tuju dan gerak kerja jawatankuasa serta mencadangkan isu-isu yang akan dikaji bagi tujuan penyelidikan rangka tindakan.

Mesyuarat ini juga telah memutuskan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang akan diterajui oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Perundingan Khas untuk mengkaji setiap isu-isu secara spesifik. Seterusnya mesyuarat kedua Jawatankuasa Perundingan Khas telah diadakan pada 27 Julai 2017. Mesyuarat kali ini telah membincangkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Kecil, tempoh masa pelaksanaan kajian, isu-isu yang telah dikenal pasti serta persediaan laporan bagi Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil.

Penubuhan Jawatankuasa Kecil telah dilaksanakan berdasarkan pembahagian isu-isu kepada 3 kluster terutama:

- (i) pendidikan undang-undang dan isu berkaitan dengan kualiti pendidikan undang-undang di Malaysia;
- (ii) improvisasi perkhidmatan firma guaman di Malaysia; dan
- (iii) isu berkaitan dengan pengamal undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, metologi yang diguna pakai dalam perbincangan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil adalah *focus group discussion*, di mana ahli-ahli diberi peluang untuk mengemukakan sebarang pandangan atau cadangan secara bertulis. *Focus group discussion* tersebut telah diadakan baru-baru ini pada 24 Oktober 2017. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sepatut soalan tambahan dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa, saya akan panggil kemudian ya.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Masa sudah jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Tidak apa.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya dengan izin. Soalan saya adalah apakah objektif-objektif yang telah dikenal pasti mengikut Seksyen 42, *Legal Profession Act*. (A) iaitu *to uphold the course of justice without regard to its own interest or that of its members uninfluence by fear or favour*. Apa yang dibuat oleh kerajaan untuk memperkasakan perkara ini dan lain-lain 13 objektif di *Legal Profession Act* dan juga satu *common law, common exam for bar exam* di negara ini.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Sebenarnya Yang Berhormat Ipoh Barat, tadi dalam jawapan saya, saya sebut kewujudan peranan *Bar Council*, Majlis Peguam di dalam jawatankuasa tindakan ini. Ini adalah kerana kita melihat bahawa peranan dan juga pandangan yang perlu dibangunkan oleh mereka yang terlibat yang saya sebut tadi seperti Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam dan juga Persatuan Undang-undang Sabah, Persatuan Peguam Bela Sarawak dan juga Persatuan Peguam Syarie.

Jadi sekarang ini yang saya sebut dalam jawapan saya Yang Berhormat bahawa di dalam proses perbincangan dan kita berharap *insya-Allah* pada tahun depan setelah semua perkara dibawa, diperbincangkan secara menyeluruh. *Insya-Allah* kita akan dapat kepada cadangan pindaan yang diterima pakai oleh semua pihak. Bukan saja peguam-pegawai tetapi mereka yang disebut sebagai *stakeholders*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya ingin bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk membuat konsultasi awam atau *public consultation* memandangkan isu-isu seperti kualiti pendidikan undang-undang dan pengamal undang-undang di Malaysia melibatkan isu mahasiswa dan mahasiswi institusi pendidikan di Malaysia secara umumnya yang memerlukan pandangan mereka juga. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu sebabnya kalau ikuti daripada jawapan saya pada soalan pertama, kedua dan juga soalan yang ketiga ini yang mana kesimpulan daripada semua perbincangan ini yang disebut dalam laporan *focus group discussion* ini telah diadakan pada 24 Oktober 2017. Kita akan wujudkan satu kewujudan dimuat naik semua pandangan-pandangan di dalam laman web bagi tujuan sesi konsultasi awam secara atas talian, *public online consultation*.

Ini penting Yang Berhormat sebab apa pun, rakyat memang perlu memberikan pendapat mereka juga kepada pindaan di dalam, pindaan kepada akta ini. Harapan daripada pihak kerajaan, segala pindaan yang hendak dicadangkan perlu menjadi satu pindaan yang diterima oleh semua pihak. Jadi bukan saja kepada pengamal, bukan saja pada mereka yang mengajar di universiti, tetapi juga yang diterima pakai oleh rakyat dalam semua isu yang secara langsung dan juga tidak langsung. Terima kasih.

#### ■1010

2. **Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan jenayah pemerdagangan haiwan dan organ/anggota haiwan di pasaran gelap merupakan salah satu jenayah utama yang wujud pada ketika ini. Ini juga mungkin disebabkan oleh pelakunya beroleh keuntungan yang tinggi dan dalam masa yang sama berhadapan dengan risiko yang rendah. Soalan saya adalah, adakah penangkapan dan pembunuhan haiwan liar menyebabkan kepupusan bilangan haiwan terancam di Malaysia. Apakah langkah yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah ini. Apakah kerajaan akan meminda undang-undang dan peraturan sedia ada.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian amat mengambil berat terhadap jenayah pemerdagangan haiwan dan organ dan anggota haiwan di pasaran gelap yang merupakan satu jenayah utama berkenaan haiwan liar yang wujud pada ketika ini. Namun begitu, terdapat hidupan liar yang mengalami pengurangan populasi seperti spesies harimau belang disebabkan oleh aktiviti pemburuan haram dan pengurangan habitat status harimau belang ini dikelaskan sebagai *critically endangered* di bawah *IUCN – International Union for Conservation of Nature* yang mana sebelum ini dikelaskan sebagai *endangered* sahaja.

Bagi menangani kegiatan ini, kementerian menerusi Jabatan Perhilitan telah menjalankan beberapa perkara, menjalankan program kuat kuasa yang lebih proaktif melalui inisiatif Strategi Lautan Biru, melindung kawasan perlindungan hidupan liar

daripada aktiviti pencerobohan dan pemburuan haram dengan Program *1Malaysia Biodiversity Enforcement Operation Network* ataupun *1MBEON* dengan Angkatan Tentera Malaysia dan bersama dengan Polis Diraja Malaysia di bawah operasi Khazanah Negara.

Kedua, menggiatkan operasi penguatkuasaan dan aktiviti perisikan, menubuhkan unit perisikan, berkongsi maklumat kerjasama bersama agensi-agensi, kolaborasi dengan badan bukan kerajaan, menyokong konservasi hidupan liar seperti *MYCAT* ataupun *Malaysian Conservation Alliance for Tigers, MNS – Malaysian Nature Society, World Wildlife Fund Rimba Research and Wildlife Trade Monitoring Networks*. Memasukkan kesalahan di bawah Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) ke dalam Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Aktiviti Haram iaitu aktiviti pemburuan haram yang menyumbang kepada penyeludupan hidupan liar yang melibatkan sindiket antarabangsa.

Ketiga, hasil daripada aktiviti haram ini diguna untuk menjalankan perniagaan dan perolehan aset serta bagi menjalankan aktiviti lain yang tidak sah. Penubuhan dan menggunakan Makmal Forensik Kehidupan Liar Kebangsaan, *National Wildlife Forensic Lab* berfungsi sebagai makmal, menerima dan menggubal, mengkatalogkan, memproses dan menganalisis pelbagai jenis sampel genetik hidupan liar dan pangkalan DNA hidupan liar yang diperolehi turut diguna bagi menyokong tindakan penguatkuasaan, terutama dalam kes-kes jenayah. Kerjasama antarabangsa melalui *ASEAN Wildlife Enforcement Network* ataupun *ASEAN-WEN, INTERPOL and United Nations Office on Drug and Crime (UNODC)*, perkongsian maklumat di perisikan antarabangsa, operasi perpaduan dan latihan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan membela haiwan-haiwan liar sebagai binatang peliharaan dibenarkan oleh kerajaan kita? Sejauh mana kerjasama yang telah pun diperolehi oleh semua agensi bagi meningkatkan kesedaran tentang masalah kepupusan binatang-binatang liar? Yang terakhir sekali, saya ingin mendapatkan kepastian daripada Menteri tentang sejauh mana Suruhanjaya Multimedia dan juga kementerian yang berkenaan mengekang kegiatan penjualan haiwan liar melalui kaedah atas talian. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menunjukkan bahawa tindakan bersama dengan pihak-pihak agensi sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi bahawa setakat ini kita boleh menunjukkan bahawa rekod pada tahun 2016, rampasan yang telah kita buat ialah termasuk 262 spesies, bilangan binatang – 11,764 ekor binatang yang telah kita rampas. Pada tahun 2017, bilangan spesies – 16 spesies, bilangan binatang dirampas ialah 797 ekor. Daripada tahun 2013 hingga 2017, kita telah menjalankan beberapa operasi, 1,096 operasi keseluruhannya.

Operasi Jerat, Operasi Perniagaan, Operasi Penyeludupan, Operasi Pameran dan Operasi Kelas.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa kita telah mengambil tindakan yang khusus dan strategik dan binatang hidupan liar ini dibahagi kepada dua. Satunya yang tidak boleh kita pelihara melainkan ada permit tertentu. Permit ini boleh diberi daripada Jabatan PERHILITAN, maknanya dia boleh membela binatang-binatang yang diharamkan ini. Yang kedua, yang *highly critically endangered species*, ini tidak boleh dilesen kepada sesiapa pun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah sebutkan berapa jenis haiwan yang terancam ataupun hampir pupus selain daripada harimau belang? Berapa orang penjenayah yang telah ditahan dan dihadapkan ke mahkamah dalam satu, dua tahun ini?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kita mempunyai– dalam senarai kita ada 94 spesies binatang yang dipanggil *highly endangered species* yang telah kita rampas, kita kenal pasti. Spesies ini tidak boleh dipelihara melainkan mendapat pelesenan yang tertentu dan di bawah klasifikasi yang tertentu. Tindakan kita mengambil di mahkamah ialah berlandaskan bukti-bukti yang kita terima daripada pihak pengadu berhubung dengan perkara ini. Kita telah menujuhkan satu badan risikan untuk mengenal pasti binatang-binatang yang dianggap *highly endangered* ataupun *endangered species* ini supaya kita boleh menyerbu dan mengambil tindakan kepada mereka.

Akan tetapi apa yang tinggal pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan perundangan yang belum lagi kita anggap sesuai. Oleh kerana kita telah menjangkau ke era digital yang mana banyak penjualan binatang ini menerusi laman web. Kita mengumpul *evidence* ini bukan menerusi laman web dan makanya, *information* yang kita dapati di laman web ini belum lagi boleh diguna pakai di mahkamah. Jadi, undang-undang itu perlu dipinta dan kita masih menyelidik, melihat untuk meminda undang-undang tersebut.

**3. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah peranan kementerian dalam memastikan keselesaan hidup berterusan kepada penduduk untuk mengurangkan status miskin bandar menjelang tahun 2050 dapat direalisasikan.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, yang prihatin mengenai masa depan masalah penduduk bandar menjelang tahun 2050. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan bahawa bagi perancangan kementerian, kita tidak hanya menumpukan mengenai kemiskinan bandar untuk memberikan keselesaan ataupun kesejahteraan hidup rakyat bandar menjelang tahun 2050. Akan tetapi kita sebenarnya telah pun merancang berbagai-bagai aspek, di

mana KPKT sedang merangka Pelan Kesejahteraan Rakyat Bandar ataupun PSRB dengan melihat keperluan dan juga kehendak rakyat bandar secara inklusif dan holistik. Merangkumi aspek sosial ekonomi, pembangunan fizikal dan juga kemapanan alam sekitar untuk memastikan rakyat bandar hidup dengan selesa dan sejahtera.

#### ■1020

Pelaksanaan pelan ini adalah berpaksikan kepada aspirasi untuk mewujudkan kehidupan di bandar yang sejahtera. Pelan ini memberi fokus kepada lapan teras utama. Pertama, teras modal insan bandar bersahsiah tinggi. Teras yang kedua, ekonomi rakyat bandar yang berdaya tahan. Teras yang ketiga, perumahan bandar yang mampan. Teras yang keempat, pengangkutan bandar yang efisien dan mampu tanggung. Teras yang kelima, kemudahan awam bandar yang mudah akses, berkualiti dan juga menyeluruh. Teras yang keenam, masyarakat bandar yang harmoni dan selamat. Teras yang ketujuh persekitaran bandar hijau, bersih dan sihat dan teras yang kelapan, tadbir urus bandar yang baik.

Untuk kita mencapai matlamat ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun memulakan beberapa program seperti *My Beautiful Neighborhood* atau MyBN untuk kita hendak menanamkan semangat kejiranian terhadap masyarakat bandar untuk kita mengatasi masalah sosial dalam bandar. Dalam masa yang sama, kita juga telah melancarkan Sistem 3R untuk kitar semula yang telah pun dilaksanakan di peringkat sekolah.

Dalam masa yang sama, skim perumahan juga kita merancang untuk masa hadapan supaya tiap-tiap taman perumahan ini memberikan kemudahan kepada tiga golongan. Kepada golongan kanak-kanak, sebagai contoh, mesti diadakan untuk membuat nursery dan taska. Untuk golongan belia, mesti dipastikan ada persiapan untuk kemudahan permainan. Juga, untuk golongan warga emas dan OKU juga harus diberikan peluang kerana mereka tinggal dalam bandar ini, kadang-kadang mereka sudah bersara dan kita hendak memberi peluang untuk mereka berinteraksi sesama mereka. Tentu sukar untuk mereka, mereka akan hidup dalam keadaan yang kurang selesa. Jadi dengan kemudahan ini, kita harap memberikan kemudahan kepada rakyat bandar yang lebih baik di masa hadapan. Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih. Menteri sebut tadi menyediakan perumahan yang mencukupi, pembangunan yang mampan serta hijau, meningkatkan kesinambungan di antara individu pekerjaan, merangkumi pengangkutan awam yang efisien, kerja dari rumah, ada waktu fleksibel dan perwujudan bandar-bandar pintar. Jadi saya hendak tanya, apakah perancangan strategik dan holistik kementerian untuk pastikan kesejahteraan penduduk bandar ini mencapai standard yang tinggi di dunia dan seiring dengan negara-negara peneraju? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar bahawa untuk kita mencapai kehidupan lebih sejahtera, kita kena juga melihat di peringkat

antarabangsa, membandingkan negara-negara yang telah maju yang penduduk bandarnya lebih ramai daripada kita.

Oleh kerana itu, saya hendak maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, Malaysia telah pun terpilih di antara beberapa negara untuk kita menjadi tuan rumah *World Urban Forum* atau *WUF9* yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 7 hingga 13 Februari 2018 iaitu tahun hadapan dengan tema “*Cities 2030, Cities For All: Implementing the New Urban Agenda*”, di mana dalam forum ini dijangkakan hampir 25,000 orang datang daripada seluruh dunia untuk sama-sama mengambil bahagian untuk kita hendak membincangkan berbagai-bagai isu masalah perbandaran di masa hadapan.

Dalam masa yang sama, saya ingin maklumkan bahawa negara kita juga telah pun melaksanakan beberapa program di peringkat antarabangsa seperti *Sustainable Development Goals (SDG)*, *Conference of Parties 21, Paris Agreement* dan yang terbaru adalah perlaksanaan Dokumen Agenda Perbandaran Baharu yang telah diterima pakai oleh kerajaan semasa Persidangan Ke-3 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perumahan dan Pembangunan Bandar Mampan, *United Nations Conference on Housing and Sustainable Urban Development (Habitat III)* di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016. Ertinya, dalam kita merancang pembangunan masyarakat bandar menjelang tahun 2050, kita juga mengambil kira pandangan dan juga apa yang telah diputuskan di peringkat antarabangsa dan kita akan sesuaikan dengan keadaan kita di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, dalam merangka untuk mewujudkan suasana keselesaan dan kondusif di dalam masyarakat bandar dan juga memperbaiki taraf daripada kemiskinan bandar ini, adakah kerajaan bercadang untuk meminda Akta 171 bagi menambahkan bilangan ahli-ahli majlis di satu-satu PBT yang sekarang ini hanya 24 orang sahaja? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat adalah cadangan yang baru. Jadi kita akan melihat kepada keperluan penambahan dan pemindaan akta yang Yang Berhormat cadangkan.

Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa sekarang ini memang kebanyakan ahli-ahli majlis ini dilantik mengikut— ada yang dilantik mengikut zon-zon. Zon 1, Zon 2. Kita sedar bahawa kadang-kadang saya tengok ahli majlis ini dia seperti wakil rakyat di zon-zon tersebut. Jadi kita akan melihat keperluan untuk menambah keahlian daripada ahli-ahli majlis sepertimana yang Yang Berhormat cadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri. Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itulah waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri untuk pagi ini.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan bilakah program KR1M 2.0 ini akan dimulakan semula setelah ditutup untuk sementara waktu dan apakah jaminan oleh kementerian bahawa KR1M 2.0 akan memberi lebih banyak pilihan produk pada harga lebih murah daripada pasaran.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan 16 pertanyaan lain daripada 12 Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Sekijang pada hari ini juga; Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Nibong Tebal pada 1 November; Yang Berhormat Bukit Gantang pada 2 November; Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pada 7 November; Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Wangsa Maju pada 8 November; Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Sandakan pada 13 November; Yang Berhormat Kanowit pada 14 November; Yang Berhormat Hulu Rajang pada 15 November; Yang Berhormat Bukit Katil pada 21 November; Yang Berhormat Sarikei pada 22 November; Yang Berhormat Kota Tinggi pada 27 November; dan Yang Berhormat Kota Raja pada 28 November 2017 kerana pertanyaan-pertanyaan ini menyentuh perkara-perkara yang sama iaitu Kedai Rakyat 1Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri. Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 2011, sebanyak 185 buah KR1M telah dibangunkan di seluruh negara iaitu 130 di Semenanjung, 21 di Sabah, 33 di Sarawak dan sebuah di Wilayah Persekutuan Labuan. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM106.37 juta bagi kos pembangunan KR1M di seluruh negara untuk menjadikan pengendali KR1M lebih berdaya saing. Syarikat MRT Retail Sdn Bhd yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas semua kos operasi pengendalian KR1M di seluruh negara.

Penutupan sementara Kedai Rakyat 1Malaysia sejak September 2017 dibuat sebagai persediaan kepada pelaksanaan KR1M 2.0 di samping bagi tujuan penambahbaikan kepada kelemahan sebelum ini. Penambahbaikan yang sedang dilakukan dibuat membabitkan kerjasama pelbagai pihak. KR1M 2.0 juga bakal membuka peluang perniagaan kepada pengeluar dan pengilang tempatan dan pada masa yang sama, membolehkan rakyat mendapat produk keperluan asas dan berkualiti pada harga yang lebih murah daripada pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan semula inisiatif KR1M melalui KR1M 2.0 ini melalui pelaksanaan model perniagaan baru akan melibatkan kerjasama strategik antara kerajaan dan beberapa pihak pengendali operasi seperti konsep berikut:-

- (i) operasi perniagaan kendalian pemilik atau *owner operator*; dan
- (ii) penjenamaan bersama atau *cobranding*.

Konsep yang lebih terbuka ini akan memberi peluang kepada ramai pemilik perniagaan runcit untuk menyertai rangkaian premis KR1M 2.0.

#### ■1030

Selain daripada itu bilangan premis KR1M 2.0 akan bertambah banyak daripada jumlah KR1M sedia ada dan akan memberikan manfaat kepada rakyat secara umumnya. Buat permulaan KR1M 2.0 ini akan ditumpukan kepada empat barang keperluan asas dengan harga rendah iaitu beras, gula, minyak masak dan tepung manakala bagi gas memasak LPG sedang kita buat perbincangan untuk mendapatkan harga yang lebih bersesuaian.

Fasa seterusnya akan diperkenalkan lebih banyak unit barang berjenama dengan harga yang kompetitif melalui kerjasama syarikat multinasional atau MNC dan tempatan. Sekurang-kurangnya 50 SKU akan diambil kira untuk dijual dalam KR1M 2.0. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** “*Jawapan Yang Berhormat Larut tidak mengarut, senang rakyat nak ikut*”. Soalan tambahan Tuan Speaker, pertama sekali saya ingatlah orang tua-tua dahulu cakap, dia kata “*Buat benda betul dan buat itu betul-betul*”. Dalam bahasa Jawa, “*Do right thing and do it right*”. *[Dewan ketawa]* dengan izin.

Saya rasa tujuan dan motif kerajaan buat program KR1M ini amat baik. Tujuannya untuk meletakkan harga yang rendah untuk semua rakyat. Yang Berhormat Menteri dahulu orang korporat masuk dalam *business line* sekarang sudah menjadi Menteri, menjadi *regulator*. Antara perkara yang menjadi masalah dalam KR1M 1.0 adalah pemisahan antara logistik dan juga rantaian *distribution*, barang-barang. Oleh sebab itu kerajaan belanja RM130 juta. Adakah kali ini kerajaan mengambil kira supaya logistik dan juga *distribution of supply chain* ini diseragamkan dan mengambil kira juga, itu satu.

Kedua, yang saya hendak tanya adakah barang yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam bajet pada hari Jumaat iaitu melibatkan 50 jenis barang-barangan yang berjenama yang akan dijual lebih rendah? Adakah barang-barang ini dimasuk dalam KR1M 2.0?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Mersing tidak pusing-pusing, jadi senang untuk saya menjawabnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada alih bahasa daripada bahasa Jawa, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ada, ya. *[Dewan ketawa]* Bahasa Jawa dia *translatekan* dalam bahasa Inggeris jadi mudah untuk kita semua faham sebab itu saya kata Yang Berhormat Mersing tidak pusing-pusing. Saya bersetuju bahawa apa yang kita hendak lakukan adalah untuk menentukan rakyat dalam negara kita dapat membeli barang-barang di kedai KR1M ini lebih murah daripada kebanyakan yang dijual di kedai-

kedai selain daripada KR1M. Walau bagaimanapun, kita kena ambil kira tentang logistik yang terpaksa kita jual di kawasan-kawasan pedalaman.

Kalau KR1M dahulu kita bantu mereka dari segi infrastrukturnya, *infrastructure* yang saya kata itu adalah pembangunan KR1M itu sendiri di mana kita bantu untuk menampung segala perbelanjaan untuk mereka membuka di kawasan-kawasan pedalaman. Kalau Yang Berhormat Mersing mengatakan bahawa kos logistik dan *distribution* itu kita asingkan, sebenarnya tidak benar. Apa yang kita lakukan adalah apabila mereka menghantar barang-barang di pedalaman, kos untuk *logistic cost* yang terpaksa ditampung oleh MRT sebelum ini kita bayar apabila mereka menuntut kepada kita tentang kerugian perbelanjaan logistik untuk dihantar di kawasan pedalaman.

Kita ambil kira kalau hanya 180 kedai semata-mata untuk kita jadikan *average cost*, hantar barang-barang tersebut di kawasan-kawasan pedalaman ianya akan bertambah tinggi kerana kedai yang kita hantar itu yang dalam itu lebih kosnya lebih tinggi daripada kawasan-kawasan yang di bandar-bandar, kawasan yang mudah untuk kita hantar. Maka sebab itu dalam KR1M 2.0 ini, strateginya adalah untuk meningkatkan jumlah kedai-kedai KR1M ini seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bahawa kalau kita dapat mencapai *average* 3,000 dalam 2018 maka bermakna kalau kita hendak menampung dari segi kos infrastruktur, hendak membangunkan DC atau *distribution centre* itu, ianya akan dapat mengurangkan kos logistik kerana kita boleh menampung kepada ramai kedai-kedai di seluruh negara.

Maka strateginya bukan hanya untuk beberapa barang tetapi seperti juga yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sekurang-kurangnya 50 daripada SKU yang akan kita jual dalam KR1M itu adalah barang-barang yang kita dapat kerjasama dengan *multinational companies*, contohnya dengan Nestle, contohnya dengan Etika, contoh Coca-cola semua ini kita akan bincang supaya barang-barang keperluan yang seperti *mineral water*, lampin bayi, susu bayi, susu biasa yang keperluan *household* yang biasa digunakan tiap-tiap hari itu perlu kita wujudkan adakan dalam kedai KR1M 2.0 ini.

Maka bukan hanya 50 yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana waktu ini kita sedang membincangkan 50 SKU itu tetapi sasaran kita melebihi daripada 50, *insya-Allah* akan mencapai melebihi 100 SKU semuanya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat aktiviti kerajaan buka KR1M ini macam hangat-hangat taik ayam sahaja. Oleh kerana kedai KR1M ini sambutannya sangat sayu. Kedudukannya pun tidak sesuai, konon-kononnya hendak membantu orang susah tetapi terletak di bandar. Jadi macam mana orang susah hendak pergi. Lagipun saya lihat kerajaan ini bukan ahli perniagaan. Perniagaan yang dibuatnya semua tidak menjadi. Mengapa

kerajaan tidak mahu lihat cuba 99 Speedmart? Kenapa boleh tumbuh macam cendawan dan saya difahamkan juga barang-barang di kedai tersebut itu juga murah.

Maka sebab itu, saya kurang yakinlah dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa KR1M 2.0 ini boleh berjaya. Saya rasa kita lupakan lebih baik kira turunkan harga barang-barang makanan, buang GST *insya-Allah* rakyat semua akan selesa. [Tepuk] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat Lumut ini, dia cakap berbelit-belit bukan seperti Yang Berhormat Mersing cakap yang tidak pusing-pusing yang saya katakan. Pertamanya saya hendak beritahu kebanyakannya daripada kedai KR1M dijual di bandar-bandar bukan untuk membantu rakyat di kampung-kampung.

Saya sudah jawab tadi kos kita agak tinggi kerana pedalaman yang banyak yang kita buka bukan di bandar-bandar. Kemudian contoh dia bagi dengan 99 Speedmart, 99 Speedmart ini dibuka semua di bandar-bandar. [Ketawa] Apa punya cerita? Ini kadang-kadang kalau hendak marah pun jangan sampai macam itu cara hendak marahnya. Saya hendak maklumkan di sini, bukan kita yang hendak buka, bukan kerajaan yang hendak melakukan KR1M 2.0 ini. Ya, kita berikan kepada ahli perniagaan, KR1M dahulu pun bukan kerajaan yang buat, kita berikan kepada Mydin. Mydin yang ada *hypermarket, supermarket* cuma kita bantu dari segi kos logistiknya.

#### ■1040

Ada faham? Bukan kita hendak buka kedai tersebut. Akan tetapi kadangkala kalau hendak membangunkan kerana semata-mata hendak menghapuskan GST, ini adalah sesuatu andaian yang dibuat oleh pembangkang yang tidak reti langsung bagaimana hendak kira dari segi kedudukan, hendak menjalankan pengurusan ekonomi negara. Bukan seperti mereka, Kerajaan Barisan Nasional akan membantu rakyat keseluruhannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, kita memang mahu tolong rakyat tetapi KR1M 1.0 sudah *failure* walaupun kita ada membantu logistik semua. Sebelum kita mulakan KR1M 2.0, kementerian ada mengkaji ataupun berbincang sedalam-dalamnya atas isu *on* KR1M 1.0 punya *failure*. Apa puncanya? *What is the really cause the problem for them to close down?* Ini kita mesti mahu lihat. Jangan kita kongkalikung syok sendiri punya. Satu tutup, buka satu. Walaupun ini buka daripada orang swasta, kita cuma bantu logistik. Akan tetapi kita mahu memastikan kita *the success* kalau dia buka balik KR1M 2.0, kemungkinan operator lain, cara lain. Akan tetapi saya berharap kementerian mesti mahu nilai semua aspek.

So, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian mengkaji sedalam-dalamnya atas isu dan masalah ini yang kita hadapi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat Bintulu mengaku bahawa KR1M pertama itu gagal. Gagalnya adalah kerana daripada perbincangan yang kita lakukan bersama dengan mereka. Pertama, mereka mengatakan bahawa lokasi premis KR1M yang tidak strategik di luar bandar begitu jauh pedalaman. Kosnya begitu tinggi. Ini yang menyebabkan mereka agak tertekan. Kos logistik di kawasan pedalaman ini yang jauh-jauh tidak dapat kita berikan sebaik mungkin untuk menampung mereka kerana kita lakukan secara *average* keseluruhannya. Kita tidak boleh hendak berikan secukup-cukupnya kepada mereka.

Kedua, tentang saiz bahagian premis yang sedia ada juga kadang-kadang terlalu besar menyebabkan kos operasi mereka juga agak tinggi. Ini semua telah pun kita bincang dan apabila perbincangan dibuat daripada setahun yang sudah, mereka tidak mampu lagi. Di kawasan pedalaman, sudah lapan yang mereka tutup kerana kosnya terlampau tinggi seperti yang saya katakan tadi. Kemudian, strategi kita adalah untuk membincangkan perkara ini bukan hanya dengan satu operator atau dua operator tetapi yang kita lakukan adalah untuk bergabung secara *Blue Ocean Strategy* bersama dengan banyak syarikat besar seperti SME, seperti *multinational companies*. Semua ini kita lakukan supaya dapat membantu untuk mengurangkan kos barang-barang yang akan kita pasarkan dalam negara kita.

Ini bukan satu perkara kongkalikung seperti apa yang Yang Berhormat Bintulu katakan. Tidak. Ini adalah sesuatu yang kita ambil kira untuk membantu rakyat. Oleh sebab itu kita hendak berikan penambahbaikan. Bukan kita tutup yang satu dan buka benda yang sama. Tidak. Kita cuma menyesuaikan dari segi *business model* yang dahulu kita berikan kepada satu syarikat tetapi kali ini kita bincang dengan banyak syarikat. Ini yang kita lakukan. *Insya-Allah* ianya akan mendapat tumpuan selepas ini oleh rakyat apabila kita benar-benar dapat berikan harga yang baik kepada semua rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa banyak ubat yang dibekalkan oleh hospital kerajaan di seluruh negara telah dipulangkan oleh para pesakit yang tidak menghabiskannya untuk tempoh masa 1 Januari 2016-30 Jun 2016, 1 Julai 2016-31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017-30 Jun 2017 dan bagaimanakah pihak farmasi hospital memastikan ubat yang dipulangkan itu masih boleh digunakan; dan
- (b) apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengawal harga ubat di Malaysia. Senaraikan nama-nama ubat yang mengalami peningkatan harga sejak 1 Januari 2016 sehingga kini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Manivannan daripada Kapar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan program pemulangan ubat di semua *facility* KKM dengan tujuan untuk membantu para pesakit melupuskan ubat-ubatan yang telah luput atau tidak dipakai lagi dengan cara yang betul dan selamat demi menjaga alam sekitar. Melalui pemerhatian, selain daripada ubat yang dibekalkan daripada fasiliti Kementerian Kesihatan, terdapat juga ubat yang pesakit peroleh daripada fasiliti swasta sama ada di klinik ataupun di hospital atau dibeli oleh pesakit sendiri yang dipulangkan melalui program ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman juga, penggunaan semula ubat pesakit hanyalah untuk kegunaan pesakit itu sendiri apabila ia dimasukkan semula ke wad melalui Program *Patients Own Medicine* (POM). Program ini menggalakkan pesakit membawa bekalan ubat dari rumah masing-masing apabila dimasukkan untuk rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian telah dibuat pada bulan Januari hingga Mac tahun ini di 40 buah hospital. Kita minta supaya pesakit yang datang semula ke hospital, masuk wad semula untuk membawa ubatnya dan farmasi kita akan membuat pemeriksaan dan ubat ini kalau yang elok kita akan sambung kegunaannya dalam wad terutama sekali penyakit-penyakit yang kronik. Kita boleh sambung semula ubat ini, gunakan ubat ini dalam wad. Apabila keluar nanti, kita tambah sahaja. Kita tidak bagi penuh. Katakan ubat itu untuk sebulan, yang ada lebihan, kita tambah lagi sedikit untuk sebulan.

Jadi dalam hal ini, telah kita lihat penjimatan. Setelah dibuat kajian ini, dalam masa tiga bulan, kita telah jimat sebanyak RM106,394, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian, untuk *outpatient* pula, *outpatient* ataupun pesakit luar, ada program yang dipanggil beg ubat. Kita bagi beg kanvas ini dan pesakit ini bila datang semula ke klinik, ada yang tidak ikut aturan, tidak makan betul-betul, ada ubat lebihan dalam begnya. Kajian sedang dibuat bulan Julai tahun ini sehingga bulan November dan ini dipanggil kaedah *top-up*, Tuan Yang di-Pertua. Kajian dibuat di 17 *facilities* iaitu di klinik kesihatan dan juga di hospital. Sekarang kajian sedang dibuat dan saya yakin dalam bulan November, bulan ini kita akan dapat keputusannya.

Bahagian kedua tentang harga ubat. Di sektor awam, kajian KKM menunjukkan bahawa ubat-ubatan telah diperoleh secara efektif dan cekap melalui tatacara-tatacara ataupun arahan-arahan perolehan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Manakala di sektor swasta, harga ubat masih ditentukan oleh kuasa pasaran dan persaingan. Menyedari akan masalah harga ubat-ubatan di sektor swasta yang membebani rakyat, beberapa inisiatif sedang diambil oleh KKM bagi memberi pilihan kepada semua lapisan rakyat Malaysia untuk mendapatkan ubat-ubatan yang mampu milik dengan harga yang berpatutan. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut.

Pertama, kajian pemantauan harga ubat-ubatan di pasaran bagi menentukan harga dan mengenal pasti trend perubahan harga ubat-ubatan dan mengambil tindakan

sewajarnya. Seterusnya KKM telah pun mewujudkan satu pangkalan data harga ubat-ubatan sebagai rujukan. Daripada ini, KKM telah pun menyediakan harga panduan pengguna sebagai rujukan orang ramai bagi sebahagian jenis ubat dan boleh didapati di laman web bahagian perkhidmatan farmasi.

Ketiga, KKM kini sedang memantapkan perkongsian maklumat harga ubat-ubatan untuk rujukan pengguna dengan meningkatkan bilangan maklumat harga ubat-ubatan sedia ada dalam harga panduan pengguna tersebut, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kajian yang dibuat, *sampling* yang telah dibuat, Tuan Yang di-Pertua, kita buat kajian ke atas 244 jenis ubat, kita dapati yang naik harga ubat sebanyak 83 jenis, yang turun harga sebanyak 131 jenis dan yang sama harga sebanyak 30 jenis. Ini oleh kerana pihak kerajaan, kita membeli secara pukal, dengan harga tender. Oleh sebab itu kita dapat harga naik turun begini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1050

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri Kesihatan. Selain daripada kebajikan dan keselamatan, rakyat juga memerlukan kesihatan yang sewajarnya. Berkenaan dengan bekalan ubat, kita mendapati bahawa terdapat banyak luahan, rintihan daripada rakyat biasa mengenai bekalan ubat yang tidak mencukupi dengan harga ubat yang semakin meningkat. Apabila kita memandang Bajet 2018 untuk bahagian farmasi dan bekalan kesihatan awam, kita dapati ada potongan sebanyak 19 peratus hampir 20 peratus 1/5 daripada tahun sebelumnya iaitu daripada RM707 juta sekarang hanya RM672 juta. Kita ada situasi-situasi di mana seperti contoh pesara kerajaan pergi ke hospital selalunya mendapat bekalan ubat untuk enam bulan atau tiga bulan. Sekarang mereka hanya dapat untuk sebulan.

Ada kalanya mereka dihantar balik kerana tiada ubat. Ini adalah contoh-contoh rintihan yang telah dikemukakan. Yang kedua adalah ubat yang diberikan bukan mengikut standard perubatan sebelum ini. Kalau dulu tahap A sekarang ubat yang diberikan penyakit yang sama tetapi ubat yang dalam kadar C dan D. Walaupun doktor mengakui ada *side effect*. Ini semua adalah rintihan-rintihan yang telah diluhukan. Jadi dalam bajet yang kekurangan ini 20 peratus telah dikurangkan. Apakah komitmen kerajaan untuk memastikan bahawa bekalan ubat akan mencukupi mengikut tawaran permintaan daripada rakyat biasa dan bagaimana juga harga ini akan dikawal kerana peningkatan permintaan daripada rakyat biasa agak meningkat untuk bekalan-bekalan ubat pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan panjang. Jadi saya kena jawab panjang juga lah. Tuan Yang di-Pertua, tadi kalau kita lihat bajet yang kementerian terima tahun 2015 RM23 bilion, tahun 2016 RM25 bilion, tahun ini kita sedang berbahas untuk tahun hadapan – sorry, 2016 RM23 bilion, 2017 RM25 bilion dan kita sedang bahas bajet tambahan jadi RM27 bilion tahun ini.

Kita lihat perangkaan untuk belanjawan beli ubat dan *consumable* dia lebih kurang sama RM3.5 bilion. Dan sebabnya kos meningkat dari segi ubat meningkat *RM3.5 bilion a year*. Memang pihak kerajaan kita pihak kementerian kita cuba menggunakan sebanyak mungkin ubat generik. Sekarang ini kalau kita tengok peratusan jumlah ubat generik yang kita pakai 58 peratus daripada semua jenis ubat. 58 peratus yang lain ubat inovator ataupun ubat original Tuan Yang di-Pertua. Semakin lama kita cuba beli yang banyak sebanyak mungkin. Yang saya hendak tekankan di sini ialah bahawa ubat yang kita bagi yang kita beli, yang kerajaan bagi ialah kita pastikan kualiti dia sama dengan ubat-ubat yang di *claim*. Yang mana kita buat kajian *bioequivalence* dalam hal ini.

Yang mana kita tidak beli sewenang-wenangnya. Saya tahu lah kalau import ubat daripada luar negara ada yang kelas satu kelas dua kelas tiga. Jadi kita beli ubat dan kita *check* dulu kalau ada *bioequivalence* dia sama dengan yang di *claim*, maka kita beli ubat itu. Bukan sewenang-wenang kita beli Tuan Yang di-Pertua. Dan memang arahan kita sekarang kita bagi dulu kita bagi sampai tiga bulan enam bulan ubat sekarang tidak boleh lah kerana banyak pembaziran yang berlaku.

Kadang-kadang dia duduk di Balik Pulau dia pindah ke Kapar dia tidak bawa ubat. Ubat sana dia tidak bawa di pergi ke Hospital Klang minta ubat tambahan. Jadi makna *wasted*. Oleh sebab itu hari ini kita bagi ubat sebulan sahaja Tuan Yang di-Pertua. Lepas itu dia boleh ambil, dia boleh bawa slip itu dia boleh ambil di mana-mana klinik sama ada klinik atau hospital boleh ambil. Cara ini dapat memudahkan rakyat. Jadi saya ingat tidak timbul masalah kita hendak kurangkan ubat hendak kurangkan kualiti ubat. Tidak. Memang ubat kualiti kita jamin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada harga ubat yang besar, yang didaftarkan oleh Kementerian Kesihatan dan juga yang selamat. Kita dapati bahawa ada suplemen makanan kesihatan yang harganya terlalu mahal dan kadang-kadang tidak munasabah. Bagaimanakah kerajaan memantau dan mengawal yang pertama, ubat-ubatan yang tidak sah dari segi bahayanya dan juga keselamatan dan juga harga untuk suplemen dan juga produk-produk kesihatan yang dijual di dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya :** Ini tentang kualiti ubat. Kita ada bahagian farmasi, bahagian kawalan farmasi kita. Memang tiap-tiap ubat yang hendak di masuk ke Malaysia mesti melalui kajian-kajian dulu. Kita hendak tengok semua rekod yang ada dan kita teliti betul-betul dan kita punya piawai kita ialah 245 *working days* kalau dia dengan orang lain tentulah lebih. Dengan orang lain lima tahun pun tidak boleh daftar. Akan tetapi kita percepatkan tetapi yang penting mesti ada rekod. Mesti ada *legal* daftar dan sebagainya supaya sebelum dia masuk, sebelum kita daftar dia di Malaysia. Makna ubat yang dijual di Malaysia mestilah ubat yang memang kualiti dia terjamin dan keselamatan juga terjamin.

Dan ubat-ubat ini kita ada yang ubat di kaunter dan juga ubat yang berdaftar. Yang *over the counter* sekarang ini banyak farmasi di dalam negara dan juga luar yang diimport juga yang banyak keluarkan ubat-ubat yang vitamin suplemen dan sebagainya. Yang ini berdasarkan kepada harga pasaran. Oleh sebab banyak *competition* saya yakin harga ubat akan dapat dikawal. Jadi kita - tetapi pihak kementerian saya sebut tadi dalam jawapan yang utama tadi bahawa kita juga buat kajian harga dan kita ada panduan harga di mana pihak rakyat kita yang hendak tahu harga yang lebih kurang harga yang dipasarkan boleh rujuk kepada *website* kita.

**3. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah aduan berhubung kes penipuan pembelian hartanah yang dilaporkan setakat ini serta sejauh manakah kes ini mendapat respon kerajaan.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]** : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Setiu bersekali dengan tujuh soalan lain daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama daripada Yang Berhormat Kinabatangan bertarikh 2 November 2017, Yang Berhormat Sungai Besar 2 November 2017, Yang Berhormat Paya Besar bertarikh 2 November 2017, Yang Berhormat Kuala Selangor bertarikh 7 November 2017, Yang Berhormat Setiawangsa bertarikh 8 November 2017, Yang Berhormat Hulu Langat bertarikh 20 November 2017 dan Yang Berhormat Lenggong bertarikh 23 November 2017 kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini membangkitkan isu yang sama iaitu berkaitan penipuan pembelian hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, penipuan pembelian hartanah ini boleh kita kategorikan kepada dua kategori. Pertama ialah penipuan yang dibuat oleh pemaju-pemaju yang berlesen yang tertakluk di bawah Akta 118 dan satu lagi kumpulan penipuan ini ialah yang mendakwa sebagai pemaju tetapi mereka tidak mempunyai lesen dan tidak berdaftar di bawah Akta 118. Untuk penipuan pemaju perumahan yang berlesen, kementerian menyediakan dua saluran untuk rakyat membuat aduan iaitu melalui Jabatan Perumahan Negara dan juga Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata.

Untuk makluman Yang Berhormat, aduan yang diterima oleh Jabatan Perumahan Negara pada tarikh 1 Januari 2013 sehingga 30 Oktober 2017 ialah sebanyak 207 aduan. Semua aduan ini telah pun diselesaikan.

#### ■1100

Aduan yang diterima oleh pihak tribunal pula, mulai 1 Januari 2014 sehingga 30 September 2017, pihak tribunal telah menerima sebanyak 7,413 aduan. Yang telah pun dapat diselesaikan sebanyak 7,108 kes iaitu 95.9 peratus dan baki 305 aduan atau 4.1 peratus masih dalam tindakan.

Dalam kita mengambil tindakan di bawah Akta 118, sudah tentulah pihak kementerian akan menguatkuasakan akta ini yang memberikan perlindungan kepada pembeli-pembeli. Pada masa yang sama, tindakan-tindakan tegas juga telah diambil kepada pemaju-pemaju yang tidak memenuhi Akta 118 ini.

Bagi penipuan yang dilakukan oleh yang mendakwa pemaju tetapi tidak berdaftar pun, tidak berlesen, setakat ini kita menerima aduan sebanyak 85 laporan telah pun diterima dan saya sendiri telah pun mengarahkan supaya satu jawatankuasa khas ditubuhkan di mana untuk kita menyiasat aduan-aduan yang telah pun kita terima. Di dalam perbincangan jawatankuasa khas ini yang terdiri daripada berbagai-bagai jabatan, maka keputusan yang diambil di antaranya ialah untuk kita hendak mengenal pasti jurang perbezaan Akta 118 di bawah bidang kuasa KPKT dan juga Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] di bawah KPDNNK di mana ada pihak yang penipuan ini dia buat sistem macam MLM.

Kedua, keputusan tegas telah diambil untuk kita mengambil tindakan di bawah undang-undang melalui prosiding jenayah dan juga prosiding sivil. Jadi dengan tindakan-tindakan yang telah diambil ini, maka saya lihat bahawa pihak polis begitu tegas mengambil tindakan dan kita ucapkan tahniah di atas tindakan pantas dan juga ketegasan pasukan Polis Diraja Malaysia di mana daripada 188 laporan telah diterima mengenai penipuan yang dibuat oleh pemaju yang tidak berlesen yang melibatkan kerugian lebih kurang RM6.2 juta, setakat ini tiga orang telah pun ditahan oleh pihak polis. Terima kasih.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah apa-apa langkah ataupun inisiatif oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mengharamkan ejen yang haram, ejen-ejen palsu? Sebab, saya difahamkan sekarang ini lebih kurang ada 20,000 ejen palsu ini, ejen haram. Sebab, susahnya pembeli ini, bila dijanjikan bulan dan bintang, memang mudah terpengaruh. Jadi mereka ini dapat mengaut keuntungan yang berjuta-juta, banyak keuntungan yang mereka peroleh.

Jadi soalan saya, seperti yang saya sebutkan tadi, apakah langkah-langkah kerajaan dalam usaha ke arah tersebut? Juga, kesedaran perlu diberikan kepada pembeli mengenai kewujudan Lembaga Penilai, Penaksir tadi. Ada tak langkah-langkah kerajaan ke arah situ? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat Setiu. Mengenai ejen-ejen ini, seperti mana yang saya kata bahawa suatu kesalahan ini, apa juga, kita perlukan laporan. Kalau ada mana-mana pihak pembeli yang tertipu, maka bolehlah membuat laporan kepada pihak kementerian.

Namun demikian, kita juga sedar bahawa penipuan-penipuan ini kadang-kadang dilakukan melalui iklan-iklan. Melalui iklan dalam televisyen, dalam surat khabar. Jadi, rakyat boleh terpedaya bahawa seolah-olah iklan itu ialah projek yang benar-benar mendapat lesen. Oleh sebab itu, pihak kementerian akan bercadang untuk kita menggubal satu undang-undang untuk kita mengenakan satu peraturan bahawa mana-mana pihak

yang menyiarkan iklan-iklan tanpa mendapat kebenaran ataupun tanpa merujuk kelulusan daripada pihak-pihak tertentu, maka ia mungkin merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda. Ini sedang kita rancang.

Akan tetapi, dalam tempoh kita hendak menggubal undang-undang ini, kita juga telah mengeluarkan pekeliling kepada semua pihak-pihak media cetak, media TV dan sebagainya untuk mengingatkan mereka bahawa mana-mana pihak jika ingin mengiklankan mengenai perumahan dan juga harta tanah, kenalah merujuk kepada Jabatan Perumahan Negara dahulu sebelum ia disiarkan. Dengan langkah-langkah ini, kita harap apa yang dibuat ini dapat kita kurangkan.

Dan memang kempen-kempen kesedaran ini kita kerap adakan untuk mengingatkan pembeli-pembeli supaya tidak tertipu dengan tawaran-tawaran yang kadang-kadang tidak masuk akal yang dibuat oleh pihak pemaju ini. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Merujuk kepada pemaju yang tidak berlesen ini, setelah pihak pembeli membuat laporan polis, adakah mereka ini boleh mendapat balik bayaran yang mereka telah pun bayar kepada pemaju-pemaju yang tidak berlesen ini ataupun adakah peluang kerajaan memberi alternatif perumahan lain kepada mereka ini? Hal ini kerana saya difahamkan yang tertipu ini kadang-kadang pegawai kerajaan yang sudah pencen yang ada *savings*, mengharapkan satu rumah di masa tua, tiba-tiba kena tipu. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat yang begitu prihatin kepada masalah mangsa-mangsa penipuan yang begitu ramai. Saya dimaklumkan hampir 300 orang yang ditipu ini.

Seperi Yang Berhormat sedia maklum, bahawa mana-mana tindakan yang dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia, sudah tentulah akan diambil dari segi prosiding jenayah. Sudah tentulah bila prosiding jenayah ini, berbagai-bagai peruntukan mungkin akan didakwa di bawah Kanun Keseksaan, mungkin di bawah pencegahan jenayah, mungkin juga di bawah penggubalan wang haram dan sebagainya. Yang ini kita faham hanya pemaju-pemaju sahaja yang akan menerima hukuman.

Akan tetapi, seperti Yang Berhormat kata tadi, bagaimana pembeli-pembeli yang ditipu? Oleh itu, kita juga sedang berusaha untuk kita membantu mereka ini daripada tuntutan sivil supaya mereka dapat diberikan ganti rugi. Akan tetapi saya punya pendapat, kalau mereka pemaju ini telah pun ditahan polis, jadi mungkin tindakan ini mungkin kurang berkesan. Namun demikian, kita akan berusaha juga untuk membantu mereka untuk tindakan sivil.

Dalam masa yang sama, kementerian juga akan membantu mereka pada dua aspek. Pertama, jika mereka ini tinggal di dalam kawasan bandar dan ada di kawasan mereka ini rumah PPR, maka yang ini kerajaan akan memberikan kelulusan khas kepada mereka untuk mereka diberikan peluang membeli rumah PPR yang harganya RM35,000

dengan sistem "Rent-to-Own" yang duduk dalam bandar ataupun kawasan yang di tempat yang mana ada rumah PPR.

Bagi mereka yang ada tanah, maka ini juga kita akan buatkan tawaran supaya mereka akan diberikan kelulusan khas di bawah Skim Pinjaman Perumahan di mana Skim Pinjaman Perumahan ini, kementerian boleh memberikan RM60,000 untuk mereka memulakan membuat rumah sendiri. Jadi dengan tindakan-tindakan ini, kita harap sekurang-kurangnya dapat meringankan beban kepada mangsa-mangsa penipuan ini. Terima kasih.

**4. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan :-

- (a) apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan 'pemandu pelancong' yang fasih dalam Bahasa Cina ; dan
- (b) jumlah kekurangan bas pelancong dan apakah usaha Kementerian untuk mengatasi kekurangan ini.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian setakat ini melesenkan 21 kategori bahasa dan antaranya ialah bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Jepun, bahasa Sepanyol dan lain-lain bahasa. Maka daripada 14,270 pemandu pelancong yang telah dilesenkan oleh kementerian ini, sebanyak 17,340 di bawah kategori bahasa tersebut telah dilesenkan kerana seorang pemandu pelancong boleh dilesenkan lebih daripada satu bahasa.

#### ■1110

Daripada 14,270 pemandu pelancong yang dilesenkan oleh kementerian ini, seramai 7,222 pemandu pelancong yang berlesen dalam bahasa Cina iaitu 6,329 Mandarin dan 893 dalam bahasa Kantonis.

Di antara usaha kementerian bagi mengatasi kekurangan pemandu pelancong dalam bahasa Cina adalah dengan memperkenalkan pas sementara pemandu pelancong dalam bahasa Cina sejak tahun 2010. Justeru itu, kementerian ini telah mengeluarkan sebanyak 1,256 pas sementara pemandu pelancong dalam bahasa Cina sehingga sekarang. Pas sementara pemandu pelancong dalam bahasa Cina ini dikeluarkan bagi mengatasi kekurangan pemandu pelancong semasa musim perayaan Tahun Baru Cina terutama pada awal tahun dan musim percutian di negara China bermula April sehingga Ogos.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, mulai 1 Januari 2012, Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 yang dikawal selia oleh kementerian ini telah dimansuhkan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia dan diganti dengan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Kementerian ini masih mengawal selia urusan

pelesenan kenderaan persiaran di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kerana Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 masih berkuat kuasa di negeri-negeri tersebut. Sekarang permasalahan seperti kekurangan bas persiaran di Semenanjung Malaysia adalah lebih sesuai dikemukakan dan dibincangkan dengan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berdasarkan peruntukan akta sedia ada.

Manakala bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, kementerian sentiasa meluluskan lesen baru bas persiaran berdasarkan permohonan yang dikemukakan dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga kini, tiada sebarang isu yang dibangkitkan secara rasmi kepada pihak kementerian berkenaan dengan isu kekurangan bas persiaran di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, mengenai kekurangan *tour guide*, memandangkan kita sedang bersaing dengan negara-negara jiran untuk menarik pelancong dari negara China dan ini bukan hanya untuk masa yang pendek. / *think it's going to be a long process.* Adakah kementerian ada rancangan untuk jangka panjang untuk kita mengatasi masalah ini? Mengikut jawapan dari Yang Berhormat Menteri tentang itu pas sementara, adakah kita juga mengarah iaitu murid-murid lepasan sekolah bahasa Cina juga boleh menggunakan ini sebagai *part-time* semasa mereka menunggu *further study* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, betullah sebab kita akan memastikan supaya kursus untuk pemandu pelancongan terutamanya dari segi pelancong-pelancong yang datang daripada negara China adalah berterusan dan sememangnya kita mendapat banyak sambutan berkenaan untuk menjadi pelancong-pelancong tetap ini. Memang betullah bagi mengatasi masalah yang kita hadapi dari segi kekurangan terutamanya seperti mana yang saya telah sebut, pada musim perayaan Tahun Baru Cina dan juga waktu cuti panjang negara China daripada bulan April hingga Ogos, kita telah mengadakan kursus untuk *tourist guide* sementara ini di mana kita berikan kelonggaran yang mencukupi untuk kita mengatasi masalah ini.

Sebagai contoh, syarat-syarat yang kita kenakan untuk *tourist guide* sementara ini, kita benarkan mereka yang telah hadir kursus asas minimum walaupun dia telah menghadiri 20 peratus dan kita juga bagi kepada kakitangan agensi yang berpengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun kalau mereka telah hadir kursus jangka pendek selama satu hari sahaja anjuran Bahagian Pembangunan Industri, ini kita bagi dia pas sementara. Bagi calon juga, kalau mereka menghadiri kursus sudah 100 peratus dan sedang tunggu keputusan peperiksaan, itu pun kita bagi pas sementara. Minta maaf, yang tadi 70 peratus bukan 20 peratus, ya.

Calon *tourist guide* yang kurang satu tahun pengalaman bekerja dalam agensi tetapi telah lulus temu duga kelayakan dan telah hadir kursus jangka pendek anjuran BPS

dan MOTAC, ini juga kita bagi mereka pas sementara. Jadi walaupun dia belum *complete* pun untuk pas sementara, kita benarkan. Jadi inilah usaha yang kita lakukan untuk memastikan supaya di waktu-waktu yang ramai pelancong yang datang daripada negara China ini, kita dapat atasinya dengan berikan kelonggaran untuk pas sementara ini.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, beberapa tahun lalu pernah ada isu *sexual harassment* terhadap *tour guides* wanita terutamanya apabila mereka pergi ke sesuatu tempat bersama-sama dengan pemandu bas dan bermalam-malam dalam *tour* tersebut. Dalam ketika ini, adakah masih itu menjadi satu masalah ataupun adakah ada apa-apa aduan dikemukakan kepada pihak kementerian. Apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi isu tersebut? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul. Beberapa tahun yang lepas ada gangguan seksual yang telah dilakukan terhadap *tourist guide* wanita tetapi sekarang ini kita telah mensyaratkan iaitu bahawa kalau ada *tourist guide* wanita yang diambil untuk perjalanan, mereka disyaratkan untuk memastikan mereka mempunyai bilik mereka sendiri dan tidak lagi – Kalau dulu, kadangkala kita, syarikat itu dia hendak mengurangkan kos kah, apa kah, dia mungkin tidak mengendahkan sangat tentang bilik yang khusus mesti diberikan kepada *tourist guide* wanita. Akan tetapi sekarang, kita mensyaratkan dia mesti ada bilik khusus untuk dia seorang sahaja. Sekarang sudah tidak lagi menjadi masalah kerana tindakan itu telah diambil beberapa tahun yang lalu.

**5. Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** minta Perdana Menteri menyatakan apakah terdapat peruntukan khas secara segera apabila berlakunya bencana seperti kejadian banjir yang berlaku di negeri Perlis untuk diberikan kepada mangsa-mangsa banjir.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan melalui NADMA akan memberikan peruntukan khas dalam bentuk wang ihsan sebanyak RM500 kepada 805 ketua isi rumah yang berpindah ke pusat pemindahan ketika banjir yang berlaku pada 21 hingga 28 September 2017 yang lalu. Bantuan ini disalurkan menerusi tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara. Senarai nama mangsa yang terlibat telah diterima dan sedang diselaraskan untuk pengagihan oleh jawatankuasa pengurusan bencana negeri. Mangsa banjir diberi kit makanan semasa berpindah sebelum makanan yang dimasak tiba. Semasa di pusat perpindahan, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menguruskan mereka dengan memberikan tempat tidur dan juga lain-lain lagi.

■1120

Pada masa ini beberapa perubahan sedang dibuat di mana diasingkan mangsa-mangsa lelaki dan perempuan dan keluarga dengan menggunakan pengadang ataupun

*partition.* Di pusat pemindahan juga sukarelawan dan agensi kerajaan bergabung tenaga untuk memasak kepada mangsa-mangsa yang berpindah ataupun untuk pusat-pusat perpindahan yang menempatkan jumlah mangsa yang ramai.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, banjir yang berlaku baru-baru ini di Kangar adalah disebabkan oleh kegagalan kontraktor untuk menyiapkan projek lencongan banjir barat. Pada tahun ini sudah berlaku tujuh kali banjir dan banjir kilat yang mana ia berlaku di kawasan tebing tinggi DUN Bintong dalam Parlimen Kangar. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menyediakan keperluan yang mencukupi untuk mangsa banjir yang tinggal di pusat-pusat pemindahan termasuklah menyediakan makanan dan Yang Berhormat Menteri sendiri memasak untuk mangsa-mangsa banjir. Hebat.

Akan tetapi apa yang saya risaukan, selepas banjir banyak peralatan-peralatan perabot, peralatan elektrik semuanya rosak dan peralatan untuk mangsa meneruskan kehidupan mereka seperti bengkel jahitan, jentera pertanian, kedai makan, kedai runcit dan sebagainya mengalami kerosakan yang teruk. Jadi, soalan saya apakah ada bentuk bantuan selepas berlaku banjir untuk membantu mangsa meneruskan kehidupan mereka?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang di-Pertua, untuk NADMA yang saya telah sebutkan tadi, untuk kita bagi bantuan di tahap tersebut. Akan tetapi di dalam kes Perlis ini, kita ada Baitulmal dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat serta NGO yang membantu mereka. Yang Berhormat seperti sedia maklum, siapakah NGO yang berkenaan dan untuk yang lain itu saya akan berbincang dengan Menteri yang ada di sini supaya mereka diberi perhatian khusus kerana mengalami banjir paling kerap dalam masa setahun kerana masalah tebatan banjir yang belum siap.

Dan dengan itu, kerosakan terus berlaku. Hujan sedikit pun banjir. Ada mangsa banjir yang sudah banjir dalam tahun ini sudah 12 kali dan sebagainya. Ini adalah kes khusus yang tidak pernah berlaku di tempat lain hanya berlaku di sini. Jadi kita akan berbincang dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berhubung dengan tebatan banjir sudah pasti benda ini akan dimaklumkan kepada Menteri yang terlibat supaya perkara ini dapat di selesaikan dengan segera kerana ia nya tertangguh agak begitu lama.

Jadi memang menjadi sifat kami tidak suka melepaskan tanggungjawab ini kepada orang lain tetapi ambil tanggungjawab bagi pihak kerajaan, saya sendiri akan menguruskan dengan menteri-menteri yang terlibat Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada banjir kah Yang Berhormat Seputeh?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bila banjir berlaku di Perlis, banjir berlaku di Kuala Lumpur macam semalam begitu

serius Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Kementerian Alam Sekitar tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan tetapi bila berlakunya kemalangan di Pulau Pinang, wah cepat-cepat beberapa kenyataan dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Saya balik kepada Yang Berhormat Menteri, kepada Yang Berhormat Arau.

Yang Berhormat Menteri Arau, semalam di kawasan saya yang tiga budak di PPR Kampung Muhibah ini, terjatuh dalam longkang lepas itu badan mereka dihanyutkan ke kolam lombong. Saya lihat ramai pegawai Pertahanan Awam di bawah jagaan Yang Berhormat Arau ini mereka malah bekerja sampai lewat malam. Pukul 10 saya tinggalkan tempat itu mereka masih ada di sana. Saya hendak bagi pujian lah saya hendak tanya yang anggota Pertahanan Awam ini adakah semua ini mereka adalah sepenuh masa *full time*? Ataupun mereka ini *part time*, dan juga adakah kerajaan bagi apa-apa bentuk elaun bagi mereka yang selalu muncul di tempat yang amat perlukan perkhidmatan mereka ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih dan malangnya untuk kes ini saya dapat maklumat selepas subuh tadi dan saya terus mengerahkan tambahan anggota untuk mencari mangsa yang hilang. Berhubung sama ada mereka mendapat elaun ataupun tidak. Yang pertama mereka ini adalah sukarelawan, ada di antara mereka mendapat elaun dan ada di antara mereka sukarelawan. Akan tetapi kalau Dewan yang mulai ini memikirkan bahawa itu merupakan kepentingan khusus yang harus diberi perhatian, jadi sudah pasti kerajaan akan mempertimbangkannya.

**6. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, kenapa kewujudan *International Tripartite Council* yang terdiri daripada pengeluar-pengeluar getah utama dunia iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand kurang berjaya dalam mengukuhkan harga getah pada satu paras yang memuaskan.

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) ditubuhkan selepas termetrainya Deklarasi Bali yang melibatkan Thailand, Indonesia dan Malaysia pada 12 Disember 2001 di Bali Indonesia.

Objektif penubuhannya ialah untuk memastikan pendapatan yang adil dan lumayan kepada para pekebun kecil getah di ketiga-tiga negara. Pengeluaran getah asli di kalangan negara *International Tripartite Rubber Council* buat masa ini hanya mewakili 67 peratus daripada jumlah pengeluaran getah asli dunia. Oleh itu, usaha-usaha yang dilaksanakan ITRC hanya dapat mempengaruhi harga getah asli dunia hingga pada satu tahap tertentu sahaja dan tidak secara keseluruhannya.

Kerjasama ITRC kurang berjaya kerana ketidakpatuhan negara ahli ATRC iaitu Thailand dan Indonesia terhadap program yang dilaksanakan seperti program *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS). Walau bagaimanapun, beberapa inisiatif yang dilaksanakan negara-negara ITRC seperti pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme*

(AETS) telah mampu mengelak harga getah dari terus jatuh dan mampu meningkatkan harga getah sekurang-kurangnya dalam jangka masa pendek.

Tuan Yang di-Pertua, di samping faktor asas iaitu permintaan dan penawaran yang mempengaruhi harga getah di pasaran antarabangsa, terdapat juga pelbagai faktor lain yang mempengaruhi seperti prestasi pasaran hadapan,harga minyak mentah, kadar tukaran mata wang negara iaitu Ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat, pertumbuhan ekonomi negara-negara pengguna utama getah dunia serta dasar-dasar fiskal dan kewangan yang di umumkan dan dilaksanakan oleh negara-negara pengeluar dan pengimport getah.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kepentingan ITRC dalam mempengaruhi pasaran getah dunia, mesyuarat peringkat menteri ITRC yang ada pada yang diadakan pada 15 September 2017 di Bangkok, Thailand telah meluluskan penyertaan Vietnam yang merupakan negara pengeluar getah asli ketiga terbesar di dunia untuk menganggotai ITRC. Penyertaan Vietnam akan meningkatkan *share* pengeluaran getah dunia bagi negara ITRC daripada 67 peratus kepada 76 peratus. Sementara itu *share* eksport getah asli dunia anggota ITRC akan meningkat daripada 76 peratus kepada 89 peratus. Penyertaan Vietnam akan meningkatkan lagi keberkesanan peranan ITRC dalam menstabilkan harga getah dan seterusnya menjamin pendapatan pekebun kecil getah yang lebih baik di masa hadapan. Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan dua penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pihak Indonesia dan Thailand tidak mengikuti persetujuan yang telah dicapai. Apakah tindakan yang pihak kerajaan buat, adakah nota bantahan? Ataupun apa-apa tindakan susulan berkenaan dengan ketidakpatuhan oleh pihak Indonesia dan Thailand. Kalau tidak apa guna sesuatu persetujuan dibuat.

#### ■1130

Kedua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri baru-baru kita mendapat laporan bahawa pengeluaran dan pengeksportan sarung tangan sudah mencelah tahap rekod dan pihak Malaysia adalah pengeluar sarung tangan terbesar dunia. Kenapakah dengan permintaan yang begitu banyak, harga getah pun tidak naik, malah menurun baru-baru ini?

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, ITRC tidak memberi mandat kepada mana-mana negara di dalam *tripartite* untuk mengambil tindakan kepada mana-mana negara ahli. Namun demikian, *tripartite* ini sebenarnya membantu banyak di dalam industri getah selain daripada mengawal pengeluaran getah daripada negara ahli tetapi ia juga boleh bertukar-tukar pendapat, bertukar-tukar maklumat di antara negara-negara yang ada. Jadi, itulah kebaikannya tetapi selepas itu apa yang berlaku adalah bila ada keingkaran daripada negara-negara ahli ini,

mereka akan bermesyuarat dan banyak dibincangkan perkara-perkara ini supaya setiap negara akan mematuhi.

Malaysia adalah pengeluar sarung tangan getah yang terbesar di dunia. Ini disebabkan Malaysia mempunyai syarikat-syarikat yang begitu baik, begitu berdisiplin dan telah menghasilkan sarung-sarung getah dengan harga yang baik. Harga getah sebenarnya tidak bergantung sangat kepada sarung getah. Ia bergantung kepada banyak faktor. Jadi, kita kena faham. Salah satu daripadanya ialah tindakan daripada tiga buah negara ini, yang dalam *tripartite* ini yang tidak mematuhi peraturan juga mempengaruhi. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, harga getah ini juga banyak terpengaruh kepada sentimen. Bila *tripartite* ini mengeluarkan *statement* selepas mesyuarat bahawa mereka akan mengawal pengeluaran getah, maka dengan sendiri harga getah akan naik. Itu baru sentimen sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, ini adalah satu daripada kebaikannya mengapa *tripartite* ini ditubuhkan. Saya percaya dengan adanya ahli baru seperti Vietnam, di mana pengeluaran getah merangkumi 76 peratus. Saya percaya dengan adanya *statements* yang dikeluarkan oleh ahli-ahli keempat-empat negara ini, ia akan mempengaruhi harga getah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal harga getah ini kita bincang sudah terlalu lama. Janji kerajaan pun banyak. Saya setuju dengan Yang Berhormat Beruas, kalau sudah anggota ITRC ini tidak patuh kepada perundingan. Apa perlu Malaysia menganggotainya? Saya hendak tanya, apakah usaha kerajaan secara bersendirian untuk menentukan harga getah di Malaysia ini lebih tinggi? Ini sebab saya di sempadan—di Thailand, harga getah lebih tinggi daripada Malaysia. Sedang dia ahli dalam ITRC. Ini saya hendak tanya, apa usaha kita yang lain untuk memperkuuhkan, meningkatkan harga getah supaya para penoreh getah dapat menikmati hidup yang lebih selesa di negara kita ini?

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Satu daripada cara kerajaan untuk membantu rakyat ataupun pekebun kecil getah ialah dengan mengadakan satu sistem yang dinamakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Kita tahu pekebun-pekebun kecil ini apabila harga getah turun, dia tidak akan menoreh getah dan apabila dia tidak menoreh getah, maka keluaran getah itu akan bertambah kurang. Jadi, apa yang kerajaan lakukan ialah kerajaan telah membuat siling bagi harga getah. Bila harga pasaran getah itu turun daripada siling yang telah ditetapkan, maka kerajaan akan membayar kepada pekebun kecil selebihnya. Ini telah menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk meneruskan menoreh getah mereka.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga prihatin dengan harga getah yang tidak begitu stabil. Oleh itu, kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM), berusaha untuk mengkaji menggunakan saintis-saintis yang ada untuk menghasilkan

barangan-barangan yang menggunakan ataupun projek-projek yang menggunakan getah sebagai bahan. Satu daripadanya ialah *rubberized road*. *Rubberized road* ini sedang diusahakan sedaya upaya oleh kerajaan supaya ia boleh digunakan di Malaysia menggunakan getah. Apabila itu berlaku, maka tentu sekali penggunaan getah banyak di Malaysia, maka itu akan menaikkan harga. Demikian juga dengan *rubber glove* yang saya katakan tadi. Satu lagi daripadanya ialah *seismic bearings*. Malaysia adalah pengeluar *seismic bearings* yang amat berkesan mengawal bangunan-bangunan daripada gempa bumi. Dengan adanya *seismic bearings* ini, maka bangunan-bangunan terjamin daripada gejala *earth quake*.

Banyak lagi usaha-usaha kerajaan telah dilaksanakan untuk memastikan penggunaan getah itu bertambah dari tahun ke tahun. Sekian, terima kasih.

**7. Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kerugian yang direkodkan berkaitan kes penipuan laman web pelaburan internet sejak 2014 hingga 2017 dan apakah langkah jangka masa panjang kementerian untuk membendung kegiatan ini yang seakan-akan tiada jalan penyelesaian.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memberikan perhatian terhadap kes-kes jenayah berunsurkan penipuan yang sering kali berlaku dan melibatkan jumlah kerugian yang amat besar pada mangsa. Pelbagai modus operandi telah digunakan oleh individu maupun sindiket dalam memperdayakan mangsa sama ada secara bersemuka ataupun secara *online*. Antara kes-kes penipuan yang dilaporkan adalah yang melibatkan penipuan pembelian atas talian (*e-commerce*), *love scam* iaitu berbentuk *African scam*, *Macau scam* berbentuk *online gambling*, penipuan pelaburan dan juga lain-lain. Dalam konteks penipuan pelaburan, ia lebih menjurus kepada pelaburan skim cepat kaya yang menawarkan skim yang kononnya dapat menjanjakan pulangan yang lumayan dengan cepat daripada pelaburan yang kecil.

Statistik keseluruhan kes penipuan bagi tahun 2013 sehingga 11 Oktober 2017 adalah seperti berikut:

- (i) jumlah *report polis* yang diterima sebanyak 2,590 aduan;
- (ii) jumlah mangsa yang terlibat dalam kes penipuan adalah seramai 1,734,960; orang terdiri daripada rakyat tempatan dan juga rakyat luar negara;
- (iii) jumlah keseluruhan kerugian yang dilaporkan setakat ini adalah dianggarkan sebanyak RM5 bilion.

Antara usaha-usaha yang dilakukan adalah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mengesan, menangkap dan seterusnya mendakwa individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan.

Tindakan penguatkuasaan juga diambil terhadap pemilik akaun yang dipanggil sebagai keldai akaun yang telah memberi pinjam akaun bank mereka kepada penjenayah bagi tujuan memudahkan penjenayah melakukan kegiatan ini. Siasatan juga dibuat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Selain itu, tindakan pencegahan juga diambil di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA). Pihak polis juga menasihati orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan keuntungan berlipat ganda dalam waktu yang singkat yang ditawarkan oleh sindiket-sindiket. Akan tetapi merujuk kepada pihak berwajib seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Bank Negara Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia untuk mendapatkan kesahihan pelaburan tersebut sebelum mengambil keputusan untuk melabur supaya tidak menjadi mangsa jenayah penipuan.

Saya tertarik dengan soalan Yang Berhormat mengenai kenapakah perkara ini tidak boleh diselesaikan? Ia tidak boleh diselesaikan, senang sahaja jawapannya Yang Berhormat. Ini kerana rakyat suka ditipu. Begini, laporan hanya dibuat selepas skim ini telah berlangsung selama setahun atau dua tahun. Ini sebab kerana pada permulaan skim itu, pelabur itu dibayar. Jadi, bila dibayar, dia rasa bahawa pelaburannya ditunaikan. Akan tetapi bila pelaburan itu, bila syarikat pelaburan itu tidak bayar lagi, barulah dia buat laporan polis, barulah dia menyalahkan pihak-pihak tertentu seperti polis dan sebagainya kenapa tidak kawal aktiviti jenayah pelaburan seperti ini.

■1140

Jadi yang pentingnya adalah rakyat tolonglah berwaspada, sedar mengenai kegiatan ini dan elakkan daripada melabur dalam mana-mana skim cepat kaya tanpa memeriksa dulu latar belakang syarikat yang menawarkan pelaburan seperti ini.

Jadi Yang Berhormat, itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi yang begitu komprehensif. Apa yang kita difahamkan, satunya, usaha kita patut menerusi mendidik rakyat-rakyat kita dalam kes penipuan ini.

Juga saya ingin tanya, apakah bentuk kerjasama yang terbaru di bawah NBOS yang disediakan oleh KDN untuk kita sedapat yang mungkin untuk memperketat lagi kawalan kita ke atas infrastruktur itu atau kegiatan-kegiatan ini selain daripada yang kita ada sekarang dan mengadakan satu entiti yang dapat mengawal sepenuh masa tanpa pertindihan antara agensi-agensi yang terlibat seperti Bank Negara, CyberSecurity dan *multimedia*, tetapi ada satu entiti yang boleh menjaga perkara ini?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya aktiviti pendidikan ini memang sentiasa dijalankan oleh KPDKKK, Bank Negara dan Polis Diraja Malaysia dan juga gerakan bersepada apabila dalam tindakan penguatkuasaan, itu juga dibuat bersama-sama dengan agensi-agensi berkenaan.

Masalah sekarang ini, banyak ciri pelaburan yang haram dibuat ini, ia menyentuh banyak jenis dan juga banyak kementerian. Saya beri contoh. Ada jenis pelaburan seperti *crude palm oil*. Jadi sudah masuk Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi pula. Ada yang *Mekah Islamic Hotel*, pelaburan yang tidak sah ini. Ada FX (*Forex Exchange*), ini tukaran mata wang asing. Ini biasalah penipuan daripada segi pertukaran mata wang asing ini. Ada itu JJPTR ini. [*Berucap dalam bahasa Mandarin*] Dengan izin. Saya boleh juga cakap sikit-sikit. [*Berucap dalam bahasa Mandarin*] Jadi, ini pun terlibat dengan aktiviti *forex exchange*.

Baru-baru ini ada satu skim pelaburan, Skim Perumahan DBI dan Juta Kelulut. Skim ini pula dia buat pelaburan dalam rumah kos murah pula. Jadi, banyak penjenayah ini memang dia pandai untuk membuat skim-skim seperti ini dan dia melibatkan banyak produk yang melibatkan banyak kementerian yang berkenaan. Jadi, pendidikan ini saya rasa akan kita teruskan. Tiga agensi yang saya sebutkan tadi telah pun membuat tetapi kita kena juga luaskan aktiviti pendidikan dan kesedaran ini kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang lain supaya mereka juga dapat bersama-sama dalam satu usaha NBOS untuk memberikan kesedaran kepada rakyat bahawa skim-skim pelaburan haram ini boleh menyebabkan kerugian kepada mereka. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa bukan sahaja kes penipuan laman web dalam skim pelaburan tetapi sekarang ini sindiket-sindiket ini juga cuba banyak cara untuk menipu seperti membuat panggilan telefon, menghantar SMS, *WhatsApp*, *WeChat*, e-mel dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya, apakah langkah-langkah yang akan dan telah diambil oleh kementerian untuk membendung kegiatan ini seperti skim pelaburan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mukah tadi? Berapakah kes yang telah diselesaikan dan dijatuhan hukuman di mahkamah? Saya juga ingin tahu, adakah pihak kementerian bekerjasama dengan SKMM untuk mengatasi masalah ini kerana ia biasanya di atas talian? Apakah kempen kesedaran yang telah dibuat supaya tidak ada rakyat lagi yang menjadi mangsa? Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya yang tadi saya sebut jumlah mangsa penipuan 2,590 orang yang melibatkan kerugian sebanyak RM4.922 bilion, lebih kurang RM5 bilion ini, hanya melibatkan 28 syarikat sahaja, 28 kategori. Masalah sekarang ini, pihak berkuasa sentiasa kena pantau dan tambah nilai maklumat sahaja untuk mereka menyiasat skim-skim baru ini yang belum pernah dibuat. Itu satu.

Kedua, selalunya skim-skim ini terbongkar apabila orang buat laporan. Ini yang masalah sekarang ini di mana kalau orang tidak buat laporan, mangsa tidak buat laporan, maka pihak berkuasa tidak akan dapat mengambil tindakan. Saya beri contoh, *African love scam* inilah. Mangsa ini dia bercinta atas talian. Dia tidak jumpa pun orang itu tetapi dia

boleh mudah terpedaya, dia boleh simpati dengan konon-kononnya nasib buruk orang ini dan dia beri duit pada orang ini dengan tanpa jumpa sekali pun. Selepas itu baru dia hendak laporkan.

Sudah tentu pendidikan seperti ini adalah pendidikan individu, diri sendiri. Jangan mudah beri duit pada orang yang kita tidak pernah jumpa pun tetapi itulah dia, bila sudah berlaku, inilah masalah yang dibuat oleh polis. Akan tetapi apa-apa kes yang dilaporkan, kita akan cuba menyiasat. Kalau orang itu ada dalam negara, kita akan ambil tindakan menangkap dia. Kalau orang itu di luar negara, ini masalah yang besarlah kerana kadang-kadang perhubungan itu dibuat secara atas talian dan wang tersebut dikirim secara atas talian. Jadi, orang yang terima wang tersebut bila sudah dapat, dia menghilangkan diri. Ini juga menimbulkan masalah kepada pihak penguat kuasa. Cara hendak menyelesaikannya, kita cuba dapatkan kerjasama daripada agensi penguat kuasa di negara lainlah di mana jenayah itu berlaku. Itu sahaja, terima kasih.

**8. Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Surat Kementerian Pelajaran Bertarikh 7 Januari 1976 (Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976 - Potongan Rambut Murid-murid) yang masih kukuh (seperti dijawab oleh kerajaan pada sidang lepas) akan dikuatkuasakan lagi dan secara terperinci adakah Surat Pekeliling tersebut boleh diguna pakai sebagai penyelesaian muktamad antara pihak sekolah yang masih degil dengan polisi pemotongan "rambut murid secara 3-2-1" dan ibu bapa yang tidak setuju dengan polisi sekolah tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius isu melibatkan kekemasan diri murid termasuklah isu rambut. KPM telah memberikan tanggungjawab kepada pihak sekolah untuk menjelaskan kepada murid dan ibu bapa berkenaan disiplin dan peraturan-peraturan sekolah yang harus dipatuhi termasuklah yang berkaitan dengan potongan rambut murid.

KPM telah mengeluarkan arahan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976 - Potongan Rambut Murid-murid bertarikh 7 Januari 1976 kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah. Pihak pentadbir sekolah telah diminta supaya memantau dan memastikan pemotongan rambut murid lelaki adalah selaras dengan peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Sebarang ketidakpatuhan kepada dasar dan pekeliling yang sedia ada boleh membawa kepada tindakan tatatertib berdasarkan peraturan sedang berkuat kuasa. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan Menteri pernah bincang ini pada sesi yang lepas di luar Dewan, tetapi keadaan di beberapa sekolah di Penampang masih lagi meminta ataupun membuat satu disiplin kepada budak-budak sekolah di mana *hair cut* mereka, dengan izin, adalah 3-2-1. *They look like banduan*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**■1150**

Dalam pekeliling yang disebut oleh Menteri tadi terang di sini dalam buku Pengurusan... [*Sambil menunjukkan senaskhah buku*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ramai di dewan ini yang *hair cut* kosong semuanya Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** [*Ketawa*] Buku Pengurusan Murid Disiplin Murid Tuan Yang di-Pertua. Terang dengan *haircut*, *haircut* yang baik. So, kalau dapat Menteri memberi notis lagi ataupun surat pekeliling untuk sekolah-sekolah di Penampang dan juga di seluruh Sabah ataupun di Semenanjung Malaysia dan Sarawak, di mana sekolah tidak mematuhi pekeliling tersebut boleh diambil tindakan. Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Penampang, bahawa itulah gambar rajah yang sama yang ditunjukkan di dalam pekeliling tersebut, ini adalah yang terbaiklah, yang kemas dirinya pemotongan rambut untuk murid-murid lelaki. [*Sambil menunjukkan senaskhah buku*]

Akan tetapi dalam pekeliling kita, kita hanya menyebut rambut panjang, tidak boleh melebihi cuping telinga, tidak boleh melebihi dahi, itu panjang dia. Akan tetapi yang pendek, berapa pendek itu tidak ada dalam pekeliling. Jadi secara tradisinya Tuan Yang di-Pertua, dalam sekolah-sekolah yang lama yang mempunyai tradisi tiga, dua, satu memang diguna pakai semenjak mereka ditubuhkan dan sekolah diberikan kuasa, oleh guru besar ataupun pengetua menentukan, tanpa melanggar kepada pekeliling sedia ada supaya mereka sentiasa kemas kini.

Untuk yang itu, PIBG juga berkuasa sekiranya mendapat persetujuan PIBG, maka mereka boleh melaksanakan tiga, dua, satu. Jadi saya tahu ibu bapa yang muda, mungkin hendak *hair style* seperti Yang Berhormat Penampang, memang cantik, tetapi di sekolah tidak perlulah, belum sampai tahap itu lepas tamatnya sekolah barulah kita menyimpan *style-style*, fesyen-fesyen yang seperti Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi Yang Berhormat, adanya *limitkan*. So, *the limit is good*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah cukup, *no further question* Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Datuk Rozman bin Isli.

**9. Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]:** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian bersedia untuk mengkaji semula keperluan rakyat dengan menempatkan pegawai perubatan di Klinik 1Malaysia (K1M) selain penolong pegawai perubatan dan jururawat sebagai langkah meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan di kawasan bandar setelah tujuh tahun beroperasi sejak 2010.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Rozman, daripada Labuan. Tuan

Yang di-Pertua, saya ingin memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Sarikei pada 27 November, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, Klinik 1Malaysia telah ditubuhkan pada 2010 bertujuan mengurangkan beban golongan terpinggir serta penduduk bandar berpendapatan rendah dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

Bermula dengan 53 buah Klinik 1Malaysia pada 2010, jumlahnya telah bertambah kepada 361 buah tahun ini. Penerimaan baik masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Klinik 1Malaysia, dapat dilihat menerusi pertambahan kedatangan pesakit dari tahun ke tahun. Pada tahun 2015, kedatangan pesakit ke Klinik 1Malaysia berjumlah 6,092,332 manakala pada tahun 2016 jumlah kedatangan pesakit adalah 6,472,001 orang pesakit, iaitu peningkatan enam peratus setahun.

Bagi tahun 2017 hingga 31 Ogos yang lalu jumlah kedatangan pesakit adalah 4,445, 828 orang. Pihak kementerian sentiasa berusaha untuk menambah baik perkhidmatan yang diberikan oleh Klinik 1Malaysia. Salah satu inisiatif tersebut ialah dengan penempatan pegawai perubatan di Klinik 1 Malaysia dan sehingga 30 September 2017, sejumlah 102 buah dari 361 klinik seluruh negara telah ditempatkan dengan pegawai kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perjawatan yang diterima untuk perjawatan doktor yang diterima untuk Klinik 1Malaysia hanya 60, yang tambahan-tambahan kita pinjamkan daripada klinik-klinik yang dekat Tuan Yang di-Pertua dan kita masih terus berusaha untuk meminjam sementara menunggu perjawatan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, penempatan pegawai perubatan di Klinik 1Malaysia secara tetap melibatkan sumber dan sokongan dari pelbagai pihak. Ini kerana penempatan pegawai perubatan akan turut melibatkan pertambahan anggota kumpulan sokongan yang lain, khususnya pegawai farmasi dan dua orang tiap-tiap, kalau ada seorang doktor kena ada satu penolong pegawai farmasi, dua MA, dua jururawat dan dua orang atendan Tuan Yang di-Pertua. Kita akan terus berusaha untuk menempatkan lagi jumlah perjawatan supaya dapat kita isi di Klinik-klinik 1Malaysia yang masih perlu penempatan doktor.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapannya Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kita akan menempatkan, ataupun adakah kerajaan merancang untuk menempatkan pegawai perubatan ataupun doktor di semua Klinik 1Malaysia? Berapa lamakah dijangkakan ia akan boleh tercapai? Adakah juga kita akan membuat yang sama kepada klinik-klinik desa, untuk menambahkan perkhidmatan kesihatan di seluruh negara? Adakah kita akan upgrade juga di sebahagian klinik desa menjadi klinik kesihatan, sebab ia akan dapat

mengurangkan kesesakan di hospital dan seterunya dapat memberikan perkhidmatan yang baik. Begitu juga adakah dapat kita tempatkan ambulans di tempat-tempat yang sesuai? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dalam jawapan tadi, bahawa Klinik 1Malaysia adalah diwujudkan khas untuk mereka dalam bandar yang tidak mampu hendak pergi ke klinik swasta, jadi kita adakan Klinik 1Malaysia, makna di bandar ataupun di pinggir bandar. Untuk luar bandar memang sudah ada klinik-klinik kesihatan dan sekarang sudah ada lebih 1,000 klinik kesihatan dan juga klinik desa dan klinik ibu dan anak lebih kurang 2,000.

Memang ada perancangan oleh pihak kementerian untuk kita *upgrade* klinik desa ini kepada klinik KK tahap tujuh, makna dia ada dengan doktor dan juga *out patient service* Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada untuk rawatan untuk ibu mengandung, KK tujuh ini akan ditempatkan juga doktor dan di mana ada perkhidmatan pesakit luar Tuan Yang di-Pertua.

Ini kita buat peringkat demi peringkat, dan kosnya memang tinggilah. Contohnya kalau saya sebut di Semenanjung KK tahap tujuh lebih kurang lima juta, tetapi kalau di Sabah Sarawak oleh sebab masalah *transportation* yang jauh, kosnya akan bertambah.

**10. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah kos projek untuk membina jejambat di Sibu Pan Borneo Highway projek. Apakah rasionalnya untuk membina jejambat itu.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan persimpangan bertingkat di kawasan Sibu merupakan sebahagian daripada skop pembinaan bagi pakej persimpangan Bintangor ke Sungai Kuak.

Anggaran kos persimpangan tersebut adalah RM61.8 juta dan dilaksanakan bagi menambah baik aliran trafik dan faktor keselamatan di kawasan tersebut berdasarkan hasil kajian trafik dan Audit Keselamatan Jalan atau *Road Safety Audit* dengan izin. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Soalan tambahan, kerana persimpangan jalan itu merupakan adalah sebahagian daripada kawasan Sibu, jadi *flyover* itu memang tidak memanfaatkan penduduk di Sibu. Dia hanya merupakan sebahagian dari - pengguna dari Bintulu ke Sarikei, jadi tidak melibatkan apa-pa yang manfaatkan penduduk di Sibu. Jadi saya minta penjelasan mengapa kementerian ada perancangan untuk membina *flyover* di bahagian tersebut.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibu saya ingin memaklumkan di sini Yang Berhormat, walaupun pada

pandangan Yang Berhormat ia tidak perlu, tetapi mengikut kajian, pembinaan persimpangan tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan, Yang Berhormat ya. Bukan itu sahaja, tetapi pembinaan persimpangan itu penting kerana disebabkan oleh laporan yang diterima, mengenai *volume traffic*, kajian trafik dan juga kajian keselamatan.

**■1200**

Oleh itulah Yang Berhormat, pihak kerajaan khususnya melalui PDP merasakan bahawa terdapat keperluan yang begitu serius— kebetulan yang keperluan untuk membina persimpangan tersebut Yang Berhormat disebabkan oleh faktor-faktor ini. Benda ini bukan kita suka-suka Yang Berhormat. Ia berlandaskan kepada kajian yang telah dilaksanakan seperti yang saya jawab pada jawapan asal iaitu *road safety audit* yang telah dilaksanakan Yang Berhormat.

Ini bukan disebabkan oleh kita suka-suka kita hendak buat sesuatu tetapi ia adalah berlandaskan kepada kajian-kajian yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Saya faham tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibu *no further questions*. Tiada soalan tambahan sebegini Yang Berhormat.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tetapi, kami kalau tengok kajian data trafik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat setakat itu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 2017**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Kewangan 2013; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan, [Dato' Wira Othman bin Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2017**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan, [Dato' Wira Othman bin Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN  
(PINDAAN) (NO.2) 2017**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan, [Dato' Wira Othman bin Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat 12(1). Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Urusan kerajaan Yang Berhormat. Sekejap. Sila Yang Berhormat Menteri.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.03 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 1 November 2017”.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya mengemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalah ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan].*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua. Peraturan mesyuarat yang ke-21 tentang Pertanyaan-pertanyaan Parlimen yang semalam. Soalan saya, 37 tentang Zakir Naik, penceramah agama dari India sama ada dia ditawarkan pemastautin tetap ataupun kewarganegaraan oleh Malaysia. Sampai sekarang pun tidak ada jawapan. Jadi, semua orang tunggu. Jadi, saya rasa yang Kementerian Dalam Negeri (KDN) ini tidak patuh peraturan mesyuarat dan tidak bagi saya jawapan. Sila bantu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat 21 mana Yang Berhormat? *What is 21 Yang Berhormat?* Pertanyaan-pertanyaan boleh diarah kepada Menteri—dia bukan soal jawapan, Yang Berhormat. Itu Peraturan Mesyuarat 21 itu dia kata Ahli Parlimen boleh menjawab kepada Yang Berhormat Menteri seperti apa yang dilakukan. Pertanyaan isu yang Yang Berhormat bangkitkan belum menerima jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Tidak apalah saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk ambil maklum perkara ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[30 Oktober 2017]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong, sebelum Yang Berhormat Puchong mulakan semalam saya telah maklumkan bahawa Yang Berhormat Puchong mempunyai 30 minit untuk had masa perbahasan. Walau bagaimanapun, tempoh perbahasan pagi ini akan bermula pagi ini akan dihadkan kepada 20 minit iaitu selepas Yang Berhormat Puchong dan selepas seorang daripada wakil kerajaan. Selepas dari seorang wakil kerajaan, tempoh berbahasan adalah 20 minit. Sila Yang Berhormat Puchong. 30 minit.

**12.06 tgh.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** 30 minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun membentangkan satu bajet di mana jumlah wang yang diminta adalah besar. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk kerajaan menunjukkan bahawa ianya adalah kerajaan yang menekankan prinsip integriti, yang menekankan prinsip bahawa sekiranya undang-undang digubal oleh Parlimen. Maka, undang-undang itu akan dipatuhi. Sekiranya ada apa-apa kesalahan di mana ada siasatan itu tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Jadi, di dalam keadaan itu saya bangkit untuk tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah wang-wang dan usaha-usaha dari segi kewangan yang di bawah untuk mengukuhkan jabatan-jabatan seperti PDRM, SPRM dan juga Jabatan Peguam Negara. Demi usaha, demi menunjukkan bahawa kerajaan serius dalam usaha-usaha untuk membanteras kegiatan jenayah dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada satu jawapan yang diberikan kepada saya oleh Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri minggu lalu. Di mana dalam satu soalan yang saya tanya berkenaan dengan status siasatan dalam kes 1MDB khususnya berkenaan dengan wang-wang yang dikatakan dijumpai dalam akaun Ahli Parlimen Pekan. Apakah tindakan yang telah pun diambil sehingga sekarang? Kenapa tidak ada tindakan sekiranya tidak ada?

Apa yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua adalah ini, kita lihat bahawa ada kenyataan daripada pihak polis. Pihak polis mengatakan bahawa mereka telah pun *and I read "submitted the investigation papers to the AG's Chamber on April 12"*. Jadi, dalam tahun ini bulan April telah pun dibawa kertas siasatan kepada Jabatan Peguam Negara. Selepas itu, Ketua Pegawai Polis Negara mengatakan pada 20 September *"police has concluded the investigation into 1MDB and there is no need to investigate the case further"*. Ini membuat rujukan kepada fakta bahawa kertas siasatan telah pun dihantar ke Jabatan Peguam Negara supaya tindakan diambil oleh Jabatan Peguam Negara.

Dalam sesi Parlimen ini, saya tanya sekali lagi apakah status siasatan itu? Saya lihat satu jawapan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Beliau katakan bahawa kertas siasatan itu dihantar balik sekarang kepada pihak polis untuk siasatan lanjutan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa lama kita perlukan untuk siasatan kes 1MDB. Apakah yang telah pun terjadi? Kenapa kes ini berdolak-dalik daripada pihak polis pergi ke Jabatan Peguam Negara, kepada Jabatan Peguam Negara balik kepada Jabatan Polis. Kenapa kita tidak boleh mencapai satu kata putus berkenaan dengan sama ada ataupun tidak kita perlu ambil tindakan.

Ini adalah satu perkara yang bukan dibincangkan oleh kita di Malaysia sendiri Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu perkara yang dibincangkan di seluruh dunia. Seluruh dunia melihat sistem keadilan di Malaysia khususnya berkenaan dengan kes 1MDB ini.

Jadi, saya minta supaya satu keputusan diberikan kepada kita atau penjelasan kenapa sampai sekarang tidak ada tindakan. Sampai bila mereka akan berdolak-dalik daripada Jabatan Peguam Negara balik polis, balik Jabatan Peguam Negara. Ini bukan main-main. Kita mahu tahu. Selaku Parlimen kita ada hak untuk tanya soalan ini. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri jawab soalan ini pada sesi jawapan menteri-menteri yang akan datang.

Ini berkaitan dengan Jabatan Peguam Negara. Dalam Jabatan Peguam Negara, kita tahu ada satu Peguam Negara. Beliau ada kuasa untuk ambil tindakan. Ini termaktub di bawah Artikel 145, Perlembagaan Persekutuan.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini dalam bulan Mei mendengar satu operasi tangkapan besar-besaran. Ada dilaporkan bahawa satu operasi dibuat secara besar-besaran oleh SPRM di mana ramai pegawai polis ditangkap khususnya di Melaka. Di situ dinyatakan bahawa pegawai-pegawai ini yang juga termasuk pegawai-pegawai tertinggi, OCPD dan sebagainya yang dikatakan kononnya mereka ini terlibat dalam melindungi kegiatan-kegiatan judi. Mereka ini terlibat mengambil wang daripada tauke-tauke judi ini, melindungi perniagaan mereka dan juga dikatakan bahawa wang ini sebahagian besarnya disalurkan balik kepada pegawai-pegawai polis tertinggi di Bukit Aman. Ini adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh surat khabar, kenyataan yang disahkan oleh SPRM. Saya minta kebenaran untuk membaca apa yang dinyatakan dalam satu petikan daripada *The Star* yang bertarikh 18 Mei 2017.

Ini apa yang dinyatakan Tuan Yang di-Pertua, “*Top cops held for protecting vice dens. One is a humble man who for the last four years has had a good relationship with the people. He is Melaka Tengah OCPD Assistant Commissioner Shaikh Abdul Adzis Shaikh Abdullah. The other is a relatively new historical state, having just assumed office about four months ago. He is Jasin OCPD...*

*...Deputy Supt Sakri Yusof @ Zahari, aged 46.*

*But both the top cops were arrested yesterday by anti-graft officers in a follow-up swoop. Sources said cash amounting to RM79,000 was found in ACP Shaikh Abdul Adzis' house. On Tuesday, two senior officers with the rank of Assistant Superintendence, two inspectors, two middle men and an operator of an illegal gambling den were rounded up in an operation codenamed Ops Gopi. So far, anti-graft officers have seized RM186,000 in cash and have frozen the bank accounts of all suspects totaling more than RM459,000.”*

Kemudian dikatakan reman telah pun diperoleh untuk mereka itu, yang bermaksud bahawa siasatan diadakan; “*At the Magistrate's Court here, all the nine suspects were remanded for six days until May 22<sup>nd</sup> to assist in the probe. It is also learnt that one of the*

*middlemen – a businessman from Taman Kelubi in Jasin – was known to drop names of Bukit Aman officers to intimidate other cops in the state.”*

Ini apa yang dilaporkan dalam surat khabar, a national newspaper. “*Another source said that the suspect had links with Bukit Aman and could recommend certain officers for key positions in the state, including as a district police chief. Another middleman, in his late 30s, was said to be influential among illegal online gambling operators and prostitution racket in Melaka Tengah. The suspect was said to have amassed ill-gotten wealth from over 80 illegal gambling outlets there.*”

Ini dilaporkan dalam surat khabar. SPRM ambil tindakan. Mereka menghantar pegawai-pegawai Tuan Yang di-Pertua, tangkap orang ini. Apabila ditangkap, diperoleh wang bersama dengan mereka. Kemudian ada asas untuk minta reman dan reman diberikan. Selepas itu apa berlaku? Ada laporan yang mengatakan bahawa ada *link to Bukit Aman, top officers in Bukit Aman. Who are the top officers in Bukit Aman?* Saya mahu tahu. Kenapa satu kes yang sebesar ini tidak ada tindakan? Orang biasa di luar sana laporan polis dibuat, apa kita lihat? Mereka bawa dalam baju oren, mereka pergi ke macam-macam tempat dan sebagainya.

Kenapa ada perbezaan? Why ada double standards? What happened to the top cops of this country? Adakah Ketua Polis Negara yang sebelum daripada ini, adakah beliau terlibat? Saya mahu tahu. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh kita gelapkan. Is there a cover up in Ops Gopi? Because it leads to top officers in Bukit Aman. Ketua Polis Negara pada masa itu Tan Sri Khalid bin Abu Bakar, beliau juga ada kata dan ini apa dilaporkan juga. Saya baca dalam petikan yang sama, “*Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar, when contacted, issued a stern warning.*” Ini sahaja warning? “*We will not condone or protect those involved in illegal activities, especially if it threatens the security of the country. Stern action will be meted out against any personnel regardless of rank.*” Ini apa yang dikatakan.

Jadi saya hendak minta Jabatan Peguam Negara kena jawab. Apakah tindakan yang telah pun diambil? SPRM kena jawab. Kenapa kes ini sekarang disenyapkan? Tan Sri Khalid bukan IGP sekarang tetapi kita ada IGP yang baru. Saya minta dia juga beri jawapan melalui kementerian. Apakah yang dikatakan sebagai *internal inquiry*? Apa berlaku? Ini dalam bulan Mei. Dalam bulan Mei kita baca. Oh, kononnya SPRM, we are now going to fight corruption, integrity. Apa berlaku? Tidak ada apa-apa.

Kemudian apa kita bacakan Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita bacakan dalam bulan Julai. Ada kononnya video klip yang dikeluarkan. Video klip yang dikeluarkan menunjukkan seorang pegawai tertinggi daripada SPRM kononnya beliau di Bali dengan seorang wanita, apa ini?

Ada orang yang tanya saya kenapa bangkitkan? Saya hendak jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya Ahli Parlimen, kita semua Ahli Parlimen. Dalam tahun 2009, kita yang menggubal undang-undang ini, Akta SPRM. Akta SPRM ini

yang mewujudkan SPRM. Akta SPRM ini yang mewujudkan jawatan Ketua SPRM. Jadi kalau kita sebagai Ahli Parlimen, apabila kita mewujudkan jawatan-jawatan ini, kita mahu orang yang berwibawa, orang yang *credible*, orang yang berintegriti yang menjawat jawatan itu. Ini kerana kalau orang itu tidak berintegriti, maka kita boleh ada ancaman yang boleh dibawa.

Contohnya senang Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil sebagai contoh. Ini contoh ya. Apakah kalau orang menyatakan bahawa tidak ada tindakan dalam *Ops Gopi* kerana video ini digunakan terhadap pegawai tertinggi, *is there a cover up?* Kita ada SPRM siasat pihak polis dalam *Ops Gopi*. Sekarang kita ada pihak polis yang siasat Ketua SPRM dan video klip ini. *What is going on?* Ini memalukan. Kenapa sampai sekarang tidak ada jawapan? Saya tanya IGP, langsung tidak ada jawapan, senyap begitu sahaja. Saya tanya Peguam Negara, tidak ada jawapan. Hari itu saya tanya Tan Sri Zulkefli Ahmad *Chief Commissioner of MACC*, beritahu kita *are you the one in the video tape? Actually, it's him.* Dia yang dalam video klip itu, kita semua tahu. Kenapa dia diam sampai sekarang?

Adakah kes-kes lain Tuan Yang di-Pertua juga sekarang tergendala dalam SPRM kerana video ini wujud? Adakah video-video lain juga yang ada? Saya mahu tahu. Bukankah ini satu kes yang cukup penting? Tindakan kena diambil dengan cepat supaya perkara ini dapat diselesaikan. Kenapa pihak polis juga meringankan perkara ini? *Why are they dragging their feet?* Kenapa langsung siapa-siapa pun tidak hendak jawab soalan ini? Kes 1MDB melibatkan Yang Amat Berhormat Pekan kononnya tidak ada tindakan. Kes *Ops Gopi* melibatkan pegawai-pegawai tertinggi polis tidak ada tindakan. Kes ini melibatkan pegawai tertinggi MACC, SPRM tidak ada tindakan.

**Seorang Ahli:** Apa ini?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *What is happening in Malaysia?* Saya hendak tanya SPRM, adakah benar – Yang Berhormat Menteri kena jawab, adakah benar Tan Sri Zulkefli Ahmad dalam video klip itu? Nombor satu.

Nombor dua, adakah beliau *was he on an official trip in Bali at that time?*

Nombor tiga, kalau kita lihat kepada video-video klip itu kita dapat lihat pegawai-pegawai lain atau orang-orang lain, adakah mereka juga pegawai-pegawai SPRM? *Has SPRM known about this, all these while and kept quiet about it?* Ini orang yang turun ke padang *everywhere he goes*. Cakap berkenaan dengan integriti, pakai *bandana*. Yes, nasib baik tidak ada gitar. Kalau ada gitar, lagu itu pun dia ‘buh’. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Khutbah saya dengar. Kita semua Ahli Parlimen, mewujudkan satu SPRM. Kalau ada orang macam ini di situ, kenapa kita semua duduk diam-diam? *Why are everyone or why is Parliament keeping silence? We must show that we are serious. We must show that when we make laws, we create position, we want these people to do their job with integrity, faearless without favor.* Itu apa yang kita hendak.

Jadi kita lihat kembali perkara pokok di sini, adakah siasatan akan dilakukan? Adakah siasatan diambil? Adakah satu kenyataan diambil daripada Tan Sri Zul?

Nombor dua, berkenaan dengan *Ops Gopi* saya hendak tanya, adakah kenyataan diambil daripada bekas Ketua Polis Negara? Kenapa tidak ada tindakan? Jadi kepada saya ini satu perkara yang cukup penting.

Kita biasa dalam negara ini, kita sebut berkenaan dengan kes-kes tetapi tindakan tidak diambil. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, satu jawapan dalam Parlimen, saya tidak tahu apa yang difikirkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

**■1220**

Apa yang saya dengar, apa yang semua orang dengar, beliau kata bahawa memang ada *warrant for arrest against Jho Low*. Ada. Dia kata Interpol telah pun dimaklumkan dan kerjasama diberikan. *The next day*, satu kenyataan dikeluarkan, *issued the statement*. Apa yang dikatakan? Dia katakan, “*Oh saya silap! Sebenarnya kes itu sudah ditutup!*” Dia kata media silap, laporan silap. *That's not the point*.

*The point is this.* Kalau kita ada asas untuk mohon waran tangkap, kalau kita ada asas mohon Interpol bantu kita untuk tangkap orang ini, sudah semestinya ada kes untuk disiasat. Takkan kita hendak minta Interpol begitu sahaja? “*Okey, ambil waran tangkap terhadap orang-orang macam Yang Berhormat Arau atau sesiapa.*” Tidak ada. Fasal dia tidak ada kes. Tidak ada! Tidak ada kes jenayah lah. Lain kes mungkin ada. [Ketawa] Ya. Tapi ini isunya. So, apa ini? Kita hendak mempermainkan rakyat Malaysia? *You're playing the fool with us, is it? Malaysia simply will go to Interpol and say okay, please look for this fellow and that fellow even when there's no case?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Just before that.* Sebelum daripada itu, saya hendak beritahu, selepas daripada itu kita ada Menteri— Sorry, Yang Berhormat Kapar. *I'll give you in a minute.* Kita ada Menteri *Tourism Minister*, Yang Berhormat Padang Rengas, Yang Berhormat Padang Rengas kata, “*What offense has Jho Low committed?*” *What offense has Jho Low committed?* Itu soalan tanya Peguam Negara. *What offense has he committed that results in you asking for a warrant of arrest, that results in you asking Interpol for help?* Apakah kesalahan yang dilakukan yang membawa kepada permohonan untuk waran tangkap yang membawa kepada permohonan daripada Interpol supaya cari Jho Low ini?

Kalau Yang Berhormat Menteri itu hendak tahu, saya boleh bagi tahu sekarang. Saya tidak akan sebut daripada peribadi tetapi saya baca apa yang disebut oleh seorang bekas Hakim, Datuk Seri Gopal Sri Ram. Beliau kata, “*On the facts available from documents in the public domain, it is clear that he has committed at least four offences,*” said Gopal Sri Ram. He said, “*Jho Low had committed criminal breach of trust of the*

*property over which he was fully entrusted with.” Clear. Secondly, he said that Jho Low could be prosecuted for cheating— kes tipu— that he can also face charges for conspiracy to commit criminal breach of trust and abetment of criminal breach of trust. The police are perfectly entitled to hunt him down as a fugitive from justice.*

Ini apa yang disebut oleh seorang hakim dari luar. Bawa wang negara pergi merayau satu dunia. Berbilion-bilion dibelanjakan tidak tahu atas mana— ada *painting*, ada macam-macam punya barang, *pink colored diamond and all sorts of things*. Kita hendak tanya sekarang, *what offense has he committed?* Kalau pun *he has not committed an offense*, bukankah negara kita hendak soal siasat dia, hendak tanya dia berkenaan dengan kes ini? Kenapa boleh dilepaskan begitu sahaja? So, apa yang berlaku di Malaysia? Kita ada satu keadaan yang memang merunsingkan. Kita ada satu keadaan yang mana kita lihat bahawa tiada tindakan yang diambil.

Tak cukup itu, kita juga ada satu kes yang melibatkan satu Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak bagi nasihat kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua ada masalah dengan mana-mana wartawan, Tuan Yang di-Pertua boleh pergi terus ke ofis mereka dan serang mereka. Tidak payah tulis surat peguam, tidak payah buat laporan polis, tidak payah *call* dan tanya apa yang berlaku. Ini apa yang berlaku. Apa berlaku dalam kes ini? Surat khabar Tamil— bukan Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada satu Timbalan Menteri.

Satu kes di mana satu surat khabar India *Tamil Mala Newspaper*, mereka dikatakan membawa satu cerita atau satu siaran berkenaan dengan satu Timbalan Menteri itu. Apa berlaku? Timbalan Menteri itu bersama-sama dengan satu kumpulan lelaki yang dipercayai lelaki daripada MIC, mereka serbu pejabat akhbar itu. Ya! Ada CCTV, ada video menunjukkan apa yang berlaku. Tumbuk menumbuk sehingga seorang itu masuk ke hospital. Seorang wanita juga dipukul tetapi sehingga hari ini tidak ada tindakan. Kenapa tidak ada tindakan? Menteri ini Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Ahli Parlimen dari Tapah. Kenapa tidak ada tindakan?

So, saya hendak minta— mana dia? Ini hari tidak ada mari. Saya minta supaya dia datang ke Dewan ini dan keluarkan dalam order itu *white paper— sorry, a personal explanation*. Ada peruntukan yang saya boleh tunjukkan. *At least he should come.* Kerana saya dijumpai oleh ramai orang, dia tanya, *“Can we allow this kind of thing to happen?” What is Barisan Nasional doing? Your Timbalan Menteri going around behaving like this.*

Ini kes pertama yang menjadi kes yang besar untuk IGP yang baharu, Tan Sri Fuzi. Tidak ada tindakan. *With the greatest of respect, this IGP has shown to be the weakest. He’s completely incapable of doing anything. He must now prove himself. We want to see him work, we want to see him come up to mark. That’s the reason why I asked him. Explain yourself*, apa yang berlaku dalam kes ini? Kenapa sehingga sekarang tidak ada tindakan?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapar mahu tanya soalan. Saya beri laluan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Puchong. Saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Puchong tadi yang mengatakan polis sedang siasat SPRM dan SPRM sedang siasat Polis. Saya rasa itu adalah kata kunci kepada semua permasalahan yang wujud di Malaysia sekarang. Adakah ini bermaksud polis sedang *compromise* dengan SPRM dan SPRM sedang *compromise* dengan Polis berkaitan dengan isu-isu yang lebih besar seperti operasi Gobi, Jho Low, 1MDB dan sebagainya? Termasuk kes yang berkenaan dengan Timbalan Menteri. So, dekat sini kita nampak macam SPRM kena jaga Polis, Polis kena jaga SPRM supaya kedua-dua isu tidak dibongkarkan. *Compromised. Are there anything to do with that?* Apa pandangan, Yang Berhormat Puchong?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya bagi Yang Berhormat Sepang dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada sahabat saya Yang Berhormat Puchong.

Yang Berhormat Puchong, saya nak tanya yang tadi ya. Saya tertarik bila Yang Berhormat Puchong kata kenyataan daripada Menteri dari Padang Rengas yang menyatakan apakah—*what offense has Jho Low committed?* Bagi saya, soalan yang patut ditanya ialah apakah *offense* yang dia tidak *committed*? Bukan *has committed. What offense has he not committed?* Itu lebih *proper*-lah saya rasa soalan itu. Itu yang pertama.

Keduanya, saya tanya dengan Yang Berhormat Puchong, saya membaca kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang isu waran tangkap ini. Saya hendak tanya, dia kata bahawa tidak ada kes yang hendak disabitkan, tidak ada kes yang disabitkan, soalan saya, macam mana kes hendak disabitkan kalau tidak pergi ke mahkamah? Jadi minta komen dari Yang Berhormat Puchong. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu jawab soalan daripada Yang Berhormat Kapar dulu. Itu apa yang saya sebutkan. Bila ada pihak-pihak di luar sana yang tanya kenapa kita bangkitkan isu ini, saya jawab saya bangkitkan isu ini kerana tugas saya sebagai Ahli Parlimen untuk pastikan bahawa institusi-institusi yang diberi kuasa untuk menjaga negara ini memang ada integriti. Bila saya sebut begitu, itu maksud saya— apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar tadi.

Bila di luar di sana orang ramai melihat, nombor satu, mereka lihat kes-kes besar yang keluar dalam surat khabar, yang keluar dalam *mass media*, yang keluar dalam Internet, mereka baca dan selepas itu mereka tunggu, tidak ada jawapan. Mereka terus bertanya apa berlaku kepada kes-kes ini? Kemudian mereka lihat lagi bahawa bukan sahaja ada kes-kes yang mana pihak polis terlibat yang disiasat, juga ada kes-kes yang

melibatkan pihak yang bertentangan yang disiasat. Jadi soal yang berlaku adalah *people lose confidence in the system*.

Saya rasa sebagai Ahli Parlimen, kita tidak menggubal undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini untuk memberikan ruang supaya masyarakat awam di luar sana *can lose confidence in the system*. Kita perlu tegas. Kita perlu pastikan bahawa semua ketua-ketua jabatan yang kita ada di negara ini orang yang tidak ada sebarang masalah supaya mereka boleh membuat kerja yang dikatakan *without fear or favor*. Itu apa yang kita hendak. Jadi apabila masalah ini dipanjangkan, tidak ada jawapan, tidak ada balasan, apa yang berlaku? Berlakunya dari segi *a loss of confidence*.

Saya juga hendak bawa satu yang penting. Kita kena faham, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam semua jabatan-jabatan ini, kita ada kakitangan-kakitangan di peringkat bawahan. *When we have the low ranking officials, they are the ones that do the job.* Mereka pergi tangkap, mereka pergi serbu, mereka siap buat siasatan.

#### ■1230

Bagaimana dengan perasaan mereka, moral mereka apabila mereka berusaha buat kerja selepas itu tidak ada tindakan. *So, as Parliament we must also speak up for them, we must make sure that cases that they work on are prosecuted*, itu satu. Berbalik kepada soalan daripada Yang Berhormat Sepang, saya tidak tahu tetapi soalan yang kita semua tanya berkenaan dengan Jho Low, bagaimana seorang ini sehingga sekarang tidak ada langsung boleh ambil tindakan, tidak ada langsung. Adakah beliau mempunyai kekebalan? Itu satu.

Kedua, walaupun kes itu tidak cukup untuk sabitan, itu perkara lain. Di dalam negara ini bukan kes-kes yang boleh sabit sahaja kita tangkap dan minta penjelasan daripada suspek. Ada banyak kes di mana kita tangkap dahulu, kita siasat dahulu baru kita tahu ada bahan tidak untuk kita hendak sabitkan. Di sini di sebaliknya, kita kata tidak ada keterangan untuk sabit, memang tidak ada keterangan untuk sabitlah. *You* tidak cari dia, tidak tanya dia, mana ada keterangan untuk sabit. *[Tepuk]* Ini permainan *and I think this is the time to stop this nonsense* kerana kita di luar sana, masyarakat lain, semua orang *we all subject to the law as it is*. So, *why is it that this person can get away with this kind of things?* Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan daripada Yang Berhormat Sungai Petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak bertanya dengan Yang Berhormat Puchong. Kita juga hendak bertanya apakah peranan Ketua Setiausaha Negara (KSN) sekarang ini sebab saya masih ingat dalam *general order*, Yang Berhormat Arau pun faham *general order*, kita sama-sama pegawai kerajaan dahulu. Apabila seseorang pegawai kerajaan ada *affair* apatah lagi dalam kes ini dengan isteri orang yang dikatakan. Ketua SPRM ini hendaklah dipanggil

oleh KSN untuk siasatan dan pernah pun seorang KSU, pegawai PTD yang dituduh ada *affair* dengan isteri orang akhirnya beliau dipecat daripada kerajaan.

Jadi apakah Yang Berhormat Puchong merasakan dalam kes ini, KSN juga sama-sama buat *cover-up* dan yang lebih malang lagi Yang Berhormat Puchong, adakah dengan tindakan yang diambil oleh Ketua SPRM ini adakah mungkin beliau akan di *compromise* di masa hadapan oleh pihak-pihak tertentu menggunakan apa juga kesalahan yang dia ada. Terima kasih Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, 1MDB masih ada siasatan, SPRM masih disiasat, polis masih disiasat. Sekarang kita boleh masukkan KSN sekalilah. Kita pun hendak tanya KSN, adakah KSN siasat kes ini? Kenapa Tuan Yang di-Pertua? Kerana kita ada peraturan-peraturan tata tertib, saya setuju. Di sini seperti mana saya sebut tadi apabila kita lihat kepada ketua-ketua jabatan, kita kena faham mereka mereka yang kerja di peringkat bawahan, mereka semua terikat dengan peraturan-peraturan ini. *[Disampuk] General order and so forth*, kalau mereka ambil atau membuat satu perkara yang di luar kebiasaan itu ataupun melanggar peraturan-peraturan ini, tindakan diambil.

*They are transferred, they are demoted. Some of them are ask to resign, some of them are even sack.* Jadi apabila mereka dikenakan tindakan begini, *the law apply to them* dan mereka lihat bahawa ketua-ketua ini yang ada kes yang dihebahkan di luar sana tetapi tidak ada tindakan, *how do you expect them to have the moral to carry on?* Selepas itu we say that, *"Oh! They are not doing their job". So, I speak as a Member of Parliament on their behalf as well.* Saya rasa ini perkara yang cukup penting yang perlu kita kena bawa. Jadi saya pohon jawapan-jawapan daripada perkara-perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak minta di sini supaya Menteri menjelaskan, berapa tahun saya bangun di sini. Saya tanya berkenaan dengan tol di Puchong. Apabila saya bertanya berkenaan dengan tol di Puchong apa yang disebut daripada sana? Dia kata tidak boleh, perjanjian sudah di *sign* jadi kita kena ikut perjanjian, tidak boleh kita mansuhkan tol itu. Kita semua tahu di kawasan Puchong *everywhere*, masuk Sunway ada tol, hendak keluar Sri Serdang ada tol, hendak pergi Subang ada tol. Ini kubur tol, Shah Alam ada tol. Selepas itu sekarang dalam belanjawan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang sini senyum dia kata, okey kita boleh mansuhkan tol. Apa ini? Boleh mansuhkan atau tidak boleh mansuhkan?

Kalau boleh mansuhkan kenapa Puchong tidak dimansuhkan tol dia? *[Dewan riuh]* Kenapa bohong sampai sekarang? Berapa tahun, 10 tahun? Cakap tidak boleh buat tetapi boleh buat. Saya minta supaya satu jawapan diberikan. Tol diambil.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Langkawi bangun.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Sedikit, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Puchong, saya hendak tanya. Kalau kita bercakap tentang masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong, adakah kalau begitu gambar-gambar yang diwujudkan di internet terhadap Menteri Besar Selangor yang ada, bolehkah kita ambil kes yang sama?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** You hendak cakap isu tol atau apa? [Dewan riu] Akan tetapi pada saya kalau hendak siasat, teruskan. Akan tetapi itu masalah dengan Yang Berhormat Langkawi, *most of the time you don't understand what's going on*. Tidak apalah, saya simpati dengan *you* lah, itu prestasi Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu ambil tol. Saya sudah minta berapa kali sudah. Puchong, *look at the jammed*. Ambil tol tidak apa, itu pun kita sudah bantah. Kita minta supaya mansuh selepas itu, kita tengok *jammed*. Setiap hari *jammed* sehingga kereta pun tidak boleh bergerak berjam-jam. Saya sudah minta beberapa kali kenapa tidak ada satu apa yang dikatakan sebagai *a study as to ways and means by which* kita boleh mengatasi masalah tol di Puchong. Jadi saya harap bahawa Menteri boleh juga memberi jawapan kepada saya perkara yang saya bangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, *I am much oblige*, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

### 12.36 tgh.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya simpati dengan Yang Berhormat Puchong, mungkin juga kerajaan perlu mempertimbangkan tol di Puchong ini supaya Yang Berhormat Puchong tidak tersesak dalam kesesakan jalan raya. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Bajet 2018, lebih kurang RM282 bilion yang dipohon untuk diagih-agihkan kepada pelbagai sektor. Pada saya Bajet 2018 ini bukan sahaja mesra rakyat tetapi ia merupakan satu impak yang besar kepada hampir semua masyarakat di negara ini. Terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan walaupun kita terdengar berbagai-bagai sindiran, berbagai-bagai kata-kata nista yang mengatakan bahawa bajet yang dibentangkan ini merupakan umpan ataupun gula-gula untuk berhadapan dengan pilihan raya. Itu pada saya biarlah rakyat di bawah yang menilai sejauh mana keikhlasan seorang pemimpin negara yang menyelami denyutan nadi

jantung rakyat, dia faham apa kehendak rakyat maka dia bagi apa yang rakyat mahukan.  
Tuan Yang di-Pertua,

*Kalau kapal berlayar di waktu malam,  
Mari menuju lautan dalam,  
Kalau bukan nakhoda yang faham,  
Di situ banyak kapal tenggelam.*

Justeru itu Perdana Menteri seorang nakhoda yang tahu, yang berani berlayar di lautan yang dalam dan dia berhadapan dengan berbagai-bagai badai dan samudera tetapi dia berjaya melalui lautan-lautan yang dalam tersebut.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tenang. Yang Berhormat Puchong berhujah kita senang, seronok dengar, kita sedap. *[Disampuk]* Tenanglah, sampai giliran, bahaslah.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia panas, dia panas.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kapar tenang. Apa yang penting? Pada saya Bajet 2018 ini walaupun mungkin masih ada segelintir kelompok masyarakat yang tercicir tetapi ini kita akan minta kerajaan kalau boleh untuk dipertimbangkan iaitu contohnya bonus kepada penjawat awam dan juga kepada warga-warga NGO seperti APMM, saya nampak tidak termasuk dalam bajet ini.

Jadi kalau boleh kerajaan cuba pertimbangkan sebab mereka juga sekelompok masyarakat yang berjuang untuk kalau ada kecemasan di situ lah mereka, kalau ada banjir di situ lah mereka, macam-macam mereka dipanggil. Kalau di negara luar APMM ini sebuah badan yang ditugaskan untuk memantau kecemasan, di antara agensi yang pertama yang dipanggil untuk turun membantu kecemasan tersebut. Saya minta kementerian mempertimbangkan untuk memberi bonus ataupun eluan yang lebih baik kepada seluruh warga APMM di seluruh negara.

■1240

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, APMM kah atau APM?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** APM, APM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Angkatan Pertahanan Awam.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Yang Berhormat Menteri ada di depan, dia. *[Ketawa]* Saya juga melihat dan saya mahu meminta, di dalam negara kita ini kita telah melihat bagaimana media sosial telah memainkan peranan yang begitu drastik sehingga saya nampak SKMM tidak dapat memantau. Kalau di negara-negara

tertentu di negara Arab, di negara China, di Singapore pun dia ada sedikit kawalan. Akan tetapi di negara kita ini nampaknya berleluasa tanpa ada kawalan walaupun ada *blog-blog* yang mungkin telah disekat oleh kerajaan.

Oleh sebab saya melihat bagaimana berlaku pada hari ini, pada tahun ini, pada baru-baru ini iaitu *blog* dengan sesuka hati memfitnah orang, menuduh orang macam-macam terima duit, terima bayaran. Contohnya *blog* Raja Petra daripada dia *based* di London menuduh Peguam Negara menerima RM4 juta dan hari ini *newspaper* saya baca *Sarawak Report* mendedahkan bahawa dia menerima maklumat-maklumat daripada Pengerusi Bersih mula-mula, Ambiga. Dia kata maklumat ini adalah maklumat yang boleh dipercayai tetapi akhirnya sukar untuk mereka ketengahkan bukti-bukti dan menjadikan kita sebagai sebuah negara yang mengeluarkan maklumat-maklumat palsu.

Jadi tindakan sebegini harus dilihat oleh kementerian, oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, oleh mana-mana agensinya. Oleh sebab kita tidak mahu ada *blog*, kita tidak mahu ada mana-mana media sosial yang suka-suka membuat provokasi melampau, membuat tuduhan, membuat fitnah dan sebagainya. Akhirnya kredibiliti seseorang itu akan jatuh, akan tidak terurus disebabkan fitnah-fitnah tersebut. Jadi tidak adil kepada mereka yang difitnah sebab dia difitnah melalui jarak jauh. Apa tindakan yang boleh diambil oleh kementerian supaya pengamal media sosial seumpama ini mereka juga sedar bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membangun negara kita, bangsa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu yang saya bawa. Baru-baru ini dan perkara ini sebetulnya sudah lama. Bagaimana kita dengar, bagaimana kita lihat pengusaha-pengusaha syarikat bas mereka masih lagi mengupah pemandu yang ada latar belakang jenayah, pemandu yang suka menagih dadah dan sebagainya. Jadi di mana integriti SPAD? Seharusnya sebuah syarikat yang hendak dianugerahkan lesen memandu ini, lesen penumpang hendaklah dilihat mengambil pemandu-pemandu yang cekap. Kalau kita pergi Korea, pergi Jepun, pergi Britain, pergi Amerika, mana-mana, pemandu-pemandu mereka sentiasa...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Kinabatangan, sebelum bagi Yang Berhormat Bintulu, bagi Yang Berhormat Lenggong dahulu. Siapa dahulu? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi saya tertarik mengenai itu berita-berita keluar daripada *social media* kah ataupun media sosial kah ataupun daripada *WhatsApp*, mana-mana. Kita tidak jalankan undang-undang, siasatan ikut undang-undang. Kita,

Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak, kita sudah ada undang-undang tersedia, kita jangan lepas sahaja, *freedom- we are bottom line*.

Semua dia orang boleh suka-suka tulis macam-macam, tidak bertanggungjawab punya. Kita punya Kementerian Multimedia mestilah mahu minta melalui MCMC siasat. Kalau tidak sekarang dia orang tulis, janganlah sampai dia orang suka hati tulis sampai pembunuhan sudah keluar barulah kita cerita macam-macam. Kita mesti mahu tengok source dari mana, dia punya bukti dari mana dia keluar itu cerita semua. Kalau kita tidak, saya rasa tidak adil.

Macam baru-baru ini cerita MACC, cerita AG, semua cerita kita mesti mahu dapat asasnya dari mana bukti, mesti mahu tunjukkan. MCMC patut menjalankan tugas. Kalau dia ada bukti dia orang suka hati, *just khabar angin sahaja tulis*, kita siasat dan tangkap. Macam di negara China *you* tidak boleh suka hati tulis, dia memang siasat, dia tangkap. Kita undang-undang banyak sudah diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi tindakan kurang, *selective*. Contoh macam di *Sarawak Report*, suka hati punya dia tulis. Yang Berhormat Kinabatangan boleh dapat penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti dulu Yang Berhormat Kinabatangan, bagi Yang Berhormat Lenggong sekejap. Saya bersetuju. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju apa pandangan Yang Berhormat Bintulu tadi. Kita bagi kebebasan kepada rakyat untuk menggunakan media sosial yang kita ada tetapi sertakan dengan tanggungjawab. Ini yang penting hendak bercakap apa-apa tetapi jika ia menjadi kesalahan, ia mesti diambil tindakan. Cuma saya hendak response tadi fasal SPAD tadi fasal jalan raya tadi.

Apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju kalaulah kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan empowerkan tanggungjawab penguat kuasa kepada rakyat. Misalnya menggunakan sistem *WhatsApp* atau *SMS*, tengok sahaja bas laju *WhatsApp* kepada JPJ. Maknanya tanggungjawab itu diserahkan sebagai pengadu diambil kira perkara ini supaya bila bas laju tidak ada penguat kuasa tetapi rakyat boleh buat aduan dan ambil tindakan kalau ianya benar. Tanggungjawab itu dipindahkan kepada rakyat supaya rakyat banyak membantu menyelesaikan masalah yang begitu teruk sekarang ini.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Bintulu. Ucapan Yang Berhormat Bintulu tadi saya rasa saya masuk dalam ucapan saya. Dia punya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada sini. Jadi memang sesuai dijawab oleh kementerian iaitu saya melihat memang banyak kelonggaran. Mungkin kementerian perlu mewujudkan satu akta baru untuk membuat kekangan sedikit dengan aktiviti media sosial bukan sahaja di *blog*, melalui *Facebook*, melalui *Instagram*, macam-macam dan ini kalau tidak dikawal saya bimbang akhirnya negara kita akan berhadapan dengan satu krisis media sosial yang lebih dahsyat sebab media sosial ini ianya boleh mengundang minat kepada orang ramai.

Ada di kalangan pengamal media sosial ini nampak sahaja isu diupload, dia tanpa berfikir, tanpa meneliti dia terus percaya dan ini mengakibatkan mungkin kalau di kalangan masyarakat itu kekeliruan, bercelaru dan sebagainya dan kalau tidak dipantau akhirnya kita berhadapan dengan masalah tadi.

Kembali kepada SPAD tadi iaitu bagaimana saya melihat terlalu rapuh pengeluaran lesen-lesen pengangkutan bas awam ini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ini saya balik lagi *social media*. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan ada setuju atau tidak sekarang masalah kementerian, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sini. Setuju tidak, kita sekarang orang tulis macam-macam dalam *social media* kalau *you cuma peribadi tidak puas hati sama seorang dia boleh tulis macam-macam but the person, the name has been tarnished, credibility had been jeopardized*. Akhir sekali *the person is not involved of anything. So, that is* keadilan tiada. Inilah Yang Berhormat Kinabatangan setuju tidak?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang setuju Yang Berhormat Bintulu sebab itulah antara lain inti patinya dan apabila kita saya seperti hujah saya awal-awal tadi. Apabila kita tidak memandang perkara ini sebagai satu perkara yang serius maka kebimbangan masyarakat itu suatu ketika nanti, media sosial ini akan memporak-perandakan keselamatan negara.

#### ■1250

Apabila rakyat sudah tidak ada keyakinan dengan kerajaan, maka di situ lah kita akan kehilangan segala-galanya. Oleh sebab itu saya minta kementerian supaya melihat mungkin kalau perlu ada kekangan pun tidak apa. Yang penting, keselamatan rakyat keseluruhannya dan keselamatan negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada SPAD tadi. Kerajaan perlu bersikap lebih rasional untuk mengeluarkan permit-permit pengangkutan awam ini. Oleh sebab kalau tidak, kita lihat di negara kita Malaysia ini, tidak ada kita dengar orang mati di sempadan, orang mati ditembak seperti di Palestin, seperti di Syria, seperti di Mesir dan sebagainya. Yang banyak mati ialah mati di jalan raya, Tuan Yang di-Pertua. Mati sama ada pemandu bas itu cuai, mati dilanggar oleh pemandu-pemandu yang cuai dan sebagainya.

Pokoknya, hari-hari ada lebih kurang 20 orang ke 30 orang Malaysia yang mati di jalan raya. Ini perkara serius dan harus dilihat oleh kementerian, oleh agensi-agensi berkenaan sebagai satu perkara yang harus kita kawal. Walaupun mati itu di tangan *Allah*, di tangan Tuhan tetapi Dia minta kita berikhtiar. Maka, kita harus berikhtiar untuk mengelakkan daripada mati yang ngeri begitu. Mati di jalan raya ini mati yang sangat terlalu ngeri dan kalau boleh kita berdoa supaya kita juga tidak mati di jalan raya. Biarlah mati dengan cara baik. Itu kita boleh rujuk kepada ustaz kita yang depan saya ini. *[Merujuk kepada Yang Berhormat Parit Buntar] [Ketawa]* Mati dengan cara yang baik, bukan mati di jalan raya. Itu janganlah.

Saya mahu membawa waktu yang singkat ini Tuan Yang di-Pertua, isu *European Union* ataupun Parlimen Eropah yang baru-baru ini telah meluluskan resolusi iaitu untuk mengekang penjualan minyak sawit negara kita kepada negara Eropah. Saya dengan beberapa rombongan, termasuk Ahli Parlimen daripada PKR juga ada bersama-sama. Kita telah menjelajah di Eropah, berjumpa dengan beberapa *Members of Parliament* dari Eropah dan memperjelaskan bagaimana keadaan kedudukan minyak sawit negara kita ini iaitu Eropah adalah negara yang ketiga terbesar yang membeli minyak sawit kita. Ekoran daripada resolusi tersebut, maka saya meminta Kerajaan Malaysia, saya meminta kementerian supaya serius melihat perkara ini. Oleh sebab negara Malaysia ini adalah negara kedua terbesar di dunia mengeluarkan minyak sawit. Nombor satu, Indonesia dan nombor dua, Malaysia.

Kita melihat juga bagaimana pekebun kecil yang di luar bandar sana selama ini mereka bergantung hidup dengan pengeluaran kelapa sawit, dengan tanaman kelapa sawit. Jadi, bayangkan kalau perkara ini berlaku, mungkin kita bukan akan kehilangan pasaran Eropah sahaja tetapi dengan cubaan untuk mensabotaj pengeluaran minyak sawit kita ini, mungkin China dan India pun akan terpengaruh dengan cerita-cerita yang tidak berasas daripada beberapa orang Ahli Parlimen Eropah ini. Jadi, perlu ada penegasan tegas, perlu ada perkara-perkara mungkin di luar jangka yang perlu dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa minyak sawit negara kita ini masih terus relevan dan masih terus dieksport ke negara-negara yang selama ini menggunakan minyak sawit keluaran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang projek pembangunan jalan raya di kawasan Kinabatangan iaitu beberapa batang jalan raya seperti jalan raya Pinangah – Tongod yang masih lagi baru-baru ini saya balik kawasan, meninjau dan memang jalan raya yang kita lalui memang sangat teruklah. Sekarang ini musim tengkujuh. Apabila hujan, maka kita sukar untuk berhubung dengan kampung-kampung. Jadi, saya meminta EPU supaya mempertimbangkan untuk memberi peruntukan kepada beberapa batang jalan raya di Kinabatangan. Saya percaya dan yakin bahawa jalan raya ini walaupun sebetulnya sudah banyak jalan raya yang telah dinaikkan taraf di Kinabatangan ini tetapi masih banyak juga jalan raya yang masih teruk. Oleh sebab di Kinabatangan ini sebuah Parlimen yang besar, besar daripada negeri Pahang. Jadi, bayangkan bagaimana keadaan sebuah kedudukan Parlimen yang sebegini besar dan ianya memerlukan banyak peruntukan untuk diselaraskan.

Satu isu lagi. Ini isu yang sudah lama Tuan Yang di-Pertua, iaitu isu elaun perumahan dan lain-lain elaun di antara guru di Semenanjung dan guru daripada Sabah dan Sarawak. Kita sudah menyuarakan isu ini berpuluh-puluh kali tetapi masih juga belum diambil tindakan oleh kementerian dan kerajaan. Saya tahu ianya melibatkan peruntukan yang banyak tetapi ianya perlu diambil pendekatan yang lebih bijaksana. Oleh sebab kalau kita lihat guru dari Semenanjung datang ke Sabah atau ke Sarawak, elaun perumahan dia

RM1,500. Guru dari Sabah atau Sarawak datang ke Semenanjung, hanya dapat separuh daripada elaun yang guru-guru dari Semenanjung terima. Jadi, guru-guru dari Sabah dan Sarawak kata ini tidak adil, Tuan Yang di-Pertua.

Sudah lama kita minta. Kenapa kerajaan tidak pertimbangkan? Adakah guru-guru Sabah dan Sarawak ini guru kelas kedua? Oleh sebab itu sehingga kita mendengar di Sarawak, dia kata dia hendakkan guru-guru di Sarawak semua orang Sarawak. Tidak perlu lagi orang Semenanjung. Jadi, perkara seumpama ini saya haraplah pada tahun-tahun akan datang, tahun 2018 ini, kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menyelesaikan isu-isu yang sebegini. Oleh sebab kalau kita tidak selesaikan, akhirnya guru-guru di Sabah dan Sarawak masih terus menuntut kepada pemimpin-pemimpin tempatan seperti wakil rakyat dan sebagainya.

Saya juga gembira dengan keputusan kerajaan untuk menyalurkan peruntukan yang banyak kepada Kementerian Pelajaran untuk menaikkan taraf sekolah-sekolah daif. Di Kinabatangan memang banyak, Tuan Yang di-Pertua. Banyak sekolah yang siling bocor, kerusi dan meja tidak ada, macam-macam. Kalau sekolah berasrama penuh ini, nama sahaja sekolah berasrama penuh tetapi asramanya macam kandang kambing. Jadi, saya harap dengan bajet yang ada ini, dengan pewujudan Jawatankuasa Pemantau Perjalanan Bajet 2018 ini yang diwujudkan oleh KSP. Saya harap sekolah-sekolah di Kinabatangan juga akan dapat dinaikkan taraf dan kerosakan-kerosakan yang sedia ada ini dapat dipulihkan. Saya tidak mahu orang kata, bajet nampak banyak tetapi impaknya tidak ada kepada mereka-mereka yang menjadi kumpulan sasaran yang akan datang.

Saya tidak mahu lagi guru-guru PIBG datang jumpa saya, '*Datuk, sekolah kami tidak ada peruntukan, masih lagi belum diperbaiki*'. Sedangkan kita dengar dan kita nampak berbilion-bilion disalurkan. Jadi, gunakanlah. Yang penting, bilion-bilion ini disalurkan untuk kepentingan rakyat dan saya amat bersetuju jawatankuasa pemantau diwujudkan untuk memastikan perjalanan bajet pilihan raya 2018 ini benar-benar dapat dimanfaatkan oleh rakyat. Kita tidak mahu lagi mendengar bahawa peruntukan yang sebanyak begini diselewengkan, tidak sampai kepada rakyat dan macam-macam lagi kita dengar. Di akhirnya, yang rugi bukan sahaja negara, bukan sahaja kerajaan tetapi rakyat juga yang rugi.

Mutakhir ini juga kita dengar, ketua-ketua penguat kuasa, ketua-ketua agensi kerajaan asyik bercakap di surat khabar. Sikit-sikit panggil PC, sikit-sikit panggil wartawan dan sebagainya. Buatlah kerja, kurangkan cakap. Ini, buat *statement* tapi *statement* bercanggah. Ketua dia buat lain, timbalan dia buat lain. Rakyat keliru. Sebagai agensi penguat kuasa, buat kerja. Kurangkan cakap. Yang banyak cakap ini orang politik macam saya, seharusnya boleh. [*Dewan ketawa*] Oleh sebab kita hendak yakinkan rakyat, undi Barisan Nasional sebab pembangkang tidak boleh membuat apa-apa untuk rakyat. Ini, penguat kuasa pula yang bercakap banyak. Rakyat keliru, mana satu kita mahu dengar ini. Buat kerja, kurang cakap. Itu kan baik. Lagi banyak cakap, lagi banyak salah.

Orang politik ini salah-salah pun tidak apalah, kalau dia baik macam saya, rakyat undi juga. [Dewan ketawa] Memang mesti macam ini. Kita orang politik, kita harus berbuat baik kepada rakyat. Kita harus bekerja untuk rakyat, kita harus memastikan rakyat kita, keselamatan dia, kemudahan dia, kita jamin. Bukan macam Yang Berhormat Tapah... eh, Kapar. Dia, saya tengok pilihan raya kali ini, dia susah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tapah sanalah, Kapar sini. Yang gaduh itu Tapah.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ha, Yang Berhormat Kapar ya. Pilihan raya susah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Setuju. Pilihan raya kali ini memang susah untuk BN.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah jam satu, nak sambung 2.30? Ada lima minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kasi habis, kasi habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kasi habis?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kasi habis itu, masa dah habis ini.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Eh, ada lagi lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jam sudah pukul 1.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oh. [Ketawa]. Sambunglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sambung ya? Sambung 2.30 petang ya?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit ya.

Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Dijemput Yang Berhormat Kinabatangan.

**2.33 ptg.**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada lima minit dua saat lagi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya nampak sana lima minit, sana lima minit, ada 10 minit. Saya cuba habiskan 10 minitlah.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung semula. Jelas bahawa Bajet 2018 yang dibentang oleh Menteri Kewangan memang orang kata bajet dari rakyat untuk rakyat. Sama ada kita suka atau tidak suka, inilah bajet yang terbaik yang disediakan oleh kerajaan untuk sebenar-benarnya membangun rakyat keseluruhannya. Kalau ada yang seperti mukadimah saya awal-awal tadi, kalau adapun yang tercicir, bermakna kita harus mempertimbangkan mereka yang tercicir ini sebab mereka juga walaupun kelompok dia mungkin tidak besar tetapi ia memerlukan juga sentuhan daripada bajet yang sedia ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, melihat sistem keselamatan kita, lebih-lebih lagi perairan laut Sabah di bawah ESSCOM, saya memang mengalu-alukan peruntukan yang banyak sebab ESSCOM ini berhadapan dengan kesukaran untuk mengawal pergerakan jahat daripada negara-negara jiran. Kalau peruntukan yang tidak mencukupi, bayangkan bagaimana luasnya Laut China Selatan yang hendak dikawal oleh tentera kita, oleh *marine police* kita, oleh APMM dan sebagainya. Ini rasa saya, ESSCOM perlu mencadangkan satu teknologi baru, teknologi tinggi yang boleh mengesan sekurang-kurangnya 25 kilometer radius di kalangan lautan yang begitu luas sebab kalau tidak, ia mungkin akan membuka ruang kepada penceroboh yang berniat jahat untuk menceroboh negeri Sabah.

Lebih-lebih lagi, baru-baru ini Presiden Filipina menyatakan bahawa Filipina tidak pernah pun menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Ini amat merisaukan rakyat negeri Sabah sebab seolah-olah walaupun bukan berunsurkan penggalakan ke arah pencerobohan- sebab, kita tahu kerjasama di antara tentera Malaysia dan tentera *Philippines* begitu akrab sekali. Kita pun banyak membantu Kerajaan *Philippines* dari segi logistik dan sebagainya untuk memastikan bahawa di *southern Philippines* itu sentiasa

aman dan tenteram dan apabila di sana tenteram, maka kuranglah ancaman kepada negeri Sabah.

Berhubung juga dengan ini satu isu iaitu isu perumahan, di mana saya rasa peruntukan memang banyak. Banyak agensi pelaksana yang diwujudkan oleh kerajaan. Kita ada SPNB, kita ada PR1MA, kita ada Syarikat Perumahan Negara, bermacam-macam lagi tetapi nampaknya penyediaan rumah mampu milik ini masih berkurangan di mana rakyat juga mempertikaikan dengan PR1MA. PR1MA mewujudkan rumah tetapi dia kata rumah ini cuma mampu ditonton, tidak mampu dimiliki di mana bank sekalipun sukar untuk mengeluarkan pinjaman dan sebagainya. Jadi bagi orang kampung, rumah RM280,000 ini bukanlah harga mampu milik. Ia merupakan rumah yang sukar untuk mereka bayai dari segi pembayaran bulanan dan sebagainya. Jadi saya minta kerajaan supaya mengambil serius tentang perkara-perkara sebegini.

Demikian juga dengan rumah mampu milik, rumah rakyat termiskin ini yang harga dia RM65,000, saya harap ia dapat diperbanyakkan sebab kalau tidak, contohnya di Kinabatangan, kita ada masih 2,000 atau 3,000 pemohon-pemohon yang menanti rumah-rumah yang mampu dimiliki ini, yang harga RM65,000 ke bawah. Ini sebab kalau tidak cukup peruntukan, bayangkan bagaimana keadaan mereka sudah bertahun-tahun. Walau bagaimanapun, mereka sentiasa menyokong Barisan Nasional dalam pilihan raya, lebih-lebih lagi pilihan raya yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting, Bajet 2018 ini disediakan untuk memastikan ia benar-benar mesra rakyat dan menyentuh nadi jantung rakyat. Ini yang penting, bukan kita membuat umpan, bukan memberi gula-gula tetapi inilah hakikatnya bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar melihat masalah rakyat pada masa-masa akan datang. Terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

### **2.38 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, 20 minit ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya ini akan merupakan ucapan belanjawan kita semualah yang terakhir bagi Parlimen Ke-14. Dalam ucapan ini, saya akan memberi fokus kepada data-data dan juga isu-isu dasar serta sedikit falsafah saya sendiri dan juga budaya baru yang kita perlu lakukan untuk kebaikan ekonomi negara.

Saya bermula dengan isu data-data yang tertera di dalam buku Belanjawan Persekutuan 2018. Di bawah segmen ini, terdapat dua isu yang ingin saya kemukakan

iaitu satu, tentang hasil; dan kedua, tentang perbelanjaan khasnya perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri.

Pertama, saya perhatikan bahawa hasil Kerajaan Persekutuan telah bertambah dari tahun 2017 ke tahun 2018 sebanyak RM14.5 bilion. Komponen hasil yang amat merunsingkan saya adalah pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tujuh item cukai barang dan perkhidmatan ataupun GST akan dilupuskan manakala cukai pendapatan individu bagi tiga kategori juga telah dikurangkan sebanyak peratus.

**■1440**

Bagi setiap kategori khasnya golongan berpendapatan antara RM20,000 ke RM35,000 dari lima peratus ke tiga peratus. *Group* RM35,000 ke RM50,000 dari 10 peratus ke lapan peratus dan RM50,000 ke RM70,000 dari 16 peratus ke 14 peratus. Kedua-dua pengumuman ini oleh Yang Amat Berhormat Pekan tidak sepadan dengan apa yang tertera di dalam Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2018. Buku ini ya, tidak tertera... *[Menunjukkan buku berkaitan]* Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi penjelasan terperinci, kenapa dengan pelepasan-pelepasan cukai GST bagi barang-barang termasuk kapal terbang dan kapal laut mewah, kutipan GST keseluruhannya masih bertambah sebanyak RM2.3 bilion pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2017, anggaran kutipan GST adalah sebanyak RM41.5 bilion, dan untuk tahun 2018, anggaran kutipan GST adalah sebanyak RM43.8 bilion- peningkatan sebanyak 5.5 peratus. Mengikut perkiraan saya, untuk menampung tambahan kutipan cukai GST sebanyak RM2.3 bilion ini, setiap keluarga rakyat Malaysia perlu membayar tambahan GST sebanyak RM200. Setiap syarikat pula, tambahan sebanyak RM110. Kemungkinan tambahan ini berasaskan perbelanjaan pengguna yang lebih besar atau *greater consumers spending* tetapi jika ini alasan Kerajaan Persekutuan, kerajaan jelas telah gagal meramal sentimen pengguna terkini, dengan izin, *the government has failed to properly estimate current consumer sentiment*. Oleh yang demikian, saya meragui data dan anggaran yang dikemukakan.

Bagi cukai pendapatan individu pula, saya memerhati bahawa kutipan cukai pendapatan individu untuk tahun 2017 mencapai sebanyak RM30 bilion dan untuk tahun 2018 anggaran mencapai paras RM32.2 bilion. Ini bermakna walaupun Kerajaan Persekutuan melupuskan dua peratus cukai pendapatan individu bagi golongan sederhana ataupun golongan M40. Pada keseluruhannya kutipan cukai pendapatan individu akan tetap meningkat sebanyak 7.1 peratus. Ini adalah peningkatan yang amat tinggi sekali. Seperti yang telah saya bentang mengenai GST tadi, apa yang dibawa oleh Perdana Menteri tidak sepadan dengan apa yang tertera dalam Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, saya betul-betul meragui dan data hasil mikro ekonomi kerajaan di mana anggaran nisbah defisit kepada KDNK hanya mencapai paras 2.8 peratus adalah satu anggaran yang tidak munasabah dan adalah satu rekaan semata-

mata. Apa yang penting juga, ialah pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pekan tentang bayaran bonus *one-off* kepada penjawat-penjawat awam, iman, ketua kampung, bilal dan lain-lain juga tidak terdapat di dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018.

Bayaran ini berjumlah RM3 bilion. Tidak ada satu ayat pun tertulis di dalam buku yang tebal 530 muka surat ini. Dalam empat tahun saya menjadi seorang Ahli Parlimen saya sudah banyak melihat kreatif *accounting* dan *accounting magic*. Akan tetapi tahun ini adalah yang paling teruk sekali. Ini adalah belanjawan di mana Yang Amat Berhormat Pekan cuba memancing undi menggunakan perkara-perkara yang tidak wujud dalam anggaran perbelanjaan sendiri. Ini umpama memancing tanpa umpan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang beralih kepada segmen perbelanjaan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya tertarik dengan ucapan tadi. Bermaksud Yang Berhormat telah mengatakan RM3 bilion itu tidak ada dalam RM282 bilion yang diwartakan, itu maksud Yang Berhormat. Kalau ini yang berlaku, bagaimana RM3 bilion ini kita hendak datang untuk membayar penjawat-penjawat awam dan individu-individu lain yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pekan? Bagaimana kita hendak cari RM3 bilion ini, RM3 bilion ini datang daripada mana? Pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih kawan baik saya Yang Berhormat Kapar. Nampaknya ialah yang saya cakap tadi itu ialah *accounting magic* lah, okey. Kebiasaan kerajaan akan pinjam juga duit ini, keluarkan bon, pinjam RM3 bilion ini guna pakai tanpa tanggungjawab, tanpa kelulusan Parlimen selepas itu *supplementary budget* balik pula ceritanya. Jadi ini amalan yang tidak baik- *it's not a good financial discipline*.

Baik, saya teruskan ucapan saya mengenai Jabatan Perdana Menteri. Saya perhatikan bahawa Malaysia adalah satu-satunya demokrasi di mana Perdana Menteri juga memegang portfolio Menteri Kewangan. Ini tidak masuk logik langsung. Peruntukan Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2018 mencecah RM17.4 bilion. Sementara Kementerian Kewangan diperuntukkan RM34.3 bilion.

Keseluruhannya ini bermaksud peruntukan di bawah Yang Amat Berhormat Pekan RM52 bilion. Ini bermakna 18.4 peratus peruntukan satu negara kita di bawah seorang. *One person the Honorable Yang Amat Berhormat Pekan control 18.4 percent of the entire budget*. Ini tidak masuk akal, ini bukan sistem demokrasi tetapi satu sistem yang membolehkan kleptokrasi.

Dari segi perbelanjaan pembangunan pula, saya memerhati bahawa Jabatan Perdana Menteri mempunyai peruntukan sebanyak RM12.2 bilion manakala Perbendaharaan diberi peruntukan pembangunan- *development*, sebanyak RM1.3 bilion.

Ini bermakna jumlah besar RM13.5 bilion iaitu 28 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 2018. Dengan izin, *not only the Prime Minister the Honorable Yang Amat Berhormat Pekan controls 18.4 percent the entire budget, he controls 28 percent of the development budget*. Kita semua faham bahawa walaupun penting perbelanjaan pembangunan adalah perbelanjaan budi bicara ataupun *discretionary*, yang ramai orang tidak faham ialah, kenapa seorang Perdana Menteri yang tidak ada kakitangan seperti polis, doktor, jururawat, tidak ada ya- tidak ada guru, tidak ada askar, tidak mempunyai tanggungjawab untuk membina sekolah, tidak ada tanggungjawab membeli kereta kebal, kapal perang, mempunyai peruntukan yang jauh lebih besar daripada semua kementerian-kementerian yang lain. Saya melihat perbelanjaan pembangunan Jabatan Perdana Menteri, RM12.2 bilion berbanding dengan kementerian-kementerian lain.

Saya bagi *list* sekarang. Kesihatan cuma RM1.8 bilion, Perdana Menteri RM12.2 bilion. Pertahanan beli kereta kebal, beli kapal layar semua ini RM3.3 bilion sahaja. Pendidikan kita cakap hendak modal insan semua ini- RM1.4 bilion. Tidak boleh *compare* dengan RM12.2 bilion daripada Jabatan Perdana Menteri. Pendidikan Tinggi RM2.9 bilion sahaja, Jabatan Kerja Raya, *Pan Borneo* semua ini cuma RM3.7 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh kepada perkara-perkara dasar yang bersifat prihatin terhadap kebaikan keseluruhan negara kita iaitu dasar...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Kelana Jaya boleh sikit.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya.

Saya hendak sentuh tentang apa yang disebut mengenai peruntukan yang besar Tuan Yang di-Pertua kepada JPM. Saya percaya Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa jawapan kerajaan pasti akan standard, mereka akan beri tahu ada 92 unit jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat Kelana Jaya adakah ini disifatkan baik untuk masa depan negara atau ini boleh dianggap sebagai dana gelap yang mana seolah-olah tidak perlu lagi ada peruntukan untuk kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya cukup suka dengan dana gelap [*Ketawa*] Saya minta dimasukkan dalam hujah saya ya.

Baik, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan tentang dasar yang saya rasa Dasar Bipartison ya. Bagi saya dua perkara yang perlu kita sehati sejwalah, sama ada di sebelah sana atau di sebelah sini ialah dua perkara iaitu pertama Dasar Luar Negara ataupun forum *policy*. *We have to be united my honorable ladies and gentleman from the other side. We have to be united,* dan kedua Dasar Ekonomi. Saya percaya semua Ahli Parlimen ingin melihat negara kita membangun pesat mencapai status negara maju ataupun *developed country* yang disegani dunia. Pihak Pakatan Harapan tidak ada agenda merosakkan ekonomi negara, tetapi apabila negara kita dipanggil oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat atau DOJ, sebagai sistem ekonomi kleptokrasi kita perlu menyoal cara pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan demi kebaikan negara kita.

#### ■1450

Saya bosan mendengar tuduhan-tuduhan bahawa Pakatan Harapan hendak sabotaj negara. Tuduhan ini tidak benar dan penduduk-penduduk tahu yang ia tidak benar. *You yourself know it's not true.* Apa maknanya kita memerlukan dasar ekonomi yang kedua-dua pihak boleh sokong.

Pertama, pentadbiran ekonomi kita tidak boleh berfungsi secara nepotisme dan rasuah dan juga tidak boleh membazir.

Kedua, ekonomi negara mesti dibangunkan berdasarkan *maximum comparative and nil advantages* kepada negara.

Ketiga, dasar kita perlu memberi fokus kepada perindustrian.

Keempat, kita perlukan pekerja-pekerja mahir yang dilahirkan daripada universiti-universiti kita dikurikulumnya baik dan dibenarkan berbincang tentang isu-isu politik dan ekonomi.

Kelima, gaji kepada pekerja-pekerja mestilah berpatutan dan berdasarkan elemen-elemen pasaran *supply and demand*. Kalau tidak, kita akan mengalami *continues brain drain*.

Dasar keenam yang kedua-dua pihak kena sokong dan saya percaya kita boleh sokong ialah, kita perlu menghadapi revolusi *the Fourth Industrial Revolution* dan teknologi-teknologi terkini dan juga cuba memahami isunya, dan cuba mengawal selia ataupun *regulate* isu-isu ini.

Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah sana bersetuju dalam enam perkara ini, kita tidak payah susah payah bergaduh tentang dasar-dasar ekonomi kita. Soal pokoknya ialah, adakah Ahli-ahli sebelah sana boleh *agree on the very first point*. Bolehkah kita memerangi gejala nepotisme pembaziran dan rasuah?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ada enam minit lagi ya. Sekarang saya ingin berbincang sedikit tentang *climate* ekonomi kita yang penuh dengan isu persepsi dan ketidakringinan untuk menghadapi masalah yang sebenarnya. Apa sebenarnya yang berlaku di Malaysia sekarang. Ramai mungkin mendapat gambaran bahawa ahli-ahli politik pandai berbohong, bercerita ataupun *spin*. Kadang-kadang kita susah hendak tahu

sama ada apa yang dikatakan betul atau tidak. Akan tetapi angka-angka tidak berbohong. *The numbers don't lie.* Jadi dengan menganalisa nombor-nombor yang tertera, kita mendapat satu gambaran sebuah sistem yang cukup ada masalah dan tanpa akauntabiliti.

Apabila kita membentangkan Belanjawan Pakatan Harapan, ramai pihak termasuk *bankers, industrialist*, pakar-pakar ekonomi, Menteri-Menteri menyerang kita berkata belanjawan kita tidak realistik dan tidak mungkin dilakukan. Bagi saya penjelasan tentang kenapa kami banyak diserang, ini adalah senang. Bahawa ramai pakar di negara kita ini buta kepada satu fakta yang jelas dan ketara dan tidak berani bincang tentang isu ekonomi negara. Ini mungkin disebabkan pakar-pakar ini takut dikenakan tindakan balasan. Bagi *bankers* mereka mungkin takut lesen bank ditarik, tauke-tauke besar mungkin takut tidak boleh dapat kontrak lanjut. Ekonomis pula takut hilang *tenure* universiti mereka. Ini menimbulkan satu budaya *conspiracy of silent*. Konspirasi ini ialah mereka semua enggan mengatakan dan mengiktiraf hakikatnya bahawa perbelanjaan Kerajaan Malaysia penuh terjejas oleh ketirisan dan rasuah dan jumlah itu sebenarnya boleh dikira.

Formula pembaziran dan rasuah ini mudah saja. Pertama, kita tolak item-item perbelanjaan yang sudah, yang tidak mungkin terjejas iaitu emolumen, bayaran tetap dan pencen. Ini berjumlah RM137 bilion. Emolumen RM79 bilion, faedah dividen dan kenaan bayaran hutang RM35 bilion, pencen RM16.5 bilion, ganjaran RM6.45 bilion. Semua perbelanjaan-perbelanjaan yang lain sebanyak RM145 bilion boleh terjejas oleh ketirisan dan rasuah. Ini bermakna, daripada jumlah ini sebahagiannya akan dibazirkan dan tertiris.

Untuk mendapat peratusan ketirisan rasuah, pejabat saya bersama dengan pejabat Yang Berhormat Pandan menganalisis 30 kes yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam laporan-laporannya. Kita tahu purata pembaziran dan juga rasuah ini adalah pada paras 15 peratus ke 20 peratus. Justeru kita menganggap bahawa 15 peratus ke 20 peratus daripada jumlah RM140 bilion di antara kira-kira RM22 bilion ke RM29 bilion setahun.

Saya juga merujuk kepada satu petunjuk lain iaitu memerhati nisbah perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan berbanding perbelanjaan emolumen. Di pejabat saya, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang penting termasuk bayaran untuk bil elektrik, telefon, komputer sewa pejabat serta elauan perjalanan pengangkutan untuk staf saya. Saya menggunakan nisbah cuma 13 sen kepada setiap RM1 yang dibayar sebagai emolumen, gaji kepada staf-staf saya. Bagi syarikat-syarikat korporat di Malaysia, nisbah ini adalah pada paras 22 sen setiap RM1 dibayar sebagai emolumen.

Ini nombor kerajaan sendiri. Kerajaan Persekutuan Malaysia mempunyai nisbah sebanyak RM0.42 sen setiap RM1. Emolumen kita RM79 bilion, bekalan dan perkhidmatan RM34 bilion. Ini bermakna jika kerajaan kita diurus baik mengikut rekod-rekod setara dengan syarikat-syarikat korporat, kita boleh kurangkan penjimatan sebanyak RM16.6 bilion. Jadi, apabila kita buat anggaran apakah tahap ketirisan rasuah ianya memang tepat bahawa ia lebih kurang RM22 bilion ke RM28 bilion.

Saya cuma hendak minta satu benda. Saya ada dua minit lagi ya. Saya memanglah ada kawan baik di sebelah sana juga. Yang Berhormat Menteri-Menteri yang betul-betul *capable* lah.

Saya hendak minta kalau kita benar-benar hendak menangani masalah fiskal negara kita, ini perlu dilakukan melalui reformasi anti rasuah. Jangan berpura-pura bahawa isu ketirisan dan rasuah tidak wujud. Seolah-olahnya isu 1MDB ini fiksyen semata-matanya. Bagi Ahli-ahli Parlimen sekalian, khasnya Ahli-ahli Barisan Nasional, saya mohon Yang Berhormat-Yang Berhormat mempertimbangkan berapa banyak harta yang diperlukan dalam kehidupan ini- *how much money do you really need?* Saya percaya bahawa rakan-rakan BN sama dengan sayalah. Saya katakan *upper middle class*. Kita ada tiga kereta, satu rumah yang baik. *How much more do you need?* Adakah *ambition* sebelah sana untuk memastikan anak-anak mereka naik Ferrari, ada rumah di London. Saya rasa tidak. *We know our limit.* Itu penting.

Jadi bila kita jadi Yang Berhormat Menteri ataupun Ahli Parlimen, kita kena selalu ingat setiap duit yang tambah masuk dalam poket, dalam bank akaun kita ia berdasarkan dari mana? Daripada *taxpayers money*. Saya pasti semua Ahli Parlimen tidak perlu RM2.6 bilion dalam bank akaun. *Maybe you need RM10 million. I can accept that*, betul. *If you have RM10 million in your bank account, I've no quarrel with you. This is the lesson we have to learn.* Kalau kita betul-betul hendak jaga keadaan fiskal negara dan keadaan ekonomi negara, kita kena jaga apakah *level* yang kita hendak untuk kita sendiri, untuk anak-anak kita sendiri. *Don't go overboard. If you go overboard, you are supporting a kleptocratic system.*

Jadi Yang Berhormat Menteri-Menteri yang *capable*, yang ramai kawan saya ini di sebelah sana ya, saya tidak hendak buat namalah ya. Saya cuma hendak nasihat satu saja. *If you are capable Minister, do not serve a kleptocratic anymore.* Itu saja ucapan untuk saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

## 2.59 ptg.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahir Rahmaniir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di rang undang-undang ini.

Saya bagi pihak rakyat di kawasan Parlimen Lenggong merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, juga Perdana Menteri kerana telah membentangkan satu bentuk belanjawan yang saya percaya akan memberi impak dan kesan yang positif kepada rakyat. Bukan senang dalam keadaan negara menghadapi situasi dan mengharungi pusaran getir ekonomi global tahun sebelum ini dan juga berhadapan dengan pelbagai permintaan dan impian rakyat dan keupayaan Yang

Berhormat Menteri Kewangan mengadunkan kehendak rakyat ini dan mengemukakan satu bentuk belanjawan cukup baik. Maka saya ucapkan tahniah.

**■1500**

Biarlah walau apa nak dikata oleh rakan-rakan di sebelah sana mengatakan ‘bajet PRU’ lah atau ‘bajet gula-gula’ lah, biar itu pandangan mereka. Akan tetapi hakikat sebenarnya belanjawan kali ini adalah belanjawan yang cukup baik kerana ia menyentuh semua kumpulan. Bayangkan yang ada dalam kandungan pun sudah diberi nikmat oleh kerajaan, apatah lagi kepada kita yang ada pada hari ini. Jadi sebab itu saya merakamkan ucapan tahniah atas keupayaan pembentangan bajet yang begitu baik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Kita lihat dengan jumlah peruntukan sebanyak RM280.25 bilion di mana RM234.25 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion perbelanjaan pembangunan. Ia memperlihatkan kesungguhan kerajaan kerana kita lihat juga di keseluruhan bajet ini diperuntukkan sebanyak RM26.34 bilion untuk sektor ekonomi. Maknanya memang betul dan tepat daripada kita bercakap soal-soal yang berskala kecil umpamanya apabila kerajaan menyebut bahawa bagaimana keupayaan kita menyediakan prasarana pengangkutan bertaraf dunia dengan kereta api berkelajuan tinggi yang menghubungkan Kuala Lumpur hingga ke Johor Bahru, kita juga bercakap soal bagaimana kita hendak meningkatkan prasarana jalan kampung.

Apabila kerajaan bercakap tentang inspirasi TN50, hendak membawa pendidikan bertaraf dunia. Kerajaan juga menyediakan kemudahan dan membela kumpulan rakyat termiskin yang tidak ada duit hendak beli kasut sekolah, buku dan sebagainya dengan pemberian *One Off* RM100 dan sebagainya. Kita juga bercakap soal bagaimana hendak memperbaiki sekolah daif, lebih dua ribu buah sekolah hendak di baik pulih yang melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM4.6 bilion.

Maknanya ketika kerajaan bercakap soal bersifat bagaimana kita mahu meletakkan negara kita setanding dengan negara-negara maju, ke arah negara berpendapatan tinggi, maju berpendapatan tinggi dan meletakkan Malaysia dalam kelompok 20 negara terhebat di dunia, maka soal-soal rakyat tidak dipinggirkan. Ini bukti bahawa kita adalah kerajaan yang bertanggungjawab. Jadi sebab itu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Malah apa yang dikemukakan itu dalam belanjawan tempoh hari bukan cakap kosong. Angka-angka disebut baik dari segi pencapaian KDNK, soal-soal berkaitan dengan pengiktirafan dari segi kewangan dan sebagainya, semua diperakukan oleh badan-badan penarafan antarabangsa. Ini kita lihat misalnya dalam separuh tahun pertama 2017 sahaja, ekonomi negara kita berkembang positif dan memberangsangkan pada kadar 5.7 peratus. Ia diperakukan oleh badan kewangan antarabangsa iaitu badan tertinggi dengan menzhirkan keyakinan bahawa prestasi ekonomi negara kita dengan menaikkan unjuran KDNK negara daripada 4.9 peratus kepada 5.2 peratus bagi tahun ini

dan bakal mencapai kadar pertumbuhan tahunan antara 5.2 peratus hingga 5.7 peratus hingga akhir tahun ini. Ini angka dan unjuran yang dibuat oleh badan-badan penarafan antarabangsa. Jadi sebab itu kita kena akui ini dan saya mengajak rakan-rakan di sebelah sana juga mengakuinya kerana ini pengiktirafan dibuat oleh badan antarabangsa.

Sudah tentulah juga kalau kita lihat bahawa buktinya boleh kita lihat, pencapaian dibuat melalui program-program transformasi misalnya. Memang ia tidak popular tetapi langkah berani, keberanian dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dengan melaksanakan program-program tertentu umpamanya pelaksanaan GST misalnya, rasionalisasi subsidi misalnya, menambahkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan kerajaan, mengurangkan kebergantungan kepada sumber petrol dan gas. Itu walaupun tidak popular ia langkah berani dan kita lihat akhirnya ianya diterjemahkan dalam belanjawan ini dengan pelbagai program-program pembangunan. Kalau kita lihat projek berskala besar misalnya, pelaksanaan projek LRT *extension* manakala projek *high speed rail* yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura dan projek Lebuhraya Pan Borneo misalnya. Itu projek-projek berskala besar hasil dari keupayaan ekonomi negara kita.

Juga soal pembelaan kepada golongan miskin. Kalau kita lihat kadar kemiskinan turun daripada 3.8 peratus pada 2009 kepada 0.6 peratus. Ini memperlihatkan bahawa pencapaian itu dibuktikan dengan angka yang diperakukan oleh badan antarabangsa. Malah kita lihat bahawa peluang-peluang pekerjaan juga mampu disediakan oleh kerajaan. Untuk enam tahun kebelakangan ini misalnya, kita lihat 2.6 juta peluang pekerjaan dapat disediakan oleh kerajaan dengan sasaran 3.3 juta peluang pekerjaan baru menjelang tahun 2020. Ini angka yang sekali lagi boleh diukur oleh rakyat.

Juga kalau kita lihat dari segi pembangunan jalan kampung misalnya, membina dan menaik taraf, 6,042 kilometer jalan luar bandar berjaya dibina. Inilah antara ukuran-ukuran yang saya percaya bahawa bajet ini memang ada kredibiliti, memang ada kebenaran dan memang ia dibuktikan dengan apa yang saya sebutkan tadi malah banyak lagi.

Akhirnya kita lihat bahawa walaupun ramai juga terutama rakan-rakan di kalangan sana mengatakan bahawa ekonomi negara kita tidak baik, suasana iklim politik tidak baik. Akan tetapi hakikatnya kalau kita lihat Yang Berhormat Batu Gajah, kehadiran pelancong dalam negara kita tercatat tahun lalu sahaja 26.7 juta orang dan dengannya menyebabkan peningkatan daripada RM69 bilion pada 2015 kepada RM82 bilion pada 2016. Maknanya mereka hadir kerana mereka yakin dan tahu bahawa negara ini ialah negara yang terbaik untuk mereka lawati dan sebagainya.

Begitu juga dengan pelaburan sektor swasta, berlaku peningkatan kepada 67 peratus pada tahun 2016, maknanya kehadiran pelancong ke dalam negara kita, peningkatan pelaburan langsung asing dalam negara kita institusi swasta ialah bukti-bukti bahawa memang kita berkeupayaan dan sebenarnya dari segi menghapus dan menolak

dakya yang dibawa oleh rakan-rakan termasuklah saya dengar ucapan Yang Berhormat Batu Gajah dalam *Youtube* yang menafikan semua kejayaan yang dibuat ini kerana saya percaya ramai orang lebih percaya angka yang diperakukan oleh badan antarabangsa daripada dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar dan sebagainya.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Samalah, dua-dua sekali. Sorry Yang Berhormat Klang. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya sebut tadi bahawa kita ada keberanian mengambil langkah-langkah walaupun tidak popular tetapi penting kepada masa depan negara. Kita lihat bahawa kebergantungan yang saya sebutkan tadi kalau sebelum ini 41 peratus daripada hasil minyak, kita telah dapat kurangkan hanya kepada 14.7 peratus pada tahun 2016. Bayangkan kalau dalam keadaan harga minyak yang merudum jatuh lebih daripada 50 peratus pada satu ketika. Bagaimana kalau kita hanya bergantung pada sektor itu tanpa ada sumber pendapatan lain, saya percaya kita berada dalam keadaan sukar. Akan tetapi pandangan jauh, keberanian kerajaan, itulah yang menyebabkan kita mampu berdiri pada hari ini dalam keadaan kesuraman ekonomi global yang berlaku di kebanyakan negara tetapi kita boleh lagi mencapai tahap-tahap yang patut kita banggakan.

Jadi sebab itu saya cukup bangga dengan pencapaian-pencapaian yang kita peroleh, dengan langkah-langkah berani yang dibuat oleh kerajaan, akhirnya pembentangan bajet pada Jumaat lalu yang dinanti-nantikan oleh rakyat pelbagai kaum dalam negara ini, akhirnya banyak dapat diberikan kepada rakyat termasuklah apa juga yang diinginkan, yang dicadangkan, yang disuarakan dalam pelbagai forum-forum ataupun dalam pelbagai media sosial yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi sebab itu bukan senang dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, dalam keadaan kekurangan sumber, kita berjaya mempelbagaikan sumber dan akhirnya kita berjaya mempersembahkan bajet yang memenuhi pelbagai kelompok dan kumpulan.

#### ■1510

Umpamanya kalau kita lihat golongan pesawah, petani, penoreh getah, peladang, nelayan dan mereka-mereka yang terlibat dalam sektor pertanian, ia juga diberikan tumpuan. Ya, dapat dilihat misalnya pelbagai jenis bantuan kepada pesawah padi diperuntukkan RM1.3 bilion untuk subsidi harga padi, misalnya. Pada pekebun kecil getah misalnya, sejumlah peruntukan juga diperuntukkan harga lantai bantuan musim tengkujuh. Diteruskan lagi bantuan kepada nelayan. Tidak setakat itu sahaja, 57,000 nelayan, elaun diberikan dan sebagainya. Maknanya, ini juga dapat diteruskan.

Ini sebenarnya ialah bukti bahawa kita mampu untuk melakukannya. Jadi, tidak timbul sebenarnya perkara-perkara isu yang dibangkitkan oleh rakan-rakan di sebelah sana misalnya yang menuduh bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Belanjawan tidak realistik, tidak berdasarkan angka yang betul dan tepat. Ia

sebenarnya tidak betul sama sekali. Hakikatnya, kita mengadunca Belanjawan ini dengan menggunakan kepakaran-kepakaran dari pelbagai pihak dan mendapatkan pendapat dan pandangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan. Kita bukan macam bajet Pakatan Harapan. Buat sendiri, syok sendiri, rasa hebat tapi sebenarnya ia tidak boleh memberi apa-apa pun kepada rakyat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa tidak betul kalau kita katakan bahawa bajet ini hanya bersifat *One-off* sahaja. Kerana, antara buktinya ialah kita lihat bahawa RM2.3 bilion kalau diperuntukkan untuk insentif seperti baja input pengeluaran, itu sebenarnya adalah jangka panjang. Kalau tadi kita bagi *One-Off* RM200 sebulan kepada pesawah padi, kita juga merancang untuk bagaimana mereka meningkatkan pengeluaran hasil dan sebagainya. Misalnya juga, RM500 juta diperuntukkan untuk mengenai infrastruktur, misalnya, ini menunjukkan bahawa kita merancang dalam pelbagai keadaan dan suasana jangka pendek, jangka sederhana dan sebagainya. Yang hakikatnya sebenarnya kita dapat lihat dengan jelas bahawa Belanjawan ini adalah usaha bersungguh-sungguh untuk meneruskan bagi membolehkan negara kita mencapai satu tahap yang dibanggakan dan kita sebaris dengan negara-negara maju di seluruh dunia.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong beri saya peluang untuk mencelah. Saya terpanggil untuk bertanya kepada Yang Berhormat Lenggong sebab saya dengar banyak mengatakan Bajet kita tidak realistik, Bajet ini sebenarnya syok sendiri dan sebagainya.

Akan tetapi, saya berfikiran dan berpandangan berbeza sebab saya apabila dapat Bajet ini, kita baca dengan teliti, data-data ini, mungkin separuh kita faham, separuh kita tidak faham tapi yang pastinya Yang Berhormat Lenggong, saya difahamkan dalam pertemuan-pertemuan dengan Aspirasi TN50, lebih sejuta *engagement* kepada belia, dan daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buka sekali *LINE*, buka *Whatsapp group*, *Insta group* supaya dapat *feedback*. Dan sebenarnya terjemahan Bajet ini dengan begitu *detail* sekali merangkumi begitu banyak segmen-segmen masyarakat. Dan ini bukan kali pertama. Kita lihat tiap-tiap tahun kerangka yang dibina oleh Kerajaan kita melibatkan jentera-jentera dalam Kementerian Kewangan yang begitu *detail*. Itu satu pembuktian bahawa Bajet ini bukan satu perkara yang main-main.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Lenggong apabila ada pihak mengatakan sama ada mereka ini sebenarnya sengaja dengki, sakit telinga dengar, menuduh yang

bukan-bukan atau dia memang cemburulah dengan kenyataan bahawa Bajet ini adalah antara yang terbaik? Jadi apa pandangan Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sakit pun ada, cemburu pun ada, iri hati pun ada...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sakit telinga.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kerana apa? Kerana mereka tidak dapat kemukakan bajet yang terbaik.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sakit kepala mungkin juga?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mungkin ada. Akan tetapi sebenarnya saya hendak sebut tadi bahawa kita sedang menyediakan yang terbaik untuk rakyat, masa depan. Adik-adik kita yang ada di belakang ini. Daripada RM282 bilion, RM61 bilion untuk anak-anak kita di universiti itu sahaja. Di pengajian tinggi, misalnya... *[Tepuk]* Kita bukan bercakap hendak bawa pendidikan kita bertaraf dunia sahaja. Kita juga bercakap soal bagaimana hendak menyelesaikan isu-isu kecil. Anak kecil tidak ada kasut sekolah, anak kecil tidak ada baju pun diambil kira, di samping kita hendak meningkatkan ranking universiti dan sebagainya.

Sudah sampai ketikanya saya hendak minta Kerajaan bahawa kita mesti menyediakan anak-anak kita bukan hanya menjadi golongan yang bijak dalam pelbagai bidang yang profesional- doktor, engineer- yang hanya memberi perkhidmatan di dalam negara ini tetapi sudah sampai ketikanya Kerajaan menyediakan platform terbaik untuk kita hantar tenaga-tenaga kita, anak-anak kita yang ada di belakang ini perlu saja menjadi tenaga pakar di *United Kingdom*, di Amerika, di luar negara. Kita mahu begitu. Inilah sebenarnya yang sedang diusahakan oleh kerajaan dalam Aspirasi TN50. Supaya anak-anak kita, adik-adik kita yang di belakang ini adalah bertaraf dunia.

Kita mahu mereka hari ini, engineer dari Batu Gajah bekerja di Amerika syarikat. Itu yang kita hendak buat sebenarnya. Inilah yang ada dalam Belanjawan ini sebenarnya. Sebab itu apa yang disebut oleh mereka sebenarnya tidak tepat kerana mereka hanya lihat dari sudut yang kecil. Kalau hendak bariskan kesalahan, memanglah itu yang dilihat. Akan tetapi hakikatnya, kita bercakap soal-soal yang bertaraf antarabangsa. Yang betulnya, kita menyentuh sebuah kumpulan daripada pelbagai pihak. Kita juga lihat dalam Bajet ini menyentuh soal-soal keusahawanan, soal latihan kemahiran, menjana pendapatan dan sebagainya. Kalau saya hendak bariskan satu persatu, Yang Berhormat, memang tidak tertulis banyaknya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tidak hendak bagi. Saya ada dua minit sahaja sebab saya hendak habiskan ini.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Sebut Kapar, Batu Gajah, Kapar, Batu Gajah tetapi tidak bagi.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apa pun, jelas ia menolak segala yang tidak baik yang disebut oleh pihak di sebelah sana. Kalau Yang Berhormat tidak percaya, berlapang dadalah, terimalah hakikat, tengok betul-betul. Lihat perakuan dibuat oleh pelbagai badan pendapat antarabangsa. Saya percaya kalau orang kampung saya di Parlimen Lenggong, dia tentu percaya apa yang *World Bank, Standard & Poor's, Fitch Rating*, Bank Negara sebut daripada Yang Berhormat Batu Kawan sekalian kerana itu adalah badan yang ada kredibiliti.

Apa pun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut, di samping Tuan Yang di-Pertua hendakkan juga rumah PPR di Kuala Krau, saya minta Yang Berhormat Menteri, Projek Perumahan Rakyat di Kampung Chain, Lenggong, saya harap dilaksanakan. Projek PR1MA di Bukit Nasah dalam kawasan Parlimen Lenggong saya harap juga dilaksanakan.

Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pelancongan...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Orang Lenggong kena dengar *last-last* ini.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Yang memang telah berjaya membuat lonjakan dan meletakkan sektor pelancongan dalam negara ini pada satu tahap yang cukup baik. Cuma, saya berharapkan supaya Tapak Warisan Dunia UNESCO di Lenggong ditingkatkan dari segi prasarana, dari segi kemudahan-kemudahannya dan sudah tentu saya minta juga produk-produk pelancongan termasuklah Pesta Makanan Tradisional Lenggong itu dijadikan program yang benar-benar boleh menarik pelancongan termasuklah di Gerik, Program Ikan Loma dijadikan sebagai produk pelancongan.

Kalau hari ini kita bercakap soal kereta api ke Selatan, apa salahnya- Yang Berhormat Gerik pun tentu bersetuju dengan saya- mintalah Kementerian Pengangkutan dari Kuala Kangsar itu, kereta api pergilah ke Padang Rengas, pergi ke Lenggong, singgah di Gerik, kemudian pergilah ke Kulim dan keluarlah ke Pulau Pinang. Satu jalinan laluan baharu yang sebenarnya boleh meningkatkan kegiatan ekonomi di situ itu termasuklah juga pelancongan Lembah Lenggong dan Royal Belum.

Di samping saya minta supaya Kementerian Kesihatan tingkatkan hospital, saya hendak tanya tentang jalan dari Lenggong ke Intan Suraya, Sungai Siput. Yang penting saya minta supaya projek Lenggong sebagai pengeluar rusa terbesar di negara ini dapat dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya bagi pihak rakyat Lenggong menyokong sepenuh-penuhnya Bajet ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Penampang.

**3.19 ptg.**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *Kopivosian*, dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Penampang untuk membahaskan Bajet 2018 ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama empat tahun lebih sebagai Ahli Parlimen dalam Dewan ini, saya telah mendapat banyak maklumat dan juga dengar banyak perbahasan berkenaan dengan kedudukan Sabah. Selalunya Ahli Parlimen daripada sebelah menyatakan bahawa Bajet ini adalah bajet terbaik setiap tahun, sejak kami memasuki pada tahun 2013 di Dewan ini.

**■1520**

Akan tetapi dalam setiap hujah itu ada juga permintaan mereka di mana projek-projek ini patut dilaksanakan, jalan raya tidak ditarkan dan tidak pun dibina hospital, air, bomba dan banyak lagi aduan yang mereka buat. Pada sesi ini, Perdana Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Pekan telah membentangkan bajet yang kononnya baik untuk Sabah dan Sarawak. Penampang berpendapat bahawa ini bukan pasal baik ataupun satu bajet yang memberi gula-gula tetapi satu bajet yang tidak mengiktiraf kedudukan Sabah sebagai rakan setara dalam Persekutuan Malaysia ini.

Di Sabah dan Sarawak, kita di sana percaya bahawa tiadanya Persekutuan Malaysia jika tiada persetujuan daripada Sabah dan Sarawak. So, kalau itu adalah *our position*, dengan izin, di Sabah dan Sarawak, mengapakah pengagihan bajet ini bukan diaghid secara 30 peratus Sabah, 30 peratus Sarawak mengikut populasi, dan 40 peratus di Semenanjung Malaysia. *Why not like that*, iaitu 30:30:40? Kenapakah pengagihan ini tidak seimbang seperti mana Yang Berhormat Kelana Jaya sudah berbahas tadi? Bajet ini *is wholly*, dengan izin, di dalam tangan Perdana Menteri. *I think this is wrong* Tuan Yang di-Pertua *and* sepatutnya Yang Amat Berhormat Pekan dan Kabinet beliau mengkaji balik bagaimana pengagihan bajet ini dibentangkan baru-baru ini.

Saya ingin juga membawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua. Perdana Menteri pertama Persekutuan Malaysia, Tunku Abdul Rahman telah mengatakan bahawa Sabah ialah rakan setara dalam Persekutuan Malaysia tetapi nasihat ataupun janji beliau kepada rakyat Sabah, warga Sabah dan Sarawak tidak dilaksanakan oleh setiap Perdana Menteri. Inilah peluang Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan untuk membaiki apa yang sudah diabaikan selama-lamanya. Ada juga ramai orang Sabah bertanya kenapakah penggiliran ataupun *rotation* Perdana Menteri tidak dilaksanakan di Persekutuan Malaysia ini sebab Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia adalah rakan setara.

*We should be administering.* Kita sepatutnya mentadbir Persekutuan Malaysia ini secara penggiliran kerana kita adalah rakan setara. Ini *position*. Saya percaya juga dalam minda orang-orang yang sebelah ini yang datang daripada Sabah dan Sarawak. Berkenaan dengan keadaan ekonomi di Sabah Tuan Yang di-Pertua, kita dengar di sekeliling kawasan saya dan seluruh daerah di Sabah di mana banyak *bundle*, kalau Tuan

Yang di-Pertua pernah dengar. *Business* yang menjual kain-kain *bundle*. Kain-kain *bundle* ini ada di setiap kampung ataupun di setiap daerah di Sabah sekarang, kenapakah begitu?

Kenapakah rakyat Sabah sekarang memerlukan *business* begini dan membeli kain-kain yang diguna di luar negara ini dan membawa ke Sabah? Mesti ada masalah besar di kalangan warga Sabah kerana ramai rakyat Sabah bukan lagi pergi ke *shopping mall* ataupun kedai-kedai mewah untuk membeli baju supaya memberikan mereka *dignity instead* kita pergi ke *bundle*. Di depan pejabat saya, firma guaman saya pun besar ruangan atau space yang diambil oleh kedai *bundle* ini. *This is a sign* Tuan Yang di-Pertua, bahawa ekonomi di Sabah ada masalah.

Dengan ini juga Tuan Yang di-Pertua, banyak kereta *secondhand* ataupun *third or fourth hand* dijual di Sabah yang datang daripada *West Malaysia* atau Semenanjung Malaysia. *There must be a problem also* sebab itu ertiya banyak kereta ini *didump*. Dalam bahasa Inggeris- *didump* ke Sabah dan dijual dengan harga murah ataupun harga yang kita tidak fahami kerana ada kemungkinan kereta-kereta ini adalah kereta yang tidak dapat dijual di Semenanjung Malaysia dan dibuang kepada warga Sabah untuk membeli. Banyak, Tuan Yang di-Pertua, *and I think this is also another sign of poor economic management di state of Sabah*.

Pada masa yang sama juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menghujah tentang hospital di daerah saya di Penampang yang tidak wujud, yang telah dilancarkan ataupun pecah tanah pada pilihan raya yang lepas. Menteri Kesihatan telah datang untuk pecah tanah tetapi selepas pilihan raya, banyak alasan kenapa tidak dibina Klinik Kesihatan Penampang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Orang Penampang, warga Penampang terpaksa pergi ke Kota Kinabalu untuk mendapatkan rawatan. Terpaksa mencari bilik rawatan di kawasan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Penampang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Minta maaf. Saya ingin mengambil... Minta maaf, nanti saya akan memberi ruangan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Nanti, ya? Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Di Hospital Kota Kinabalu ini sesak Tuan Yang di-Pertua, sampai di *Emergency Ward* pun tidak ada kerusi. Jangan cakap pasal pesakit. Orang yang menunggu, yang sedih, yang ingin tahu kesihatan keluarga mereka tidak ada ruangan tempat duduk. Maka mereka duduk di luar hospital, ICU ini dan

kadang-kadang mereka terpaksa tidur di lantai. *There is something seriously wrong* dengan *management of the hospital* dan saya pernah bawa soalan ini kepada Menteri dan beliau telah berjanji untuk membuat sesuatu siasatan kenapakah keadaan ini ada di Hospital Kota Kinabalu.

Maka, sepatutnya Sabah mendapat tawaran yang paling baik. *We must get a full attention* daripada *Federal Government because they collect* kita punya revenue. Revenue yang tidak pernah dikembalikan. Maka kerap kali kita sebut berkenaan dengan Bahagian 10, Perlembagaan Persekutuan Malaysia di mana 40 peratus daripada cukai yang dikutip dari Sabah sepatutnya dikembalikan balik kepada orang Sabah sebagai pemberian khas seperti dijanjikan oleh pengasas dan *founder of the Federation of Malaysia*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh, Yang Berhormat Penampang?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey, boleh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Penampang, saya hendak tanya. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Penampang punya model tadi 30:30:40. Saya hendak tanya, kalau 30:30:40, Sabah punya population about 3.5 million now. Sama macam Johorlah. Johor pun 3.5 million. Akan tetapi in terms of GDP, Selangor is the biggest, Klang Valley. Jadi kalau 30 Sabah, 30 Sarawak, kita Semenanjung kena share 40, bermakna Selangor will get the smaller. Jadi bagi saya tidak realistik. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Penampang?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

Jawapan saya berkaitan soalan Yang Berhormat Kota Tinggi adalah begini. Dalam Perjanjian Malaysia tahun 1963, adanya tinggal tiga signatory iaitu Sabah, Sarawak dan Persekutuan Malaya ataupun at the time *Federation of Malaya*. Perjanjian kita adalah untuk mentadbir Persekutuan Malaysia ini secara setara. Now, cadangan saya adalah on that basis ataupun dalam premis yang telah dipersetujui di mana kita mentadbir bersama. Bukannya seperti Johor dan Selangor. Itu adalah dalam ruangan Persekutuan Malaya pada waktu itu. Sabah, Sarawak dan Persekutuan Malaya adalah rakan setara.

So, apa yang saya cadangkan kepada kerajaan adalah untuk kembali kepada spirit and letter ataupun asas penubuhan Persekutuan Malaysia. Ini permintaan juga sama datang daripada Ahli Parlimen di sebelah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya setuju dari segi itu. Perkara 10 dan 12. Cuma saya tanya tadi soalan, kalau economic skill of Sabah serta percentage of Federal tetapi Yang Berhormat Penampang minta 30 percent, jadi dekat situ tidak ada equality. Tidak ada kesamarataan. Jadi saya tengok di situ tidak realistik.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey, begini. Tuan Yang di-Pertua. Question of equality...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya yakin ini tidak mewakili semua pandangan orang Sabah. Saya baru balik dari Sabah. Sabah *thriving, cantik, tourism...*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua, *my floor.* Yang Berhormat Kota Tinggi, pandangan ini...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi pandangan tidak berapa realistiklah. Yang Berhormat Kuala Selangor pun kecil hati nanti.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Pandangan ini begini. Saya tanya Ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak jika mereka setuju dengan saya ataupun tidak.

#### ■1530

Kalau mereka tidak setuju, saya *clearly* bangun dan jawab bahawa mereka tidak setuju dengan cadangan ini. Okey. Berkenaan dengan GDP, Sabah sendiri mengeluarkan dekat 50 peratus minyak seluruh Persekutuan Malaysia. Seperti mana yang saya pernah hujah, Gemusut-Kakap satu *oil rig* dekat Labuan mengeluarkan 26 peratus daripada *national oil output* Malaysia. Kalau kita campur dengan semua...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya ingat ini kena *justify the figure.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *No. I think this is my floor* Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Minta maaf Yang Berhormat, jangan *mislead the Dewan...*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *I'm not misleading. This is a fact.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sebab 500 thousand barrel from Terengganu *alone, offshore* Terengganu. Jadi saya hendak tahu telaga mana yang mengeluarkan 26 peratus daripada pengeluaran minyak.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Gemusut-Kakap.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tahu tetapi tidak sampai 26 percent. *Please justify.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *I think* itu dari laporan Shell dan telah disahkan oleh...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *Shell is not the biggest operator in Malaysia.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Di Sabah, Sabah- Shell.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yes di Sabah. *In terms of* Malaysia, tidak sampai macam itu.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *I think you will have to check your figures,* yang saya dapat adalah 50 peratus.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ya *I'm checking my figures.* Jadi saya minta *don't mislead the Dewan, please.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *I'm not misleading. This is based on Shell punya yearly annual report. Well then, the position is the same. I throw it back to the government. I throw it back to the government. The government let the Minister answer this.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *Don't mislead the Dewan.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *I'm not misleading. The government must answer this.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *Don't mislead the Dewan. You don't represent the whole people. Ya you dari Penampang tetapi...*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *Well I represent...I'm a Sabahan and I represent Sabah.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *Don't mislead the Dewan, don't misleading the government. I'm represent the interest of the whole Malaysian. Not only Sabahan. Not only Sabahan.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *This is my position. Tuan Yang di-Pertua, ini position saya...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Sepang teruskan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau Yang Berhormat Kota Tinggi tidak setuju, ikut peraturan mesyuarat lah. Kacau sahaja lebih. Apalah kerja kacau orang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Harap Yang Berhormat Menteri dapat jawab dan harap rakan-rakan daripada Sabah dan Sarawak akan membuat hujah berkenaan dengan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada tujuh minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membawa kepada satu isu yang kerap kali dibawa oleh rakan-rakan dan juga warga Sabah berkenaan dengan *scholarship*. Saya mendapati bahawa adanya masalah dengan pengagihan *scholarship*. Ada juga mungkin tidak benar ataupun benar tetapi saya ingin kerajaan membuat satu penjelasan, adakah benar bila memberikan *scholarship* kepada orang-orang Sabah, orang-orang Sabah dipinggirkan.

Bukan sahaja dipinggirkan tetapi juga dipinggirkan melalui agama dan bangsa. Ini selalu ditanya dan kita harap kerajaan boleh menjelaskan jika benar dan menunjukkan berapa banyak pengagihan *scholarship* yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada orang-orang Sabah dan Sarawak.

*Finally, yang isu dekat dengan hati saya dan sebagai orang Sabah juga, kedudukan orang Sabah yang dilanda dengan banyak masalah pendatang tanpa izin. Tadi*

Yang Berhormat Kota Tinggi ada cakap *3.5 million*. Tidak, bukan *3.5 million*. Pada hari Ahad yang lalu, kawan saya Ahli Parlimen Kota Belud telah mengumumkan bahawa Sabah sekarang ini pada tahun 2017 ada 3.9 juta *populations*. Ini adalah satu peningkatan yang tinggi sebab pada tahun 2010 kita hanya 3.2 juta. *In a short five to six years, we have become 3.9 million*. Siapakah orang-orang ini dan kenapakah orang Sabah sangat produktif? Adakah mereka ini pendatang tanpa izin ataupun orang Sabah yang benar?

Dalam pengagihan yang dibuat Tuan Yang di-Pertua, *census* yang dibuat pada tahun 2010 yang dipetik daripada *Statistic Department* adalah 3.293 juta warga Sabah yang di mana 901,943 adalah pendatang tanpa izin ataupun warga asing bercampuran. Orang Sabah hanya 2.391 juta.

Maka di Sarawak pada tahun 2010 mereka ada 2.5 juta orang Sarawak. Adanya 122 orang warga asing atau pendatang tanpa izin. Orang Sarawak yang tulen 2.393 juta. So what is the big disparity antara Sabah dan Sarawak? Adakah orang Sabah lebih produktif daripada Sarawak? I think it is about management of our immigration. Adanya banyak tuduhan waktu RCI seperti mana yang telah diberi keterangan oleh seorang witness bernama Asli bin Siduk yang dikategorikan ataupun dilabelkan sebagai witness ke-13 dalam RCI yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Asli bin Siduk ini telah memberi keterangan bahawa beliau telah mengeluarkan banyak IC yang benar melalui Sijil Lahir Lewat yang telah dikeluarkan juga oleh Kerajaan Persekutuan bersama dengan Pejabat Ketua Menteri di Sabah. Ada masalah besar ini Tuan Yang di-Pertua. Beliau juga cakap dalam testimoni beliau dalam RCI bahawa tujuan, dalam Inggeris memberikan *verbatim quote*, the purpose of the exercise was to increase the Muslim voters in Sabah which at that time under PBS Government headed by Joseph Pairin Kitingan, Tambunan untuk mengalahkan beliau dalam pilihan raya.

So, demographic change ke Sabah telah terjadi pada musim PBS hingga ke saat ini. Ada juga satu kes dan ini saya ingin dapat jawapan daripada kerajaan. Kes ini pada tahun 2006 seorang yang telah diberikan IC Sabah. Beliau bernama Salman Majid. Beliau telah mengambil tindakan kepada Kerajaan Persekutuan dan Director-General Immigration Persekutuan setelah beliau ditangkap dan telah disimpan dalam lokap selama 199 hari.

Selepas beliau dapat peluang untuk membuat saman kepada Kerajaan Persekutuan, dalam evidence beliau, dalam testimoni beliau, beliau telah memberi keterangan bahawa beliau telah diberikan IC warga Malaysia. Ini testimoni beliau dalam kes dan ditulis dalam MLJ atau *Malaysia Law Journal* bahawa beliau telah diberikan IC dengan condition bahawa beliau akan undi Barisan Nasional. This is a serious problem.

Salman Majid. Beliau tidak dipanggil waktu RCI dan beliau mungkin ada di Sabah pada hari ini. Mungkin ada business beliau, restoran atau apa. Oleh sebab beliau telah disahkan sebagai warga Sabah walaupun beliau dilahirkan di Pakistan. Salman Majid. Please, I hope the government can answer whether this is for real ataupun tidak. Oleh

sebab ini telah dilaporkan dalam *Malaysia Law Journal. This is very important case*, Salman Majid. Beliau adalah satunya daripada beribu-ribu yang telah menjadi warga Sabah dan yang telah menukar demografi dan juga mungkin telah dimasukkan dalam Daftar Pemilih Sabah yang kita kerap kali meminta kerajaan dan meminta SPR untuk memutihkan.

*We must solve this problem once and for all.* Pilihan raya tidak lama lagi. Adakah kita akan guna daftar pemilih yang sama yang telah dikritik dalam RCI. Sehingga ke hari ini, Kerajaan Sabah dan juga Kerajaan Persekutuan masih tidak ada *solution* ataupun tidak ada cadangan yang baik untuk menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin yang telah menjadi warga Sabah. Dari itu Tuan Yang di-Pertua, masanya datang jika Kerajaan Pusat Barisan Nasional ini tidak sedia untuk menyelesaikan, kerajaan yang akan datang, saya harap Pakatan Harapan akan menyelesaikan masalah Sabah. Dengan itu, *kotohuadan konsikan and God bless.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pasir Gudang.

### 3.39 ptg.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terlebih dahulu saya sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2017 kali ini.

*Alhamdulillah*, dengan izin Allah, Malaysia masih lagi mampu meredah badai ekonomi yang kian mencabar. Setinggi tahniah saya ucapan kepada pucuk pimpinan kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Pekan dan selaku Menteri Kewangan kerana telah bertindak dengan proaktif dan bijak dalam menyusun serta melaksanakan strategi ekonomi demi memastikan ekonomi Malaysia terus ampuh.

### ■1540

Secara peribadi, saya mengagumi perkara yang dibentangkan di dalam Bajet 2018. Bagi saya ia melambangkan kerajaan yang sangat fokus dengan impian untuk menjadikan negara kita berpendapatan tinggi menjelang 2020. Apa yang lebih penting, mempunyai aspirasi yang tinggi untuk membawa Malaysia ke tahap yang luar biasa menjelang tahun 2050.

Saya menyambut baik kepada inisiatif kerajaan yang berfokus untuk menyediakan Malaysia bagi mengharungi cabaran kitaran ekonomi pada masa hadapan. Sebagai bukti, kita dapat lihat kerajaan amat komited untuk mempromosi ekonomi digital dan memperkasa pendidikan TVET dalam beberapa siri belanjawan negara. Dengan izin Allah, selain menyediakan rakyat Malaysia dengan infrastruktur yang mampu mencipta pekerjaan dan pelaburan baru. Kerajaan hari ini mampu juga membantu kumpulan seperti

B40 dan M40 melalui pemberian tunai dan penstrukturkan semula cukai pendapatan. Perkembangan seperti ini amat patut disambut baik dan disyukuri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal pemerkasaan wanita yang di sebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Pembangunan ekonomi dan pembangunan wanita adalah saling berkait antara satu sama lain. Ini bermakna pemerkasaan wanita mampu untuk memberi kesan positif yang signifikan kepada pembangunan ekonomi. Sebagai seorang wanita, saya amat gembira apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan tahun 2018 sebagai tahun memperkasa wanita.

Dengan pengumuman untuk mewajibkan 30 peratus wanita dalam keahlian lembaga pengarah GLC dan GLIC serta badan berkanun, memberi isyarat bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mengiktiraf kemampuan wanita dalam menyumbang kepada kemajuan industri. Ini amat selari dengan apa yang telah lama dilakukan di sektor awam, di mana Malaysia sudah pun mencapai sasaran kuota 30 peratus wanita di peringkat pembuat dasar dalam sektor awam, dengan peratus wanita di dalam kumpulan pengurusan tertinggi sebanyak 35.6 peratus.

Namun demikian, suka saya membawa kepada perhatian semua. Kita kena lah menggembungkan tenaga bagi memastikan 10.81 peratus daripada Ahli Dewan Rakyat adalah wanita. 22 peratus daripada Ahli Dewan Negara dan jumlah wanita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bagi setiap negeri juga kurang daripada 30 peratus. Justeru, saya amat berharap agar kita juga dapat mencapai sasaran 30 peratus wakil rakyat di seluruh Malaysia ini adalah wanita, selaras dengan saranan 2018, tahun memperkasakan wanita.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Pasir Gudang, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun. Yang Berhormat Kuantan, dengan Yang Berhormat Kapar.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

Apabila Yang Berhormat Pasir Gudang menyebut berkenaan peratus wanita dalam Dewan Rakyat, ia melibatkan kita ya, Yang Berhormat Pasir Gudang, saya juga. Perkara ini telah kita bangkitkan banyak kali berkenaan hendak meningkatkan keterlibatan wanita di peringkat keputusan paling tinggi iaitu Dewan Rakyat. Akan tetapi kita punya sistem *first past the post* ini tidak memungkinkan perkara itu berlaku. Adakah saranansaranan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang, bagaimana kita hendak menjadikan 30 peratus itu? Hendak capai 30 peratus. Oleh sebab di Dewan Negara dia dilantik. Akan tetapi Dewan Rakyat kalau kita sudah ada 30 peratus calon pun, kita tidak menjamin 30 peratus di Dewan Rakyat. Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya sambung sikit, Yang Berhormat Pasir Gudang? Dua, tiga tahun yang lepas, saya telah membuat cadangan di

mana Kawasan-kawasan Parlimen seperti Pasir Gudang mahupun Kuantan perlu dikhaskan untuk wanita berlawan dengan wanita. Ini akan memastikan Pasir Gudang mesti ada seorang wakil daripada wanita. Kuantan, seorang wakil daripada wanita. So, begitulah kita boleh memastikan ada calon wanita untuk beberapa kerusi Parlimen. Dengan cara itulah kita boleh memastikan 30 peratus dan cadangan ini saya telah bawa dua, tiga tahun yang lepas tetapi tiada jawapan daripada kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih sahabat-sahabat saya Ahli-ahli daripada sebelah sana kerana menyokong apa yang saya katakan ini. Sememangnya apa yang disuarakan ini perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak tertentu. Saya suka macam Yang Berhormat Kapar cakap, kalau Pasir Gudang untuk wanita, jangan lah ada yang mengganggu di kerusi Pasir Gudang supaya wanita terus kekal di Pasir Gudang, macam mana di Kuantan, begitu ya. Wanita untuk kita semua. Jadi dengan perkara ini, soal ini adalah soal parti dan dengan Yang Berhormat Pekan sendiri menjadi ketua kepada Barisan Nasional, saya yakin jika tidak dengan niatnya begitu, maka tidaklah diumumkan 2018 sebagai tahun memperkasakan wanita.

Jadi, kita semua sama-sama memberi lebih ruang kepada wanita untuk menjadi wakil rakyat yang berwibawa. Bukan kerana wanita tetapi memang mereka mempunyai potensi yang baik. Seterusnya, saya juga melihat kerajaan begitu serius untuk membantu wanita dalam mengimbangi peranan di dalam keluarga dan juga peranan di pejabat dengan menaikkan cuti bersalin mandatori bagi sektor swasta dari 60 hari kepada 90 hari. Tahniah saya ucapan kepada kerajaan dan seluruh wanita di Malaysia ini. Saya juga hendak menyentuh soal kos sara hidup. Kita tahu sekarang ini dengan kos sara hidup, dengan tekanan-tekanan untuk menaikkan gaji minimum dan sebagainya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Minta laluan Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Tidak, saya sudah tidak cukup masa.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ini hendak menambah sedikit lagi.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Sehingga hari ini, gaji minimum di Semenanjung Malaysia ada dibayar RM1 ribu. Manakala, di Sabah, Sarawak dan Labuan RM900. Pihak sebelah sana ada mencadangkan supaya gaji minimum ditingkatkan kepada RM1,500. Secara fizikalnya, secara luaran, kita nampak ini adalah satu yang sangat menarik tetapi kebersediaan syarikat-syarikat sendiri dan juga kesan kos *push inflation* sekiranya gaji minimum dinaikkan secara begitu, tentunya akan memberi kesan negatif. Di mana harga-harga barang juga akan dinaikkan. Apabila keadaan ini berlaku, ia tentunya akan menyebabkan pekerja-pekerja itu sendiri tertekan semula. Pihak-

pihak syarikat juga dengan alasan kenaikan gaji minimum yang terlampau tinggi akan menjadikan kos operasi mereka tinggi dan akhirnya, barang yang mereka keluarkan juga akan menjadi mahal.

Soal pemilikan harta tanah. Antara kerisauan terbesar rakyat Malaysia ialah tentang memiliki rumah sendiri. Kita berharap sangat-sangat dengan usaha yang dilakukan oleh negeri-negeri, oleh kerajaan, dapat diteruskan dengan pelbagai skim rumah mampu milik, Prima, *MyHome* dan pelbagai lagi bagi membantu rakyat memiliki rumah diteruskan. Antara yang sangat popular dan juga sangat dicemburui dan sukar untuk diikuti adalah rumah mampu milik Kerajaan Negeri Johor kerana telah berjaya membina.

Setinggi tahniah saya ucapan kepada Kerajaan Negeri Johor kerana telah berjaya membina 15,139 unit rumah mampu milik dengan harga serendah RM42 ribu hingga RM150 ribu seunit. Sekarang ini diberi kemudahan pula dengan bantuan-bantuan kewangan daripada kerjasama dengan bank-bank tertentu seperti Ambank. Haraplah perkara ini dapat diikuti dengan lebih agresif oleh Kerajaan Persekutuan bagi membina lebih banyak rumah mampu milik di dalam kawasan-kawasan bandar.

Sejak April 2015 Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan GST bagi menggantikan SST. Kita harap percuakan yang lebih efisien ini dapat dilakukan satu bentuk kesedaran kepada rakyat, bagaimana dan apakah peranan yang telah dimainkan oleh GST. Apakah dengan jelas GST telah membantu rakyat atau sebaliknya? Jadi, usaha ini mestilah dilakukan dengan secara berterusan dan jelas bagi memastikan tidak ada pihak-pihak terus menyelewengkan kefahaman rakyat dan rakyat sememangnya yang sangat terasa dengan perkara ini akan mudah mereka terpengaruh.

#### ■1550

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gejala sosial, saya mohon sangat agar pihak kerajaan melihat secara teliti tentang masalah dadah di dalam negara kita. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman mengesahkan, dalam tempoh tiga tahun sehingga Jun 2013, seramai 358 pelajar warga asing telah ditangkap atas kesalahan pemilikan dan pengedaran dadah. Dari mana mereka ini datang? Mereka ini datang masuk ke Malaysia dengan alasan untuk belajar. Memangnya kita hendak menjadikan negara kita ini sebuah negara pilihan untuk belajar tetapi jangan sampai menjadi dua dalam satu. Masuk konon hendak belajar, masuk dalam negara kita bukan dia belajar, dia mengajar pula anak-anak kita untuk terdedah kepada penggunaan dadah ini. Jadi, lebih baiklah kita mengawal sebelum keadaan yang sememangnya parah ini bertambah parah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk pihak kerajaan terus menerus melakukan penguatkuasaan terhadap warga asing terutamanya pelajar daripada luar negara seperti Nigeria, Yaman dan Sudan, di mana mereka ini adalah punca utama untuk rakyat kita terpengaruh dari segi menjadi keldai-keldai dadah dan juga penipuan-penipuan yang pelbagai bentuk. Saya memohon supaya saringan berkala diadakan di peringkat-

peringkat universiti atau semasa mereka mahu masuk ke dalam negara kita lagi bagi memastikan perkara ini dapat dibendung.

Berhubung dengan pekerja asing, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta pihak kerajaan melihat secara serius bagaimana kerajaan boleh mengawal kemasukan pekerja asing ini. Sekarang kita tidak nafikan mereka ini ada di mana-mana. Yang ada permit kita tidak hendak ceritalah. Sememangnya kadang-kadang ada keperluan kerana keadaan industri itu tidak menarik minat untuk anak-anak kita bekerja.

Akan tetapi, yang tidak berpermit ini, yang masuk melalui persisiran-persisiran, yang masuk berbagai-bagai cara ini, macam mana hendak kita kurangkan dalam negara kita? Sekarang kita pergi ke tempat-tempat tertentu, kita pula yang takut dengan ramainya mereka ini. Jadi, kita harap ada satu daya usaha yang sememangnya sangat baik sekarang ini tetapi ditingkatkan lagi bagi memastikan pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai permit yang sah ini dilakukan sesuatu supaya dapat dikawal.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pusat judi. Statistik menunjukkan banyaknya pusat judi yang tidak berlesen masih beroperasi. Perkara ini mestilah diberikan arahan, kerajaan mesti mengeluarkan arahan tidak boleh lagi pusat-pusat judi baru diluluskan- *full-stop*. Itu sahaja caranya. Tidak boleh kita timbang tara lagi perkara ini. Ini kerana ternyata pusat-pusat ini mengganggu kehidupan berkeluarga dalam masyarakat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak bawa isu kawasan saya. Saya mohon sangat-sangatlah dekat Pasir Gudang ini- rakan saya sebelah sana pun asyik sahaja kacau saya juga. Dia tahu dekat Parlimen ini saya bercakap tidak berhenti soal Hospital Pasir Gudang, tetapi dia datang di kawasan saya, dia cerita juga Hospital Pasir Gudang. Dia buat *press statement* pasal Hospital Pasir Gudang, macam saya ini tidak buat kerja di Parlimen. Jadi saya hendak mintalah kerajaan terutamanya Menteri Kesihatan, Menteri Jabatan Kerja Raya selesaikan cepat apa pun masalah. Apa yang penting, rakyat Pasir Gudang ini terbela dari segi hospital ini. Cepat, jangan sampai bagi peluang lagi. Lagi sekali kalau Yang Berhormat Kapar datang sebut pasal hospital, tahu saya hendak cakap macam mana...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kapar datang minggu depan.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Kerajaan tidak buat.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Ini dia.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kapar tiada kerja lain hendak buat, jaga tempat orang.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Jadi, keluar cakap-sekarang yang terbaru dua hari lepas, lepas bajet Tuan Yang di-Pertua, dia keluarkan, dia kata, "Mana janji BN?" "Penipu", dia kata. "Hendak buat hospital, tidak buat." "Perdana Menteri tiada sebut pun dalam bajet." Dia tidak faham, dia tidak faham. Saya yakin kawan-kawan dekat sana orang pandai, faham. Sudah sebut bajet itu hari lulus, buat apa hendak

sebut bajet ini lagi, betul tidak? Akan tetapi dia orang ini buat-buat tidak faham, hendak cari pasal.

Jadi jangan, Yang Berhormat Kapar, jangan kacau saya pasal hospital. Kita semua ada saksi dalam hospital ini bahawa Hospital Pasir Gudang akan dibina pada tahun 2018. Akan tetapi, saya mohon Menteri beri jawapan, buat *press statement* yang sejelas-jelasnya pasal Hospital Pasir Gudang...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kita satu geng. Kapar pun tiada hospital.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** *[Berucap dalam bahasa Tamil] [Ketawa]*

Seterusnya, saya ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, yang lagi satu hal ini. Pasir Gudang ini dua perkara yang jadi panas-panas.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Pasir Gudang, sikit sahaja.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Tidak boleh, tidak cukup. Pasal lebuh raya. Minta maaf

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Tadi macam hendak bagi sahaja nampak *[Ketawa]*

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Minta maaf, Yang Berhormat. Minta maaf.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Dengan bajet, pembangunan 17 peratus itu, boleh buat tidak hospital ini?

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Memang dia sudah buat, dia akan buat hospital. Cuma minta cepat sahaja. Saya tahu kerajaan akan buat, cuma saya minta cepat. Tahun depan mesti pecah tanah, mesti buat.

Lebuhraya Pasir Gudang. Memanglah Menteri ada beberapa kali saya tanya, baru ini pun saya tanya, cakap dalam Jadual tetapi rakyat lalu ini tidak boleh tahan jalan lubang, jalan rosak. Memang dalam Jadual- mungkin masa diberi lama sangat *kot* sebab itulah dalam jadual. Orang lalu lalang tengok tiada kerja yang dibuat, bukan? Jadi, orang marah. Yang kena, wakil rakyat juga. Maka datanglah si Yang Berhormat Seputeh di sana, “*Apa sudah buat ini? Yang Berhormat Pasir Gudang ini buat apa?*” Dia kata, Yang Berhormat Pasir Gudang tidak buat kerja juga. Ini yang tidak betul... *[Disampuk]* Akan tetapi kawan saya dekat sana dia datang Pasir Gudang, dia cakap, “*Apa kerajaan buat?*” Makna dia kata saya lah itu. Pasal, saya Ahli Parlimen Pasir Gudang. Ha, macam itu.

Jadi, kita mohon pihak kerajaan untuk menyegearkan. Kalau banyak sangat masa, kenapa dua, tiga bulan kerja itu tidak siap? Jangan cerita dengan sayalah masalah utiliti ini, rakyat tidak mahu dengar. Rakyat hendak tahu bila jalan boleh siap. Orang hendak pakai, tutup lubang itu cepat-cepat, siapkan.

Lampu jalan. Daripada saya jadi Ahli Parlimen sampai sekarang, suruh siapkan, tidak buat-buat. Jadi, saya mintalah pihak JKR untuk lihat perkara ini. Saya mahu selesaikanlah masalah lampu jalan ini. Pasal, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, dua isu ini selesai, mereka ini datang, tiada isu sudah. Tiada isu. Tutup buku, dia balik sahaja. Dia tidak boleh hendak masuk kawasan saya. Betul tidak Yang Berhormat Seputeh?... *[Disampuk]* Betul saya cakap, tiada isu. Pasal dua isu ini, dia kacau saya.

Seterusnya, sekolah menengah ini. Terima kasihlah kepada kerajaan. Saya minta lagi satu. Sudah naikkan taraf sekolah menengah dekat tempat saya, Sekolah Menengah Masai sudah jadi sekolah kluster, Sekolah Menengah Dato' Penggawa Timur. Akan tetapi, orang dekat-dekat itu hendak masuk susah, penduduk ramai. Minta tambahlah sekolah lagi satu. Sekolah menengah ini, kos hendak naik van sekolah ini pun mahal. Jadi ibu bapa selalunya merungut, diminta tolonglah diberikan sedikit kelonggaran agar sebuah sekolah lagi dibina.

Ini saya hendak beritahu, Tuan Yang di-Pertua, orang sana jangan cakap kerajaan negerikah, Kerajaan Pusat tidak buat kerja. UTC akan dibina di Pasir Gudang. Ini kerja keras kerajaan negeri disokong, diluluskan oleh Kerajaan Pusat. Jadi dalam masa terdekat, rakyat Pasir Gudang akan menikmati UTC ini. Semua pejabat akan ada di sana. Jadi saya hendak merakamkan setinggi terima kasih kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat yang telah dapat bekerjasama dengan baik untuk memastikan UTC dapat dibina di Pasir Gudang. Dia tidak bina baru UTC tetapi menggunakan yang sedia ada.

Terakhir, tentang pengangkutan awam. Kerajaan negeri ada bagi bas percuma. Di Kuala Lumpur ada bagi bas percuma. Saya minta KTM- bagi saya masa dua minit. KTM, saya sudah minta banyak kali untuk meneruskan laluan- sebelah sana pun sokong. Laluan daripada Kempas ke Pasir Gudang sudah ada rel buat untuk penumpang, sekarang ada untuk kargo. Gunakanlah rel yang ada untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pair Gudang. Orang hendak pergi kerja, *tension*.

#### ■1600

Kalau ada kemudahan ini, kita tidak minta yang laju itulah, yang KTM yang biasa pun sudah cukup supaya dapat mengurangkan keadaan lalu lintas yang teruk di Pasir Gudang. Untuk masjid, kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, saya mohon Kementerian Komunikasi dan Multimedia jangan hentikan separuh jalan yang buat WiFi percuma kepada masjid ini. Keadaannya terlalu ke bawah, terlalu rendah sangat *mp*-nya hingga menyebabkan orang hendak pakai tidak boleh. Ada sesetengah tempat sudah tidak boleh pakai lagi. Jadi kita bagi, bagilah yang betul-betul supaya rakyat boleh menikmatinya.

Secara keseluruhan, terima kasih dan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan di atas bajet yang sangat menyeluruh, merangkumi semua bagi kegunaan, kepentingan rakyat. Terima kasih. Pasir Gudang menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sandakan.

**4.00 ptg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa bersyukur kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Bajet 2018. Barangkali ini merupakan kali terakhir kita bersidang di Dewan yang mulia ini sebelum PRU yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tahun depan, Bajet 2018 ini akan membelanjakan sebanyak RM280.2 bilion manakala hasil negara kita hanya RM240 bilion. Ertinya RM40 bilion adalah defisit. Ini juga merupakan bajet defisit kesembilan sejak Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Kini, hutang negara kita sudah mencecah RM670 bilion. Ia membangkitkan kebimbangan rakyat di mana hutang negara kita sudah begitu tinggi sedangkan defisit terus tambah.

Namun, sedangkan bajet ini dikatakan sebagai bajet yang terbesar dalam sejarah Malaysia. Hakikatnya saya rasa duka cita kerana saya lihat bajet ini tidak sebenarnya memenuhi keperluan rakyat Sabah dan tidak menggambarkan situasi sebenarnya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan statistik diumumkan oleh Jabatan Statistik Negara, kadar kemiskinan Sabah kononnya jatuh dari empat peratus pada tahun 2014 kepada 2.9 peratus pada tahun 2016. Pendapatan menengah isi rumah meningkat daripada RM3,745 pada tahun 2014 ke RM4,110 pada tahun 2016. Tuan Yang di-Pertua, susahlah saya hendak percaya laporan ini. Hakikatnya kita lihat ramai orang Sabah berasa kehidupan mereka semakin susah.

Cuba Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri keluar dari bilik *aircond*, turun padang bertanya orang Sabah biasa. Adakah berapa ini rumah mampu untung lebih RM4000? Berapa orang dapat gaji lebih RM2000 sedangkan Barisan Nasional selalu guna laporan sebegini untuk memuji bahawa ekonomi sekarang sangat baik. Cubalah tanya orang Sabah saya pasti bahawa tidak ada orang akan bersetuju dan memberitahu anda bahawa ekonomi sekarang adalah baik. Di sebaliknya, hampir semua rakyat Sabah berasa ekonomi teruk, peluang pekerjaan berkurangan, semakin tidak nampak ada apa-apa harapan sehingga kebanyakan anak-anak muda sudah tinggal dari bumi Sabah ke tempat lain untuk cari rezeki yang lebih baik. Inilah hakikat sebenarnya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah apa-apa laporan profesional beritahu kita bahawa ekonomi khususnya pendapatan rakyat kita ada menambah baik. Kalau kita lihat *opinion poll*, sekarang senang sahaja kita nampak rakyat Sabah berasa begitu tidak puas hati dengan ekonomi sekarang. Antara kebimbangannya ialah kos kehidupan semakin meningkat, gaji dan pendapatan rendah, ekonomi merosot sejak Barisan Nasional menang lagi di PRU Ke-13. Kerajaan Barisan Nasional di bawah bimbingan Yang Amat Berhormat

Pekan telah melaksanakan dasar seperti tarik balik semua subsidi, subsidi gula, subsidi minyak, makan dan lain-lain. Minyak diesel dan petrol semakin naik dan mengenakan GST yang amat membebankan rakyat. Semua ini telah bertambah susah keadaan orang Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah kini kita bukan sahaja mengalami kos kehidupan yang meningkat berkali-kali ganda malahan harga barang kita di Sabah lebih tinggi daripada Semenanjung walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah janji di PRU Ke-13 bahawa harga antara Sabah dan Semenanjung akan diseragamkan tetapi beliau telah gagal menunaikan janji tersebut. Kini, oleh kerana kos kehidupan yang lebih tinggi, Sabahan telah bayar GST yang lebih tinggi dan menambah beban lagi berat ke atas orang Sabah. Ini *double injury*. Walaupun kita sudah merayu kepada kerajaan bahawa GST direndahkan atau dikecualikan buat sementara di Sabah tetapi Kerajaan Persekutuan terus abaikan kesusahan rakyat Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pendapatan rendah, kos kehidupan semakin meningkat, ia menyebabkan yang kaya lebih kaya, yang miskin lebih miskin. Mengikut Laporan Statistik Negara pada tahun 2016, Sabah merupakan negeri yang paling teruk dari segi ketidaksamarataan, pendapatan atau *the highest Gini coefficient*. Pendapatan negara kita ada baik, ada tambah baik dari *Gini coefficient* 0.401 turun 0.399 tetapi sepertinya Sabah rekodnya *Gini coefficient* ini dari 0.387 ke 0.402 menjadi negeri yang paling serius.

Ini menunjukkan betapa susah anak-anak Sabah kita. Tambahan pula, Ketua Menteri Sabah bersetuju bahawa harga rumah di Sabah lebih tinggi daripada Semenanjung Malaysia. *The housing unaffordability index* di Sabah adalah tertinggi atau paling tidak mampu milik di Malaysia, di mana beli satu rumah di Sabah perlu ambil 11 tahun tanpa makan dan beli-belah.

Mengikut laporan, pendapatan *household* di Sabah adalah RM2,860 di Sabah. Justeru, kalau tidak makan dan tidak beli apa-apa, maka diperlukan 11.41 tahun untuk beli satu rumah berdasarkan harga purata RM390,000 di Sabah manakala purata seluruh negara hanya perlu 5.79 tahun. Ini menunjukkan orang Sabah sangat susah sedangkan pendapatan adalah antaranya terendah dalam Malaysia. Ia adalah amat dikesali. Kini, semakin ramai anak-anak muda tidak mampu beli rumah di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu Kerajaan Barisan Nasional melalui manifesto PRU Ke-13 berjanji bahawa mereka akan bina 72,310 buah rumah mampu milik di Sabah. Setakat ini hanya 17,665 buah rumah dibina atau 24 peratus sahaja. Ini cukup menunjukkan Barisan Nasional gagal menunaikan janji bukan sahaja membiarkan harga rumah berlipat kali ganda maka rumah mampu milik pun tidak dapat dibina dan dipegang kepada rakyat yang berusaha.

Tuan Yang di-Pertua, gaji mereka lebih rendah daripada Semenanjung Malaysia. Kalau dengan gaji Malaysia pada tahun 2016 adalah lebih kurang RM1703, maka anak-anak muda atau bekerja di Sabah hanya untuk gaji menengah RM1240.

**■1610**

Ini adalah jumlah terendah di seluruh Malaysia. Ia juga bermakna, ada separuh pekerja dan anak-anak muda di Sabah untung di bawah RM1240. Jangan lupa, kita mempunyai harga barang yang lebih tinggi di Sabah namun pendapatan begitu rendah dan ia amatlah susah dan menderitakan.

Tuan Yang di-Pertua, sesekali memandangkan separuh bekerjasama dan rakyat Malaysia berada dalam keadaan yang begitu susah tetapi saya tidak lihat apa-apa keadaan yang diambil dan bajet ini yang tidak dapat berikan apa-apa bantuan kepada golongan berpendapatan rendah ini untuk mengatasi masalah sekarang.

Sedangkan saya mengalu-alukan potongan cukai kepada- golongan berpendapatan antara RM20,000 hingga RM70,000, ia sememangnya membantu sedikit sebanyak golongan berpendapatan tengah. Akan tetapi seperti mana yang saya katakan tadi, mengikut gaji menengah RM1703 ertiinya separuh pekerja untung di bawah RM20,000 setahun. Mereka tidak dapat- golongan ini tidak dapat menikmati potongan cukai dan apa-apa kebaikan dalam bajet ini. Mengapa kita tidak mahu berikan kurangkan dua *percent* di GST? Ini bahawa semua boleh menikmati kebajikan ini. Di sebaliknya mereka yang sebenarnya merasa beban dan tertekan akibat pelaksanaan GST ini dan inflasi yang serius. Sudah tentu bahawa keadaan ini lagi teruk di negeri Sabah. Akan tetapi kerajaan gagal membantu golongan ini dan ini amat dikesali.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, Sandakan, ekonomi semakin merosot. Beberapa kedai tutup. Apabila saya membuat satu kajian pada Mac tahun ini, saya mendapati bahawa sebanyak 162 buah kedai *retail* telah ditutup di bandar- *Central Town of Sandakan*. Kini, kemungkinan lebih banyak, sampai sekarang mungkin sudah lebih 200 buah kedai dan tiga buah bangunan pejabat yang bernama Wisma Sandakan, Wisma Lai Piang Kee, Wisma Sabah kini sudah langsung kosong. Ini semua 12 *story-building* tidak ada orang mahu sewa. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan bangun.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Jadi nampaknya ekonomi di Sandakan begitu teruk. Tidak ada orang yang mahu sewa dan keadaan seperti ini menyebabkan anak-anak muda pindah dan hijrah ke bandar raya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sahabat Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Nantilah saya tidak cukup masa Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini kawan *lah*, kawan *lah bah*. Bolehkah?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini kawan lama tidak mahu bagi *kah?*

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, Sandakan yang ada keadaan begitu. *Once upon a time*, Sandakan dianggap sebagai ‘*Little Hong Kong*’ sekarang zaman keemasan ini sudah lenyap.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Libaran, kawan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Apa yang lagi menyediakan kita sekarang...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Sandakan. Oh, Yang Berhormat Sandakan.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Libaran...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tiga yang bangun.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Yang Berhormat Libaran.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Semua tidak boleh kerana saya tidak ada masa.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya jiran ni. Yang Berhormat Sandakan tidak berapa betul apa yang dia cakap.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Kini mereka sudah anggap Sandakan ini sebagai ‘*Little Philippines*’. Di mana Sandakan tahu sekarang...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Satu minit, Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Di mana Sandakan tahu sekarang dipenuhi dengan pendatang tanpa izin.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *Only 30 seconds* lah, Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Suara, masalah hati ini menjelaskan sosial ekonomi di Sandakan. Mengapakah janji Barisan Nasional bahawa ada CI report yang di- pada sebelum ini PRU Ke-13, akan menyelesaikan satu masalah yang paling serius di Sabah khasnya di Sandakan juga tetapi sampai sekarang apa yang telah dibuat?

Saya mendapat tahu, jawatankuasa demi jawatankuasa yang ditubuhkan tetapi sampai sekarang Pilihanraya Umum Keempat Belas yang akan datang belum lagi ditentukan apa-apa. Saya berasa sedih sejak kebelakangan tahun ini, penerbangan yang bersambung ke Sandakan banyak ditamatkan dan semakin banyak laluan termasuk Kota

Kinabalu ke Sandakan pun dikurangkan. Ini menunjukkan betapa merosotnya ekonomi di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, Sandakan masih mengalami gangguan elektrik yang paling serius. Kerajaan berjanji akan membina satu loji, penjana kuasa gas 380 megawatt di Sandakan. Akan tetapi sehingga ke hari ini, tidak ada berita. Walaupun ini yang telah dijawab dalam Parlimen ini akan dilaksanakan, berjanji jika ada masa- pun tidak beli. Akan tetapi, sehingga sampai hari ini belum ada apa-apa berita. Jadi saya di sini juga- di samping itu membina satu pembinaan satu *pipeline* untuk menghantar gas dari *west coast* ke *east coast* pun masih belum ada berita. Saya hendak tanya, apakah status terkini dengan projek ini?

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja gangguan elektrik di Sandakan, sekarang gangguan air semakin serius juga. Saya dengar bahawa sekarang kerajaan menyediakan kerja kemudahan pangkalan air telah dihentikan disebabkan SPRM sedang menyiasat skandal *Watergate* yang berlaku setahun yang lalu. Sedangkan siasatan ini masih dijalankan, semua kerja paip dan kontraktor-kontraktor dihentikan. Saya hendak tahu bagaimana dengan siasatan *Watergate* ini? Mengapa selepas satu tahun ini, belum lagi ada apa-apa tindakan? Belum lagi ada apa-apa *fish-fish* yang ditangkap. Akan tetapi, menyusahkan Sandakan sebab saya fikir selain daripada Sandakan bandar lain pun sama juga sebab tidak ada kontraktor yang memberi *service to repair* mana-mana paip yang sudah bocor, paip yang mengalami air yang tidak cukup *pressure*- jadi banyak bandar di Sandakan yang tidak ada air.

Selain daripada masalah air dan elektrik, masalah jalan raya pun merupakan satu masalah yang besar di Sandakan dan di seluruh Sabah. Senang sahaja lihat jalan kita berlubang-lubang di seluruh Sabah sehingga menyebabkan tragedi yang amat menyedihkan. Baru-baru ini, *last week*, 24 Oktober 2017, amat sedih sekali sebuah kereta *Avanza* yang sedang membawa sembilan pelajar Tingkatan 6 Sekolah SMK Pitas telah terbabas akibat terlanggar lubang di jalan raya. Seramai empat pelajar telah maut akibat kemalangan manakala kakinya pun tercedera. Ia amat menyedihkan. Oleh sebab jalan raya kita masih begitu teruk jadi dapat mengakibatkan satu kemalangan yang begitu sedih. Siapakah yang harus bertanggungjawab dengan tragedi ini?

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi aspek ialah isu keselamatan yang menyebabkan ekonomi kita dicederakan. Setelah kes pencerobohan berkali-kali berlaku di Pantai Timur Sabah seterusnya *coal field* diperkenalkan sistem *barter trade* telah dihentikan. Seterusnya bimbang ekonomi akan dicederakan sehingga kerugian sebanyak berbilion Ringgit. Saya hendak minta penjelasan, adakah *barter trade* ini merupakan satu punca pencerobohan. Pada saya sistem *barter* ini bukan masalahnya yang sebenarnya. Saya berpendapat bahawa kita perlu mencari satu *solution* secara menyeluruh bukan kerana ada ancaman atau ada masalah keselamatan, maka kita hentikan perdagangan adalah tidak masuk akal. Seperti negara kita satu jalan selalu berlaku kemalangan, adakah

kita tutup jalan itu? Saya fikir kita tidak- jika sememangnya sebarang ancaman atau di keseluruhan *whatever*, maka ini adalah tanggungjawab dan kewajipan kerajaan untuk bertindak dan menjaga keselamatan kita. Manakala perdagangan itu harus diteruskan supaya ekonomi Pantai Timur Sabah, khasnya di Sandakan dapat terus dipergiatkan.

#### ■1620

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada bajet ini, saya berpendapat bahawa Sabah perlu infrastruktur yang lebih dikembangkan dan maju. Kita perlu industri yang dijana, kita perlu menarik lebih pelaburan untuk membangun industri di Sabah dan lebih peluang pekerjaan dapat dijana supaya Sabah dan Sandakan juga *as a whole* dapat dibangunkan. Kita kini perlu satu sistem yang menyeluruh, supaya harga barang dapat dikawal dan pendapatan dapat dinaikkan. Bukan sahaja bagi gula-gula seperti BR1M yang boleh diguna pakai satu hari dan kasi zink, kasi tangki, apa guna tangki, kalau tidak ada air.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini saya ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya bahas satu bajet begitu besar, tetapi yang kononnya tidak memberi manfaat yang banyak kepada Sabah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

#### 4.21 ptg.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Terlebih dahulu terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk sama-sama terlibat dalam membahaskan Bajet 2018 yang dianggap satu detik yang cukup bersejarah. Ia memandangkan Bajet 2018, disifatkan sebagai bajet terbaik dalam tempoh 60 tahun dan sudah tentu saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini berasa bangga kerana dapat bersama-sama memberikan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di samping melontarkan beberapa cadangan bagi memastikan apa yang telah dirancang dalam bajet ini, benar-benar dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Keadaan ini berlaku kerana Kerajaan Barisan Nasional, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan menguruskan negara dengan melaksanakan kerangka *maqasid syariah* yang menegaskan kepentingan menjaga kesejahteraan rakyat dan negara dengan menjaga lima perkara yang amat penting iaitu, agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Mengikut syariat Islam, lima perkara atau kepentingan ini dibahagikan kepada tiga tingkatan di mana setiap tingkatan mempunyai keutamaan masing-masing, iaitu *Al-Dharuriyyat*, *Al-Hajiyat* dan *Al-Tahsiniyyat*.

*Al-Dharuriyyat* bermaksud segala sesuatu yang tidak dapat ditinggalkan dalam kehidupan keagamaan dan keduniaan manusia. Dalam erti kata lain, jika tidak ada, maka kehidupan manusia akan menjadi rosak dan tidak teratur.

*Al-Hajiyat* pula bermaksud sesuatu yang diperlukan oleh manusia dalam menghindarkan kesempitan dan menolak kesulitan yang mana, jika ia tidak ada, maka manusia akan mengalami kesulitan dan kesempitan tetapi ia tidaklah sampai merosakkan kehidupan.

*Al-Tahsinyyat* pula bermaksud hal-hal yang menjadi tuntutan daripada martabat diri dan akhlak yang mulia untuk mendapat kehidupan yang baik.

Jika dilihat dari sudut pemerintahan dan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional itulah yang selama ini menjadi pegangan Yang Amat Berhormat Pekan dalam menguruskan negara termasuklah dalam pembentangan bajet kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti satu demi satu perkara yang disentuh dalam Bajet 2018, saya bersetuju dengan pandangan pelbagai pihak termasuk pakar ekonomi dan ahli akademik, bahawa bajet kali ini adalah yang paling komprehensif dan menyeluruh meliputi pelbagai aspek pembangunan yang terbaik pernah diumumkan dan mencakupi semua aspek yang terkandung dalam *maqasid syariah* yang saya katakan tadi. Selain itu, pembangunan modal insan dan bantuan yang diberikan terus kepada rakyat yang disasarkan, melihatkan kebijaksanaan kepimpinan kerajaan menggunakan wang kerajaan secara berhemah, bagi memastikan semua sektor dibantu dan dimajukan.

Pada masa yang sama, saya juga berpendapat bajet kali ini membuktikan tidak ada mana-mana kelompok yang dipinggirkan, daripada bayi yang bakal dilahirkan hingga warga emas di rumah semuanya akan mendapat manfaat melalui pembentangan bajet kali ini. Ia juga merupakan bajet mesra kaum yang memperlihatkan keseimbangan dalam pembahagian peruntukan kerajaan. Setiap bangsa mempunyai dana khas masing-masing termasuklah kaum India dan Cina dan membantu mereka yang tidak berkemampuan dan golongan susah mengharungi kehidupan sehari-hari dalam dunia yang begitu mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan bajet yang dibentangkan, kita sama sekali tidak boleh menafikan komitmen dan keupayaan kerajaan merancang masa depan dengan lebih mampan dan saksama, tidak mengira apa jua fahaman politik demi kepentingan negara. Bagaimanapun, apa yang menjadi keimbangan kita ialah sejauh manakah apa yang dirancang dan dibentangkan dalam bajet tersebut benar-benar di laksana, tanpa sebarang masalah. Oleh itu, untuk sekian kali ini saya ingin menggesa dan mencadangkan kepada kerajaan supaya menujuhan Jawatankuasa Khas Pemantauan Pelaksanaan Bajet 2018 yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.

Selain itu disertai oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) jawatankuasa khas ini, perlu disertai oleh semua KSU Kementerian yang bertanggungjawab untuk membentangkan laporan kemajuan sesuatu projek mengikut apa yang sudah diputuskan oleh Bajet 2018. Namun *alhamdulillah*, hari ini saya baca dalam akhbar *Utusan Malaysia*, muka surat 16, KSU Perbendaharaan telah pun mencadangkan akan menujuhan

jawatankuasa khas. Jadi saya sokong 100 peratus harap ia dapat berfungsi dengan jayanya.

Saya beranggapan penubuhan jawatankuasa khas ini adalah penting kerana seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, ini merupakan ibu segala bajet. Mengambil semangat tersebut, kita perlu memastikan segala projek, program, peruntukan dan penyaluran bantuan benar-benar mencapai sasaran. Kita tidak mahu sebarang kegagalan melaksanakan apa yang sudah dinyatakan dalam Bajet 2018 akan menyebabkan kerajaan dipersalahkan, sedangkan pokok pangkalnya masalah bukannya berpunca daripada kerajaan, tetapi akibat daripada kegagalan di peringkat pelaksanaan.

Justeru itu saya berpendapat bagi memastikan perkara tersebut tidak berlaku adalah wajar jawatankuasa yang telah pun diumumkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dapat ditubuhkan dan dapat berfungsi dengan segera. Jawatankuasa ini juga akan mampu mengelakkan sebarang laporan negatif dikeluarkan apabila Jabatan Audit Negara menghasilkan audit tahunan jabatan itu. Pada masa yang sama, ia juga mampu mengelakkan sebarang penyelewengan dan ketirisan di peringkat pelaksanaan hingga memungkinkan niat murni kerajaan bagi membela nasib rakyat melalui program dan projek yang dirancang terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan apa yang ingin saya sampaikan lebih terfokus dan teliti, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh beberapa kementerian dan perkara yang disentuh dalam Bajet 2018 dengan mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan.

Di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, baru-baru ini negara diselubungi kesedihan apabila 23 orang, termasuk dua tenaga pengajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah terkorban dalam kebakaran. Takziah untuk seluruh ahli keluarga mereka. Akan tetapi apa yang mengejutkan dan perlu diberi perhatian serius ialah kenyataan Yang Berhormat Menteri pada 25 Oktober lalu yang menyatakan hanya 80 daripada 1,238 pusat tahfiz di seluruh negara menerima kelulusan bangunan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. 80 daripada 1,238. Apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah suatu yang serius dan perlu diberi perhatian kerana ia melibatkan nyawa bukan sahaja tenaga pengajar, tetapi kanak-kanak.

Oleh itu, sementara saya mengalu-alukan pengumuman peruntukan sebanyak RM50 juta bagi penyelenggaraan sistem pendawaian pusat maahad tahfiz, saya juga mencadangkan supaya peruntukan itu turut digunakan untuk tujuan menambah baik aspek keselamatan yang lain. Ia termasuklah memastikan pusat-pusat tahfiz diberikan peruntukan untuk melakukan penambahan baikkan bagi menjamin keselamatan dan nyawa pelajar jika berlaku situasi kecemasan seperti tangga tambahan, pintu kecemasan kedua dan pengesan asap.

Saya difahamkan juga apa yang disebutkan ini dianggap oleh jabatan bomba sebagai keperluan yang mendesak. Oleh itu saya berharap kementerian yang terlibat akan

memastikan peruntukan tersebut digunakan bagi tujuan berkenaan demi keselamatan pelajar-pelajar tahniz. Pada masa yang sama juga, saya menggesa kerajaan memastikan bahawa sudah tiba masanya semua pusat tahniz mendaftar dengan pihak berkuasa. Pendaftaran pusat tahniz ini perlu dijadikan syarat mandatori dan bukan lagi pilihan. Ini kerana ia akan membolehkan pihak kerajaan memantau perkembangan pusat-pusat tahniz tersebut terutamanya dari segi keselamatan. Kita tidak boleh membiarkan pusat-pusat tahniz berada dalam keadaan daif dan apatah lagi berbahaya kerana ia boleh mencemarkan imej Islam itu sendiri.

■1630

Mengenai KR1M juga, saya ingin sentuh, pada 27 Julai lalu apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi mengarahkan KPDKKK memutuskan kontrak pengendali Kedai Rakyat 1Malaysia, banyak pihak membuat spekulasi bukan-bukan termasuklah salah sebuah parti pembangkang mengatakan ia membuktikan kerajaan sudah kehabisan wang. Akan tetapi, sekali lagi apa yang dikatakan adalah diayah dan fitnah semata apabila KPDKKK mengumumkan KR1M 2.0 akan dilaksanakan dalam Bajet 2018. Yang Amat Berhormat Pekan mengumumkan 50 KR1M akan distrukturkan semula sebagai Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 dan diperluaskan kepada 3,000 KR1M 2.0 dalam tempoh tiga tahun. Pengumuman ini membuktikan penutupan KR1M sebelum ini bukanlah disebabkan kerajaan tidak mempunyai peruntukan kewangan tetapi kegagalan pengendali KR1M untuk menjayakan usaha kerajaan menjual barang di bawah harga pasaran. Pagi tadi pun Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Hamzah ada menyentuh tentang KR1M 2.0 dalam ketika menjawab soalan nombor satu.

Menyentuh soal tersebut, ingin saya nyatakan bahawa saya turut menerima aduan daripada orang ramai sebelum ini bahawa KR1M sebelum ini bukan sahaja tidak menjual barang di bawah harga pasaran tetapi juga menjual barang tidak berkualiti. Melaksanakan tanggungjawab korporat sosial, seperti ditegaskan oleh pengendali sebelum ini, tidak boleh dijadikan alasan untuk menghalalkan tindakan menjual barang seumpama itu yang boleh dianggap menganiaya rakyat. Inilah yang saya katakan dari awal perbahasan tadi bahawa niat murni kerajaan sering terjejas apabila tiba di peringkat pelaksanaan.

Oleh itu, bagi mengelak KR1M 2.0 tidak menerima nasib yang sama, saya ingin menggesa dan mencadangkan kepada KPDKKK untuk menubuhkan satu pasukan penguat kuasa yang bertanggungjawab bagi melakukan pemeriksaan ke atas premis-premis KR1M 2.0 yang akan diwujudkan. Apa yang berlaku dalam KR1M yang pertama tidak boleh dibiarkan berulang. Pengendali KR1M 2.0 perlu diberikan syarat yang ketat untuk mereka benar-benar mematuhi arahan kerajaan iaitu memastikan mereka menjual pada harga yang lebih rendah daripada pasaran dan barang pula mestilah berkualiti dan bukannya sekadar ada-ada sahaja. Ia memandangkan- mengikut Yang Berhormat

Menteri, barang yang akan dijual di KR1M 2.0 ialah lima barang keperluan asas iaitu beras, gula, minyak masak, tepung dan gas petroleum cecair (LPG). Kesemua barang ini amat penting kepada pengguna. Oleh itu, KPDKKK melalui pasukan penguat kuasa yang dicadangkan perlu memantau dan melakukan pemeriksaan berkala ke atas KR1M 2.0 dan bertindak tegas ke atas pengendalinya jika syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan tidak dipatuhi.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai PTPTN. *Alhamdulillah* dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan dalam Bajet 2018 mengumumkan, diskaun bayaran balik PTPTN dilanjutkan sehingga 31 Disember 2018. Saya percaya ramai peminjam gembira dengan pengumuman tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam isu PTPTN, saya ingin menggesa kerajaan mengkaji semula mekanisme pemberian pinjaman ini. Saya mengemukakan cadangan ini kerana difahamkan ada sesetengah peminjam yang tidak sepatutnya mendapat pinjaman itu turut menikmatinya manakala mereka yang benar-benar layak pula terpinggir. Contohnya, baru-baru ini tular ataupun *viral* di media sosial bagaimana seorang anak pegawai kanan sebuah jabatan kerajaan menunjukkan wang PTPTN yang diterimanya. Jika berdasarkan pada pekerjaan dan perolehan pendapatan ibu bapanya, dia tidak layak menerima pinjaman tersebut. Akibat daripada itu, kerajaan khususnya pengurusan PTPTN telah dikecam dan dituduh berat sebelah serta pilih kasih dalam memberi pinjaman. Saya yakin banyak lagi kes-kes seumpama sedemikian.

Oleh itu, bagi memastikan ia tidak berlaku, saya berpendapat adalah wajar mekanisme pemberi pinjaman ini dikaji semula. Tapisan yang ketat oleh panel PTPTN perlu dilakukan. Panel ini akan bertanggungjawab menilai permohonan dengan teliti dan kalau perlu, melakukan siasatan sendiri untuk memastikan pemohon benar-benar layak. Langkah ini bertujuan bagi memastikan peruntukan yang disalurkan benar-benar sampai ke sasaran.

Seperkara lagi, saya juga ingin mencadangkan supaya PTPTN menimbang untuk menghapuskan caj pentadbiran hutang ataupun popular dalam kalangan sebagai bunga. Ketika ini, saya difahamkan kadar yang dikenakan antara satu peratus hingga tiga peratus. Oleh itu, saya ingin mencadangkan, ia dihapuskan khususnya bagi peminjam-peminjam yang konsisten membayar balik pinjaman. Kadar bunga ini boleh dikekalkan kepada peminjam-peminjam yang degil tetapi perlu dikaji semula untuk mereka yang setia membayar balik pinjaman.

Ia memandangkan- sebagai contoh, baru-baru ini seorang doktor perubatan memberitahu sebuah portal berita bagaimana dia membayar RM50 sebulan kepada PTPTN selama 10 tahun sejak keluar universiti tetapi sehingga kini belum dapat

melangsaikan hutangnya sebanyak RM34,000. Justeru, adalah wajar penghapusan bunga atau caj pentadbiran hutang dikaji bagi membolehkan lebih ramai peminjam PTPTN bersemangat untuk membayar hutang mereka. Tambahan pula, PTPTN bukanlah institusi yang berteraskan meraih keuntungan tetapi sebuah institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi membantu meringankan pembiayaan pendidikan di institusi pendidikan tinggi melalui pinjaman.

Saya juga ingin menyifatkan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membenarkan pengambilan pembantu rumah warga asing dari sembilan buah negara sumber adalah langkah tepat kerajaan untuk menjimatkan kos sehingga 50 peratus. Ketika ini, majikan terpaksa membayar antara RM12,000 hingga RM18,000 untuk mendapatkan seorang pembantu rumah. Hakikatnya, kos sebenar tidaklah sebanyak itu tetapi ia menjadi mahal kerana perbuatan monopoli ejen-ejen pembantu rumah yang dilihat menindas masyarakat yang memang terdesak memerlukan pembantu rumah dengan menetapkan kadar harga yang tidak masuk akal.

Walau bagaimanapun, saya ingin menggesa kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri melakukan pemantauan rapi supaya niat baik kerajaan tidak dicemari oleh perbuatan tidak bertanggungjawab sindiket yang mungkin akan mengambil kesempatan untuk melakukan jenayah memperdagangkan manusia. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kerajaan mewujudkan garis panduan khusus untuk memastikan pengambilan pembantu rumah secara langsung ini benar-benar dimanfaatkan oleh suami isteri yang memerlukan khidmat pembantu rumah dan bukannya dimanipulasi oleh sindiket.

Saya menyentuh atau melahirkan kebimbangan ini kerana ketika ini pun sudah berlaku kes-kes memperdagangkan manusia melalui pengambilan pembantu warga asing oleh ejen-ejen. Oleh itu dan pada masa yang sama, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkuasa di negara sumber bukan sahaja dalam soal memastikan tidak berlaku kes jenayah pemerdagangan manusia tetapi juga menentukan bahawa suami isteri yang mahu khidmat pembantu rumah secara langsung tidak dibebankan pula dengan kos tinggi oleh pihak tertentu di negara sumber.

Dalam soal ini, mungkin boleh dipertimbangkan pengambilan pembantu rumah secara langsung ini dilakukan melalui kerjasama dengan kedutaan-kedutaan Malaysia di negara sumber. Sebagai contoh, mana-mana rakyat asing di negara sumber yang mahu menjadi pembantu rumah, perlu mendaftar dengan Kedutaan Malaysia tanpa melalui ejen. Malah, kaedah ini, majikan atau suami isteri yang mahu menggunakan khidmat pembantu rumah akan merujuk kepada Kedutaan Malaysia terlebih dahulu bagi memastikan mereka mendapat pembantu rumah yang sah sebelum mendaftar dengan Jabatan Imigresen. Melalui ini, saya yakin dan percaya, ia bukan sahaja mampu mengekang perbuatan

sindiket jenayah daripada memperdagangkan manusia tetapi juga menentukan suami isteri mendapat pembantu rumah yang benar-benar mampu melaksanakan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Kelantan, saya merasa terharu dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sekali lagi membuktikan biarpun negeri saya negeri Cik Siti Wan Kembang berada di bawah pemerintahan pembangkang, tetapi ia tidak dipinggirkan. Bajet kali ini dianggap yang terbaik dalam konteks Kelantan. Ini kerana Kelantan menikmati pelbagai kemudahan infrastruktur seperti lebuh raya, kemudahan di kawasan luar bandar, naik taraf lapangan terbang, tebatan banjir dan pelbagai lagi.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin melahirkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed yang sejak sekian lama sentiasa memastikan rakyat Kelantan sentiasa mendapat pembelaan sewajarnya daripada Kerajaan Pusat. Ketabahan, ketekunan dan kegigihan Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa telah memungkinkan Kelantan tetap berada dalam senarai peruntukan oleh Kerajaan Pusat walaupun ia diperintah oleh PAS. Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa secara ikhlas memperjuangkan nasib rakyat Kelantan tanpa mengira sentimen politik. Selain cemerlang sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa juga cemerlang sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO dan Barisan Nasional Kelantan. Mungkin atas sikap itulah saya menyokong pandangan bekas Ketua Pegawai Eksekutif MAB, Peter Bellew bahawa dalam hidupnya beliau tidak pernah bertemu individu segigih dan sehebat Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa.

Sebagai Ahli Parlimen Tanah Merah, saya amat berharap kali ini melalui peruntukan pembangunan untuk kementerian-kementerian, pelbagai projek yang sebelum ini yang telah diluluskan, diumumkan oleh kerajaan untuk dilaksanakan di negeri Kelantan, contohnya seperti menaik taraf Hospital Tanah Merah dan juga projek-projek lain, dapat dilaksanakan segera. Kelewatan pelaksanaan akan diambil kesempatan oleh pihak lawan untuk membuat fitnah seolah-olah kerajaan hanya mengumumkan sahaja tetapi tidak serius untuk melaksanakan.

#### ■1640

Haraplah pihak kerajaan mengambil serius memantau pelaksanaan semua projek-projek yang diluluskan di negeri Kelantan supaya ia dapat dilaksanakan di buat dengan segara. Satu perkara yang menakjubkan, antara pengumuman paling menarik perhatian dalam pembentangan Bajet 2018 ialah melibatkan kaum wanita. Pengumuman Yang Amat Berhormat Pekan iaitu syarat sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam keahlian ahli lembaga syarikat milik kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan milik kerajaan serta badan berkanun sebelum akhir tahun 2018 adalah sesuatu yang luar biasa.

Ini kerana langkah ini akan membuka peluang kepada golongan wanita negara ini untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi dan keusahawanan. Malah dengan

mengumumkan tahun 2018 sebagai tahun memperkasakan wanita ia bukan sahaja satu pengiktirafan kepada kaum wanita tetapi juga membuktikan Yang Amat Berhormat Pekan dan Kerajaan Barisan Nasional berpegang teguh dengan komitmen untuk menyediakan ekosistem kehidupan dan pekerjaan yang mesra serta ideal untuk semua wanita di Malaysia. Oleh itu, saya menggesa GLC supaya mematuhi pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pekan dan tidak memberi alasan atau hujah bagi mereka melaksanakan kuota 30 peratus bagi keahlilan lembaga pengarah.

Memandangkan masa tidak sampai, perkara yang turut menyumbang keupayaan kepada Yang Amat Berhormat melaksanakan memimpin negara dengan jayanya disebabkan beliau mempunyai bukan sahaja Timbalan Perdana Menteri yang setia tapi seorang sahabat yang karib iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Kesetiaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang sentiasa bersama Yang Amat Berhormat Pekan ketika susah dan senang serta menjadi barisan paling hadapan mempertahankan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila diserang oleh Pakatan Pembangkang telah memungkinkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mampu bekerja dengan tenang.

*Hidup bahagia kerana iman,*

*Nafsu maksiat akan terkekang,*

*Bagaimana mahu dianggap teman,*

*Jika menikam dari belakang.*

Saya ingin menggulung perbahasan ini menegaskan Bajet 2018 adalah bajet terbaik demi rakyat dan membuktikan ia bukanlah bajet mimpi yang seperti mana dibentangkan oleh rakan-rakan dalam pakatan pembangkang. Akan tetapi, Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan kerana Kerajaan Barisan Nasional bukanlah kerajaan yang bersikap bagaikan saudagar mimpi pemberong janji.

*Jalan-jalan sampai sakit urat,*

*Balik rumah terus melolong,*

*Bajet pembangkang bunyinya kuat,*

*Rupa-rupanya janji kosong.*

Saya sudah hendak menutup ini. Oleh itu, kita dapat saksikan bagaimana Kerajaan Barisan Nasional terus konsisten dengan pembentangan bajet. Bukannya melakukan pembentangan bajet populis, Pakatan Harapan adalah sebaliknya. Pakatan Harapan tidak konsisten dan kadangkala bagaikan mengamalkan politik biskut ‘sekejap ada, sekejap tidak ada’.

Ini boleh dilihat dalam bagaimana mereka teraba-raba untuk memutuskan semada GST mahu dikekalkan atau dimansuhkan. Begitu juga dengan BR1M yang pada mulanya

di anggap rasuah kini mahu pula diteruskan. Langkah itu bukan hanya kerana mahu membela rakyat tetapi mahu menggula-gula rakyat supaya memilih mereka dalam PRU yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya akhirnya perbahasan saya ini dengan serangkap pantun lagi.

*Zaman sekarang banyak gajet,  
Ada yang bujur, ada yang bulat,  
Ramai orang memuji bajet,  
Pakatan pembangkang terkulat-kulat.*

Terima kasih, dengan ini saya menyokong bajet.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Pahat.

#### 4.43 ptg

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut berucap menyampaikan pandangan Batu Pahat tentang bajet yang disebut sebagai ibu segala bajet. Saya hendak mulakan Tuan Yang di-Pertua dengan petikan suatu pantun daripada sasterawan negara.

*Masuk ke hutan muncul di rimba,  
Selam di tasik timbul di laut,  
Bajet umpama simbahana gula,  
Yang heboh beri, yang senyap kaut.*

Tuan Yang di-Pertua, bajet seperti yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, Menteri Kewangan disebutkan memenuhi tuntutan Maqasid Syariah, memenuhi tuntutan memelihara agama, memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta. Dalam bajet yang sama disebutkan Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan Pekan tanpa segan silu dengan sinis menyebut, menyindir kedudukan Ketua Pembangkang Yang Berhormat Permatang Pauh yang dikaitkan dengan kejayaan Kak Wan dalam program bantuan orang-orang miskin Amanah Ikhtiar Malaysia.

Sudahlah tidak mengakui bahawa AIM itu adalah warisan bekas Timbalan Perdana Menteri dan mantan Menteri Kewangan. Kemudian tidak juga menghormati Maqasid dalam erti menghormati jiwa dan menghormati kedudukan dan ketinggian martabat insan dengan memberikan sindiran sinis kepada Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail. Kita merasa kesal kerana dalam satu nafas Menteri Kewangan menyebutkan menjaga Maqasid tapi dalam masa yang sama memperlekeh Maqasid seorang wanita

mulia yang berani bangun berusaha menegakkan keadilan, membanteras kebatilan dan muh u membela keadilan bukan sahaja untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim tapi untuk rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bajet disebutkan sebagai ibu segala bajet. Tuan Yang di-Pertua, saya masuk tahun terakhir di Parlimen ini. Sudah lama berkecimpung dalam gerakan sosial, gerakan kemasyarakatan. Merenung perkembangan sosiopolitik negara sejak tahun 1990-an. Saya bersetuju kalau disebutkan bajet ini, belanjawan ini sebagai ibu segala bajet kerana dia sebenarnya mengumpulkan seluruh falsafah dan pegangan BN-UMNO khususnya Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Yang saya muh u menyebut kritik saya terhadap kritik *philosophical* dan kritik *methodological*.

Saya ingin menyebutkan Tuan Yang di-Pertua, bajet ini menggambarkan sebenarnya falsafah dan pegangan Barisan Nasional, UMNO khususnya mereka memelihara beberapa ciri kedudukan masyarakat. Ciri-ciri ini kemudiannya dieksplot digunakan dalam setiap kali pembentangan. Cuma barangkali saya selalu bertanyakan apa ilmu yang kalian pakai sehingga pancingan itu termakan rakyat. Bajet ini bajet populis. Bajet menjual harapan. Bajet menjual impian kepada golongan tertentu yang memang sudah dipelihara.

Saya ambil contoh, belajar dari sejarah penjajahan UMNO-BN mengekalkan dua kelompok utama dalam masyarakat supaya mereka ini boleh dieksplot dalam keadaan-keadaan tertentu. Dua kelompok utama itu ialah kelompok miskin dan kelompok – kalau hendak dikatakan istilah pemerintah penjajah dulu dikatakan bodoh tapi saya fikir sekarang ini golongan yang kurang bermaklumat, yang tidak bermaklumat.

Dengan adanya kumpulan miskin ini Tuan Yang di-Pertua maka kerajaan UMNO-BN setiap kali bajet dibentangkan apatah lagi menjelang pilihan raya maka kedudukan kemiskinan dan kejahilan rakyat kelompok ini dieksplot dengan janji-janji manis. Ternyata seperti dibentangkan oleh rakan-rakan janji-janji ini sebahagian besarnya tidak dipenuhi dan memang dirancang untuk tidak dipenuhi.

#### ■1650

Kalau misalnya disebutkan daripada rakan Yang Berhormat Pasir Gudang, Hospital yang dijanjikan itu belum dibina, dan *insya-Allah* tidak akan dibina tahun ini, mungkin pecah tanah sahaja. Hospital Pusat Kesihatan Rengit, Batu Pahat sudah dibina tahun 1960 atau mungkin lebih awal. Sudah berapa kali janji, belum selesai lagi. Jadi, rakyat Rengit yang miskin, yang kurang fasilitas tahap kesihatan mengharapkan hospital ini dan menunggu janji dan janji itulah yang dijual setiap kali pilihan raya, setiap kali bajet dan setiap kali pilihan raya dikemukakan.

Saudara-saudara, oleh sebab rakyat ini miskin dan kurang maklumat, janji-janji ini berkesan kepada mereka. Mereka- saya tidak tahu juga bagaimana pendekatan mereka. Saya tengah- sudah lama saya di tengah-tengah masyarakat sebenarnya cuba hendak mengkaji sedalam-dalamnya. Bagaimana strategi yang mereka lakukan, yang UMNO BN

lakukan. Misalnya dalam dua minggu, tiga minggu yang lalu saya ziarah seorang orang tua wanita 70-an. Umur 73 tahun, umurnya- mandiri. Menanam kebun, menanam pokok-pokok dan sayuran di keliling rumahnya.

Saya diperkenalkan oleh rakan. Ini Wakil Rakyat Batu Pahat. Dia kata dia tahu wakil rakyat yang baru tetapi dia kata dia ingat yang lama. Dia ingat, dia boleh sebut yang lama. Ahli Parlimennya, wakil rakyat Rengitnya. Walaupun mereka ini dalam masa saya memegang jawatan ini mereka tidak pernah datang. Akan tetapi, mereka boleh sebut dengan fasih *at the age of 73*. Jadi, maknanya apa yang saya hendak sebutkan Tuan Yang di-Pertua ialah keberkesanan menjual *brand*, maka mereka lah yang boleh membuat perubahan kepada rakyat. Itu berlaku diterima baik oleh masyarakat. Kalau tidak percaya boleh tanya rakan-rakan dari Sabah. Miskin, jalan raya tidak cukup, sekolah tidak cukup, tidak sempurna dan lain-lain lagi. Akan tetapi, mereka rakyat masih sokong lagi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh Yang Berhormat sebentar? Saya dari Sabah.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya memang sengaja usik supaya-jemput-jemput.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya boleh? Boleh mencelah sedikit?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Boleh-boleh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati sahabat saya dari Yang Berhormat Batu Pahat sebagai warga emas bukan warga tua. Jadi, Yang Berhormat menyentuhkan soal seorang wanita yang berumur 73 tahun dan juga membawa perubahan kepada kawasan beliau. Seolah-olah beliau ini boleh mempengaruhi warga emas. Tahniah, saya syabaskan kepada Yang Berhormat.

Jadi, saya mahu minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. Apakah cadangan yang Yang Berhormat untuk memperkasakan warga-warga emas ini supaya tidak keborongan, tidak kesunyian. Bolehkah Yang Berhormat sebagai wakil rakyat sendiri membuat satu pusat untuk warga emas ini supaya dia orang dapat *bonding* antara satu dengan yang lain, terutama sekali penjawat awam yang sudah berpencen. Yang boleh membuatkan satu perubahan kepada masyarakat yang muda-muda ini. Boleh Yang Berhormat? Jangan bilang cakap Ahli Parlimen yang dahulu sekarang dia jadi warga- apa warga apa dia anggap warga apa dia fikir dia masih muda. Dia lupa dia juga warga emas. Saya pun warga emas Yang Berhormat.

Jadi soal pembangunan di Sabah ini jangan sentuh. Kami yang boleh sentuh Yang Berhormat. Kalau soal apa yang keperluan Sabah itu kami diperjuangkan. Okey, terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Batu Pahat, sedikit.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Boleh mencelah sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya terlewat sedikit sebab tadi Yang Berhormat Batu Pahat sebut soal Hospital Pasir Gudang. Cuma saya hendak tumpang sedikit isu Hospital Sri Iskandar. Ini satu hospital yang dijanjikan sejak lima, enam tahun sebelum dan dijanjikan semasa PRU Ke-13. Tanah telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Perak tetapi sampai hari ini satu tiang pun tidak nampak. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu Pahat berkenaan dengan slogan ‘Janji Ditepati’ itu... [Dewan riuh] Betul. Saya setuju wakil rakyat tidak kerja. Itu wakil rakyat di kawasan Parlimen Parit. Yang Berhormat Parit patut jawab. Sekian.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Batu Pahat boleh? Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya sangat tertarik dan teruja dengan ucapan Yang Berhormat Batu Pahat mengenai falsafah politik Barisan Nasional, di mana seolah-olah mengekalkan golongan miskin dan juga golongan yang tidak bermaklumat. Adakah ini puncanya masalah Bumiputera atau Melayu yang suatu ketika itu gah dari segi ekonomi dan sekarang menjadi seolah-olah menumpang di bumi sendiri. Minta komen.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Terima kasih rakan-rakan dari Ahli Parlimen dari kedua-dua belah pihak. Untuk makluman, saya respons sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua tentang yang dibangkitkan oleh rakan daripada Yang Berhormat Putatan tadi. Saya masuk sahaja masuk dalam pilihan raya antara kelompok yang mula-mula saya *trip jumpa* ialah golongan pesara. Sebab itu kalau saudara tengok antara undi tertinggi kalau di Senggarang misalnya kawasan orang tua- dapat nombor berapa tidak tahu- yang saya menang.

Jadi, saya sebenarnya senang hendak sebab orang tua berbicara dengan orang tua saya fikir dia punya *wavelength* tidak jauh beza. Saya menegaskan tadi Tuan Yang di-Pertua ialah soal strategi UMNO BN ini dari dahulu hingga sekarang sebenarnya ialah menjual janji dan kita boleh senaraikan berapa banyak janji yang telah dijanji tetapi tidak dibuktikan. Kemudian tentang falsafah mengekalkan rakyat bodoh dan miskin. Saudara lihat, dalam PRU yang ke-13 kawasan-kawasan bandar, orang Melayu yang terdidik, yang cerdik, yang ada pendidikan sebenarnya sudah lari daripada menyokong UMNO BN.

Macam di tempat saya, di Batu Pahat umum sudah ada peralihan tetapi kalau di Rengit itu kawasan yang masih jauh di pelosok bandar. Itu masih kekal dalam kajian mutakhir tiga minggu yang lepas. Kita lihatkan kawan-kawan saya membuat *survey* di bawah. Dia kata tidak banyak peralihan di kawasan pendalamannya ini. Ini kerana *basically* ialah mereka tidak mendapat maklumat yang baik, yang sempurna, yang lengkap dan juga keadaan kehidupan yang secukup hidup.

Tuan Yang di-Pertua. Saya menyebutkan tadi tentang saya memberikan kritik kepada pendekatan dan metodologi yang digunakan oleh pemerintah UMNO BN ini. Ini kerana saya hendak rakyat di bawah sama-sama berfikir. Sama-sama berfikir bahawa

yang diberikan ini ialah gula-gula, setiap kali bajet. Cuma bila dekat dengan pilihan raya, gula-gula itu lebih melebar, lebih meluas dan dokongan itu diberikan seluas-luasnya oleh media, oleh profesor, oleh doktor sehingga ada seorang doktor saya petik- tidak saya hendak petikkan di sini. Akan tetapi, beliau memberikan kritikan apa hendak jadilah kata dia, Ahli-ahli kita yang lulus tinggi-tinggi ini sehingga memuji bajet yang dikeluarkan oleh pemimpin negara yang terkenal mempunyai rekod yang sangat tidak baik di peringkat antarabangsa, dikeluarkan dalam media-media antarabangsa oleh sebab berbagai-bagai kes.

Jadi, dia hairan. Akan tetapi saudara, ini rancangan bila dia keluarkan sahaja sebab itu saudara tengok dalam kawan-kawan saya yang sebelah saya yang saya kenal. Dia punya sokongan itu luar biasa. Sehingga bila orang bawah dengar, rakyat biasa dengar; "*Hai, bagus semuanya, sampai tidak ada hendak dikritik langsung*". Sampai GST rakyat tidak suka pun disokong juga. Ya. Silakan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Merujuk kepada apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dan Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang pembinaan hospital seperti Yang Berhormat Pasir Gudang. Perasan atau tidak apabila kita mengkaji peruntukan yang telah diberikan untuk Kementerian Kesihatan dan untuk pembangunan hospital, saya rasa tidak ada dana untuk membina hospital baru pada tahun depan.

Akan tetapi, hakikatnya tidak ada seorang pun yang mengkritik. Padahal, memuji-muji lebih-lebih. Padahal ada Ahli Parlimen yang duduk dekat sini yang minta hospital ditubuhkan, dibina dan sebagainya. Akan tetapi, hakikat sebenar daripada perangkaan, daripada dana yang telah di peruntukan kepada KKM, agak mustahil untuk pembinaan hospital dilakukan pada tahun 2018. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

#### ■1700

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini hanya *stressing the point* ya, yang banyak janji yang tidak ditepati. Akan tetapi oleh kerana sorak-sorai kata baik, jadi banyak hal-hal yang lebih fundamental itu tidak dapat direnung dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, saya melayan ramai orang, jadi saya tengok dan saya tidak perasan masa terlampau singkat.

Jadi akhirnya, saya hendak balik terus dengan kawasan saya di Batu Pahat. Dalam lawatan-lawatan saya ke kampung-kampung dan juga ke bandar, di Batu Pahat ada Penggaram, Senggarang dan Rengit di kampung-kampung. Kita lihat masyarakat selalu dijanjikan dengan pembangunan prasarana yang terbaik. Parit ini dijaga, sungainya dijaga dan segala macam. Paling akhir baru ini Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan aduan, saya pergi dan saya lihat satu parit yang saya fikir, yang tidak dijaga lebih daripada 10 tahun sebab ia punya pokok yang tumbuh dalam sungai itu sudah barangkali besar betis.

Bukan besar betis saya, betis saya kecil. Betis seorang yang berisilah, barangkali orang sebelah saya ini.

Jadi maknanya Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi rakyat dijanjikan dengan kemudahan-kemudahan untuk luar bandar yang baik tetapi sebenarnya tidak terisi. Begitu jugalah saya selalu bangkitkan masalah nelayan, masalah petani, masalah *the landless*, masalah harga keluaran kampung yang sebenarnya semakin tercabar, tidak kompetitif oleh kerana kenaikan baja, racun dan lain-lain. Ini dibangkitkan tetapi *not much is being given*, tidak banyak *attention*, tidak banyak perhatian diberikan kepada kelompok ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, poin yang hendak saya kemukakan ialah supaya kita dapat melihat falsafah yang dipegang dalam seluruh pembangunan ini iaitu untuk memberikan sedikit gula-gula, imbuhan kepada kelompok bermasalah, kepada nelayan, kepada petani, kepada pelajar, kepada belia menganggur, kepada siswazah menganggur. Jadi, diperuntukkan sikit-sikit seolah-olah *all*, semua *group taken care*. Akan tetapi yang sebenarnya ia tidak menyelesaikan masalah itu. Inilah yang dibangkitkan supaya dengan adanya masalah itu, maka akan sentiasa ada harapan kepada rakyat untuk memerintah, mengotakan kata-katanya.

Sekarang ini ada TN50 yang dijanjikan pula tahun 2050 nanti semua ini akan tercapai. Saudara sekali lagi dipanjangkan janji, masa itu yang berjanji pun sudah tidak ada, kita pun sebahagiannya tidak ada, barulah rakyat nanti tahu, "Erm, alahai termakan janji lagi aku". Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kita semua memberikan perhatian teliti supaya bukan sahaja kita melihat bajet kali ini tetapi kita melihat seluruh bajet dengan pengekalan isu-isu dalam masyarakat yang sentiasa dipanaskan, terutama sekali-kali terakhir yang saya hendak sebut ialah isu 3R. Isu *race*, isu *religion*, isu *raja-raja royalty*, yang sekarang ini menjelang pilihan raya, kalau dahulu ia alun-alun, otek-otek sahaja. Kali ini Tuan Yang di-Pertua, diperhangat betul dengan menuing kepada satu kelompok, khususnya DAP sebagai kelompok yang mahu menggugat pemerintahan dan kerajaan yang ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih memberikan peluang saya berbicara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tanjong Manis, sila.

#### **5.04 ptg.**

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Berselawat] Bismillahi Rahmani Rahim*. Salam negaraku Malaysia yang ku cintai.

Pertama kali sekali, marilah kita mengucap syukur ke hadrat *Allah SWT*, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW. Kita bersyukur kerana diberikan kesihatan, kelapangan dan kekuatan untuk kita menghadiri persidangan Dewan untuk membahaskan mengenai Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak pada Jumaat yang lepas dengan tema "Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50", yang holistik dan mengambil kira kepentingan segenap lapisan umur rakyat sampailah ke bayi yang baru lahir.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi kawasan Parlimen Tanjong Manis negeri Sarawak mewakili parti PBB mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak di atas bajet yang amat menggembirakan, terutamanya untuk negeri Sarawak. Sebagai seorang wanita, saya amat bersyukur di atas beberapa pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kaum wanita.

Penglibatan wanita dalam lembaga pengarah GLC, GLIC dan penerapan penglibatan wanita dalam politik serta Ahli Parlimen, peruntukan TEKUN dan AIM, terutama membaiki sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak dan infrastruktur-infrastruktur pembangunan di luar bandar, prasarana internet, pembangunan untuk nelayan, peruntukan ukur tanah adat, pembangunan industri halal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 yang di bentang ini adalah berpaksi kepada kesejahteraan rakyat seperti juga yang kita dapat lihat pada tahun yang sebelumnya. Bajet 2018 ini telah mengambil kira keperluan dan kehendak rakyat dan telah diterjemahkan menjadi satu bajet yang inklusif dan memberi manfaat yang banyak kepada semua golongan rakyat, termasuk wanita, golongan petani, pesawah, nelayan, pemandu teksi, peneroka FELDA, penjawat awam dan pesara, pengguna lebuh raya dan belia serta pelajar-pelajar. Bajet ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan akan keperluan jaringan hubungan jalan raya untuk negeri Sabah dan Sarawak, memberi peruntukan yang amat besar untuk Lebuhraya Pan Borneo.

Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa yang penting adalah pembangunan untuk luar bandar di negeri Sarawak. Saya amatlah mengalu-alukan, terutamanya juga seperti bekalan elektrik, air dan jalan raya adalah isu yang sentiasa dibawa di Dewan yang mulia ini. Saya amatlah berharap supaya kawasan Parlimen Tanjong Manis juga diberi peruntukan untuk pembangunan di luar bandar.

Pengumuman sebanyak RM300 juta bagi keperluan 3000 buah rumah dalam menyediakan air bersih juga dapat memberi kelegaan kepada penduduk yang sebelum ini terpaksa menggunakan air hujan yang tidak bertapis bagi keperluan sehari-hari. Tidak ketinggalan juga peruntukan sebanyak RM500 juta yang akan digunakan untuk infrastruktur awam dan projek infrastruktur asas yang boleh digunakan bagi pembinaan dewan, pusat komuniti, rumah panjang, membaik pulih rumah-rumah kampung dan juga untuk menjalankan aktiviti harian dan aktiviti ekonomi. Apa yang saya amat terharu adalah memperkasakan perkhidmatan wanita dalam GLC, GLIC, PLC dan badan-badan berkanun

dan pengumuman untuk wanita pada tahun hadapan, memperkasakan wanita pada tahun 2018.

Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang amat menghargai kaum wanita dan begitu prihatin dalam usaha memperkasakan penglibatan wanita di Malaysia.

#### ■1710

Pada bajet kali ini, kerajaan mewajibkan penyertaan 30 peratus wanita dalam keahlian lembaga pengarah GLC, GLIC serta badan berkanun sebelum akhir tahun 2018. Ini adalah kesinambungan dari pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Februari 2016 yang mensasarkan 30 peratus penglibatan wanita dalam komposisi ahli lembaga pengarah syarikat. Sukacita juga dinyatakan bahawa Malaysia merupakan satu-satu negara di rantau Asia Pasifik yang mengumumkan sasaran tersebut pada tahun 2016. Malangnya, peratusan wanita di lembaga pengarah GLC dan GLIC masih jauh ketinggalan dari sasaran peratusan. Pada suku ketiga tahun lepas, cuma 13 peratus sahaja wanita dalam syarikat 100 ke atas Malaysia dan ini amatlah menyedihkan.

Kita haraplah kerajaan mengambil satu tindakan yang tegas dan memainkan peranan supaya kita dapatlah melihat lebih ramai wanita-wanita korporat dapat menyumbang kepada ekonomi Malaysia di tahap antarabangsa.

Langkah Kerajaan Malaysia ini juga sejajar dengan objektif yang diambil oleh *Commonwealth Women Parliamentarian* (CWP) untuk 30 peratus wanita yang berada di dalam kelompok teratas pengurusan, *to ensure the gender continues to be mainstream across all activities to assist legislature to achieve Commonwealth Heads of Governments' target of having women occupying no less than 30 percent of the decision making positions*, dengan izinnya.

Saya juga ini mencadangkan dari jumlah 30 peratus tersebut, sekurang-kurangnya lapan peratus dapat dipenuhi oleh wanita dari negeri Sarawak dan diberi peluang diambil sebagai ahli lembaga pengarah GLC, GLIC atau PLC. Sasaran 30 peratus ini juga perlu diaplikasi di dalam Parlimen Malaysia dan juga jumlah Ahli Parlimen wanita juga perlu mencapai 30 peratus dari jumlah keseluruhannya. Buat masa sekarang, peratusan Ahli Parlimen wanita secara keseluruhannya adalah lebih kurang 10.81 peratus semenjak tahun 2008.

Jadi selaras dengan pengumuman penyertaan 30 peratus wanita dalam ahli lembaga pengarah GLC dan GLIC ini, jumlah 10.81 peratus ini boleh dinaikkan kepada 30 peratus untuk PRU ke-14 kelak. Dibandingi juga kepada peratusan Ahli Parlimen wanita di rantau Asia Tenggara, Timor Leste 38.5 peratus, Laos 25 peratus, Vietnam 24.4 peratus, Singapura 24.2 peratus, Filipina 22.9 peratus dan Malaysia cuma 10.1 peratus. Jadi, saya mengalu-alukan dan memohon agar wanita diberi pertimbangan khas pada kali ini.

Peruntukan kepada TEKUN pada Bajet 2018. TEKUN telah menerima peruntukan yang agak besar, RM500 juta, yang tertinggi yang pernah diterima. Saya mengucap syukur

*alhamdulillah* dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang prihatin kepada perkembangan pengusaha kecil dan sederhana terutamanya, khususnya bumiputera. Saya cuma ingin bertanya, berapa peratuskah daripada dana RM500 juta ini akan diagihkan kepada negeri Sarawak untuk usahawan bumiputera kecil dan sederhana?

RM1 bilion untuk baik pulih sekolah di negeri Sarawak, kita syukur-syukur *alhamdulillah* dan mengalu-alukan. Terima kasih banyak-banyak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Negeri Sarawak sungguh terhutang budi dan mengucapkan terima kasih kerana terlampaunya banyak sekolah-sekolah di luar bandar dan di negeri Sarawak amatlah teruk dan daif dan dibina pada tahun 70-an dan 80-an dan banyak guna bahan binaan kayu.

Dalam pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah menyatakan menggunakan sistem teknologi hijau untuk menjimatkan kos dan masa menggunakan sistem IBS. Kita juga dapat melihat sistem IBS di luar bandar tidaklah berjalan dengan baik. Banyak isu-isu yang telah berlaku dengan penggunaan sistem IBS di luar bandar kerana banyak kontraktor-kontraktor tidak faham atau tidak menjalankan tugas dengan baik. Kita juga memohon agar sistem sedia ada juga dikekalkan.

Terdapat juga beberapa sekolah-sekolah asrama, kuarters guru di kawasan Tanjung Manis telah dinaiktarafkan kepada struktur-struktur konkrit. Namun, banyak lagi sekolah-sekolah asrama kuarters guru dalam keadaan yang sangat daif dan struktur kayu yang sudah reput dan tunggu masa sahaja untuk runtuh. Sekolah-sekolah yang saya hendak sebut di kawasan Tanjung Manis adalah seperti SK Br uit, Tekajong, Penipah, Salah Kecil, Betanak, Penibong, Sebako, Kut, Sai, Mupong, Teluk Kelam, St Andrew di Sare, Jerijeh, Bekakong, Tanjung Bundung di Meradong dan SK Selidap di Meradong. Saya amatlah berharap sekolah-sekolah ini diberi perhatian sebaiknya oleh kerajaan.

Saya juga memohon bagi melancarkan pelaksanaan jumlah peruntukan yang sebesar ini, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri Sarawak diberi kelulusan untuk mengendalikan proses keseluruhan pengurusan dana dan untuk memantau ataupun melihat pemberian pulih sekolah-sekolah daif tersebut dengan penglibatan perunding dan kontraktor-kontraktor tempatan agar tidak berlaku pembaziran. Juga, kita berharap pentadbiran oleh Kerajaan Negeri Sarawak dapatlah bertegas dengan kontraktor-kontraktor dan perunding-perunding tempatan tersebut.

Pembangunan prasarana *internet* di negeri Sarawak, syukur *alhamdulillah*, terima kasih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperuntukkan dana sebanyak RM1 bilion untuk pembangunan infrastruktur komunikasi, RM500 juta untuk Sarawak dan RM500 juta untuk Sabah. Kita harap Tanjung Manis juga mendapat sebahagian daripada dana tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan pembangunan di luar bandar sebanyak RM500 juta. Saya memohon diberi pertimbangan untuk kawasan Parlimen Tanjung Manis kerana perlu untuk menyambung Pulau Paloh dan Pulau Beruit

untuk dibangunkan jambatan supaya mereka dapatlah terus ke Bandar Tanjong Manis. Ini kerana Tanjong Manis telah dinaiktarafkan kepada daerah dan mereka dapat menggunakan khidmat pejabat daerah di Tanjong Manis dan agaklah senang untuk mereka ke Bandar Sibu untuk ke hospital ataupun untuk membeli-belah.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada bajet ini juga saya memohon agar kementerian yang bertanggungjawab melihat daripada pembangunan luar bandar seperti KKLW, pantaulah setiap tender-tender dengan baik dan pilihlah kontraktor-kontraktor yang berwibawa yang faham keadaan di setiap kawasan terutamanya di Tanjong Manis dan di Pulau Brui. Di mana paya yang amat teruk, Anderson 3 di tanah paya amatlah sukar untuk kontraktor-kontraktor membuat kerja, isu daripada air pasang surut, daripada segi ombak pada hujung tahun. Isu-isu ini haruslah diambil kira terutamanya apabila memilih kontraktor-kontraktor. Janganlah ambil harga yang terendah, ambillah kontraktor yang memahami dan pernah menjalankan kerja dengan baik di kawasan Parlimentan Tanjong Manis.

Saya hendak mengucapkan terima kasih juga jumlah yang paling terbesar telah diberikan kepada golongan peladang, penternak dan nelayan sebanyak RM6.5 bilion yang telah dibajetkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih banyak-banyak. Saya sebagai Ahli Parlimentan Tanjong Manis amatlah mengalu-alukan supaya projek bantuan baik pulih rumah para nelayan yang amat daif di kawasan Parlimentan Tanjong Manis dapat diberikan perhatian khas.

Juga kita mengalu-alukan peruntukan ukur tanah adat sebanyak RM30 juta untuk Sarawak dan RM20 juta untuk Sabah dan banyak lagi kawasan Parlimentan Tanjong Manis masih lagi perlu dibuat parameter survey dengan secara terperinci.

Pembangunan industri halal. Ini adalah satu daripada topik yang amat terdekat kepada hari saya kerana di kawasan Parlimentan Tanjong Manis, kita mempunyai Hab Halal Tanjong Manis. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah berkali-kali membawa isu ini dan telah mengumumkan Hab Halal Tanjong Manis dengan 77,000 hektar tanah yang telah digazet oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Syukur *alhamdulillah* dan terima kasih, saya mengucapkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah berjaya menubuhkan Majlis Halal Malaysia di mana dianggotai oleh 11 orang Menteri di dalam Majlis Halal Malaysia.

Biarlah dengan adanya Majlis Halal Malaysia ini dibangunkan dan diambil alih fungsi pusar serenti, *one-stop center* untuk memudahkan pelabur-pelabur halal dari dalam negeri dan luar negara untuk datang ke Malaysia dengan mendapatkan perkhidmatan daripada satu pusat sahaja, Majlis Halal Malaysia. Biarlah kita dengan cara yang lebih holistik seperti di negara Singapura mungkin dalam masa 90 hari atau 100 hari, isu-isu yang dibawa oleh pelabur-pelabur dapat diselesaikan di dalam Majlis Halal Malaysia. Ini kerana agaklah sukar untuk pelabur-pelabur pergi kepada 10 atau 12 kementerian atau

agensi-agensi kerajaan untuk berlari terkejar-kejar ke sana, ke sini dan dengan itu kita banyaklah rugi pelabur-pelabur lari daripada industri halal ini.

Saya juga menyokong dana sebanyak RM120 juta yang diperuntukkan untuk 1,000 usahawan *Food Truck* Malaysia dan *Mobile Food Kiosk* 1Malaysia. Buat masa ini di negeri Sarawak terdapat beberapa pusat atau kawasan yang dijadikan pusat perniagaan bagi *food truck* ini. Dengan adanya peruntukan tersebut, saya berharap akan lebih banyak pusat *food truck* akan dibukakan di negeri Sarawak untuk membantu usahawan-usahawan kecil. Jadi dengan ini syukur *alhamdulillah*, saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak dan dengan ini saya menyokong Bajet 2018. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Waalaikumsalam. Yang Berhormat Kuala Nerus.

### 5.25 ptg.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Allah SWT berfirman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Antara maksudnya, sesungguhnya Allah SWT mengarahkan kamu untuk menunaikan amanah kepada orang-orang yang berhak dan juga dia mengarahkan kamu bila mana kamu memerintah di kalangan manusia hendaklah kamu memerintah dengan penuh keadilan. Sesungguhnya Allah SWT adalah sebaik-baik nikmat, Dia memberi nasihat kepada kamu dengan-Nya dan sesungguhnya Allah SWT itu adalah Dia maha mendengar, lagi maha melihat.

Bajet terbaik yang dibentangkan oleh kerajaan merupakan amanah kepada kerajaan oleh mana-mana kerajaan. Dengan maksud sekiranya sebuah kerajaan gagal menyediakan bajet atau belanjawan terbaik bagi rakyatnya itu adalah suatu pengkhianatan. Maka tidak peliklah mana-mana kerajaan di dunia pada hari in tentulah mengusahakan untuk membentangkan bajet yang terbaik di mana-mana ruang yang mereka ada.

Cuma apa yang perlu kita bincang di sini ialah seperti mana dakwaan oleh Yang Amat Berhormat Pekan bahawa bajet kali ini adalah ibu bagi segala bajet. Ya, mungkin ibu bagi segala bajet bagi Barisan Nasional tetapi bagi kami belum lagi menjadi ibu bagi segala bajet bagi seluruh rakyat Malaysia kita sendiri.

Ini kerana di sana kita melihat masih ada lagi ruang-ruang yang boleh kita kemas kini dan kita perkasa kan lagi, ada ruang-ruang yang belum kita berikan bajet kepada mereka seumpama sekolah agama rakyat. Di kala mana kerajaan berhasrat untuk meningkatkan antaranya dalam perkara melibatkan sumber manusia maka tentulah tidak boleh kita abaikan sekolah agama rakyat sebagai salah satu daripada institusi pendidikan yang menyumbang besar kepada pembinaan jiwa manusia. Akan tetapi sangat malang

dalam bajet yang dibentangkan pada Jumaat yang lalu, saya tidak melihat ia diberikan peruntukan sewajarnya untuk sekolah agama rakyat.

Demikian juga di kala mana kita memberikan peruntukan, dinaikkan bajet bulanan kepada orang tua, warga emas dan juga kepada OKU tetapi kita mungkin terlupa kepada ibu-ibu tunggal yang terpaksa bekerja, menjaga anak-anak mereka dalam masa yang sama, dan juga kita melihat tidak ada sebarang pelan untuk kerajaan menangani isu yang berkaitan kejatuhan mata wang. Ertinya bagi saya ia belum lagi menjadi ibu bagi segala bajet, bagi rakyat Malaysia. Akan tetapi apa yang lebih penting untuk kita perhatikan ialah persoalan pelaksanaan. Kita boleh bentangkan bajet yang dipanggil ‘wow’ dan sebagainya tetapi kita perlu bincang tentang pelaksanaannya.

Saya tertarik apabila Yang Amat Berhormat Pekan membacakan satu ayat walaupun dibacakan dalam terjemahan bahasa Melayu, saya bacakan dalam bahasa Arab dan bahasa al-Quran... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya, sekiranya penduduk kampung itu beriman dan bertakwa pasti kami akan buka untuk mereka keberkatan-keberkatan rezeki dari langit dan juga bumi tetapi sayangnya, malangnya mereka tidak percaya lalu kami hukum mereka disebabkan apa yang sedang mereka peroleh.

Ayat ini sebenarnya mengajar kepada kita tentang ketelusan dalam pelaksanaan. Kita boleh bentang bajet yang terbaik tetapi dari sudut pelaksanaannya memerlukan insan-insan yang tidak hanya beriman kepada Allah SWT tetapi perlu ada sifat takwa. Takwa itulah yang digariskan oleh para alim ulama. Antaranya kata Ali r.a, takwa itu ada tiga syarat.

#### ■1730

Pertama, *al-khaufuu minnal jalil* iaitu takut kepada Allah SWT yang sangat hebat; kedua, *wal'aamal bil'tanzil* iaitu kita beramal menurut apa yang diturunkan oleh Allah SWT; dan ketiga, *walíqtisdat liyaumill rahiim* iaitu bersedia untuk menghadapi hari kematian. Apa yang kita perhatikan menerusi Laporan Audit Negara banyak pihak membuat kajian bahawa di sana ada ketirisan.

Tadi pun kita dengar satu ucapan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya menyebut tentang ketirisan mungkin berlaku sekitar RM22 bilion, ada kajian-kajian dibuat ketirisan sekitar RM23 bilion hingga RM40 bilion. Ertinya ketirisan berlaku dan kita hendak kerajaan cuba pantau menerusi pelbagai jawatankuasa yang ada dan juga menerusi penguat kuasa yang ada menerusi SPRM dan sebagainya tetapi ketirisan terus berlaku kerana siapakah orang yang menguruskan bajet ini.

Siapakah orang yang melaksanakan bajet untuk turun sampai kepada rakyat? Ini kerana kita bimbang seperti satu tuduhan yang sedang dibuat sekarang bahawa ada bajet yang diturunkan kepada satu kementerian diagihkan kepada 14 buah syarikat yang mana setiap syarikat menaikkan harga kos melebih harga pasaran hingga 25 percent, ini sebagai

contoh yang mungkin berlaku kepada mana-mana kementerian sekiranya ia gagal diuruskan oleh orang-orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.

Oleh sebab itulah yang paling penting bagi kerajaan kita ambil yang terakhir disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam ucapan bajet bagaimana usaha kerajaan untuk bukan hanya sekadar kecemerlangan di dunia tetapi juga kecemerlangan di hari akhirat. Maka yang paling penting untuk kerajaan perhatikan ialah membina masyarakat bukannya masyarakat, rakyat dan juga pemimpin serta pegawai kerajaan yang ada takwa dan takut kepada Allah SWT.

Oleh sebab itulah saya ingin mencadangkan bahawa penting untuk kerajaan untuk mewujudkan satu yang dipanggil, "hisbah rakyat". Hisbah ini satu konsep pemantauan kepada segala bentuk pelaksanaan bajet bagi rakyat. Ya, kerajaan telah ada Laporan Audit Negara, kerajaan ada PAC menerusi Parlimen dan kita ada badan seperti SPRM dan sebagainya tetapi tidak cukup bagi saya. Di sana perlu ada satu badan ditubuhkan melibatkan rakyat. Sekiranya bajet itu melibatkan mereka maka mereka mesti dilibatkan dalam pemantauan bajet ini supaya ia benar-benar turun pada sasaran.

Sebagai contoh saya ambil, bila kerajaan mengisyiharkan bahawa RM50 juta diperuntukkan untuk pendawaian sekolah tahfiz, disalurkan menerusi GiatMara. Bila disalurkan kepada GiatMara sejauh manakah yang disalurkan itu betul-betul sampai kepada sekolah tahfiz. Kalau bajet umpamanya mungkin sekitar RM10 ribu bagi sebuah sekolah mungkin di-*markup* harganya menjadi RM12 ribu dan sebagainya, maka perlulah ada satu badan yang mana anggota-anggota pertubuhan atau persatuan yang terlibat dengan tahfiz ini dilibatkan sama untuk memantau turunnya bajet itu biar telus. Oleh kerana dalam masa yang sama kita lihat MARA juga ada dikaitkan dengan isu ketirisan seperti isu yang berlaku di Australia. Maka tidak mahu perkara seumpama ini diulang lagi maka sangat penting untuk hisbah rakyat ditubuhkan oleh kerajaan.

Dalam keadaan Islam kita ada empat bentuk hisbah. Ada bentuk '*raqabah zatiyyah*', maknanya seseorang itu dia menjadi pegawai kerajaan, dia menjadi pemimpin, dia ada satu perasaan dirinya takut kepada Allah untuk bertindak yang paling baik untuk akhiratnya; kedua, ada '*raqabah ilahiyyah*', makna dia sedar bahawa Allah SWT memantau segala kerja buat dia; ketiga '*raqabah isytimaiyyah*', iaitu pemantauan masyarakat; dan keempat '*raqabah hukumiyyah*' iaitu pemantauan oleh kerajaan. Ketiga yang belum dilaksanakan sebetul-betulnya kerana itulah saya mencadangkan untuk kerajaan menggerakkan hisbah rakyat ini untuk menggambarkan ketelusan dalam pengurusan bajet turun kepada rakyat. Itu yang pertama.

Kedua, saya rasa perkara yang penting untuk kita perhatikan dalam bajet ini ialah isu defisit dan juga hutang. Walaupun setiap kali pembentangan bajet dibuat dan kita bercakap di Parlimen, kerajaan tentunya memberikan jawapan yang sama. Jawapan tentang kenapa defisit, kenapa hutang. Kalau bab hutang kerajaan akan kata, "*Biasalah kita berhutang, yang penting hutang kita itu belum melebihi kadar yang ditentukan iaitu*

*belum melepas 55 percent KDNK*". Itu jawapan standard yang saya dengar daripada awal saya menjadi Ahli Parlimen 2013 sampai sekarang pun saya jangka jawapan yang sama juga akan diberikan dalam penggulungan nanti, *insya-Allah*.

Akan tetapi sebagai wakil rakyat kita kena bercakap. Kita perlu menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tanpa gagal selama 21 tahun berturut-turut dari pembentangan bajet untuk tahun 1998 hingga terakhir sekarang tahun 2018 membentangkan bajet defisit. Ya, kita tidak menyatakan salah untuk defisit pada sesetengah keadaan tetapi dalam kita ambil kaedah surah Yusuf sebagai contoh yang mana Allah SWT mengajar kepada kita tujuh tahun yang segar, yang ekonominya baik, tujuh tahun yang ekonomi kemarau, ya mungkin berlaku defisit. Akan tetapi kalau 21 tahun yang berlaku kalau awal tahun 1998, 1999 kerajaan menghadapi krisis ekonomi tetapi kemudian kerajaan berhadapan dengan ekonomi yang baik selepas pada itu dan sekarang baru pula menghadapi krisis ekonomi tetapi kerajaan masih gagal di kala mana ekonominya baik masih lagi membentangkan bajet defisit dan yang menyebabkan akhirnya berlakunya tunggakan hutang.

Hutang menurut laporan ekonomi yang dibekalkan kepada kita menunjukkan bahawa pada Jun 2017, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan ialah RM685 bilion. Hutang tidak pernah turun tetapi hutang sentiasa naik. Kalau kita kata kita bayar hutang, sepatut bila kita bayar hutang, hutang makin berkurang. Macam mana kita bayar hutang tetapi hutang semakin bertambah. Ini isu yang perlu kita sebut bagi rakyat tahu perkara ini.

Apa yang paling saya bimbang bilamana kerajaan berhutang bagaimana kerajaan berhutang. Mungkin bagi setengah orang dia pandang biasa hutang ini. Akan tetapi kalau kita lihat sebagai contoh hutang Kerajaan Persekutuan RM685 bilion ini, dengan RM662.36 bilion adalah hutang dalam negeri yang mana 53 *percent*-nya menggunakan sekuriti Kerajaan Malaysia dan 38.2 *percent* adalah terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia.

Saudara-saudara, Ahli-ahli Parlimen Yang Berhormat sekalian, Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah sistem hutang berdasarkan riba. Berbeza dengan terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia. Di kala kita bercakap tentang barakah kita bacakan ayat... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antara maksudnya, tidak mungkin barakah itu datang sekiranya kerajaan masih lagi terlibat dengan riba.

Ya, saya menghargai usaha kerajaan untuk meninggikan kadar pinjaman atau kadar pelaburan menggunakan sukuk atau terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia, sebagai contoh untuk tahun 2017 pinjaman atau terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia sudah meningkat kepada 49.5 persen berbanding Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 persen, itu tahun 2017. Akan tetapi saya menyatakan bahawa penglibatan kerajaan dengan riba ini, inilah punca kerosakan bagi ekonomi.

Kita boleh baca data yang sangat banyak dikemukakan oleh pelbagai pakar ekonomi termasuk satu ucapan menarik oleh Tan Sri Dr. Zeti, bekas Gabenor Bank Negara yang menjelaskan tentang bagaimana dengan sebab unsur riba ini penglibatan negara-

negara dengan riba ini telah berlaku puluhan krisis kewangan dunia dalam tempoh 30 tahun. Tempoh 30 tahun menunjukkan bahawa riba merosakkan ekonomi negara maka jika kerajaan tidak ada komitmen untuk membebaskan diri dari riba ini maka keberkatan tidak akan datang.

Kalau kita lihat juga disebabkan untuk itulah kerajaan terpaksa membayar faedah untuk tahun 2017, faedah untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia sahaja RM15.2 bilion, RM15.2 bilion ini bukan jumlah yang kecil. Keuntungan yang dibayar kepada terbitan pelaburan kerajaan ialah RM10.1 bilion. Ini tahun 2017 jangkaan untuk tahun 2018 ialah RM16 bilion. Bagi kami seorang Muslim, kita baik bacakan ayat... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud bahawa, jika kamu tidak laksanakan perintah Allah yang mengharangkan kamu terlibat dengan riba... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maka isytiharkanlah perang dari Allah dan juga Rasul-Nya.

Seterusnya saya mahu pergi kepada isu pendapatan kerajaan...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Nerus.

Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tentang hutang Kerajaan Malaysia dalam tempoh sembilan tahun, 140 peratus kenaikan hutang daripada RM245.1 bilion kepada RM685.1 bilion pada tahun 2017. Apa pandangan Yang Berhormat apabila projek mega seperti pembinaan infrastruktur yang terbaru, projek ERCL contohnya dengan keadaan berhutang dengan negara asing dan bebannya akan terus di beban kepada rakyat untuk generasi akan datang. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1740

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** ECRL juga berhutang dengan China menggunakan kaedah riba dan jumlahnya sangat besar, bukan kecil. RM55 bilion yang akan menjadikan anak cucu kita akan menanggung akibatnya pada masa akan datang. Ya, kita gembira. Saya orang Terengganu, saya gembira ada projek ini tetapi kaedah pembiayaannya tidak menggembirakan saya.

Saya mahu tengok pada pendapatan kerajaan. Pendapatan kerajaan yang diandaikan unjurannya untuk 2018 ialah RM239.9 bilion, menunjukkan kepada kita bahawa kerajaan masih bergantung pada cukai dan bila kerajaan perkenalkan GST, kerajaan bergerak ke arah membesarkan lagi saiz cukai. Bukan cukai pendapatan tetapi cukai kepenggunaan. Walaupun setengah Ahli rasa seronok kita besarkan cukai kepenggunaan tetapi cukai kepenggunaan ialah cukai yang merosakkan ekonomi rakyat.

Islam membenarkan cukai tetapi cukai yang dibenarkan oleh Islam ialah cukai berdasarkan pendapatan kerana cukai berdasarkan pendapatan adalah cukai yang melihat kepada kemampuan manusia. Mereka yang tak mampu, tak dikenakan cukai tetapi

cukai kepenggunaan seperti GST mengenakan cukai kepada semua orang tak kira kaya atau miskin. Ya, akan ada yang menjawab dia kata orang miskin belanja sikit, cukai sikit. Orang kaya belanja banyak, cukai banyak. Walaupun sikit, cukai tetap diambil daripada orang miskin. Oleh kerana itu saya mencadangkan bahawa kalau kita boleh berikan rebat, tuntutan semula oleh para pelancong yang datang ke Malaysia, mereka beli barang, mereka bayar GST. Mereka balik, di *airport* mereka boleh dapat tuntutan semula. Kenapa tak boleh kita buat tuntutan semula oleh rakyat miskin untuk sebarang GST yang mereka bayar.

Saya pernah cadangkan perkara ini dan Menteri menjawab boleh, mula-mula kata tak boleh kemudian kata boleh pula. Ruang itu ada. Maka saya mahu mendengar apa jawapan kerajaan bagi persoalan tersebut. Akan tetapi yang lebih penting, saya nak pergi lebih jauh bahawa di kala mana kerajaan bincang tentang pendapatan, saya menyatakan bahawa negara kita sebenarnya tidak berhadapan dengan masalah pendapatan kerana pendapatan negara bertambah setiap tahun. Cuba tengok unjuran 2017, pendapatan negara ialah RM219 bilion. Unjuran 2018, RM239 bilion. Bertambah RM20 bilion. Seperti mana bertambah RM20 bilion pendapatan kerajaan unjuran 2018, maka demikianlah kerajaan menambah juga perbelanjaan RM20 bilion.

Daripada tahun 2017, hanya RM262 bilion kepada RM282 bilion. Maknanya kita, Kerajaan Malaysia memang mendapat pendapatan. Pendapatan sentiasa bertambah tetapi sebagaimana bertambahnya pendapatan kerajaan, bertambah juga perbelanjaan. Maka defisit kekal menjadi defisit. Kalau begitulah keadaan perbelanjaan kita, sampai bila pun tidak akan berakhir. Tambahlah pendapatan macam mana. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Kalau anak Adam ada satu lembah emas... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Dia mahu seumpamanya lagi, mahu satu lembah lagi... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Tidak boleh memenuhi mulut dia melainkan tanah, maknanya mati. Ini masalah orang yang rakus berbelanja, boros berbelanja. Berilah pendapatan banyak mana sekalipun tidak akan cukup. Maka bagi saya, bukan isu menambah pendapatan tetapi isu bagaimana menguruskan perbelanjaan. Walaupun begitu, saya ingin mencadangkan...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Ahli Yang Berhormat, boleh celah sikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Parlimen Kuala Nerus. Tentang komen-komen tentang GST, masih ingat di Dewan yang mulia ini, dulu satu Timbalan Menteri Kewangan kata, dia janji lepas implementasi GST, harga boleh turun. Apa komen Ahli Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Menarik sebenarnya. Memang ketika dibentangkan GST untuk pelaksanaan 2015, kerajaan menyatakan bahawa inflasi akan berlaku sekitar dua peratus sahaja untuk tempoh dua tahun. Sekarang, dua tahun telah berlalu. Inflasi pada bulan Januari 2017 adalah 3.2

peratus. Untuk bulan Februari, 4.5 peratus. Untuk bulan Mac, 5.1 peratus dan saya tengok untuk bulan Jun, sekitar empat persen dan sebahagian ahli ekonomi mengunjurkan inflasi untuk sepanjang tahun 2017 ialah empat peratus. Ini terlalu tinggi, jauh daripada andaian. Maknanya kerajaan silap membuat andaian. Kalau kerajaan silap buat andaian inflasi, maka kerajaan juga boleh silap dalam membentangkan GST sebagai sumber negara.

Oleh kerana itu kita menyatakan GST mesti dihapuskan oleh kerajaan kerana ia merosakkan masyarakat tetapi dalam masa yang sama, saya hendak mencadangkan bahawa ada sumber-sumber lain yang boleh kita perkenalkan. Cukai yang dikenakan kepada orang kaya bukan kepada orang miskin. PAS memperkenalkan dua bentuk cukai. Satu, cukai *tax on saving* bagi korporat. Kita lihat di dalam negara kita hari ini, simpanan rakyat Malaysia berjumlah sekitar RM1.6 trilion. Kalau kita andaikan 30 peratus adalah *corporate saving*, simpanan korporat dikenakan cukai pada simpanan korporat orang kaya ini dengan kadar seperti mana Islam ajar 2.5 peratus, kerajaan telah mendapat sekitar RM12 bilion, itu satu.

Yang kedua, cukai berdasarkan pegangan saham. Yang main saham, orang kaya. Mereka tak bayar cukai. Jadi jika dikenakan cukai terhadap pegangan saham, cukup tempoh setahun yang mana nilai semasa saham yang didagangkan hari ini sekitar RM1.8 trilion diambil cukai 2.5 peratus, kerajaan boleh mendapat *income* lebih RM40 bilion. Maknanya cukai RM40 bilion daripada *share trading*, ini cukai daripada orang kaya, cukai daripada korporat sebanyak 2.5 peratus juga. Ini cukai orang kaya juga. Kenapa tidak kita kenakan cukai ini? Diambil daripada orang kaya, diagihkan kepada orang miskin tetapi sayang kerajaan memilih untuk mengenakan satu cukai yang dikenakan kepada rakyat yang kesannya merosakkan negara, merosakkan ekonomi, merosakkan masyarakat dan tidak akan ada ubat bagi perkara ini.

Itulah yang sempat saya ungkapkan. Walaupun masih banyak yang ingin saya sampaikan antaranya isu berkaitan dengan wakaf sebagai sumber negara. Mungkin ada ruang masa yang lain kita boleh bicara lagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, *Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam*. Yang Berhormat Sungai Besar.

#### 5.47 ptg.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan Sungai Besar ambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2018.

Ini kali kedua Sungai Besar melihat secara langsung bajet daripada Dewan yang mulia ini. Berbanding dengan 2016, bajet kali ini lebih menyerlahkan keyakinan, unjuran ekonomi yang lebih baik sehingga saya melihat rakan-rakan di sebelah sana terkedu, terkesima diam dan tidak melafazkan apa-apa kata pun. Sesekali apabila mereka disindir, seperti kera kena belacan". Kalau gelisah dan tidak keruan. Saya nak sebutkan ini sebagai

mukadimah kerana apa? Kerana Yang Amat Berhormat Pekan pagi petang siang malam, subuh senja, mereka ini membuat cercaan terhadap Yang Amat Berhormat Pekan... [Dewan riuh] Akan tetapi apa yang berlaku, apa yang berlaku? Dengan penuh senyum simpul, akhirnya tegak berdiri Yang Amat Berhormat Pekan membentangkan Bajet 2018.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kelana Jaya memberikan pandangan angka tidak pernah menipu. Beberapa kali disebut tentang angka tidak pernah menipu. Ya, kami juga akan mengemukakan bukti-buktii kami bahawa angka juga tidak pernah menipu. Kerana apa? Kerana pada kami, unjuran ekonomi itu harus diambil daripada angka yang tepat dan bukan daripada persepsi.

Saya nak merujuk satu perkara. Soal pertumbuhan ekonomi, unjuran 5.7 peratus berbanding daripada asal 4.8 peratus. KDNK, unjuran 5.2 peratus yang disebut oleh Bank Dunia. Rizab negara, RM428.7 bilion. Ini paling tinggi dalam sejarah. Defisit fiskal, disebut sebanyak tiga peratus berbanding dengan 2018 iaitu 2.8 peratus. Yakni ini lebih baik disebut hutang kerajaan berbanding dengan KDNK pada kali ini sebanyak 50.9 peratus, berkurangan.

Jadi, banyak sebenarnya data-data unjuran dan kalau saya hendak sebut daripada segi rating kredit yang disebut daripada Fitch - A minors, Moody's - AAA diperakui lebih baik. Kalau kita nak melihat pula daripada kadar pengangguran, disebut kita 3.4 peratus berbanding dengan US, 4.1 peratus; UK, 4.4 peratus; Perancis sembilan peratus; dan Australia, 5.4 peratus. Adakah petanda-petanda ini menunjukkan ini sebuah negara yang gagal? Segugusan, sederetan penarafan positif menunjukkan negara ini tidak gagal.

Saya nak sebutkan Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali. Kenapa ekonomi Malaysia terus diunjurkan dalam keadaan yang kukuh dan diperakui dunia.

#### ■1750

Pertama, hanya kerana ia dibuat melalui dasar dan polisi ekonomi yang baik dan bertanggungjawab. Saya masih ingat apabila beberapa kali Yang Berhormat Permatang Pauh sebut bahawa ada individu itu adalah pilihan dan anugerah Tuhan. Saya nak sebut juga bahawa Yang Amat Berhormat juga bukan saja pilihan Tuhan tetapi juga diberi ilham oleh Tuhan untuk membentangkan bajet pada kali ini... [Dewan tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebenarnya dasar dan polisi ekonomi yang konsisten? Ramai teman-teman di sebelah sana menyebut soal GST.

Saya nak sebutkan fakta, betul pilihan raya yang ke-13 kami tanpa majoriti dua pertiga, itu jelas. Akan tetapi ada beberapa keputusan yang kami buat walaupun keputusan itu adalah merupakan keputusan yang tidak popular sebagai contohnya GST tetapi akhirnya kerana demi rakyat, akhirnya kerana memikirkan banyak perkara yang harus diselesaikan. Kita sebut hendakkan baik pulih terhadap Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang tetapi GST kita tidak mahu. Kita mahukan pendidikan yang lebih baik, tetapi GST kita tidak mahu. Kita mahukan kesihatan yang lebih baik, tetapi GST yang tidak mahu. Saya hendak menyebutkan perkara-perkara ini kerana apa, kerana satu ketika dahulu

negara ini bergantung kepada petroleum sebagai suatu sistem hasil negara. Akan tetapi apabila minyak jatuh dalam keadaan yang begitu merudum, GST ini menjadi mekanisme pendapatan yang baharu.

Perkara kedua, semua sedia maklum bagaimana kita mengurangkan subsidi pukal kepada subsidi yang lebih bersasar. Kita sedia maklum dari segi pengagihan subsidi pukal sebagai contohnya minyak. Subsidi minyak orang kaya dapat, orang luar negeri dapat. Akan tetapi apabila kita memperkenalkan BR1M yang memberikan sejumlah nilai tunai ini kepada golongan yang bersasar akhirnya negara seperti Arab Saudi juga ingin meniru kaedah pemberian BR1M.

Bukan itu saja, saya hendak menyebutkan dalam satu kajian pakar ekonomi, 35 ahli ekonomi di UK memaklumkan keberkesanan BR1M ini kerana ia memberikan...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Sekejap. Memberikan sejumlah wang yang bersasar dan seterusnya merancakkan ekonomi tempatan. Silakan, Yang Berhormat Pengkalan...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan daripada ucapan Bajet dan ucapan sahabat-sahabat daripada Barisan Nasional, bahawa ekonomi begitu baik. Unjuran ekonomi, rizab negara, *rating* dan sebagainya terlalu baik.

Namun demikian, apabila saya memerhatikan ucapan-ucapan daripada wakil Barisan Nasional seperti Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Putatan, daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Maka kita lihat bahawa dari awal musim Pilihanraya Umu Ke-13 ini benda yang sama terungkit bahawa jalan tidak selesai, hospital tidak selesai, sekolah tidak selesai. Apakah ini janji sahaja yang tidak mampu direalisasikan?

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Okey. Cukup-cukup Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya hendak lontarkan perkara ini. Adakah jalan di Kelantan selesai? Adakah isu...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Boleh...

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Ini *floor* saya. Adakah jalan di Kelantan...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Tidak selesai, Kelantan tidak selesai.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Adakah jalan di Kelantan selesai?

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Kerajaan Pusat tidak melaksanakan tanggungjawab mereka sebenarnya.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Adakah jalan di Selangor selesai? Adakah sistem perparitan di Selangor selesai? Saya hendak menyebutkan ini

sebagai jawapan kerana apa? Kerana ada elemen-elemen itu yang konsisten sepanjang masa yang perlu diperbaharui.

Kalau jalan itu sudah siap sudah tentu nanti lima, enam tahun akan datang perlu juga untuk dibaik pulih dan diperbaiki. Saya hendak sebutkan perkara ini kerana apa? Kerana apa yang disebutkan di peringkat awal oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi beberapa kali disebut bahawa angka tidak menipu, angka tidak menipu, angka tidak menipu dan saya mengemukakan unjuran-unjuran yang angka itu tidak menipu. Ada 12 minit.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Gopeng.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Satu minit saya benarkan, satu minit. Silakan. Yang Berhormat Gopeng silakan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Kalau Yang Berhormat Sungai Besar memang tegas angka tidak menipu tapi kalau kita hendak lihat kejayaan dari segi pelaksanaan ekonomi. Unjuran yang pernah dibuat semasa RMKe-11.

Misalannya, yang telah unjurkan bahawa per capita *income* akan meningkat sehingga USD15,000. Akan tetapi setakat ini kita cuma setakat lebih kurang USD10,000. Bukankah ini menunjukkan bahawa rancangan ekonomi setakat ini telah gagal? Kita juga unjurkan bahawa *target household income* akan meningkat sehingga RM10,000.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Sudah dua minit, okey Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Jadi angka-angka ini menunjukkan bahawa setakat ini perancangan ekonomi gagal walaupun dengan defisit bajet berterusan.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Gopeng. Yang Berhormat Gopeng ada persepsi yang begitu dan menyatakan bahawa unjuran ekonomi tersebut adalah gagal sebab itu dinamakan unjuran sebab tidak ada jaminan unjuran tersebut, yang paling penting pada pandangan Yang Berhormat Sungai Besar ialah apakah tingkah laku dan interaksi hasil daripada unjuran tersebut?

Saya hendak teruskan ini kerana saya melihat ucapan Ketua Pembangkang semalam yang pada saya lebih seperti bebelan ibu mertua seperti ada hasrat yang tidak lepas dan ada geram yang berpanjangan. Mereka dakwa Barisan Nasional gagal bangunkan Sabah dan juga Sarawak. Apabila dicelah oleh salah seorang Yang Berhormat, mereka sebut siapa 22 tahun yang gagal laksanakan pembangunan tersebut dan diletakkan kesalahan pembangunan tersebut kepada Barisan Nasional.

Pelik, apabila kejayaan seorang wanita bernama Wan Azizah dalam perniagaan ayamnya, tiba-tiba Ketua Pembangkang mendabik dada bahawa itu adalah polisi yang diperkenalkan oleh suaminya. Saya hendak sebutkan kerana apa? Kerana mengapa tatkala mereka berjaya mereka ambil kredit. Tatkala mereka gagal, kami pula yang mahu dipersalahkan sebab itu dalam agenda kita pada hari ini ialah jangan hipokrit terhadap apa

juga yang telah dilakukan oleh Barisan Nasional. Saya hendak sebutkan saya tidak menjadi masalah kalau sekiranya ada di barisan teman-teman di sebelah sana yang tidak mahu menerima apa yang telah kami lakukan. Tidak mengapa, tapi setidak-tidaknya berlaku jujurlah kepada diri sendiri. Seolah-olah tidak ada langsung kebaikan yang Barisan Nasional ini telah buat dan Barisan Nasional ini telah lakukan.

Persidangan Bajet itu pada kali ini Yang Berhormat Gombak- nanti kita akan jumpa lagi di Sidang DUN Selangor, menyatakan BN meniru polisi negeri pentadbiran tentang ADAM50, *MyBrain* dan kadang-kadang sejarah sering terlupa dan kadang-kadang orang yang pintar ini sering terlupa. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gombak sebenarnya apa yang ada pentadbiran Selangor itu adalah hasil daripada cetusan idea Yang Berhormat Bandar Tun Razak pada ketika itu atau ADUN Pelabuhan Klang.

Dia hanya *claim* saja tuntutan di peringkat akhir dan ini boleh digelar sebagai Menteri Besar *hashtag done claim*. Dalam masa yang sama tatkala ramai di kalangan kita tekun mendengar Bajet, Yang Berhormat Gombak melalui *Twittemya* telah menunjukkan dia kata, “*Mengapalah pendidikan TVET ini peringkat kebangsaan hanya sekitar RM4.5 juta?*” Kononnya jauh daripada peruntukan negerinya sebanyak RM50 juta. Saya fikir banyak perkara-perkara Yang Berhormat Gombak ini dalam penuh keghairahan. Sabarlah kalau hendak jadi Presiden PKR pun. Saya hendak sebutkan faktanya ialah Kerajaan Pusat sediakan RM49 bilion untuk pendidikan TVET, peruntukan RM4.7 juta adalah hanya angka biasiswa.

Mewakili industri buku, mewakili aktivis buku hendak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada kali ini Baucar Buku 1Malaysia, bernilai RM250 dikembalikan kepada 1.2 juta pelajar IPT dan tingkatan enam. Perkara yang kedua menggembirakan *player* buku ini ialah kadar sifar GST bagi pembelian bahan bacaan seperti majalah, komik, jurnal dan terbitan berkala. Satu perkara yang penting, beberapa tahun yang dahulu RM250 ini diserahkan atau diberikan kepada mahasiswa dan juga kepada pelajar. Akan tetapi pemantauan harus dilihat kerana ada di kalangan jerung-jerung baucar ini, mereka bertemu dengan mahasiswa dan juga pelajar, mereka bertemu dengan pelajar ini tanpa membeli buku.

Mahasiswa dan pelajar ini mendapatkan tunai dan akhirnya mereka berjaya mendapatkan sejumlah wang lebih daripada RM200 dan perkara ini mestilah dipantau sebab itu pihak KPT yang menguruskan baucar buku ini mesti berkolaborasi. Pertama, dengan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) untuk mengenal pasti.

#### ■1800

Siapakah yang sebenarnya penerbit yang layak untuk menerima baucar buku. TN50 ini saya hendak sebutkan ia ada kaitan dengan budaya membaca. Jadi dalam perkara yang ada kaitan dengan budaya membaca ini saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengembalikan baucar buku bernilai RM250. Saya hendak sebutkan satu perkara yang penting, satu perkara yang

penting ialah hendak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri peruntukan sebanyak RM50 juta bantuan hemodialisis, subsidi RM100 daripada keseluruhan kos setiap RM110 setiap sesi rawatan. Kenapa saya hendak sebutkan perkara ini? Saya hendak sebut perkara ini kerana fakta yang saya peroleh terdapat 40,000 orang pesakit buah pinggang di Malaysia.

Seramai 7,000 orang pesakit baru direkodkan setiap tahun dan apabila kita melihat faktor yang menyebabkan hemodialisis ini ialah kencing manis 61 peratus, *hypertension* 18 peratus dan lain-lain pesakit yang tidak berjangkit. Statistik yang saya peroleh sehingga Disember 2016 sebanyak 19,900 orang menunggu untuk penerima buah pinggang. Nisbah penderma organ di Malaysia ialah satu orang setiap satu juta. Maknanya di dalam pangkalan data yang kita ada hanya ada 32 orang sahaja untuk mendermakan organ. Saya hendak sebutkan perkara ini, mendapatkan maklum balas ialah kalaulah hari ini 200 orang setiap 1,000 penduduk menjalani hemodialisis dengan kadar tiga kali seminggu.

Kalau kita melihat pula sebanyak pada tahun 2015 hanya terdapat 7,922 unit mesin hemodialisis di seluruh negara. Jadi adakah bajet ini boleh untuk menampung pertambahan pesakit buah pinggang. Speaker yang saya kasihi sekalian, saya hendak melihat mewakili para petani di Parlimen Sungai Besar, ingin mengucapkan terima kasih kerana buat kali pertamanya memperkenalkan elaun RM200 sebulan. Selama tiga bulan kepada pesawah sementara menunggu padi dituai. Selain daripada itu sejumlah RM6.5 bilion dalam memperkasa, memajukan sektor pertanian negara yang memberikan manfaat kepada pesawah, petani, pekebun kecil, nelayan dan juga penternak.

Serta 50 juta stok makanan segera memastikan bekalan ikan mencukupi, menstabilkan harga ikan yang tidak menentu ketika musim tengkujuh. Ada perkara baru, ada yang disambung penambah baik, ini sangat dialu-alukan oleh para petani dan nelayan Sungai Besar. Akhirnya, awal tahun yang lalu, para petani, pesawah padi di Parlimen Sungai Besar kami ini majoriti daripada mereka di jangkiti serangan hawar daun atau dengan izin *bacterial leaf blight* iaitu suatu sakit untuk padi yang akhirnya padi yang menguning itu bertukar menjadi coklat dan berterusan padi ini mati secara tiba-tiba. Kami di Sungai Besar mengelar pesakit padi ini sebagai sakit AIDS padi sebab ia mati dengan tiba-tiba.

Berapa ramai para petani yang terlibat? Seramai 5,488 orang petani yang terlibat, tidak semena-mena kerajaan negeri cuba menjadi hero dengan memberikan bantuan sebanyak RM900 kepada sehektar sawah padi yang terkena BLB ini. Akan tetapi apa yang berlaku, yang berlaku pada ketika itu kerana keghairahan kerajaan negeri tergesa-gesa mahu menjadi hero. Pemberian RM900 ini diberikan dengan cek, oleh kerana keadaan tergesa-gesa ramai daripada mereka tidak dapat menuaikan cek tersebut. Kenapa tidak dapat tunaikan cek tersebut kerana nama pada pemilik sebenar padi dan nama pada pemegang cek itu berbeza. Kerana apa? Kerana dilaksanakan secara tergesa-gesa, apa Kerajaan Pusat lakukan?

Kerajaan Pusat lakukan menerusi IADA Barat Laut bersama dengan saya pada ketika itu kita turun bertemu dengan setiap inci sawah padi yang terlibat. Kita bertemu dengan pemilik yang terlibat dan akhirnya jumlah bantuan persekutuan sebanyak RM2.8 juta diagih kepada seramai 5,488 orang pesawah padi. Apa yang berlaku, apabila kita melihat data apabila kita benci pada kali kedua ada seramai 1,189 orang petani yang masih belum menerima bantuan BLB *list* ini. Saya difahamkan semua senarai nama sejumlah RM1.06 juta ini nilainya sudah pun diserah kepada pihak Kementerian Pertanian. Saya pohon maklum balas, saya pohon dapatkan perkembangan setidak-tidaknya nilai ini dapat membantu para petani, menyenangkan hati mereka yang menerima pesakit BLB ini.

Akhirnya saya hendak sebutkan kepada Tuan Yang di-Pertua, apa pun persepsi yang telah diberikan, apa pun label yang telah diberikan oleh pihak di sebelah sana sama ada ini adalah merupakan bajet pilihan raya tetapi setidak-tidaknya bajet pada kali ini mencakupi semua kelompok. Ini kerana mereka yang berpendapatan di bawah B40 terima, mereka yang berada di kelompok pertengahan terima dan mereka yang di peringkat sederhana juga menerima. Setidak-tidaknya setiap kelompok dalam setiap kelompok masyarakat itu akan dapat menikmati kemanisan bajet pada kali ini.

Saya hendak sebutkan kepada rakan-rakan di sebelah sana, walaupun mereka melihat ini merupakan bajet pilihan raya tetapi setidak-tidaknya berlaku adil kepada kami di Barisan Nasional. Setidak-tidaknya ini bajet kepada ibu segala bajet, setidak-tidaknya ini bajet yang mencakupi setiap denyut nadi rakyat. Sekian, Sungai Besar menyokong perbahasan Bajet 2018. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Yang Berhormat Bukit Bendera.

#### **6.07 ptg.**

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut serta dalam perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21 Oktober 2017 yang lalu telah berlaku satu kemalangan tragis di tapak pembinaan skim perumahan mampu milik di Lembah Permai, Tanjung Bungah yang telah mengorbankan 11 nyawa pekerja termasuk seorang rakyat Malaysia. Kejadian ini merupakan satu tragedi yang menyayat hati lebih-lebih lagi buat keluarga mangsa. Saya sendiri berada di sana selama dua hari dan berasa sangat sayu apabila melihat pasukan penyelamat menarik keluar mayat mangsa satu demi satu dari runtuhan.

Tidak boleh dinafikan bahawa jentera Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bertindak dengan cukup cepat dan tegas. Dalam masa kurang sejam peristiwa berlaku pemimpin negeri sudah berada di lokasi untuk membantu mengawal keadaan dan juga memudah cara operasi mencari dan menyelamat bersama-sama dengan semua agensi lain termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Angkatan

Pertahanan Awam dan lain-lain lagi. Pada tengah hari itu juga, Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri melawat tapak tersebut dan terus mengumumkan bahawa sebuah suruhanjaya siasatan negeri yang bebas akan diwujudkan bagi memastikan tiada perkara disembunyikan demi mengenal pasti punca kemalangan.

Suruhanjaya tersebut juga diberi mandat untuk memanggil sesiapa sahaja untuk disoal siasat. Tambahan kepada itu semua minit mesyuarat dan surat-surat rasmi yang berkaitan dengan projek tersebut telah didedahkan, telah di *classify* atas nama ketelusan. Pada masa yang sama arahan berhenti kerja dikenakan dengan segera kepada pemaju sementara perunding profesional dan kontraktor utama yang terlibat dalam projek tersebut di senarai hitamkan sehingga keputusan siasatan diperoleh. Di samping itu, kerajaan negeri juga memerintahkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk membuat laporan polis untuk menyiasat kemungkinan terjadinya kecuaian profesional ataupun profesional *negligence*.

Bagi kerajaan negeri, keutamaan adalah untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab akan dihadapkan ke muka pengadilan. Tidak ada kompromi dalam hal ini. Walaupun menunjukkan tahap komitmen yang tinggi kerajaan negeri terpaksa berhadapan media arus perdana dan pihak-pihak tertentu yang ingin mengambil amaran kerajaan negeri seolah-olah peristiwa itu merupakan salah kerajaan negeri. Mereka cuba menggambarkan kononnya kerajaan negeri tidak menuruti tatacara pengendalian serta prosedur...

#### ■1810

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Mertajam Yang Berhormat.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Oh ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera. Setuju kah Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera jika saya katakan bahawa piawaian yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutamanya hal berkaitan penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Negeri merupakan satu piawaian yang, akauntabiliti yang amat tinggi sekali terutamanya dalam konteks di mana dalam negara ini banyak bencana-bencana seperti la *Highland Towers* pada tahun 90-an, Genting Highlands *car crash, bus crash*. Baru-baru ini MH 370 sampai hari ini tidak ada apa-apa suruhanjaya ditubuhkan untuk menyiasat bencana tersebut walaupun telah banyak kali dibangkitkan oleh pembangkang.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya sangat setuju dengan kenyataan rakan saya. Sudah terbukti bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah kerajaan yang amat komited terhadap ketelusan. Sebenarnya banyak ya tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan saya boleh katakan kebanyakan merupakan fitnah semata-mata. Saya amat kesal dengan pihak-pihak yang mempolitikkan tragedi ini. Contohnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mengeluarkan kenyataan mengecam kerajaan negeri kerana

meluluskan projek walaupun menerima bantahan daripada Jabatan Alam Sekitar ataupun DOE mengenai kuari serta lereng bukit yang curam.

Namun dalam kenyataan kementerian, dalam pada 22 Oktober, kerajaan negeri didakwa tidak menerima nasihat DOE untuk mendapatkan penilaian Impak Alam Sekitar ataupun EIA. Kenyataan ini sungguh tidak bertanggungjawab dan berniat untuk mengelirukan. Apabila semakan dibuat, ulasan daripada DOE melalui surat bertarikh 23 Januari 2015 menyatakan bahawa mereka tidak menyokong permohonan pemajuan tersebut atas sebab jarak kuari yang berdekatan dan langsung tidak menyebut mengenai lereng bukit ataupun keperluan EIA.

Anehnya DOE pula tidak membantah apabila kerajaan negeri terdahulu meluluskan Kolej Tunku Abdul Rahman yang terletak bersebelahan projek di mana kemalangan berlaku malah jaraknya dari kuari juga lebih kurang sama, malah lebih dekat kepada tapak letupan. Tidakkah ini membuktikan sikap dwi standard DOE. Pada masa yang sama rakan-rakan saya dari negeri Sarawak telah memaklumkan bahawa terdapat dua kuari di Kuching, satu di Batu 7 dan satu lagi di Batu Stigang yang terletak berhampiran dengan kawasan perumahan dengan jarak antara 250 meter hingga 350 meter sahaja dari tapak letupan. Jauh lagi dekat. Jadi mengapa DOE boleh bertindak membantah projek perumahan mampu milik di Tanjung Bungah tapi membantah projek yang lebih teruk pelanggaran syaratnya.

Sehubungan dengan itu kementerian juga senyap mengenai hakikat bahawa Jabatan Mineral dan Geosains juga sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memberi lampu hijau kepada pemajuan yang sama di Tanjung Bungah. Perlu ditekankan di sini bahawa JMG, jabatan tersebut merupakan agensi pakar bagi aktiviti perlombongan termasuk kuari serta kestabilan tanah dan lereng bukit. Dalam erti kata lain, ulasan JMG dalam hal ini adalah lebih kritikal berbanding agensi-agensi lain dan kelulusan telah diberikan oleh pihak berkuasa tempatan atas dasar sokongan daripada agensi pakar JMG sendiri.

Pada masa yang lain, selain daripada DOE, tidak ada jabatan teknikal lain yang membantah projek tersebut. Pun begitu kenyataan turut dibuat dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mendakwa kononnya Pelan Malaysia, dahulunya dikenali sebagai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menolak permohonan pemajuan. Saya tahu rakan saya, Yang Berhormat Bukit Mertajam ada dalam Dewan ketika itu. Namun menurut surat jabatan itu sendiri kepada pihak berkuasa tempatan yang bertarikh 11 Disember 2014, mereka langsung tidak membantah malah menyatakan tidak ada halangan.

Jadi saya ingin tambah di sini bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebenarnya mengamalkan syarat yang lebih ketat dalam hal pembangunan lereng bukit berbanding dengan kerajaan persekutuan. Di Pulau Pinang kerajaan negeri melarang sama sekali pembangunan yang melebihi...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sekali lagi.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** ...Setinggi 76 meter. Yang Berhormat Ipoh Timur. Cepat ya.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Setuju atau tidak Yang Berhormat Bukit Bendera fakta bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dengan secepat mungkin menubuhkan siasatan Suruhanjaya Diraja. Menunjuk bahawa kerajaan negeri tidak takut langsung tentang isu pematuhan ke atas *guidelines* yang dinyatakan ini. Menunjukkan mereka tidak ada langsung apa-apa untuk disembunyikan.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Saya sangat setuju dan memang tidak ada apa-apa untuk ditakuti. Seperti mana yang saya hendak beritahu ini, di Pulau Pinang pembangunan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [Bangun]**

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** ...Melebihi 76 meter dari paras laut tidak dibenarkan. Manakala Kerajaan Persekutuan menggunakan garis panduan 300 meter. Jadi ini membuktikan bahawa kerajaan negeri amat tegas dalam hal pembangunan. Tidak seperti dakwaan oleh sesetengah pihak.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Jelas. Tidak cukup masa.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sikit saja.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Okey, okey. Baik, baik.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua juga Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera. Tadi disebut tentang nama saya ada, so saya rasa saya perlu mencelah sikit. Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang yang merupakan Yang Berhormat Menteri. Saya rasa adakah ahli Yang Berhormat Bukit Bendera setuju bahawa kenyataan beliau sememangnya bertujuan untuk memesangkan fakta, mempolitikkan isu ini dan juga mengelirukan Dewan. Beliau mencabar saya untuk mengemukakan usul dan saya juga telah mengemukakan usul. Saya juga mohon supaya Tuan Yang di-Pertua akan memberikan satu keputusan yang adil terhadap isu ini. Terima kasih.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, pihak di sebelah sana itu memang berniat buruk ya. Selalu memfitnah dan menyalahkan kerajaan negeri. Seperti mana dalam kes ini dan saya sebenarnya mengecam tindak tanduk sedemikian kerana ia hanya akan mengganggu siasatan yang sedang dilakukan serta menimbulkan kesusahan hati khususnya bagi keluarga mangsa. Jadi saya memang merasa bahawa tindakan mereka adalah amat keji dan tidak patut mempolitikkan.

Tuan Yang di-Pertua, rentetan tragedi di Tanjung Bungah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua anggota pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah menunjukkan dedikasi dan sikap

kerja yang tidak mengenal putus asa. Usaha mereka yang berterusan selama 48 jam berturut-turut telah memungkinkan ke semua mayat mangsa dikeluarkan dengan segera walaupun tertimbus dalam runtuhan yang begitu besar.

Seramai lebih kurang 200 anggota bomba telah berkampung di kawasan kemalangan siang dan malam dalam membentuk 3 kumpulan yang bekerja secara bergilir-gilir bagi membolehkan operasi penyelamatan dilakukan 24 jam tanpa henti. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan daripada 5 buah Balai Bomba iaitu Bagan Jermal, Perai, Jalan Perak, Paya Terubong dan Kepala Batas atas komitmen mereka dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Pada masa yang sama, operasi tidak akan berjaya tanpa bantuan dan sokongan daripada pasukan ibu pejabat daripada Putrajaya serta pasukan SMART, pasukan STORM dan Unit Pengesan K-9 yang telah menyumbang kepakaran mereka. Tidak dilupai juga pasukan-pasukan bomba sukarela yang telah membantu dalam operasi tersebut. Semua warga bomba telah sekali lagi membuktikan bahawa mereka mempunyai kepakaran teknikal yang serba boleh dan mampu menghadapi apa juga cabaran. Operasi yang dilakukan tidak mudah ya apabila terdapat banyak cerucuk besi, batuan besar serta tanah liat yang melambatkan usaha mencari dan menyelamat. Mujur dengan kepakaran pasukan bomba, segala cabaran dapat diatasi dalam masa yang singkat.

Walaupun sentiasa berhadapan dengan risiko yang amat tinggi khususnya semasa kebakaran atau operasi penyelamatan dalam keadaan tanah runtuh, banjir dan musibah lain, pengorbanan anggota bomba sering kali kurang diiktiraf. Ini jelas terbukti apabila skim perkhidmatan mereka yang terletak di bawah Perkhidmatan Awam Am dianggap lebih rendah tarafnya berbanding dengan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Oleh yang demikian, saya ingin mengulangi cadangan yang pernah saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu untuk menyelaraskan Skim Gaji Anggota Bomba agar setaraf dengan pasukan polis kerana pelaksanaan tugas dan tanggungjawab pasukan bomba secara lazimnya mendedahkan mereka kepada keadaan yang berisiko tinggi dan yang amat sukar dan berbahaya.

Pada masa yang sama, elaun dan kemudahan pegawai bomba juga harus dikaji semula agar setimpal dengan tanggungjawab mereka serta kos sara hidup yang kian meningkat. Sebagai contoh beban kerja anggota bomba di kawasan bandar adalah jauh lebih berat berbanding rakan sejawatan mereka di kawasan luar bandar atau separuh bandar. Kadar kemalangan, kebakaran dan bencana adalah tidak sekérap berbanding di bandar. Tambahan lagi kos untuk menyara hidup, menyara diri dan keluarga di kawasan bandar adalah jauh lagi mahal. Namun tidak ada elaun khas atau elaun tambahan selain daripada bantuan sara hidup (COLA) yang tidak seberapa.

Seharusnya patut diwujudkan satu elaun khas umpamanya elaun risiko ataupun *risk allowance* yang menjadi kelaziman di negara-negara lain berdasarkan kesukaran kerja dan tahap bahayanya sesebuah zon atau kawasan. Sudah tiba masanya kita menghargai

jasa dan pengorbanan anggota bomba kita. Tanpa wirawan kita ini, bagaimakah boleh kita berhadapan dengan bencana-bencana yang melanda negara kita.

■1820

Oleh itu, saya harap kerajaan dapat mempertimbangkan penyemakan semula skim perkhidmatan bomba dan menaikkan gaji agar setaraf dengan rakan polis mereka. Dalam pada itu, semakan skala gaji serta penambahan elaun dan kemudahan sudah tentu akan menjadikan kerjaya ini lebih menarik kepada generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada penangkapan penulis terkenal yang berasal dari Turki iaitu Mustafa Akyol atas tuduhan mengajar tanpa tauliah. Pada 25 September yang lalu, beliau telah dihalang daripada menaiki kapal terbang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan kemudiannya ditahan oleh polis sehingga keesokan hari. Pada masa yang sama, bukunya yang berjudul, '*Islam Without Extremes: A Muslim Case for Liberty*', serta terjemahannya dalam Bahasa Melayu telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Ironinya, Mustafa dikenakan tindakan yang dilihat dunia sebagai melampau, sedangkan beliau secara lazimnya menulis dan bersyarah mengenai Islam sebagai agama keamanan yang menghormati hak individu.

Dalam pada itu, dengan menangkap dan menahan seorang cendekia awam yang berjuang untuk Islam yang sederhana dan toleran di persada dunia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) secara langsung telah menjadikan agenda *wasatiyyah* Perdana Menteri sebagai bahan jenaka. Orang yang bercakap mengenai kesederhanaan pula yang ditangkap dan beliau ditangkap ekoran syarahannya di beberapa forum dan syaran yang bertempat di hotel dan universiti. Semua program-program tersebut berbentuk akademik, malah dahulu saya sendiri pernah menjemput Mustafa Akyol itu untuk berucap dalam program anjuran *Penang Institute*.

Sebelum ini tidak pernah pula ada masalah apabila beliau atau tokoh-tokoh sarjana lain memberi kuliah awam mengenai topik-topik yang berkait dengan agama Islam. Jabatan Agama pula hanya mengambil tindakan terhadap penceramah yang bercakap di masjid tanpa permit. Namun, Mustafa tidak berucap di masjid, justeru apakah seseorang itu kini memerlukan keizinan bagi membincangkan Islam di luar masjid juga? Adakah semua pensyarah universiti akan ditangkap jika menyampaikan modul berkenaan kajian Islam tanpa mendapatkan tauliah? Bagaimana pula dengan seorang bapa yang mengajar anaknya di rumah mengenai asas-asas Rukun Islam atau ahli-ahli politik yang suka memetik Quran dan Hadis dalam ceramah mereka? Adakah semua akan ditangkap juga?

Pokoknya, isu tauliah ini sangat bermasalah dan saya khuatir kini ia bertindak sebagai alat cengkaman ke atas semua Muslim apabila hanya mereka yang diberi lesen oleh pihak berkuasa berhak untuk bercakap dan berbincang mengenai agama Islam. Maka, ia akan menjelaskan pada saya, Tuan Yang di-Pertua, perkembangan intelektual

Islam. Pendekatan ini juga seolah-olah menganggap semua Muslim sebagai orang bodoh yang senang keliru.

Pada dasarnya, isu ini timbul akibat dua enakmen syariah. Pertamanya, seksyen 11(1), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 yang berbunyi, “*Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 96, Akta Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya*”.

Istilah yang digunakan iaitu ‘mengajar’ ini terlalu luas dan tidak ditakrifkan secara jelas. Apakah yang dimaksudkan dengan mengajar? Jika dahulu, memberi tazkirah di masjid dianggap mengajar tetapi sekarang, adakah perbincangan akademik pun turut dianggap sebagai mengajar kuliah agama? Seperkara lagi berkenaan frasa, “Apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam”, ini juga tidak ditakrifkan dengan tuntas. Adakah kita di Dewan yang mulia juga dilarang daripada membincangkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah?

Jadi sehubungan dengan itu, permasalahan juga timbul daripada seksyen 96, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 yang memperuntukkan pembentukan Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama iaitu badan yang mempunyai kuasa untuk memberi tauliah.

Sekali lagi takrifan dalam seksyen ini tidak jelas dan terlalu luas. Kuasa yang diberikan terlalu bersifat arbitrari dan sangat bergantung pada budi bicara. Kesimpulannya, perlu adanya kajian semula mengenai konsep tauliah ini. Berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, ia tidak jelas dan senang disalahgunakan sebagai alat untuk mengekang kebebasan bersuara, kebebasan akademik dan juga kebebasan-kebebasan asasi lain yang termaktub dalam Bahagian 2, Perlembagaan Persekutuan. Ini bukan pendapat saya seorang Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga pendapat mantan Hakim Mahkamah Tinggi, Dato' Sri Mohd. Hishamudin Yunus serta pakar undang-undang Islam seperti Profesor Syed Saleem Faruqi.

Sebagai pelindung perlembagaan, kita selaku Ahli Dewan yang mulia ini tidak boleh membiarkan kebebasan asasi yang terkandung dalam undang-undang tertinggi negara kita dicabul dengan begitu sahaja. Bukan setakat Mustafa Akyol yang tertindas, malah rakyat kita juga sering dimangsakan. Ambil sebagai contoh, pengurus kedai buku Nik Raina Nik Abdul Aziz yang didakwa dalam mahkamah hanya kerana bekerja dalam kedai buku yang menjual buku terlarang. Kini Penggerusi *Islamic Renaissance Front*, sahabat saya Dato' Dr. Ahmad Farouk Musa pula berhadapan dengan dakwaan bersubahat dengan Mustafa Akyol.

Di samping itu, buku ‘*Wacana Pemikiran Reformis*’, Jilid I dan Jilid II, karangan Ahmad Farouk juga diharamkan bersama dengan buku-buku ahli akademik Faisal Tehrani

dan yang lebih menghairankan, buku '*Breaking the Silence: Voices of Moderation - Islam in a Constitutional Democracy*' iaitu buku yang dihasilkan oleh G25, sekumpulan bekas pegawai awam kanan negara kita turut menjadi buku terlarang.

Kerajaan harus menjelaskan, apakah sebab-sebab spesifik yang mendorong kepada pengharaman buku-buku tersebut? Ini tidak termasuk lagi buku-buku komik seperti buku Zunar, masakan dengan kartun pun kerajaan takut? Tidakkah tindakan ini merupakan suatu yang regresif dan mendatangkan aib kepada negara? Malah, *Penang Institute* dalam satu kajian bertajuk, '*The Policing and Politics of the Malay Language*', telah mendapati bahawa Kementerian Dalam Negeri telah mengharamkan sebanyak 1,695 buku dari tahun 1971 sehingga sekarang. Daripada jumlah tersebut, 556 adalah dalam Bahasa Melayu, 516 dalam bahasa Inggeris, 450 dalam bahasa Cina. Jelas, kita sedang menjurus kepada negara yang begitu menekan dan menindas pemikiran.

Jika kerajaan bersungguh-sungguh mahu memelihara dan memartabatkan Islam, dasar-dasar agresif seperti pengharaman buku serta kelemahan-kelemahan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam perlu dikaji semula dan diperbaiki. Sekiranya dibiarkan, masyarakat kita akan menjadi dangkal dan jumud.

Tuan Yang di-Pertua, justeru saya menyokong cadangan Ketua Parlimen DAP iaitu Ahli dari Gelang Patah untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Parlimen bagi mengkaji semula larangan ke atas semua buku-buku yang terlarang. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak seharusnya takut dengan ilmu dalam buku, apakah lagi dengan dunia moden ini di mana sesiapa sahaja boleh mendapatkan, mencapai apa-apa penulisan melalui internet. Tidak ada gunanya kita mengharamkan, lebih baik kita menggalakkan budaya pemikiran kritis dan wacana ilmiah agar rakyat kita boleh menjadi lebih bijak dalam menilai. Jadi, sekian sahaja ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### **6.28 ptg.**

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Pekan telah membentangkan bajet merangkumi dua faktor terpenting iaitu kesejahteraan rakyat dan keduanya, cabaran masa depan negara dan meletakkan kepentingan rakyat di tangga teratas. Pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Pekan telah memperuntukkan RM280.25 bilion bukan sahaja inklusif tetapi juga komprehensif. Hasil kerajaan dikembalikan kepada rakyat dan mempunyai ciri-ciri kelestarian yang menjangkau masa, strata dan akan membantu ekonomi yang mampan dan teguh.

Bajet ini menyokong usaha menambahkan pendapatan rakyat dan juga menepati prasarana yang selesa untuk pelabur asing. Ia realistik dan boleh berjaya memberi daya

tahan kepada ekonomi. Bajet ini juga dapat menepati kehendak semua kaum dan komuniti. Peruntukan-peruntukan yang diumumkan, membantu rakyat di luar bandar agar dapat menikmati kesan pembangunan negara, sama dan setaraf seperti mereka yang di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini mensasarkan syarikat-syarikat PKS, bakal menyumbang 41 peratus kepada KPDKKK menjelang 2020. Maka, RM7 bilion telah diperuntukkan untuk SJPP iaitu Skim Pinjaman Perniagaan. Saya mohon supaya PKS yang dikenali dan tidak berapa dikenali, bersama-sama mendapat peruntukan di bawah SJPP ini. Mesti ada titik permulaan bagi mereka. Kalau tidak dikenali, mungkin keyakinan ke atas mereka juga kurang. Keupayaan mereka dan produk mereka seharusnya menjadi ukuran pertimbangan bagi setiap permohonan.

#### ■1830

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana menitikberatkan Amanah Ikhtiar Malaysia, satu manifestasi kejayaan kerajaan ini dan tambah lagi kerana majoriti ahlinya adalah wanita. Ia adalah *live line*, dengan izin, bagi sebahagian besar wanita-wanita luar bandar yang memangkin usaha untuk mengubah nasib diri mereka dan keluarga. Di bawah usaha AIM, saya berpendapat lebih pendedahan harus dibuat untuk membantu ahli-ahlinya memajukan diri mereka di dalam bidang ekonomi digital. Satu skim khas harus diwujudkan mengambil kira rangsangan yang harus dibuat dalam jangka masa yang pendek.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

Dalam pendekatan meningkatkan eksport, saya berpendapat RM100 juta yang disediakan sebagai pinjaman adalah baik, tetapi satu usaha yang lebih bersepada harus dibuat bagi menambah lagi pengusaha-pengusaha syarikat bumiputera dalam industri perabot tempatan untuk tujuan eksport. Buat masa ini, peratusan pengusaha perabot bumiputera adalah amat rendah sekali sedangkan kerajaan sedang memacu industri ini kepada sasaran eksport RM53 bilion pada tahun 2020. Saya harap, kementerian menjana satu usaha yang memangkinkan lagi *own design manufacturer* di kalangan pengusaha bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah memperkenalkan lebih daripada sembilan inisiatif rumah-rumah mampu milik rakyat. Rumah-rumah ini telah berjaya membantu rakyat yang sebelum ini tidak mungkin layak dan tidak mungkin mampu memiliki. Bagi rumah PR1MA, ia bukan hanya sebuah rumah. Ia adalah satu *lifestyle* atau gaya hidup berkomuniti yang mempunyai prasarana yang terbaik bagi kumpulan lingkungan umur tersebut. Harga rumah PR1MA sangat menepati dan mempunyai nilai tambah kepada nilai hidup yang lahir dari ilham Perdana Menteri sendiri.

Bagi rumah PR1MA, inisiatif baru yang diperkenalkan iaitu skim *step-up financing* telah menggalakkan pemilikan rumah PR1MA. Namun, saya memohon kepada kementerian untuk berbincang semula dengan bank-bank yang memberi pinjaman untuk mengurangkan lagi faedah kepada peratusan yang lebih membantu. Walaupun banyak unit perumahan telah terbina, tetapi *push factor*, dengan izin, untuk menggalakkan kumpulan sasar memilikinya, golongan sasar merupakan golongan graduan muda ini mempunyai hutang-hutang kecil seperti pinjaman peribadi, hutang kad kredit dan hutang pinjaman PTPTN yang mungkin menjadi penghalang dan perlu lagi dibantu.

Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada perbahasan Bajet 2017 kerana memperuntukkan kepada Kuala Kangsar untuk pembinaan rumah PPR di kawasan RPA 4, Manong. Moga rumah PPR ini menjadi satu bukti keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional kepada pengundi PRK yang lalu. Rumah PPR yang bakal dibina adalah contoh terbaik. Satu manifestasi bahawa rumah mampu milik harus digalakkan untuk dibina di kawasan-kawasan PBT yang di luar kawasan bandar raya seperti Ipoh yang mempunyai kemudahan dalam logistik pengangkutan.

Ini menggalakkan pekerja-pekerja duduk di tempat yang lebih murah, tetapi bekerja di sebuah bandar raya terdekat. *Decentralizing* ini, dengan izin, yang akan memberi peluang pekerja-pekerja di bandar raya mencari rezeki dan dalam masa yang sama, memiliki rumah yang menjadi aset jangka masa panjang tanpa menyewa. Saya berharap lebih banyak modul rumah PPR seperti ini dibina dengan adanya daya dan sistem pengangkutan dan logistik negara yang kian lebih efisien dan harga tanah yang kian meningkat di lingkungan bandar raya di seluruh negara. Tahniah KP KT.

Parlimen Kuala Kangsar mohon supaya pembangunan semula kawasan lembah dan tebing Sungai Perak, Kuala Kangsar dilaksanakan. Usaha sedang giat direncanakan untuk menjadikan kuala sebagai sebuah pembangunan dengan satu ekosistem yang holistik dengan memfokuskan elemen kesultanan, alam semula jadi dan tamadun ilmu yang juga disebut *royalty, nature and scholar*, dengan izin. Sekiranya diambil abjad pangkalnya, ia disebut RNS. Huruf ‘R’ untuk Raja; ‘N’ untuk Nazrin; dan ‘S’ untuk Shah-“Raja Nazrin Shah.” Bandar Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

Salah satu elemen penting ialah kecemerlangan dan ketamadunan ilmu. Sehubungan dengan ini, kami mahu membangunkan supaya Bandar Diraja Kuala Kangsar menjadi satu mercu tanda legasi ketamadunan kesultanan, pembangunan alam semula jadi serta kecemerlangan tamadun ilmu. Saya memohon supaya kerajaan memberi sokongan dan dukungan bagi pembangunan semula ini yang akan membantu menaikkan lagi kegiatan pelancongan di Kuala Kangsar.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak dan penoreh getah meraikan berita gembira dan menyambut baik untung nasib mereka di bawah Bajet 2018. Sumber kekayaan baru khususnya penanaman jagung

bijian, kelapa, durian dan sektor kulinari serta industri tenuusu adalah satu inisiatif yang ditunggu. Ia akan menimbulkan satu rangkaian masyarakat petani moden yang cenderung mengamalkannya dan ia akan menggalakkan lebih ramai petani muda yang mungkin lebih suka ke arah tanaman-tanaman atau hasil pertanian yang sebegini.

Dalam menggalakkan sumber kekayaan baru ini seperti penanaman kelapa, kementerian harus peka dengan saingen yang sangat ketat, dengan bekalan kelapa yang ada di negara jiran. Harga kelapa lebih murah berbanding dengan negara kita. Kawalan dan pemantauan rapi harus dibuat supaya industri ini dapat dikuatkan dan berdaya saing di rantau ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana tertubuhnya nanti Lembaga Tenuusu dan Ruminan. Lembaga ini harus bekerja rapat dengan kerajaan negeri demi memperoleh rangkaian lokasi, *locality* yang melibatkan tanah yang berkeluasan besar dan berkait rapat dengan kualiti tenuusu yang mencapai kualiti atau piawaian peringkat antarabangsa. Moga masalah mendapatkan tanah berkeluasan optimum tidak menggagalkan industri ini dalam jangka masa yang terdekat.

Berkaitan dengan peruntukan sebanyak RM140 juta yang sebahagiannya akan dibelanjakan untuk promosi industri sawit negara, saya ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai kita yang bertanggungjawab melobi, mempromosi dan menggalakkan kempen-kempen positif untuk sawit negara diberi segala kepakaran, kelebihan dan peningkatan. Ini adalah kerana dalam masa kualiti sawit kita adalah baik, faktor-faktor luaran seperti tuduhan, *child labor* dan *deforestation*, dengan izin, tidak benar sama sekali kian berleluasa dan harus diperangi habis-habisan sebelum ia menular dan merosakkan nama baik sawit negara. Pendekatan-pendekatan yang berbeza dan yang lebih kerap lagi harus difikirkan dan dibantu oleh media massa yang berpengaruh dan yang meluas di rantau di mana kempen-kempen negatif yang sedang dijalankan, media massa mereka harus digunakan sepenuhnya.

Terima kasih juga kerana mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan sementara menunggu hasil tuaian padi. Saya juga berharap seperti getah juga, pendaftaran dengan badan-badan berwajib harus giat dibuat sebelum berkuat kuasanya peruntukan ini supaya setiap pesawah di seluruh negara dapat dibantu dengan bantuan yang sangat baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan memasuki era *the Fourth Industrial Revolution* dan era digital ekonomi. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mendahului dan melaksanakan Dasar Digital Malaysia. Dunia semakin maju, teknologi juga semakin canggih. Kerajaan sedar jika negara tidak mengikut perkembangan teknologi terkini, negara akan ketinggalan dan perkembangan ekonomi negara juga akan terbantut. Kita tahu Revolusi Perindustrian 4.0 mampu meningkatkan produktiviti, daya saing dan pengurangan kos barang.

Persediaan yang sewajarnya dan pelan tindakan serta hala tuju untuk revolusi ini perlu dilakukan segera. Untuk mencapai matlamat ini, keupayaan melabur dan pemilikan

teknologi adalah asas terpenting bagi mencapai kejayaan. Usaha kerajaan dan insentif-insentif berkaitan rapat dengan bajet ini seperti menaik taraf kuasa kelajuan internet dan memastikan penerimaan internet itu menyeluruh bukan sahaja di bandar, tetapi juga di luar bandar.

Kerajaan juga perlu memastikan *gadgets* dan alatan komputer dapat dibeli dengan harga yang murah dan berkualiti agar proses pembelajaran dan penggunaan komputer dapat dipertingkatkan di kalangan rakyat. Insentif dan pengurangan cukai yang diberikan amat tepat pada masa dan ketikanya. Industri kecil dan industri sederhana kecil perlu diberikan insentif bagi membolehkan mereka dapat bersama-sama memacu revolusi ini. Pelaburan yang berimpak tinggi juga akan menggalakkan perkembangan teknologi dan ia juga akan menggalakkan rantai perniagaan industri tempatan seperti PKS dan pembekal tempatan.

Akan tetapi, ketiadaan kepakaran ke arah ini akan menyulitkan keberkesanan usaha ini. Maka, saya memohon supaya menyediakan tenaga kerja yang seiring dengan usaha ini melalui TVET dan yang mampu bersiang di peringkat antarabangsa bersama *soft skills* seperti *conversational English*.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan mata wang kripto atau *cryptocurrency* atau mata wang maya ini adalah satu kaedah yang masih baru tetapi ia sudah menjadi antara salah satu daripada kaedah yang digunakan di rantau ini, malah di dunia.

#### ■1840

Mata wang *crypto* ini adalah satu kaedah sistem wang yang digunakan di Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Switzerland dan Belanda dan negara-negara yang mesra dengan mata wang *crypto*. Malahan Switzerland mempunyai penempatan mata wang *crypto* yang dikenali sebagai Crypto Valley, di Belanda Bitcoin City dan tentunya Amerika Syarikat.

Saya mencadangkan agar pihak universiti mengenalkan mata pelajaran wang *crypto* supaya kita mempunyai pakar yang sedia ada bila negara telah bersedia. Saya melihat negara kita juga suka atau tidak akan mengikut arus perubahan modenisasi penggunaan mata wang *crypto* ini.

Kita tahu urusan penggunaan mata wang *crypto* di negara ini sudah pun berlaku walaupun belum meluas lagi. Satu garis panduan perlu diwujudkan bagi memastikan penggunaannya tidak disalahgunakan dan mungkin akan menjadi bantuan kepada pengganas. Satu penempatan khusus seperti Cyberjaya harus diwujudkan untuk menyediakan rakyat kita ke arah budaya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, TN50 adalah satu usaha yang diyakini sangat *current*, bijak dan telus, menyerap dan memecah benteng masyarakat semua peringkat umur dan gender. Satu forum bersemuka di antara rakyat yang di tempat terpencil hingga kepimpinan tertinggi negara, *a celebration of what is right* dengan izin. Setiap kali selesai program TN50 di mana sahaja saya berada dengan kelompok mana, apa pun bandar atau

di desa, terasa puas di kalangan peserta kerana luahan aspirasi untuk negara dapat disampaikan dan disalurkan terus kepada pimpinan negara.

Saya percaya, antara sebahagian ilham bajet Perdana Menteri kerana Perdana Menteri mengambil kira pandangan anak muda negara yang yakin bahawa Perdana Menteri Dato' Sri Najib akan menyambutnya dan inilah hasilnya. Hasilnya adalah ADAM50 dan juga bilik darjah pintar pembelajaran sebanyak 2,000 kelas bagi meningkatkan pembelajaran berdasarkan pemikiran kreatif dan inovatif.

Saya mohon kepada Kementerian Pelajaran supaya dinyatakan dengan adanya perisian yang canggih, bagaimanakah ilham pelajar untuk melahirkan kreativiti dan inovasi dapat ditingkatkan tanpa mengurangkan keupayaan daya fikir dan jiwa budaya bangsa dalam melahirkan produk dan buah fikiran yang cemerlang.

Menuju TN50, peranan penggiat seni untuk mengangkat mutu budaya ke tahap yang lebih tinggi melalui *cultural, economy, development agency* sangat dialu-alukan. Saya mohon supaya agensi ini harus dikembangkan sampai ke peringkat daerah supaya mendapat tempat di hati rakyat. Bagi mencungkil bakat-bakat terbaik negara, National Leaders Circle di bawah TalentCorp difikirkan akan diusahakan.

Saya ingin bertanya, apakah kriteria-kriteria bagi mengenal pasti dan menyenaraipendekkan bakat-bakat pimpinan yang sesuai dan tepat untuk mengisi jawatan-jawatan penting dan tertinggi? Saya ingin menyarankan daya patriotik negara harus menjadi kriteria terpenting supaya yang berjaya terpilih dapat menyumbang kepada pembinaan negara.

Tahniah dan terima kasih kepada Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang banyak membantu rakyat Parlimen Kuala Kangsar untuk projek mesra rakyat seperti menaik taraf jambatan, lampu jalan kampung, surau dan dewan. Jalan kampung semakin diterangi setelah Yang Berhormat Menteri meluluskan peruntukan lampu kampung pada tahun lalu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hanya saya masih memerlukan lebih dana untuk membaik pulih rumah-rumah kampung secara gotong-royong. Kalau boleh, saya mohon dana yang lebih. Terima kasih. Saya juga mohon kepada Yang Berhormat Menteri, di manakah UTC baru dan *Blue Ocean Entrepreneur Township* akan dibina?

Tuan Yang di-Pertua, Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli juga diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM60 juta. Saya memohon kepada kementerian, apakah usaha yang dirancang selain daripada pembangunan fizikal? Moga pembinaan insan di kalangan Orang Asli diselaraskan dan diambil kira dalam perencanaan pembangunan setempat dan tidak diurus secara berasingan.

Contoh yang ada, beberapa bahan atau keluaran di kalangan Orang Asli yang harus diambil kira dan dibantu supaya inovasi dan kreativiti mereka tidak jatuh ke tangan orang lain. Mungkin buat masa ini, jika kita meletakkan nilai kepada perkara ini, ia mempunyai nilai dan jika tidak didaftar harta inteleknya. Semestinya kaum Orang Asli akan kehilangan

nilai komersial yang mungkin sangat bernilai harganya dan dapat menjadi pendapatan kepada komuniti Orang Asli tersebut. Pencerahan dan maklumat ini harus disampaikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi amat terharu ketika mendengar pengumuman Perdana Menteri dalam mengisyiharkan tahun 2018 sebagai tahun memperkasakan wanita. Saya bagi pihak semua wanita di Parlimen Kuala Kangsar ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Tahun memperkasa wanita seharusnya diraikan oleh semua rakyat Malaysia bukan hanya kaum wanita. Kaum lelaki mempunyai anak perempuan, isteri dan adik perempuan atau kakak juga harus meraikan kenyataan Perdana Menteri ini.

Wanita adalah rakan setia dalam segala usaha di dalam semua bentuk institusi di dalam masyarakat. Saya difahami, usaha-usaha memperkasakan wanita ini akan diusahakan dengan menggunakan pendekatan NBOS. Selain daripada pendekatan berbentuk NBOS, adakah kementerian akan mendapat peruntukan lain atau tambahan, saya berharap akan ada peruntukan ini kerana kementerian akan mempunyai agenda-agenda yang baik demi memperkasakan wanita dengan efektif.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana mewajibkan 30 peratus wanita dalam keahlian pengarah GLC dan GLIC serta badan berkanun sebelum akhir tahun 2018. Tarikh wajib ini sangat membantu dan mempercepatkan lagi penglibatan wanita yang tentunya akan membawa budaya baru yang lebih efisien dan ombak baru dalam pengurusan tertinggi organisasi.

Di peringkat PBT, saya mohon kotak-kotak khas harus dipertingkatkan kepada wanita ketika menentukan pemberian tapak-tapak perniagaan terutama sekali tapak-tapak perniagaan yang melibatkan makanan dan kerja hasil tangan. *Ladies lane* yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Perak adalah satu contoh yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia. Kementerian Pelancongan mengalami kemerosotan 0.16 percent peruntukan bajet kali ini iaitu sebanyak RM999 juta daripada bajet tahun lepas. Saya berpendapat tambahan bajet untuk kementerian, harus ada sebab saya berpendapat pelancongan adalah satu kementerian yang penting. Pelancongan ini adalah satu kementerian yang penting dan dapat menjana pendapatan utama dan persiapan untuk 2020 harus mendapat penjanaan aktiviti dan prasarana yang secukupnya.

Saya juga mencadangkan supaya kementerian mempunyai lebih ramai jurumudi pelancong tempatan yang dilatih dengan kursus yang dikeluarkan oleh kementerian. Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana menjadikan Pangkor sebagai pangkalan *duty free*. Ia adalah kawasan DUN Menteri Besar saya dan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak. Ini akan meningkatkan lagi dan menjadikan Pangkor sebagai destinasi pilihan dengan adanya *duty free* status ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, lima prinsip Rukun Negara adalah asas yang menjadikan rakyat negara kita rakyat yang bermaruah, terhormat dan mempunyai adab kesopanan dan tatasusila yang tinggi. Hari ini saya lihat prinsip Rukun Negara ini sudah mula terhakis. Sedikit masa sahaja Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Walaupun ia tidak nampak secara meluas tetapi amat membimbangkan.

Penguat kuasa dicerca, dimaki, diugut, dihalang menjalankan tugas. Pemimpin dihamun, dinista tanpa had batasannya dan amat menyediakan sudah ada keberanian rakyat untuk mempersendakan dan mempermudahkan institusi Raja-raja Melayu. Hari ini cukup ramai di kalangan rakyat yang tidak dapat menyebut dan menyatakan lima prinsip Rukun Negara ini. Besar harapan saya dengan terwujudnya Institut Penyelidikan Sosioekonomi atau SERI di bawah JPM dan KITA iaitu Institut Kajian Etnik UKM sebagai institusi kebangsaan. Program berbudaya tinggi untuk membina jati diri yang berlandaskan prinsip Rukun Negara ini diterapkan di dalam semua aspek.

*Insya-Allah* dengan semua izin-Nya, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan kita akan berjaya. Setiap negara yang maju bukan sahaja mempunyai daya ekonomi yang tinggi tetapi pastinya mempunyai rakyat yang hidup dalam keadaan yang harmoni dan mempunyai perpaduan yang kukuh apatah lagi negara kita mempunyai kepelbagaiaan etnik dan kaum serta perbezaan fahaman dan agama. Tidak ada negara yang akan maju sekiranya rakyat hidup dalam huru-hara, bertelingkah dan membenci sesama mereka.

Saya berdoa supaya kita bersama-sama menjayakan Bajet 2018 ini. Kuala Kangsar menyokong. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Alor Setar.

#### 6.49 ptg.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 iaitu bajet yang paling terbesar di Malaysia yang digelar sebagai bajet ibu kepada segala-gala bajetnya. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma gembira bahawa dalam ucapan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan beliau tidak menyatakan dalam ucapan bajet beliau bahawa dia juga ingin memperkuatkkan ekonomi negara United States of Amerika. *I was quite happy* tidak ada *mention* dibuat tentang Amerika Syarikat.

#### ■1850

Saya pun sendiri tidak tahu apa yang telah pun berlaku kepada Yang Amat Berhormat Pekan semasa beliau melawat Amerika Syarikat dan menyatakan beliau ingin memperkuatkan ekonomi Amerika Syarikat. Di mana beliau telah pun tunduk kepala *and grovel before the United States President*. Ini bukan sahaja memalukan Perdana Menteri

tetapi kerana beliau adalah seorang Perdana Menteri dia juga telah memalukan seluruh negara kita.

Ramai daripada rakyat Malaysia telah pun mempunyai harapan yang besar apabila Perdana Menteri pergi melawat ke Amerika Syarikat dengan harapan bahawa beliau akan pergi mendapat pelaburan yang besar-besaran untuk syarikat-syarikat Amerika Syarikat untuk balik untuk melabur di Malaysia bawa balik berjuta-juta atau berbilion duit atau meminta syarikat-syarikat daripada Amerika Syarikat untuk menubuhkan syarikat-syarikat di Malaysia. Akan tetapi itu tidak berlaku. Sebaliknya kita melihat bahawa beliau telah pun pergi ke Amerika Syarikat untuk hendak menolong satu negara yang sudah pun maju, *develop country* dan itu adalah sesuatu yang cukup menarik, mengejutkan.

Apabila beliau mengatakan ingin mengukuhkan, *to strengthen the economy of US the declaration was completely and utterly* tidak boleh diterima. *It's just as bad*, dengan izin kalau seperti dulu Perdana Menteri pernah umumkan, buat deklarasi untuk meminta Ahli-ahli UMNO menjadi *to follow*, mengikut *the bravery* ataupun keberanian askar-askar IS. Dulu pernah buat begitu juga.

Saya tidak tahu apa yang telah berlaku kepada *konsultan-konsultan* Yang Amat Berhormat Pekan yang selalu PR konsultan yang selalu membantu beliau dalam membuat PR tetapi kali ini memang kongkalikung. Bukan saja kongkalikung, rakyat warga Kedah pun sudah kehilangan keyakinan kepada Yang Amat Berhormat Pekan dalam lawatan beliau ke Amerika Syarikat.

Saya pernah dengar di Kedah sahaja mereka bergurau Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja sekarang ini kita akan ada “*bram brim brum*” kita juga sekarang ada Bantuan Rakyat 1Amerika Syarikat (BR1A). Inilah dia yang sedang berlaku di Malaysia sekarang. Sehingga Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Pekan melawat Amerika Syarikat sebelum dia melawat Amerika Syarikat ada *political observers* daripada Amerika Syarikat telah pun menegur Presiden Trump kenapa nak berjumpa dengan beliau. *Wall Street Journal* dalam artikel yang ditulis oleh komentator menasihati Presiden Trump pada masa itu supaya mencari satu alasan supaya tidak perlu berjumpa dengan Yang Berhormat Pekan. Gunalah, *making excuse* kata ada *Hurricane Harvey* dan *Hurricane Irma* untuk supaya tidak perlu berjumpa dengan Yang Berhormat Pekan.

Kalau kita lihat memang kita tahu dan sedar kenapa Presiden Trump telah pun bersetuju dengan berjumpa dengan Pekan. Satu budak yang *Form 5* pun faham. Kalau saya Trump juga, kalau Malaysia ingin hendak melabur berbilion-bilion ringgit di Amerika Syarikat saya sudah tentu *without a doubt* Datuk Seri *will say*, “*Yes thank you and welcome to the White House.*” Itulah hakikat yang berlaku di Amerika Syarikat

Apabila berlakunya hampir berlakunya pilihan raya kita akan melihat Kerajaan Barisan Nasional akan mengumumkan dalam bajet-bajet mereka segala gula-gula untuk memancing undi dalam pilihan raya akan datang. Saya percaya memanglah kali ini

merupakan bajet yang paling terbesar sebab kali ini dalam sejarah UMNO Barisan Nasional ini merupakan satu pilihan raya yang paling susah mereka akan menghadapi. Mereka sudah terdesak namun mereka telah pun mengeluarkan satu bajet yang sebeginu besar.

Akan tetapi persoalannya adalah apabila bajet-bajet ini dibuat, pengumuman-pengumuman besar ini dibuat, adakah janji-janji yang dibuat selalunya ditepati. Oleh sebab slogan Barisan Nasional selalunya adalah rakyat didahului dan janji ditepati. Akan tetapi apabila kita melihat hakikatnya saya menggunakan contoh di Kedah sahaja. Hospital Pendang yang sudah dijanjikan semasa Rancangan Malaysia Ke-9, 15 tahun dahulu masih hari ini tidak dibina Tuan Yang di-Pertua.

Kita melihat janji-janji Barisan Nasional dalam manifesto pilihan raya lalu kata nak buat Alor Setar menjadi satu bandar raya metropolis yang bertumpuan ilmu tinggi. Menubuhkan satu universiti R&D sampai hari ini tidak ada sebarang pengumuman mengenai janji ini. Ada juga dijanjikan dalam manifesto Barisan Nasional nak buat satu Taman Sains Kedah di Alor Setar. Hari ini pun tidak ditepati. Banyak lagi rancangan-rancangan tebatan banjir di Kedah Alor Setar sampai hari ini lewat dan tidak boleh disiapkan. Bandar raya Getah yang diumumkan semasa pilihan raya Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini habuk pun tidak ada masih tempat yang hendak buat itu masih berhutan tidak ada apa yang sedang berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Jadi apabila janji-janji ini dibuat rakyat ini *suspect*, mengesyaki sama ada janji-janji yang dijanjikan ini boleh dibuat atau tidak dibuat. Nampak atas kertas memang bagus. Hidang kepada rakyat nampaknya sedap. Akan tetapi apabila nak dilaksanakan tidak dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau lihat saja kepada ucapan Yang Berhormat Pekan, beliau mengatakan bahawa kali ini pertama kalinya sektor pertanian, pesawah padi, nelayan dan sebagainya mendapat peruntukan yang paling besar di dalam bajet-bajet yang sebelum ini. Itu pun Tuan Yang di-Pertua, satu pengeliruan dan satu penipuan. Kenapa saya mengatakan begitu? Kalau kita melihat mengkaji balik bajet-bajet sebelum ini, bajet untuk pertanian yang paling besar adalah dalam tahun 2008 iaitu peruntukan yang diberikan was *RM6.2 billion*. Kali ini Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, kita melihat pun bukan *RM6.5 billion*.

Untuk Kementerian Pertanian, jumlah pembangunan dan jumlah anggaran perbelanjaan adalah hanya *RM5.188 billion*. RM5 bilion. Mana RM6.5 bilion itu saya hendak tanya Yang Amat Berhormat Pekan ataupun kerajaan untuk menjawab. Kalau kita lihat sektor pertanian, sektor pesawah padi sahaja. Peruntukan paling besar yang sebelum ini diberikan semasa Pekan menjadi Perdana Menteri adalah dalam tahun 2013. Di mana kalau kita lihat kira subsidi harga padi, baja, peningkatan hasil padi, pengeluaran padi, subsidi harga beras dan benih sah yang terbesar adalah dalam tahun 2013 iaitu *RM2.2 billion*.

Akan tetapi selepas tahun 2013 subsidi yang diberikan kepada pesawah padi satu tahun kepada satu tahun sedang menurun dan dipotongkan. Kalau kita lihat bajet yang sebelum ini, tahun lepas subsidi yang diberikan kepada pesawah padi adalah yang paling kecil sekali iaitu *RM1.05 billion*. Oleh sebab itu kalau kita bandingkan dengan bajet tahun ini memang nampaknya besar. RM1.619 bilion. Akan tetapi kalau kita banding dalam lima tahun ini *it is not* sudah tentu bukan bajet ataupun peruntukan yang paling besar seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membawakan isu mengenai kesusahan pesawah padi. Saya memang minat dalam bidang ini sebab Kedah ini memang jelapang padi.

#### ■1900

Kita sudah tahu selama ini mereka golongan pesawah padi adalah orang yang paling miskin di dalam sektor pertanian walaupun mereka menghasilkan makanan yang paling penting untuk negara kita.

Baru-baru ini pada 20 Oktober disebabkan kesusahan pesawah padi ini sekumpulan yang digelar sebagai Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi dan Beras Negara yang terdiri daripada pesawah, pengilang dan sebagainya telah pun memberikan satu memorandum kepada Perdana Menteri yang menyatakan kesusahan mereka yang menyatakan kos peningkatan pengeluaran dan sebagainya yang mereka sedang alami termasuklah pengilang-pengilang Melayu yang sudah beroperasi lebih 40 tahun. Dulu ada 200 lebih pengilang Melayu tetapi sehingga hari ini hanya ada 20 yang sedang beroperasi.

Di Kelantan tidak ada pengilang Melayu pun yang wujud hari ini semuanya sudah pun di *wind up*, tikar gulung Tuan Yang di-Pertua, gulung tikar minta maaf. Dan kalau kita lihat dalam memorandum ini apa yang dituntut oleh mereka? Mereka telah pun memohon agar Lembaga Padi dan Beras Negara ditubuhkan semula dan kali ini fungsinya perlu merentasi rantaian bekalan padi dan beras bermula dari benih padi hingga ke pasaran beras. Hanya badan yang bebas dari kepentingan komersial dan keuntungan sahaja yang layak menjadi industri padi dan beras negara bukannya sebuah syarikat persendirian seperti BERNAS.

Mereka telah pun menyatakan sembilan tuntutan di dalam memorandum mereka dan alasan-alasan kegagalan BERNAS selama ini. Itu adalah pada 20 Oktober sampai hari ini kerajaan tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan untuk menjawab memorandum yang dihantarkan kepada Perdana Menteri di Putrajaya.

Malah saya mendengar apabila perkara ini diberitahu kepada TKSU kepada Menteri Pertanian, beliau dalam SMS WhatsApp beliau telah pun menjawab dengan izin bahawa – ini adalah jawapan dia “*Siapa dan apa motif perjuangan PADI Rescue ini? Mana ada kartel dalam sektor pertanian? Mengarut semua ini buang masa sahaja untuk melayan.*” Bagaimana seorang kakitangan kerajaan yang tinggi boleh *dismiss* menolak sahaja permintaan pesawah padi untuk melihat kepada kesusahan mereka. Saya meminta

kerajaan untuk menjawab adakah mereka sedia untuk menunaikan atau melihat mengkaji tuntutan-tuntutan pesawah padi.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat pesawah padi sekarang ini memang susah tiap-tiap hari ada masalah di surat khabar. Baru-baru ini mereka mengalami kesusahan hendak mendapatkan membeli benih padi sah yang bersubsidi. Hari ini pun tidak ada dalam *market*. Oleh sebab sebelum ini kerajaan telah pun memotong subsidi benih padi daripada RM75 juta kepada RM50 juta lepas itu tambah balik. Sekarang subsidi-subsidi ini kalau kita lihat kalau kita kaji semula pembaziran salah guna subsidi-subsidi ini yang kepada benih padi yang dulunya ST15 dan banyak lagi subsidi, saya percaya bukan sahaja kerajaan boleh memberi RM200 sebulan kepada pesawah padi yang diumumkan oleh Perdana Menteri mungkin mereka boleh sampaikan RM500 sebulan dan bukan hanya untuk tiga bulan atau enam bulan tetapi untuk 12 bulan untuk setahun.

Saya yakin ini boleh dilakukan kalau kita boleh memotong pembaziran dan rasuah ataupun pemberian subsidi kepada kroni-kroni Kerajaan UMNO Barisan Nasional. Saya yakin sekiranya Pakatan Harapan menang dalam pilihan raya akan datang ini boleh dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua.

Lagi satu isu yang saya hendak bangkitkan, kita lihat bahawa pelbagai janji-janji yang dibuat tetapi Tuan Yang di-Pertua saya difahamkan walaupun RM280 bilion dijanjikan untuk pelbagai projek kita, lihat kasihan kepada pegawai-pegawai dan *staff* di dalam Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. OT mereka sahaja dari bulan Julai pun tidak dibayar lagi kepada mereka. Bukan sahaja Bentara, ahli-ahli keselamatan, *whole staff of Parliament has not been paid*. Kenapa ini boleh berlaku? *I heard this is the first time in our Parliament history and you want to announce RM280 million*, Tuan Yang di-Pertua oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pekan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Alor Setar boleh tambahan?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Ya.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga fahami waktu saya disiasat dan rakan-rakan disiasat oleh polis bahawa mereka pun pegawai-pegawai polis ini terpaksa memakai duit sendiri untuk membeli *laser toner, ink toner* dan juga kertas A4 dan mereka kata logistik ataupun *procurement* belum memberikan mereka *supply* selama beberapa bulan. Di hospital pun sama dan guru-guru di kawasan saya pun telah membuat aduan seperti ini. Setuju kah Yang Berhormat Alor Setar bahawa *the promise are not real. Thank you.*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Di Kedah, Barisan Nasional pernah kata kalau BN menang Kedah senang. Akan tetapi saya rasa bila BN menang rakyat susah. Yang Berhormat Penampang sama juga di Alor Setar saya menerima sebagai Ahli Parlimen Alor Setar pembangkang, saya terima surat daripada Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) meminta saya membantu mereka membeli *chainsaw*, mesin untuk memotong –

*chainsaw*, gergaji. Mereka kata mereka hanya ada empat *chainsaw* di jabatan dan semua sudah uzur. Mereka tidak ada duit untuk beli *chainsaw*. Bayangkan kalau ada satu klinik yang ada doktor tetapi tidak ada ubat. Inilah JPAM adalah untuk membantu dalam keadaan-keadaan kecemasan tetapi mereka tidak ada peralatan untuk digunakan oleh mereka.

Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, mereka baru membina satu *headquarters* ibu pejabat yang cukup besar di Kota Setar tetapi mereka tidak ada peralatan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Saya harap bahawa kerajaan akan menjawab isu ini dan mereka akan menyelesaikan kekurangan peralatan daripada JPAM dan sebagainya.

Akhir sekali saya ingin sekali lagi menyatakan saya harap lah kerajaan akan memberikan pertimbangan kepada kesusahan yang dialami oleh khususnya pesawah padi. Seperti yang saya katakan mereka sekarang menghadapi satu masalah yang besar. Dalam satu kenyataan baru-baru ini sahaja dua tiga hari, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) Ahmad Yazid Othman telah pun menyatakan bahawa ini adalah satu perkara yang aneh berkenaan dengan pendapatan yang sangat kurang kepada pesawah padi. Ini kerana beras merupakan makanan utama dalam negara kita ini. Akan tetapi kenapakah pesawah kita mengemis di negeri sendiri dan masih berada di tahap kemiskinan tegar sedangkan kita semua makan nasi. Ini adalah satu jawapan yang mesti dijawab oleh kerajaan.

Saya ada satu isu lagi iaitu tentang peruntukan dan salah guna peruntukan oleh kerajaan khususnya peruntukan-peruntukan daripada Perdana Menteri yang disalurkan kepada kawasan-kawasan Parlimen. Saya melihat bahawa dalam bajet ini satu peruntukan yang cukup besar yang telah pun diberikan kepada Perdana Menteri dan seperti yang diumumkan sebelum ini oleh Yang Berhormat Kluang bahawa ini adalah dana-dana *splash fund* ataupun dana gelap yang digunakan oleh kerajaan untuk memenangi pilihan raya yang tidak telus *and it is not open and transparent*.

Saya juga ingin bahawa kerajaan menjawab tentang isu ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menyokong bajet yang diumumkan sebab bukan apa, ada yang baik bukan tidak ada. Memang ada perkara yang baik tetapi saya tidak sokong sebab saya melihat ini sebagai satu bajet yang hanya dibuat untuk memancing undi rakyat bagi pilihan raya yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1910

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang.

#### 7.10 mlm.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang

Perbekalan 2018 ini. Bajet 2018 ini seperti yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika pembentangannya Jumaat lepas membayangkannya ia sebagai ibu segala bajet. Di atas segala butiran yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, boleh saya katakan Bajet 2018 ini telah mencakupi keperluan pelbagai keperluan masyarakat tanpa mengira latar belakang kaum mahupun jantina merentasi pelbagai negeri dari Johor hingga ke Perlis, menyeberangi Laut China Selatan menjangkaui Sabah dan juga Sarawak. Itulah kekuatan bajet yang dibawa oleh pihak kerajaan. Bajet yang tidak bersifat populis, tidak menjanjikan bulan bintang tetapi sebaliknya sangat praktikal, menyeluruh dan inklusif serta yang paling penting sekali bertanggungjawab baik dari sudut kedudukan fiskal negara mahupun demi kelangsungan kehidupan seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap soal Bajet 2018, terutama kedudukan fiskal dan kewangan negara, sebelum kita bercakap soal itu, suka saya tekankan di sini semua angka yang saya sampaikan telah diperakui dan diiktiraf bukan sahaja oleh pakar ekonomi tempatan malah pakar serta agensi ekonomi dunia yang menjadikan rujukan seluruh negara di atas muka bumi ini. Ketumbuhan negara berdasarkan kepada keluaran dalam negara kasar atau KDNK berkembang positif pada tahun dengan jangkaannya pada kadar lima hingga 5.5 peratus. Jika dibandingkan dengan negara maju, kedudukan pertumbuhan mereka hanya pada kadar 2.0 peratus. Bukankah ini memberi maksud Malaysia berada pada keadaan yang lebih baik berbanding dengan negara-negara maju dunia?

Rizab negara seperti yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa kini berada di kedudukan paling tinggi dalam sejarah. Penubuhan Malaysia iaitu rekod sebanyak 427 bilion. Pada masa yang sama, ketika mana rakyat dimomokkan dan ditakutkan dengan nilai hutang Kerajaan Persekutuan, mereka bersikap *half truth*, dengan izin tanpa menyatakan hutang Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK negara dijangka berkurang kepada 50.9 peratus berbanding tahun lalu pada kadar 52.7 peratus. Dari segi kadar pengangguran pula, negara maju mencatatkan purata pada kadar 5.4 peratus tetapi kadar pengangguran Malaysia hanya sekitar 3.4 peratus. Sudah tentu angka ini mampu dan pasti dikurangkan lagi pada masa mendatang disebabkan peluang yang wujud dari proses pembinaan dan pembangunan negara yang dicetuskan oleh barisan kepimpinan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada perkara pertama yang ingin saya sampaikan iaitu peruntukan menaik taraf dan membaiki jalan raya di bawah peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya (MARRIS). Seperti yang kita sedia maklum, peruntukan MARRIS ini disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri tanpa mengira sama ada negeri tersebut dikuasai oleh Barisan Nasional ataupun pihak pembangkang. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan terbukti adil dalam perkara ini. Akan tetapi saya ingin bertanyakan tentang garis panduan bagi projek MARRIS ini yang mana peruntukannya hanya terhad kepada kerja-kerja naik taraf dan membaiki, dan bukanlah

bagi tujuan pembinaan jalan raya yang baru. Terdapat perbezaan nyata tentang keperluan jalan raya bagi jalan PPT serta jalan-jalan kampung.

Saya ingin mencadangkan agar peruntukan MARRIS ini diberikan sedikit kelonggaran dari segi projek pelebaran jalan raya di kawasan kampung memandangkan terdapat keperluan mendesak yang memerlukan jalan raya kampung ini dibuat pelebaran bagi mengatasi masalah laluan sempit ketika kenderaan berselisih. Selain itu terdapat juga laluan jalan raya di atas laluan *culvert* yang mana *culvert* yang telah dibina lama dulu telah tidak lagi mampu menampung arus deras dan air tinggi sehingga memerlukan satu jalan baru lain dibina. Akan tetapi memandangkan peruntukan MARRIS ini hanya membenarkan projek menaik taraf, perkara-perkara ini tidak dapat kita laksanakan.

Selain itu juga MARRIS mensyaratkan setiap projek menggunakan tanah merah bagi pembinaan bahu jalan. Untuk perhatian pihak berkenaan, perlu saya nyatakan di sini bahawa terdapat beberapa masalah yang timbul akibat syarat penggunaan tanah merah ini. Antaranya terdapat banyak kawasan yang mana tanah merah sukar didapati dan akhirnya memerlukan tanah merah ini diambil daripada kawasan luar. Apabila ini berlaku, sudah tentu kos yang terpaksa yang ditanggung juga akan meningkat. Selain itu, penggunaan tanah merah ini juga akan menyebabkan lecak apabila hujan terus sekali gus bakal menjadikan tanah berlumpur yang akan menyebabkan kekotoran. Justeru, suka untuk saya mencadangkan agar dibenarkan penggunaan batuan jenis “*crusher an*” yang mana kosnya lebih berpatutan dan lebih mudah diperolehi bagi mana-mana kawasan sekali pun. Penggunaan “*crusher an*” ini dijangka mampu memberikan penjimatan kepada pihak kerajaan.

Persoalan lain yang ingin saya dapatkan kepastian daripada pihak MARRIS adalah adakah peruntukan MARRIS ini dibenarkan penggunaannya bagi tujuan lain selain bagi kerja-kerja berkaitan jalan raya seperti yang dilaporkan terjadi di sebuah negeri yang bukan di bawah kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri dalam hal ini. Selain itu juga, saya juga ingin memohon pihak kerajaan agar mempertimbangkan untuk memberikan peruntukan tambahan setiap tahun kepada jalan FT001, jalan utama iaitu Jalan Persekutuan yang mempunyai aliran trafik yang tinggi yang memerlukan jalan tersebut untuk diturap setiap tahun. Kalau boleh kita minta agar kerajaan untuk memperluaskan penggunaan jalan raya getah di seluruh negara kerana jalan raya getah ini telah berjaya dibuktikan lebih tahan lama dan berjaya mengurangkan kos penyelenggaraan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan saban tahun memperuntukkan bajet yang besar bagi sektor pendidikan terutamanya bagi meneruskan dasar pendidikan percuma bagi pendidikan rendah dan juga menengah. Tahun ini perkara tersebut tidak terkecuali tetapi dalam mana kita berterima kasih atas bejat besar yang diperuntukkan bagi tujuan ini, kita tidak boleh lari dari beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Isu berkenaan dengan pembantu guru di sekolah-sekolah masih lagi menjadi isu hangat di

kalangan guru. Saya dimaklumkan pembantu guru yang disediakan oleh pihak kementerian masih belum mencukupi dan belum mampu mengurangkan beban tugas guru. Saya ingin mencadangkan agar nisbah guru dan pembantu guru dikaji semula. Melihatkan keadaan semasa bagi saya, nisbah satu pembantu guru bagi setiap 20 orang guru adalah nisbah ideal bagi kita menyelesaikan masalah ini.

Selain itu, saya juga ingin menyampaikan tentang keperluan guru LINUS yang telah diletakkan sebagai sebahagian dari NKRA Pendidikan. Guru LINUS ini berperanan sebagai guru pengajar yang perlu memastikan setiap pelajar mampu mencapai sasaran 3M iaitu membaca, menulis dan juga mengira. Namun masalah yang timbul adalah terdapat pelajar lembam atau agak perlahan untuk mempelajari perkara tersebut yang akhirnya memerlukan golongan pelajar ditempatkan di dalam kelas khas. Apabila ini berlaku, guru LINUS tadi jugalah yang akan mengajar golongan pelajar ini. Bagi saya, bagi pelajar lembam ini, perlulah disediakan seorang guru khas yang benar-benar pakar dalam perkara ini. Kita perlu memastikan pelajar lembam ini mendapatkan perhatian sewajarnya agar sasaran 3M ini dapat kita capai.

Selain itu juga, kita masih kekurangan guru LINUS bahasa Inggeris terutamanya di kawasan luar bandar yang memerlukan perhatian khusus bagi memastikan kumpulan pelajar luar bandar ini dapat dipertingkatkan tahap pemahaman bahasa Inggeris mereka. Jadi saya berharap guru LINUS bahasa Inggeris ini dapat diperbanyak lagi dari semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, setiap sekolah menggunakan talian yang disediakan YTL bagi penggunaan internet di bilik darjah tetapi banyak aduan yang diterima melibatkan banyak tempat yang mana talian YTL ini tidaklah begitu baik sehingga menyukarkan proses pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik kelas.

Walaupun sudah ada pencawang di kawasan-kawasan sekolah tetapi masalah *line* YTL ini tetap menjadi masalah utama kepada para guru. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar setiap guru dibekalkan dengan data internet yang menggunakan talian yang jauh lebih stabil. Kalau dilihat, *line* yang lebih stabil terutamanya meliputi seluruh kawasan adalah Celcom. Tambahan pula Celcom ini adalah sebuah GLC kerajaan yang saya rasakan tidak mungkin mempunyai masalah besar untuk memberikan perkhidmatan seperti yang saya cadangkan ini.

Selain itu saya juga berharap kerajaan mempertimbangkan untuk melihat semula kesesuaian elaun basikal pada masa kini yang dituntut oleh guru. Saya tidak pasti mengapa elaun sebegini masih lagi diteruskan pada masa sekarang memandangkan negara kita kini adalah sudah jauh ke hadapan. Saya juga berharap pihak kerajaan dapat mengkaji juga elaun perjalanan berdasarkan teksi yang dilihat tidak lagi relevan. Saya beralih pula kepada sekolah vokasional. Saya mendapat permintaan daripada pihak ibu bapa yang menghantar anak mereka ke sekolah vokasional. Antara permintaan mereka ialah agar suatu kajian dibuat bagi mengenal pasti kesesuaian agar kelas pengajian tafhiz dijadikan modul pembelajaran di sekolah tersebut seperti mana yang telah kita laksanakan

di Maktab-maktab Rendah Sains MARA. Jika dirasakan bersesuaian, mereka berharap agar modul pengajaran tafhiz ini dapat dilaksanakan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun saya akan bercakap soal pendidikan kemahiran dan vokasional (TVET). Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan di atas penjenamaan semula pendidikan TVET kepada TVET Malaysia (MyTVET) yang mana kerangka pendidikan TVET ini dilihat lebih tersusun dan selari dengan perkembangan semasa sesuai dengan hasrat transformasi nasional 2050. Kerajaan pada tahun hadapan memperuntukkan sebanyak RM4.9 bilion, bukan RM4.9 juta, ya bagi maksud pendidikan TVET ini manakala bagi memastikan TVET ini terus *significant*, kerajaan turut menawarkan RM4.5 juta biasiswa bagi mana-mana lepasan TVET melanjutkan pelajaran.

#### ■1920

Minta tolong *tweet* betul-betul ini. Jangan salah. RM4.9 bilion untuk pendidikan TVET, RM4.5 juta itu untuk melanjutkan pelajaran biasiswa sahaja. Selain itu bagi pelajar tafhiz pula, kerajaan akan mewujudkan Skim Latihan Kemahiran GIATMARA bagi memastikan pelajar tafhiz mempunyai kemahiran tertentu yang boleh membantu mereka pada masa hadapan. Akan tetapi di sebalik semua ini, saya berharap isu berkaitan dengan dana pendidikan TVET seperti mana yang terjadi baru-baru ini, melibatkan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran tidak lagi terjadi pada masa hadapan. Kita tidak mahu hasrat murni kerajaan dirosakkan oleh manusia-manusia yang tidak bertanggungjawab yang mencemarkan nama baik kerajaan malah menutup peluang yang sepatutnya dirasai oleh anak-anak bakal pemimpin masa hadapan ini.

Cuma saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian apakah status pelaksanaan sistem akreditasi tunggal yang hendak dicapai oleh pihak kementerian pada tahun hadapan? Adakah kita masih *on track* untuk mencapai sasaran tersebut? Saya juga merasa gembira apabila Perdana Menteri turut mengumumkan penubuhan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi membentuk kaedah pembelajaran terkini serta melatih tenaga pengajar pakar dalam industri STEM. Kita perlu akui kedudukan STEM di negara ini masih tidak mendapat perhatian dan minat daripada golongan muda. Jika dilihat sasaran yang diletakkan pada tahun 1967, negara menyasarkan seramai 60 peratus rakyat Malaysia memilih STEM sebagai bidang untuk melanjutkan pelajaran seterusnya menjadikan kerjaya pilihan rakyat.

Namun, statistik menunjukkan hanya 21 peratus rakyat Malaysia termasuk golongan muda yang telah memilih bidang ini. Oleh yang demikian, saya melihat penubuhan pusat STEM ini boleh menjadi titik tolak perubahan kadar semasa seterusnya sasaran 60 peratus yang dibuat 50 tahun yang lalu akan dapat kita capai. Saya juga ingin tanya kepada pihak kementerian, memandangkan Malaysia telah lama menjadi tuan rumah kepada Pusat Sains Teknologi dan Inovasi Antarabangsa bagi Kerjasama Selatan-

selatan (ISTIC) di bawah UNESCO, soalan saya sejaah manakah kewujudan ISTIC ini telah mengubah landskap bidang STEM di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Belia dan Sukan baru-baru ini giat mempromosikan agenda sosial bagi mempersiapkan generasi TN50 yang mempunyai jati diri unggul serta bebas dari masalah gejala sosial. Maka, bertitik tolak daripada cadangan Menteri Belia dan Sukan tersebut Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Institut Penyelidikan Sosioekonomi (SERI) sebagai langkah pertama bagi merangka agenda sosial negara menuju Transformasi Nasional 2050. Sejauh manakah kepentingan agenda sosial ini dalam pembentukan generasi TN50 yang mendatang?

Pada tahun 2016, sebanyak 30,844 kes berkaitan dadah yang telah direkodkan. Peningkatan sebanyak 100 peratus berbanding lima tahun sebelum itu pada tahun 2012. Daripada jumlah itu, sebanyak 23,000 kes adalah melibatkan penagih dadah yang baru. Masalah juvana masih lagi menghantui negara. Tahun 2015, sebanyak 4,569 kes dilaporkan. Kes ponteng sekolah serta masalah buli pula mencatatkan jumlah 14,496 dan 3,011 kes pada tahun yang lalu. Jumlah ini walaupun menunjukkan pola menurun ia masih membimbangkan.

Justeru, saya turut berkongsi pendapat dan rasa seperti mana yang dikongsi oleh Menteri Belia dan Sukan, suka atau tidak generasi yang disebutkan ini adalah generasi anak-anak kita atau mungkin cucu sebahagian daripada kita dalam Dewan ini. Maka dengan itu, ia adalah masalah kita dan kita bertanggungjawab sepenuhnya bagi membentuk generasi pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan. Oleh yang demikian, pengumuman Perdana Menteri untuk menubuhkan SERI ini adalah sangat penting dan perlu disokong sepenuhnya. Kita tidak mahu generasi baru ini tidak dilengkapkan dengan persediaan yang sewajarnya dan janganlah pada suatu hari nanti kita merasa menyesal kerana tidak membuat perkara yang sepatutnya memandangkan kita mempunyai keupayaan pada masa hadapan.

Suka juga ingin saya mencadangkan pada pihak belia dan sukan untuk mempersiapkan kepimpinan muda dan belia kita di peringkat akar umbi dengan meneruskan bantuan dan program kepada persatuan-persatuan belia di seluruh negara. Hal ini penting kerana persatuan belia dilihat sebagai tempat orientasi untuk memupuk semangat kesukarelaan dan latihan kepimpinan terbaik terutama bersama masyarakat. Maka suka saya cadangkan agar program-program bersifat kepimpinan seperti Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) misalnya dilaksanakan semula sebagai program wajib untuk kita adakan setiap tahun.

Saya harap peranan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia diperkasakan dan benar-benar menyelidik aktiviti dan program yang sesuai memenuhi agenda sosial dan keperluan-keperluan pemimpin TN50. Isu penambahbaikan projek rumah generasi baru FELDA pun isu orang muda. Saya ingin syorkan kepada pihak KPKT, menerusi PBT agar dapat memberikan kebenaran kepada FELDA untuk memulakan kerja-

kerja awalan pembinaan ditapak tanpa menunggu kelulusan penuh pembangunan. PBT juga boleh membenarkan kerja-kerja pembinaan yang berkenaan berdasarkan syarat yang dikenakan oleh agensi teknikal utama sahaja.

Saya juga ingin mencadangkan agar caj pemajuan kepada PBT untuk Rumah Mesra Rakyat FELDA dan SPNB ini dapat dikecualikan termasuk juga *fee submission* bagi permohonan pembangunan. Hal ini kerana, pembangunan ini adalah berkonsepkan CSR, bukan berkonsepkan komersial yang akan memberikan keuntungan kepada FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri turut mengumumkan tahun 2020, sebagai Tahun Melawat Malaysia. Untuk rekod, kali terakhir kita menjalankan kempen ini adalah pada tahun 2014. Namun pada tahun 2014 tersebut, terdapat beberapa insiden berprofil tinggi yang merencatkan kempen tersebut sekali gus memberi impak kepada industri aviasi negara. Justeru, TM2020 ini perlu menjadi pemangkin kepada kegemilangan sektor pelancongan di Malaysia. Tempoh dua tahun bagi mempersiapkan diri bagi menjelang 2020 haruslah digunakan sepenuhnya terutamanya bagi syarikat penerbangan MAS untuk memulihkan rekod sekali gus mampu memaksimumkan pulangan yang akan hadir bersempena TM2020 ini.

Selain itu, Malaysia juga sangat sinonim dengan sektor pelancongan kesihatan. Malaysia pada tahun ini telah sekali lagi dinobatkan sebagai destinasi pelancongan kesihatan terbaik untuk kali ketiga berturut-turut oleh *International Medical Travel Journal*. Pada majlis yang sama, Sunway Hospital telah menggondol tiga anugerah yang mengiktiraf kedudukan mereka sebagai peneraju sektor pelancongan kesihatan di negara ini. Apa yang saya cuba sampaikan adalah kita perlu tingkatkan kapasiti dan promosi bagi memastikan kedudukan kita pada hari ini tidak tergugat dan kemenangan ini harus digunakan sepenuhnya sebagai salah satu produk bagi tahun melawat Malaysia 2020 nanti.

Pihak kementerian bertanggungjawab juga harus memikirkan suatu bentuk kerjasama di antara kerajaan dan pihak hospital swasta bagi menjayakan hasrat kerajaan ini. Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab bercerita tentang bidang pelancongan saya juga berharap pihak Kementerian Pelancongan dapat memberikan perhatian terhadap potensi Sekijang sebagai lokasi *ecotourism* menerusi sungai yang merentasi kawasan dalam Parlimen kami. Seperti yang pernah saya sampaikan sebelum ini, Sekijang masih lagi mempunyai potensi besar untuk kita majukan sebagai destinasi pelancongan. Justeru, saya amat berharap dalam tempoh masa dua tahun ini pihak kementerian dapat membantu memenuhi hasrat rakyat Sekijang untuk memastikan projek *ecotourism* ini dapat kita laksanakan. Manfaat ini bukan sahaja akan berlaku untuk di peringkat Parlimen tetapi ia akan memberikan faedah kepada daerah Segamat dan juga daerah Muar sebagai daerah yang bersepadanan dengan projek *ecotourism* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup– tertinggal Tangkak, minta maaf. Saya rasa, cukuplah sampai di sini perbahasan saya untuk Bajet 2018 ini. Apa yang paling

penting dalam perkara ini sudah tentu adalah pelaksanaan tentang apa yang telah disampaikan dan juga yang telah kita cadangkan untuk kita laksanakan pada tahun hadapan. Garapan cantik hasrat murni Perdana Menteri ini tidak mungkin akan tercapai jika pelaksanaannya kelak tidak sampai kepada golongan sasarnya.

Oleh yang demikian, saya berharap setiap kementerian dapat memastikan kesiapsiagaan kementerian dan agensi masing-masing supaya mampu menterjemahkan hasrat ini sebaik mungkin. Ini penting kerana kalau sekiranya apa yang kita cadang, apa yang kita sampaikan terutamanya di dalam Parlimen ini jika gagal untuk dilaksanakan di peringkat bawah, ia akan memberikan imej yang tidak baik kepada kerajaan.

Malah ia akhirnya akan memberikan satu petanda buruk bahawa apa yang kita rancangkan di peringkat Bajet 2018 ini gagal untuk kita laksanakan. Kita tidak mahu seperti apa yang dibangkitkan oleh rakan-rakan sebelum ini beberapa projek yang sepatutnya dapat dilaksanakan tidak dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, Sekijang mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

#### **7.29 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Saya juga ingin turut serta – pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua ya.

**Seorang Ahli:** Ya, jangan panjang ya, 20 minit. Jangan lebih. *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** 20 minit sahaja. Kita telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Panjang pun 20 minit juga Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita telah mendengar pembentangan bajet –ibu segala bajet ya. Jadi Perdana Menteri telah menyebut berkenaan nama ibu dalam bajet beliau. Satu lagi yang selalu kita dengar ialah ibu segala peperangan. *Mother of all battle* yang berlaku semasa perang Iraq. Itu disebut oleh Saddam Hussin. Kalah Saddam. *[Ketawa]*

#### **■1930**

Ibu, kalau kita hendak ambil ibu dalam konteks bajet ini, kalau kita sebut ibu, ibu dalam tindakan-tindakan dia tidak memberikan respons yang....., respons kepada ibu, daripada ibu atas apa juga masalah dalam keluarga, baik anak, baik suami adalah suatu respons sangat penyayang, lemah lembut, mengambil perhatian dari segi emosi, fizikal. Ibu lebih sensitif dan penyayang, ibu juga tidak meminta balasan, ibu apabila memberi, menganggap itu satu tanggungjawab dia untuk memberi. Tidaklah seperti ibu segala bajet ini, penghujungnya minta rakyat menyokong BN. Itu tidak kena.

Ibu pula tidak mengambil hak anak-anak dan keluarga, tidak mencuri la, kita tidak pernah dengar seorang ibu *kleptokrat*. Akan tetapi dalam konteks kita, kita lain. Jadi ibu segala bajet ini Yang Berhormat sekalian, kita kena hati-hati. Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri boleh mengemukakan berbagai-bagai statistik, yang manis-manis tetapi rakyat sukar untuk menelan, manisnya penuh kepahitan. Beberapa hari yang lepas, minggu lepas kita membahaskan rang undang-undang peruntukan insurans pekerja. Dikhabarkan setiap tahun, 50 ribu pembuangan pekerja berlaku dan meningkat, tahun sebelumnya 40 ribu lebih ya Yang Berhormat Kuala Langat, meningkat 50 ribu dan apakah masa depan kita akan lebih baik. Kita risau sesi depan Tuan Yang di-Pertua pun hilang jawatan, kita risaulah. [Dewan ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat hendak mencelah Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak...dan kita ada pengangguran pada kadar 3.45 percent meningkat daripada 2.85 percent dalam tahun 2014. Jadi perkara-perkara macam ini harus kita ambil perhatian kerana ianya menggambarkan satu *trend* kemerosotan. Kita juga ambil contoh peningkatan indeks harga pengguna, sebanyak 4.3 percent pada September 2017 ini, berbanding setahun yang lalu. Ini tentulah memberi kesan yang pedih kepada rakyat. Inilah inflasi.

Kita tidak beri sangat penekanan dalam ucapan bajet kali ini, yang dibuat oleh Menteri Kewangan tentang inflasi. Rakyat rasa kepedihannya, inflasi ini walaupun ada yang mengatakan inflasi kita lebih kurang tiga percent tahun ini, jadi tidak memberi kesannya kepada rakyat. Tetapi kita harus ingat, dalam komponen indeks harga pengguna itu banyak, ada harga barang-barang seperti mungkin *handphone*, naik harga pun orang tidak tukar selalu. Harga kereta misalnya, tetapi yang lebih pentingnya harga makanan, makanan salah satu komponen dan harga makanan naik tinggi.

Jadi walaupun secara puratanya indeks itu tidak meningkat dengan banyak, tetapi kesan kepada rakyat sangat teruk, kerana harga makanan meningkat dengan banyak. Ya Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya berdiri dan berbicara soal hendak menyindir sikit isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai. [Dewan riuh]. Mencelah-mencelah, hendak menyindir sikit.

Yang Berhormat Kuala Krai, baru-baru ini kita dikhabarkan ada lebih kurang lima Pasaraya Giant akan ditutup, agak-agak pekerja itu, kesannya bagaimana? Puncanya apa? Agak-agak Yang Berhormat Kuala Krai, atas sebab kerana Giant dia bukannya Kancil, dia Giant, kena buang kerja ini, bagaimana keadaan ini berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau Yang Berhormat Kuala Langat bersabar sedikit, saya akan menyentuh itu. Tetapi tidak mengapa, oleh sebab dia

bawah ini. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, KPDNKK mengatakan bahawa penutupan lima cawangan *hypermarket* atau *supermarket* Giant ini bukan menggambarkan negara akan *bankrup* terus ke situ dia, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Akan tetapi kita pasti, satu cawangan Giant mungkin ada 100 orang pekerja, *more than that* dengan izin. Lima cawangan, 500 orang akan hilang pekerjaan, lebih... saya ambil *estimate* yang agak rendah *conservative*. Bagaimana mereka? Ini tidak masuk lagi beberapa pelarasen pekerja sektor *banking* misalnya, MAS yang baru lepas. Jadi, jangan menteri mengambil kecil masalah penutupan Giant ini. Giant ini terkenal dengan tempat membeli belah yang munasabah harganya, bagi kita. Kalau itu pun tutup, ertinya bukan kerana sambutan tidak ada, tetapi rakyat tidak mampu berbelanja seperti biasa.

Saya dengar Giant yang pertama yang wujud di Malaysia ini, iaitu di Melawati, tempat saya, apabila pindah ke premis baru, hari pertamanya punya banyak untung, *manager* dia pun rasanya tumbang. Contohnya punya hebat, tiba-tiba tutup, apa gambaran. Jadi, perkara macam itu, saya rasa tidak mengejutkan langsung. Suasana hari ini, kita tengok pula, Kedai Rakyat 1Malaysia pun bungkus, bungkus pula, tutup. Apa hujahnya? Untuk menukar model operasi mereka, cara yang baru. Jadi menggambarkan pengakuan bahawa, idea lama, pengwujudan Kedai Rakyat 1 Malaysia ini tidak betul. Untuk apa? Untuk cuba menunjukkan bahawa mereka boleh membantu dengan harga yang murah tetapi akhirnya model itu tidak menjadi. Hendak tukar model baru, tahu pula bila pula. Berapa ramai pekerja KR1M itu yang terpaksa berhenti kerja baru ini, mungkin direhatkan. Jadi perkara ini kita tidak boleh anggap satu percaturan

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Krai. Giant tutup, beberapa pasar raya tutup, bank cawangan tutup dan kalau kita malam-malam di Kuala Lumpur sendiri, menjelajah dan pergi ke pasar-pasar malam, pasar-pasar malam pun kita dapat rasakan bahawa pembelinya, pengunjungnya lengang, dan memberi gambaran bahawa ekonomi dan tempat membeli belah yang paling mudah, yang paling *simple*, yang paling rendah, murahnya pun nampaknya rakyat tidak mampu membeli. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, itu satu contoh yang sangat dekat dengan kita, pasar malam, pasar tani. Jadi ini semua kesimpulannya. Tuan Yang di-Pertua, bukanlah hendak habis ucapan, menunjukkan ekonomi kita tidak baik. Walaupun Perdana Menteri meyakinkan kita dengan senyum, sepanjang pembentangan senyum, dengan membawa beberapa hadirin, tetamu hadir, termasuk kak Wan kita. Tetapi hakikatnya rakyat di luar sana sedang menghadapi masalah.

Puncanya kita tahu, kita tahu, bukan kita tidak tahu. Antaranya GST, kita sebut sudah banyak kali. Kejatuhan ringgit sudah diulang. Jadi perkara-perkara macam ini tidak boleh lah rakyat biasa hendak menanganinya. Kerajaan lah yang harus menanganinya. Jadi kesimpulan tadi itu, ekonomi kita tidak baik. Jadi saya minta cadangan kepada

kerajaan supaya, dalam menilai dan memberikan pembentangan bajet mengambil kiralah harga-harga konsumen item kita, petrol kita, trendnya sedang meningkat, harga minyak masak, harga sayur-sayuran, ikan sedang meningkat. Ini yang membebankan.

Mungkin tidak menyebabkan *consumer price indeks* kita menurun, tetapi sangat dirasai oleh para-para rakyat kita, yang juga saya ingin sentuh dalam baru ini ialah bab perumahan Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1940

Janji 2013 dulu satu juta. Kemudian ditambah 1.1 juta rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun. Ertinya pada tahun 2018 ini, dijangka ataupun dipastikan siap satu juta lebih rumah-rumah mampu milik ini. Saya hendak dapat kepastian daripada kementerian, yang sebenarnya, menjelang tahun depan berapa sebenarnya kita boleh bina? Oleh kerana kemajuan setakat ini amat membimbangkan. Sampai hari ini lebih kurang 21 peratus atau 21.3 peratus sahaja rumah-rumah ini yang telah dibina. Agaknya siap dibina sebanyak 241,000 lebih. Dikatakan 57 peratus yang lain sedang dibina. Ada 634,000. Apakah peringkat-peringkat pembinaan ini? Adakah kerajaan boleh *deliver* ataupun menyediakannya pada tempoh yang ditetapkan?

Kemudian disebut juga ada 27 peratus yang masih lagi dalam peringkat perancangan. Ini saya tidak pasti sama ada akan dapat diselesaikan sebelum habis tahun 2018. Jadi, janji yang dibuat untuk membina satu juta rumah itu saya rasa akan gagal. Jadi, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah rumah ini sedangkan ia satu benda yang kritikal kepada rakyat kita. Tanpa rumah, kita tidak dapat menggambarkan ia sebagai satu masyarakat yang maju.

Ada cadangan daripada sesetengah pihak supaya rakyat kita ini mengambil pendekatan yang berbeza buat sementara ini, tidak membeli rumah tetapi hanya menyewa rumah. Ini cadangan. Cuba kita fikirkan. Kalau buat masa ini di peringkat anak-anak muda khususnya, tidak memikirkan beli rumah tetapi sewa rumah, tentunya banyak daripada rumah-rumah yang dibina ini mungkin tidak ada pembeli. Ini boleh membantu untuk menurunkan harga rumah. Akan tetapi dalam masa yang sama, yang menyewa ini, terutamanya anak muda yang baru berkahwin, mestilah juga menyimpan untuk membolehkan mereka pada satu ketika, lima atau 10 tahun akan datang membeli rumah. Jadi, buat masa terdekat ini mungkin boleh menekan pemaju-pemaju untuk membawa turun harga rumah.

Pada kerajaan pula, saya mencadangkan supaya di bandar atau di pinggir bandar, mana-mana ada tanah-tanah itu, di-*acquire* cepatlah di bawah apa-apa peraturan Kanun Tanah Negara untuk memastikan ada ruang lagi untuk kita membina rumah-rumah mampu milik ini kepada rakyat. Kalau tidak disegerakan sekarang, tidak dimulakan, tidak ada tempat lagi di bandar, terutamanya yang besar-besar, bandar besar seperti Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru. Begitu juga di kawasan pinggir bandar. Mungkin di luar bandar pun kerajaan sudah mula membuat perancangan supaya tanah-tanah dapat di-*acquire*

untuk tujuan pembangunan ini supaya tiba masanya pembangunan berlaku nanti, kita sudah ada tanah-tanah yang sesuai untuk dibina.

Kepada para pemaju, saya rasa, harus memikirkan dengan sokongan daripada kerajaan, skim sewa beli yang nampaknya mendapat sokongan daripada rakyat supaya mereka dapat memiliki rumah walaupun bermula hanya dengan menyewa rumah-rumah ini. Saya rasa ini kita boleh buat seperti yang cuba dibuat di Wilayah Persekutuan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan kos kehidupan kita ini, kita mengucapkan tahniah kepada penduduk-penduduk sekitar Klang, Shah Alam, Johor Bahru Selatan dan juga di sebelah Bukit Kayu Hitam kerana tol-tol mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam terheret.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia hampir hendak bangun tetapi dia tidak jadi ya. Tidak payahlah, dia ada *time* nanti. Yang telah dihapuskan tolnya. Dapatlah mereka berbelanja lebih. Mungkin tidak banyak. Satu hari mungkin dalam RM5 save. RM100 sebulan. Bagaimana dengan tempat-tempat yang lain? Apabila Pakatan Harapan pada ketika membentangkan bajet alternatifnya, ditertawakan oleh pimpinan BN. Ada pimpinan MIC sebelah Selangor mengatakan, "*Ini angan-angan, mimpi, untuk menghapuskan tol*". Kita bentang dua hari sebelum itu. Dia bercakap satu hari sebelum bajet. Kita dua hari sebelum. Dia cakap sehari. Hari bajet, senyap terus.

Ertinya, walau hanya empat laluan dibatalkan tolnya, ertinya, pembatalan tol ini masih munasabah, masih boleh dilakukan. Kenapa tidak lima, enam, tujuh ataupun lebih daripada itu? Mungkin ada yang menghujahkan pampasannya tinggi. Kerajaan terpaksa bayar, rakyat juga terpaksa bayar. Memang tetapi tentulah ada kaedah-kaedah seperti yang dibuat di empat tol ini, kita boleh buat. Akhirnya, kita akan bebas tol, negara kita. Kita akan membina, sedang membina, 2,000 kilometer Lebuhraya Pan Borneo, tanpa tol, tanpa tol. Jumlah jarak itu Ahli Yang Berhormat sekalian, lebih panjang daripada keseluruhan gabungan lebuh raya bertol yang ada di Semenanjung yang sekitar 1,800 kilometer. Sana boleh tidak ada tol, kenapa kita tidak boleh fikirkan cara untuk menghapuskan tol-tol ini. Janganlah pula nanti kerajaan kata oleh kerana Semenanjung tol, orang Semenanjung marah, tol pula kena di Lebuhraya Pan Borneo. Tidak betul.

Saya hendak kata, ikut Pan Borneo punya lebuh raya tidak ada tol supaya kita dapat kurangkan ataupun hapuskan tol di sini. Tentulah boleh. Bagaimana kita hendak membayai pengambilalihan dan sebagainya, ini kita sudah sebut. Kalau kita boleh buat dengan empat tol, kita boleh buat lima, enam, tujuh, boleh sahaja.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tunjukkan di mana ruang-ruang yang kita boleh buat melalui perjanjian-perjanjian konsesi yang selama ini kita tidak dapat perhatikan atau tidak dapat dimaklumkan. Masa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Julau bangun.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Masa tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa tidak cukup. Tidak bagi jalan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi, untuk membolehkan kita *maintain* lebuh raya-lebuhraya ini, kita ada 1,800 kilometer, lebuh raya di Semenanjung termasuk ke Pantai Timur. Tentulah kita boleh memikirkan pembangunan-pembangunan bandar baru, kawasan perindustrian baru, pelabuhan darat ataupun kawasan-kawasan rekreasi yang dibangunkan secara bersungguh-sungguh untuk membolehkan kita mendapat *income*. Mungkin kawasan-kawasan ini menjadi pendapatan baru bagi PBT-PBT, majlis-majlis bandar raya dan tentulah dengan pendapatan baru ini mereka boleh dibahagikan tugas atau tanggungjawab untuk menyelia lebuh raya-lebuh raya yang ada di kawasan mereka.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya rasa satu ini bukan satu perkara yang tidak dapat kita fikirkan dan boleh dilaksanakan dengan kadar yang segera. Jadi, kami di dalam Pakatan Harapan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Julau bangun lagi Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...masih lagi mengekalkan cadangan supaya tol ini dihapuskan. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Julau bangun lagi. Hendak bagi?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Julau, tidak sempatlah Yang Berhormat Julau.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit. Setengah minit, ya. Kawan lama. Ya, sila.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krai. Saya hendak tanya, siapakah yang dulunya membawa sistem tol ke Malaysia?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya boleh jawab. Kerajaan Barisan Nasional.

**Beberapa Ahli:** Ya. *[Tepuk]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak berubah dari dulu sampai kini dan tidaklah selamanya. Jadi, itulah sudah menjawab soalan ya. Sesiapa juga Perdana Menteri kah, pokoknya, Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, subsidi minyak telah dihapuskan pada tahun 2014 dengan dulunya 22 bilion dan antara hujahnya ialah supaya wang daripada subsidi ini dapat kita channel-kan kepada pembangunan. Cantiklah nampaknya. Tahun lepas belanjawan pembangunan kita RM44 bilion. Tahun ini, RM46 bilion. Lebih kurang, sama. RM46 bilion. Ertinya, dengan penghapusan subsidi ini pun kita tidak dapat menambah perbelanjaan pembangunan yang pada ketika itu pada tahun 2010, peratusan belanjawan kita untuk pembangunan 27 peratus menurun kepada yang terakhir ini 16 peratus. Apa maknanya? Ertinya, idea untuk menghapuskan subsidi, untuk mengalihkannya kepada belanja pembangunan itu tidak berjalan. Yang mendapat faedah besar ialah Jabatan Perdana Menteri, pembangunan di Jabatan Perdana Menteri.

Jadi, saya rasa ini semua adalah perkara-perkara yang menyusahkan rakyat. Hari ini trend harga minyak naik. Walaupun Setiausaha Perbendaharaan mengatakan masih ada lagi subsidi untuk petrol lebih kurang beberapa ratus juta tetapi ini hanya untuk menangani turun naik harga mingguan yang direka oleh kementerian sendiri. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kita fikir semula ke mana wang ini pergi. Bukan saya katakan kembalikan subsidi tetapi prioriti, keutamaan yang disediakan oleh kerajaan dalam membatalkan subsidi untuk pembangunan. Itu ternyata tidak berlaku. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang untuk membahaskan ini.

#### ■1950

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sabak Bernam.

#### 7.50 mlm.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Bajet 2018. Sesungguhnya Bajet 2018 yang dibentangkan ini adalah merupakan bajet yang paling inklusif dan paling konklusif pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, yang merupakan bajet ke-59 yang pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato'.

Begitulah inklusif dan konklusifnya bajet ini yang bukan sahaja meliputi dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, hatta dari yang masih dalam kandungan hingga warga emas, pekerja swasta, penjawat awam, polis dan tentera, petani, nelayan, pekebun kelapa, pesawah dan peladang juga, wanita di sektor swasta dan awam.

Bajet 2018 ini menunjukkan keluruhan dan keikhlasan kerajaan dengan mengemukakan bajet dengan pendekatan *maqasid syariah* iaitu demi kepentingan agama (al-din), nyawa dan jiwa (al-nafs), akal (al-'aql), keturunan (al-nasb) dan harta (al-mal). Sebagai elemen penting asas kehidupan yang berkualiti, bajet ini adalah bajet yang

berhemah serta berpandangan jauh kerana mengambil kira dan membahagikan peruntukan ini mengikut kepentingan. Seperti mana yang dinyatakan di dalam surah Al-Mumtahanah ayat ke-12 dan hajiyat (keperluan) serta *tahsiniyat*. Seperti mana dinyatakan surah Al-Hajj dan hadis riwayat Ahmad yang akhirnya adalah demi kebahagiaan dan kejayaan, kerahmatan dan keredaan Allah yang kehidupannya di dunia dan akhirat.

Bajet 2018 ini adalah bajet yang berpandangan jauh dengan bertemakan "*Memakmur Ekonomi yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50*". Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menggariskan di antaranya iaitu telah mencapai sasaran 60 peratus untuk mewujudkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan tahun 2020. Mencapai jumlah eksport negara tertinggi sebanyak RM80 bilion dan rizab antarabangsa terkini yang telah tercatat sebanyak USD101.4 bilion atau RM428.7 bilion. Tahniah juga kepada Tan Sri Muhammad bin Ibrahim, Gabenor Bank Negara Ke-8 yang merupakan anak jati Sabak Bernam.

Saya mengalu-alukan Bajet 2018 ini berdasarkan lapan petunjuk iaitu:

- (i) merancak pelaburan, perdagangan dan industri;
- (ii) menuju aspirasi TN50;
- (iii) mengungguli pembangunan pendidikan, latihan kemahiran dan bakat;
- (iv) memacu pembangunan inklusif;
- (v) mengutamakan kesejahteraan rakyat dan peluang menjana pendapatan;
- (vi) mempersiagakan resolusi perindustrian keempat dan ekonomi digital;
- (vii) meningkatkan kecekapan dan penyampaian GLC dan perkhidmatan awam; dan
- (viii) mengimbang *par excellence* duniawi dan *par excellence* ukhrawi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian Pendidikan, pertama saya ingin menyentuh berhubung dengan pendidikan. Bidang pendidikan ini begitu dekat dengan saya. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang komited dan prihatin dalam bidang pendidikan dengan peruntukan bagi tahun 2018 iaitu berjumlah RM61.6 bilion disediakan untuk sektor pendidikan ini. Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan sebanyak RM45.96 bilion dengan RM44.51 bilion untuk belanja mengurus dan RM1.45 bilion untuk belanja pembangunan.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah meluluskan cadangan pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam yang difahamkan kini dalam peringkat reka bentuk oleh Jabatan Kerja Raya dan dijangka pembinaan awal 2018. Kelulusan ini adalah

tepat masanya memandangkan tanggungjawab PPD Sabak Bernam adalah besar kerana menguruskan 64 sekolah kebangsaan dan menengah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan Kementerian Pendidikan ini, saya mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah menyediakan bajet tabung khas penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah bagi bajet tahun 2018 ini berjumlah RM550 juta bagi pembinaan sekolah kebangsaan SJKC, SJKT dan sebagainya. Sehubungan dengan ini, saya ingin membangkitkan tentang keperluan penyelenggaraan yang mendesak bagi sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Sabak Bernam iaitu 17 buah SMK, SK 35 buah, SJKC 10 buah dan SJKT dua buah yang merupakan sekolah lama yang telah berusia melebihi 30 tahun ataupun lebih yang memerlukan penyelenggaraan, terutama pendawaian elektrik termasuklah penggantian kipas dan lampu. Saya memohon dan merayu kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan agar menimbulkan dan meluluskan segera peruntukan bagi penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah di Parlimen Sabak Bernam memandangkan keperluan dan keadaan yang mendesak.

Berhubung dengan Kementerian Pendidikan ini juga, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan kerajaan bagi penstrukturkan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan bagi membangunkan kompetensi dan potensi diri mendidik termasuklah memperkasakan dan penambahbaikan lebih 200 jawatan kepimpinan utama KPN.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan Tinggi. Keduanya, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan Tinggi yang mendapat peruntukan sebanyak RM13.9 bilion dalam Bajet 2018 ini. Ini sesuai dengan pencapaian dan peningkatan pendidikan tinggi negara, antara kelima-lima universiti pendidikan Malaysia telah tergolong dalam 300 universiti terbaik dunia. Malah Universitas 21 juga telah meletakkan sistem pendidikan tinggi Malaysia di tangga ke-25 yang sebelum ini di kedudukan ke-36 pada enam tahun lalu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada KPT di atas pencapaian yang membanggakan ini.

Pada masa ini, bilangan pelajar asing yang menuntut di negara ini telah mencecah 134,000 orang. Dari satu sudut, ia adalah baik kerana Malaysia menjadi hab pendidikan tinggi serantau. Namun, saya ingin mendapat penjelasan yang pertama, apakah langkah kerajaan bagi memastikan pelajar tempatan atau pelajar negara ini turut mendapat peluang dan tempat untuk mengikuti pengajian di IPT dan IPTS yang ternama dan terbaik ini? Adakah kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan program ijazah berkembar dan menyediakan program asasi yang sesuai kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan juga STPM?

Berhubungan dengan pendidikan tinggi juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang menyediakan RM2.2 bilion bagi pemberian biasiswa JPA dan

juga Kementerian Kesihatan. Saya berharap kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi akan menyediakan biasiswa untuk pelajar-pelajar yang mungkin akan mengikuti program ijazah berkembar terutama pelajar-pelajar Ulul Albab yang dipelopori oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi sendiri.

Berhubung dengan pendidikan tinggi, saya ingin menyentuh berhubung dengan Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam yang kini mempunyai 4,600 orang pelajar.

#### ■2000

Daripada jumlah itu, hanya 2,300 hingga 2,500 orang yang mendapat kemudahan asrama. Manakala bakinya seramai 2,000 orang lagi pelajar terpaksa tinggal di luar asrama dengan menyewa rumah. Adalah sukar untuk mendapat kemudahan rumah sewa berhampiran dengan politeknik ini. Oleh itu, saya memohon agar kerajaan mempertimbangkan untuk membina asrama bagi pelajar-pelajar kerana kesukaran untuk pelajar ini mendapatkan rumah sewa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan pembiayaan pengajian tinggi khususnya PTPTN. Saya ingin mendapatkan penjelasan, berapakah jumlah kutipan bayaran balik bagi tempoh tiga tahun 2015, 2016 dan 2017 terkini berbanding pinjaman yang telah dikeluarkan. Berapa ramaikah pelajar IPTA dan IPTS yang mendapat pengecualian bayaran balik kerana mendapat keputusan yang cemerlang kelas pertama bagi tempoh berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Belia dan Sukan. Bagi Bajet 2018 ini, memberikan fokus yang khusus kepada generasi TN50 yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia dalam 20 negara terbaik di dunia menjelang tahun 2050 melibatkan pusat jagaan kanak-kanak. Memupuk semangat menyimpan di kalangan generasi TN50 dan peruntukan 250 juta untuk pendidikan generasi TN50 seperti pusat sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dan menaikkan taraf 2,000 kelas menjadi bilik darjah pintar pembelajaran abad ke-21.

Menyentuh tentang Kementerian Kesihatan, saya bersyukur kepada Allah kerana kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan di negara ini dengan peruntukan sebanyak RM26.58 bilion bagi tahun 2018 ini. Bagi Bajet 2018, kerajaan memperuntukkan sebanyak 2.6 bilion untuk bekalan ubat dan 1.6 bilion untuk barang *consumable* dan sokongan perubatan. Saya berharap dengan peruntukan ini masalah yang dihadapi oleh pesakit seperti kebanyakan pesakit mendapat bekalan ubat yang terhad, antaranya yang mendapat bekalan satu atau dua minggu sahaja berbanding dahulu terus dibekalkan ubat untuk satu bulan menyebabkan kesukaran untuk berulang alik.

Berhubung dengan kesihatan ini juga, saya ingin menyentuh berhubung dengan industri pelancongan kesihatan. Saya ingin mendapat penjelasan setakat manakah sambutan dan kejayaan industri pelancongan kesihatan di negara ini? Apakah bidang-bidang kesihatan yang mendapat sambutan daripada pelancong asing? Seterusnya, saya

ingin menyentuh berhubung dengan pusat hemodialisis. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta sebagai menggalakkan pembukaan lebih banyak pusat hemodialisis bagi tahun 2017 ini.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, berapa banyak kah pusat hemodialisis yang telah dibuka oleh dan swasta sehingga kini? Saya ingin merayu agar lebih banyak pusat hemodialisis dapat dibuka di kawasan Parlimen Sabak Bernam. Ini kerana bilangan pesakit buat pinggang yang memerlukan hemodialisis ini semakin bertambah. Sedangkan pusat hemodialisis agak terhad. Malah ada pesakit yang terpaksa menunggu lima hingga mendapat rawatan hemodialisis. Dalam masa yang sama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi bantuan hemodialisis.

Saya ingin mendapat penjelasan, berapakah ramai pesakit buah pinggang yang mendapat rawatan hemodialisis di seluruh negara? Sama ada di hospital kerajaan dan klinik swasta dan nyatakan langkah kerajaan bagi memastikan setiap pesakit mendapat rawatan hemodialisis yang sempurna. Saya ingin juga mendapat penjelasan bagaimanakah *volunteering card insurance* semakan dilaksanakan dan sejauh manakah ia dapat membantu pesakit kronik.

Berhubung dengan kesihatan ini, saya juga ingin menyentuh dengan perkhidmatan ideologi yang terdapat di hospital kerajaan. Perkhidmatan ini diperlukan oleh kanak-kanak, remaja, dewasa dan orang tua. Saya difahamkan hanya UIA, UKM dan USM sahaja yang melahirkan graduan dalam bidang audiologi ini iaitu seramai 60 orang setahun. Sedangkan keperluan sebenar adalah 90 hingga 100 orang setahun. Walaupun perkhidmatan *audiologist* amat diperlukan di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan kerajaan, tetapi pengambilannya dalam perkhidmatan kerajaan dikatakan amat terhad. Oleh itu, saya ingin mendapat tahu bilangan *audiologist* dan pakar *audiologist* yang berkhidmat di hospital dan klinik-klinik kesihatan kerajaan dan masa kini dan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan lagi bilangan *audiologist* yang berkhidmat di hospital kerajaan dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan sumber asli alam sekitar yang mendapat peruntukan sebanyak RM2.5 bilion bagi Bajet 2018 ini iaitu RM1.8 bilion untuk belanja mengurus dan RM1.44 bilion bagi belanja pembangunan membuktikan kecekapan dan kemantapan pengurusan kementerian ini dan mampu menyediakan peruntukan yang lebih besar untuk projek pembangunan walaupun mendapat peruntukan yang agak kecil.

Saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan semasa Bajet 2017 lalu memperuntukkan sebanyak 69 projek rancangan tambatan banjir dengan peruntukan sebanyak RM495 juta. Saya mohon kerajaan mempertimbangkan peruntukan untuk rancangan tambatan banjir Sungai Tengar di Sabak Bernam yang merangkumi kawasan

benteng Sungai Air Tawar dan benteng Tebuk Mendeling dengan anggaran kos RM10 juta. Tambatan banjir ini amat mendesak. Ini kerana benteng-benteng tersebut telah menjadi rebak dan putus. Malah apabila benteng-benteng ini di perbaiki semula, benteng-benteng tersebut akan runtuh sekali lagi. Ini kerana disebabkan oleh pengaruh air pasang dan ombak yang dihasilkan oleh kapal-kapal nelayan Sungai Bernam adalah merupakan laluan utama kapal-kapal nelayan yang berlabuh di Hutan Melintang, Perak.

Akibatnya, ombak-ombak yang dihasilkan oleh kapal-kapal telah menghakis tebing sungai dan ini sentiasa memerlukan pembaikan. Saya difahamkan kos pembaikan yang berterusan adalah lebih tinggi berbanding dengan pembinaan satu struktur tambatan banjir yang dijangka akan dapat menangani masalah ini secara lebih berkesan dan kos efektif. Sekiranya benteng Sungai Air Tawar dan benteng Sungai Mendeling ini rebak dan putus ia akan mengakibatkan banjir di kawasan PPRT Sungai Tengah Utara. Setiap kali berlaku air pasang yang besar penduduk PPRT akan terancam dan perlu berjaga-jaga kerana kemungkinan akan berlaku banjir. Ada beberapa lot tanah kerajaan dan lot kebun, kampung berhampiran yang akan turut terjejas. Saya berharap kerajaan khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan terus mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan tentang Kementerian Dalam Negeri. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan memperuntukkan sebanyak RM13.8 bilion untuk kementerian KDN. Sehubungan dengan ini saya ingin membangkitkan tentang cadangan membina ibu pejabat polis daerah IPD Sabak Bernam yang telah dipohon semenjak tahun 2007 lagi. IPD Sabak Bernam telah diwujudkan semenjak 3 April 1983 lagi. Bangunan selama 33 tahun ini sudah banyak kerosakan serta tidak sesuai dengan perkembangan perbandaran Sungai Besar dan Sabak Bernam yang pesat.

Keperluan untuk membina lokap yang baru juga adalah mendesak memandangkan kesesakan yang selalu berlaku di lokap. Kawasan pentadbiran IPD Sabak Bernam ini meliputi kawasan seluas 98,160.71 hektar dengan jumlah penduduk melebihi 131,000 orang. Saya memohon agar Kementerian Dalam Negeri (KDN) menimbalangkan dan memberikan kelulusan cadangan Ibu Pejabat Polis Sabak Bernam, kuarters pegawai dan cadangan pembinaan Pondok Polis Bagan Terap yang dianggarkan berjumlah 61 juta.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian yang telah memberikan peruntukan yang besar dan saya yakin dan mengharapkan segala perancangan dan strategi dan pelan tindak dalam Bajet 2018 ini akan dapat memenuhi hasrat dan harapan semua lapisan masyarakat dan dapat dilaksanakan dengan lancar dan amanah.

#### ■2010

Akhir kalam dipanjangkan doa kepada Allah SWT agar Malaysia aman makmur dan harmoni dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri– dan mengharapkan semoga

Allah SWT sentiasa memberkati dan merahmati Malaysia dan rakyat. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

#### **8.10 mlm.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum pembentangan Belanjawan 2018 pada 24 Oktober, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil langkah bukan sahaja untuk mempertahankan syarikat 1MDB tetapi untuk memberi pujian setinggi-tingginya kepada 1MDB yang merupakan penyelamat negara ataupun *national savior*. Yang Amat Berhormat Pekan berkata bahawa 1MDB *is on track to make a profit*. Saya tidak boleh fikir apa lagi yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan yang lebih memperbodohkan rakyat Malaysia.

Semua orang tahu 1MDB sekarang ini merupakan kerangka sahaja. Segala yang boleh digadai sudah pun dijual, yang tidak boleh dijual telah pun diserah balik kepada Kementerian Kewangan. 1MDB sekarang hanya ada seorang CEO yang bergaji besar tetapi tidak beroperasi langsung. Masih ada lagi dalam 1MDB bukannya sebarang aset tetapi hanya hutang. Hutang ini berjumlah— dan saya petik daripada kenyataan 1MDB media terkini iaitu minggu lalu adalah hanya RM32.5 bilion, hanya RM32.5 bilion Tuan Yang di-Pertua.

Angka hanya RM32.5 bilion ini adalah lebih daripada cukai pendapatan individu yang dijangka akan dikutip oleh kerajaan bagi seluruh tahun 2018. Angka ini tidak termasuk lagi hutang-hutang yang telah diserah balik kepada Kementerian Kewangan. Jika hutang-hutang ini diambil kira, jumlah hutang 1MDB yang masih kena ditanggung oleh rakyat adalah lebih berdekatan dengan RM40 bilion. Apa yang paling lawak, 1MDB tidak mampu hendak mengeluarkan laporan kewangannya sejak Mac 2014. Kalau sebuah syarikat boleh dapat untung, keluarkanlah laporan kewangan. Akan tetapi sejak tahun 2014 tidak ada laporan.

Juruaudit antarabangsa Deloitte telah meletak jawatannya dan menarik balik pengesahannya pada laporan akaun untuk tahun 2013 dan tahun 2014. Maksudnya, sejak tahun 2012 tidak ada laporan audit yang disahkan oleh mana-mana juruaudit. Sejak itu lima tahun sudah tidak ada akaun. Ini menunjukkan bahawa 1MDB merupakan syarikat kerajaan yang paling memalukan di Malaysia. Yang Amat Berhormat Pekan hendak tepuk dada kata 1MDB akan berkeuntungan tidak lama lagi. Saya hendak tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, macam mana sebuah syarikat yang tidak beroperasi di mana faedah hutangnya sahaja, faedah sahaja setiap hampir-hampir RM2 bilion boleh mencapai sebarang keuntungan. Yang Amat Berhormat Pekan memuji 1MDB kerana kononnya telah

berjaya menyelesaikan ketidakseimbangan perjanjian penjana kuasa bebas. Macam dacing yang senget sebelah, tidak seimbang.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana akhirnya mengaku bahawa konsesi-konsesi penjana kuasa bebas yang ditawarkan kepada kroni-kroni Barisan Nasional adalah amat berat sebelah. Ini memberikan keuntungan yang lumayan kepada syarikat-syarikat IPP manakala rakyat jelata dimangsakan dengan kadar tarif yang terpaksa disubsidi oleh kerajaan. Akan tetapi, apa yang sebenarnya dilakukan oleh 1MDB yang kononnya membentulkan ketidakseimbangan ini.

Tarif elektrik sejak 1MDB mengambil alih Syarikat Tanjong Power, Genting Sanyen dan Jimah pada tahun 2012 tidak pernah turun satu sen pun. Malah kos elektrik yang ditanggung oleh rakyat hanya naik sahaja. Apabila syarikat-syarikat diambil alih, perjanjian konsesi yang berat sebelah tidak distruktur semula. Sebaliknya tempoh tamat konsesi-konsesi yang berat sebelah ini dilanjutkan usianya untuk terus memberikan keuntungan besar kepada 1MDB. Apatah lagi 1MDB telah membeli IPP-IPP ini dengan harga yang terlampau tinggi. Akibatnya bukan rakyat Malaysia yang untung, yang untung besar adalah tauke besar di belakang Syarikat Tanjong Power dan Genting Sanyen.

Apabila Yang Berhormat Petaling Jaya Utara buat tuduhan begitu, beliau tidak tuduh secara liar. Beliau tuduh dengan penuh fakta. Bacalah Laporan Tahunan 2012 / 2013 Syarikat Genting Berhad. Sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Genting Berhad mengumumkan bahawa IPPnya Genting Sanyen telah dijual kepada 1MDB dengan harga RM2.3 bilion. Apa yang pentingnya Genting mengumumkan keuntungan bersih penjualan tersebut sebanyak RM1.9 bilion. Jual RM2.3 bilion, untung RM1.9 bilion. Ini menunjukkan bahawa nilai aset Genting Sanyen hanya tertinggal RM400 juta sahaja tetapi 1MDB telah membelinya dengan harga RM2.3 bilion.

Paling dahsyat sekali, seperti apa yang dilaporkan oleh *Wall Street Journal* dan Kinibiz sekurang-kurangnya RM35 juta sehingga setinggi RM190 juta telah disumbangkan oleh anak-anak Syarikat Genting kepada Yayasan Rakyat 1Malaysia. Siapa Yayasan Rakyat 1Malaysia? Dulu kita ingat yayasan ini yayasan kerajaan tetapi bukan. Rupanya Genting hanya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana Yayasan Rakyat 1Malaysia bukannya sebuah yayasan kerajaan tetapi sebuah syarikat persendirian berhad yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sendiri. Saya rasa sumbangan terima kasih ini bukan rasuah lah. Ini hanya merupakan derma ikhlas daripada Syarikat Genting yang mencatatkan keuntungan luar biasa terima kasih kepada 1MDB. Bukti 1MDB telah mengalami kerugian besar daripada sektor tenaga ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat,  
*this is sub judice ruling on 1MDB.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tidak ada *sub judice* tentang pembelian tenaga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Wait, wait. The sub judice ruling on 1MDB, RM2.6 billion and DOJ still apply* Yang Berhormat. So...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang US itu, saya tidak sentuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Termasuk 1MDB, soalan-soalan 1MDB tidak dimasukkan dalam soalan Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ada soalan 1MDB yang dijawab. Ada yang *sub judice*, ada yang bukan. Saya sentuh yang bukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, terima kasih. *Thank you.* Bukti 1MDB mengalami kerugian besar dalam sektor tenaga ini adalah amat jelas dan ketara. 1MDB telah membeli syarikat-syarikat IPP dengan harga RM12.1 bilion yang diperoleh daripada pinjaman yang kini dijamin oleh Kementerian Kewangan. Akan tetapi apabila 1MDB terpaksa menjual kesemua syarikat ini, pulangan yang berjaya diperoleh adalah hanya RM9.8 bilion. 1MDB mencatatkan kerugian sebanyak RM2.3 bilion.

Kerugian besar ini dicatat walaupun kerajaan telah pun menawarkan pelbagai konsesi IPP baru kepada 1MDB tanpa sebarang tender terbuka dan melanjutkan tempoh matang konsesi-konsesinya yang sedia ada. Walaupun begitu, 1MDB masih tidak malu, *shameless* berpegang kepada pandangan bahawa transaksi jual beli syarikat IPPnya telah mencatat pencapaian *break even*. 1MDB menyatakan bahawa syarikat IPPnya telah menerbitkan dividen sebanyak RM2.1 bilion kepada 1MDB. Maksudnya kalau dividen ini diambil kira, 1MDB mencatat lebih kurang *break even*, itu jawapan daripada 1MDB.

Akan tetapi CEO 1MDB, Arul Kanda sendiri telah mengaku dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau PAC bahawa 1MDB juga kena bayar faedah sebanyak lebih kurang RM3.5 bilion untuk pinjaman yang diperoleh oleh 1MDB untuk menampung kos pembelian IPP. Kalau 1MDB hendak ambil kira dividen dalam pengiraan untung rugi, tentulah 1MDB juga kena mengambil kira faedah yang terpaksa dibayar.

## ■2020

Kalau faedah yang diambil kira kerugian lebih besar lagi. Mana ada CEO separuh masa di dunia ini yang hanya mengambil kira pulangan dividen tetapi berpura-pura tidak perlu bayar faedah apatah lagi kita telah mendapat angin bahawa Arul Kanda ini berkemungkinan dilantik sebagai CEO Khazanah Nasional tidak lama lagi. Mampus Khazanah. Yang paling hebat saya telah membuat kerja rumah dan menyelidik laporan kewangan, anak-anak syarikat, sektor tenaga 1MDB. Tidak ada satu tahun pun mereka menerbitkan dividen kepada ibu syarikat 1MDB. Ini bermaksud 1MDB ini telah membuat pembohongan secara terbuka. *It is Brazen lies by 1MDB and Arul Kanda.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Pekan juga memuji 1MDB kerana ia telah menyumbang sebanyak RM690 juta untuk memberi biasiswa kepada anak muda yang menaja bilal masjid untuk mengerjakan haji dan umrah kepada imam, penghulu dan ketua-ketua kampung. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Pekan tidak bagi cerita yang penuh. Yang Amat Berhormat Pekan tidak menjelaskan bahawa sumbangan RM690 juta tersebut bukan datangnya daripada keuntungan 1MDB tetapi dibiayai dengan pinjaman berbilion-bilion ringgit yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Akhirnya kalau 1MDB tidak mampu membayar balik hutang seperti sekarang, Kementerian Kewangan akan terpaksa menampung hutang-hutang ini. Maksudnya segala CSR yang dikatakan dibiayai oleh 1MDB sebenarnya dibiayai dengan cukai rakyat Malaysia. Bukan dengan keuntungan 1MDB. Saya juga berasa pelik Yang Amat Berhormat mengheboh-hebohkan sumbangan CSR 1MDB sebanyak RM690 juta ini tetapi lupa menyebut USD732 juta ataupun lebih kurang RM3 bilion yang masuk ke dalam akaun peribadinya sendiri dalam akaun bank yang bernombor 2112022009694 perkara ini tidak sekalipun dinafikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sejak butiran dibongkar oleh Jabatan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, itu termasuk dalam subjudis Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, saya teruskan. Cepat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *You have to abide by the ruling of the Speaker, Yang Berhormat. Just I keep reminding you.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya merasa agak amat kecewa. Apabila agama diguna pakai untuk *white wash* tindakan, penyelewengan, salah guna kuasa, hendak tutup rasuah dan penyelewengan maka diberikan CSR umrah! Amat memalukan!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya setuju. Ini adalah sebabnya AmBank telah dikenakan penalti sebanyak RM53.4 juta kerana mereka gagal menjalankan tugas pemantauan mereka di bawah undang-undang mengawal pengubahan wang haram ataupun dengan izin *money laundering* di Malaysia. Ini dalam jawapan yang diberi oleh Bank Negara kepada Ketua Pembangkang. Yang anehnya hanya bank yang dikenakan penalti tetapi yang jelas bersalah dalam pengubahan wang haram tidak dikenakan sebarang tindakan. *Has the bank been punished for a crime without a criminal?* Bank dikenakan penalti sebab membantu proses-proses kewangan *money transfer* yang tidak sah tetapi yang *transfer money* yang tidak sah itu tidak dikenakan siasatan ataupun tindakan. Macam mana ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh alih tajuk Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hanya minta supaya Bank Negara kena siasat. Kena siasat. Tidak akan bank buat salah bantu pihak yang buat transfer wang itu bersalah tetapi yang transfer wang itu tidak kena apa-apa. *A crime without a criminal and the bank is punished.* Inilah sebabnya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh alih tajuk 1MDB ini Yang Berhormat. Fasal ia *borderline*. *I have to* - saya terpaksa ikut arahan petua yang dibuat oleh Speaker, Yang Berhormat. Kalau tak, saya melanggar petua Speaker. Kita sebagai Ahli di sini kena patuh kepada petua.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Bank Negara surat kepada ketua Pembangkang. Ini lah sebabnya – saya tak langgar petua Speaker sebab apa yang saya sebut semua ini adalah tanggungjawab Bank Negara Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini bukan soal tanggungjawab. Ia soal ada petua Speaker *on the issue*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *On the issue but on the responsibility. I'm speaking on the responsibility of Bank Negara Malaysia.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *there is very thin borderline*. Ya, dia ada *thin borderline*. Ya saya tahu. You can speak outside the Dewan on that matter but di dalam Dewan saya kena abide by the ruling of the Speaker.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tidak sebut butiran-butiran tersebut. Saya hanya minta Bank Negara siasat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *borderline* yang terlalu nipis, tipis. Susah kita nak – you kata tak masuk, saya kata masuk. Susah. Sebab itu soalan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, subjudis berhubung dengan perbicaraan. Ini tidak ada perbicaraan. *It's got nothing to do with the trial.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia ada *ruling*, ada *ruling on issues 1MDB, RM2.6 billion, DOJ* ada *ruling Speaker. You like it or not.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Ya, but it's got nothing to do with the trial.* Itu *something* yang dibuat oleh Bank Negara. Itu pertikaian *but nothing* yang dibuat oleh Bank Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu pertikaian. Itu pertikaian Yang Berhormat. Saya kena patuh dengan ruling, ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada keraguan dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua. Jelas Bank Negara dah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak. Kita kena patuh petua yang dibuat oleh Speaker. *You like it or not*, itu petua Speaker.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya telah menerima jawapan daripada Menteri...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Keputusan, keputusan Speaker muktamad.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu, terima kasih Yang Berhormat Setiu, terima kasih Yang Berhormat Setiu!

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Keputusan Speaker muktamad! Keputusan Speaker muktamad!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Duduk Yang Berhormat Setiu!

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Keputusan Speaker muktamad!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Duduk Yang Berhormat Setiu!

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa lah!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Apa lah!

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Keputusan Speaker muktamad!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa Yang Berhormat Setiu takut sangat? Takut sangat kah dengan 1MDB ini. Macam mana kamu boleh pertahankan 1MDB ini? Awak hendak kah Arul Kanda menjadi CEO Khazanah? Teruk betul! Barua!

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tengok lah keputusan. *Point of order. Point of order 43.* Buat usul lah. Undang-undang ada. Boleh buat usul. Keputusan muktamad. Jangan jadi bodoh lah! Ini Dewan. Ikut peraturan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Boleh alih tajuk Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya menerima jawapan daripada Kementerian Kewangan mengenai Pelan Rasionalisasi 1MDB. Jadi saya sentuh tentang jawapan yang baru saya terima hari ini. Hari ini saya terima okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** 1MDB juga mempertahankan kenyataan bahawa 1MDB akan mencapai keuntungan melalui Pelan Rasionalisasi. 1MDB juga menyebut bahawa ia akan menerima bayaran kepada Kementerian Kewangan melalui hartaanah yang telah diserah balik kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia terkejut dengan kenyataan 1MDB. Rakyat masih ingat 1MDB telah mengumumkan kejayaan menjual 60 peratus daripada Bandar Malaysia dengan harga RM7.41 bilion. Wang sebanyak RM741 juta ini telah dibayar kepada 1MDB sebagai deposit. Akan tetapi pembelian ini terpaksa dibatalkan tahun ini sebab Kementerian Kewangan berkata bahawa konsortium pembeli Iskandar Waterfront berkali-kali gagal membuat bayaran mengikut jadual yang ditetapkan. Bukan sahaja Bandar Malaysia telah diserah balik kepada Kementerian Kewangan, Arul Kanda pun sudah disingkir sebagai Pengerusi Syarikat Bandar Malaysia. *[Disampuk]* Okey.

Masalahnya macam ini. Syarikat Iskandar Waterfront bayar deposit RM741 juta kepada 1MDB. Kontrak dibatalkan. Deposit dipulangkan tetapi yang pulangkan deposit ini bukan 1MDB. Yang pulangkan deposit ini Kementerian Kewangan. *[Disampuk]* Lepas itu 1MDB kata Bandar Malaysia sudah diserahkan kepada Kementerian Kewangan tetapi dia tidak kata hutang Bandar Malaysia sebanyak RM2.4 bilion juga sama sekali diserahkan kepada Kementerian Kewangan.

Ketua Audit Negara dalam Laporan PAC telah menyebut bahawa RM2.4 bilion yang diambil oleh 1MDB ini tidak digunakan untuk membangun Bandar Malaysia. Kenapa Kementerian Kewangan terpaksa mengambil alih hutang RM2.4 bilion ini? Kita terkejut sekarang bila 1MDB sebut walaupun tanah ini telah pun diserahkan balik kepada Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan akan satu hari nanti kena bayar balik kepada 1MDB lagi. Kita bayar bagi deposit, kita bayar lagi hutang RM2.4 bilion, kita kena bayar balik lagi untuk tanah yang kita sebenarnya jual kepada 1MDB.

Apa ini? Bila kita lihat penyelesaian antara 1MDB dengan syarikat IPIC. Ini penyelesaian sudah habis kes. Okey. Yang diumumkan di mana 1MDB membayar RM2.5 bilion pada bulan Ogos kepada syarikat IPIC. RM2.5 bilion lagi bulan Disember. Kita hendak tanya. Saya tanya dalam Parlimen siapa yang bayar RM2.5 bilion ini? Adakah 1MDB yang bayar ataupun Kementerian Kewangan membantu 1MDB bayar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soalan itu ditolakkan Yang Berhormat?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Soalan ini ditolak. Saya hendak tanya kenapa soalan ini ditolak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebab itu saya katakan jangan bawa dalam perbahasan, Yang Berhormat. Soalan itu telah ditolak oleh Speaker, Yang Berhormat tak payah bawa ke dalam perbahasan Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sebab kita nak tahu Kementerian Kewangan ada keluar wang untuk tolong 1MDB tak?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Usul persendirian!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tidak tanya tentang 1MDB. Saya tanya Kementerian Kewangan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Adakah Kementerian Kewangan bayar hutang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soalan itu telah ditolak Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kita bahas bajet. Kalau bajet kita kena tahu Kementerian Kewangan macam mana gunakan wang rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, masa sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Peraturan juga kena tahu. Peraturan. Peraturan pun tidak tahu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini kita kena tahu kenapa soalan ditolak? Sebab adalah benar. Saya desak di sini adalah benar Kementerian Kewangan keluarkan RM2.5 bilion untuk bantu 1MDB bayar kepada IPIC. Itu sebabnya soalan ditolak. Itu sebabnya institusi Parlimen ini dihina.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Tim Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak sebutkan di sini. Gulung satu *paragraph*. Gulung. *[Disampuk]* Saya berasa kesal. Kelakuan pihak pemerintah institusi-institusi negara yang diamanahkan untuk mempertahankan negara termasuk Parlimen, Peguam Negara, Jemaah Menteri, Polis dan SPRM kini jelas menjadi alat-alat untuk melindungi dan menyelamatkan pencuri, penyamun dan perompak di negara kita. Tiada malu dengan orang luar di sana!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Berucap dalam bahasa Arab]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mempertahan perompak dan pencuri baca dulu. Baca dulu. Ada bukti lah. Tak ada bukti diamlah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang ada bukti pun dituduh, kalau tak ada bukti jangan cakap lah.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 31 Oktober 2017.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.31 malam]*